



# RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020

PERTUMBUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT





ISBN 978-9675842078



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah,  
Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Blok B5 & B6,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Putrajaya.  
MALAYSIA.

<http://www.epu.gov.my>  
emel: [epu@epu.gov.my](mailto:epu@epu.gov.my)

Tel.: 603-8000 8000  
Faks: 603-8888 3755

Dikeluarkan 21 Mei 2015  
Cetakan semula pada 29 Mei 2015

Hakcipta Pencetak®

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau desimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.



Dicetak oleh  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,  
Kuala Lumpur, 2015  
[www.printnasiona.com.my](http://www.printnasiona.com.my)  
emel: [cservice@printnasiona.com.my](mailto:cservice@printnasiona.com.my)  
Tel: 03-92366895 Faks: 03-92224773

# **RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020**

**PERTUMBUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT**



# Prakata



A handwritten signature in black ink, consisting of several fluid, connected strokes. The signature is positioned above a solid horizontal line.

**Dato' Sri Mohd Najib bin  
Tun Haji Abdul Razak**  
**Perdana Menteri, Malaysia**

**Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11)** adalah rancangan pembangunan yang penting dalam sejarah Malaysia. Memandangkan negara hanya mempunyai lima tahun sebelum mencapai tahun 2020, RMKe-11 adalah langkah kritikal dalam perjalanan kita menjadi negara maju yang inklusif dan mampan.

Dalam tempoh lima tahun yang lalu, ekonomi Malaysia telah mencapai prestasi yang sangat cemerlang. Walaupun negara menghadapi pelbagai cabaran akibat kelembapan ekonomi global, Malaysia berada dalam kalangan negara yang mencatat kadar pertumbuhan KDNK tertinggi di rantau ini. Kualiti hidup rakyat juga telah bertambah baik berikutan peningkatan pendapatan per kapita dan pendapatan purata isi rumah. Penambahbaikan ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif pemantapan ekonomi dan tadbir urus yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Antara inisiatif utama ialah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang disokong oleh Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Dalam usaha melangkah ke hadapan, kita perlu mengharungi persekitaran global yang lebih mencabar. Kita menjangkakan ekonomi global yang kurang stabil dan tidak menentu akibat kejatuhan harga minyak, naik turun nilai mata wang serta risiko geopolitik. Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan dan memastikan rakyat terus menikmati kemakmuran, kita perlu mara ke hadapan dengan keazaman yang lebih tinggi dan mengambil langkah berani demi manfaat rakyat dalam jangka masa panjang.

RMKe-11 yang berasaskan Strategi Pembangunan Nasional Malaysia (MyNDS) akan memberikan tumpuan terhadap penyampaian outcome berimpak tinggi yang cepat kepada ekonomi modal (*capital economy*) dan ekonomi rakyat (*people economy*) dengan kos berpatutan. RMKe-11 akan memberikan lebih tumpuan kepada ekonomi rakyat, iaitu rakyat akan menjadi tunjang dan keutamaan dalam semua usaha pembangunan negara.


Produktiviti dan inovasi akan menjadi tonggak utama dalam RMKe-11. Walaupun produktiviti dan inovasi diberikan penekanan dalam rancangan pembangunan yang lalu, namun kita belum mencapai hasil yang dihasratkan. Oleh yang demikian, RMKe-11 akan membuat perubahan ketara ke arah mencapai matlamat peningkatan produktiviti dan inovasi – menggariskan strategi dan program khusus berteraskan keberhasilan bagi meningkatkan produktiviti dan menjana kekayaan melalui inovasi. Lonjakan produktiviti dan inovasi ini akan menjadi asas kukuh kepada pembangunan ekonomi yang mampan, menjana peluang baharu dalam ekonomi dan memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat yang berterusan.

Sokongan, komitmen serta dedikasi setiap rakyat Malaysia adalah sangat penting bagi memastikan kejayaan RMKe-11 dan pencapaian aspirasi menjadi negara maju yang inklusif dan mampan menjelang tahun 2020. Saya percaya bahawa kegemilangan negara kita bergantung kepada semangat kental, perkongsian nilai dan impian serta bakat besar rakyat Malaysia. Saya menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama mengorak langkah dalam pusingan akhir perjalanan kita ke arah menjadi negara maju.

**1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**



# Isi Kandungan




Rancangan  
Malaysia Kesebelas:  
Pertumbuhan  
berpaksikan rakyat



Memperkuh daya  
tahan ekonomi  
makro untuk  
pertumbuhan  
maman



Memperkuh  
inklusiviti ke arah  
masyarakat  
yang saksama



Meningkatkan  
kesejahteraan  
rakyat



Meningkatkan  
pembangunan  
modal insan untuk  
negara maju

---

ENAM




6

**Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan**




7

**Memperkuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi**



8

**Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran**



9

**Mentransformasi perkhidmatan awam untuk produktiviti**



10

**Malaysia pasca 2020**

TERAS  
STRATEGIK

---

# Isi Kandungan

## Bab 1

Rancangan Malaysia Kesebelas: Pertumbuhan berpaksikan rakyat

<b>Pertumbuhan berpaksikan rakyat</b>	<b>1-1</b>
<b>Mengimbas pencapaian</b>	<b>1-3</b>
<b>Lima tahun akan datang</b>	<b>1-6</b>
<b>Cabaran dan peluang</b>	<b>1-7</b>
<b>Perspektif ekonomi makro</b>	<b>1-7</b>
<b>Enam teras strategik dan enam pemacu perubahan</b>	<b>1-8</b>
<b>Mentransformasi perkhidmatan awam untuk produktiviti</b>	<b>1-17</b>
<b>Malaysia pasca 2020</b>	<b>1-17</b>
<b>Kesimpulan</b>	<b>1-18</b>

## Bab 2

Memperkukuh daya tahan ekonomi makro untuk pertumbuhan mampan

<b>Gambaran keseluruhan</b>	<b>2-1</b>
<b>Sorotan</b>	
<b>Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian</b>	<b>2-3</b>
<b>Mengimbas pencapaian</b>	
<b>Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan</b>	<b>2-5</b>
■ Persekitaran luar negara	
■ Ekonomi dalam negeri	
■ Isu dan cabaran	
<b>Ringkasan strategi ekonomi makro</b>	
<b>Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020</b>	<b>2-13</b>
<b>Prospek ekonomi makro</b>	
<b>Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020</b>	<b>2-15</b>
■ Persekitaran luar negara	
■ Matlamat pelbagai dimensi	
■ Strategi ekonomi makro untuk memperkukuh asas ekonomi	
■ Ekonomi dalam negeri	
<b>Kesimpulan</b>	<b>2-26</b>



## Bab 3

Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama

<b>Gambaran keseluruhan</b>	<b>3-1</b>
<b>Sorotan</b>	
<b>Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian</b>	<b>3-3</b>
<b>Mengimbas pencapaian</b>	
<b>Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan</b>	<b>3-5</b>
■ Meningkatkan taraf hidup isi rumah B40	
■ Membina masyarakat yang progresif dan lebih inklusif	
■ Memastikan akses kepada infrastruktur dan perkhidmatan asas	
■ Menggalakkan koridor sebagai penjana pertumbuhan	
■ Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi	
<b>Ringkasan bidang fokus</b>	
<b>Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020</b>	<b>3-13</b>
<b>Hala tuju</b>	
<b>Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020</b>	<b>3-15</b>
Bidang fokus A	
Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah	
Bidang fokus B	
Memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera	
Bidang fokus C	
Mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat	
Bidang fokus D	
Mempercepat pertumbuhan wilayah ke arah keseimbangan geografi yang lebih baik	
Bidang fokus E	
Memperkukuh peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk meningkatkan pemilikan kekayaan	
<b>Kesimpulan</b>	<b>3-36</b>



## Bab 4

### Meningkatkan kesejahteraan rakyat

**Gambaran keseluruhan** 4-1

#### Sorotan

**Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015:  
Pencapaian** 4-3

#### Mengimbas pencapaian

**Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015:  
Kemajuan** 4-5

- Menambah baik akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti
- Memastikan akses kepada perumahan mampu milik dan berkualiti
- Menjadikan jalanan lebih selamat dan masyarakat lebih tenteram
- Meningkatkan kesepaduan sosial dan perpaduan nasional
- Memupuk budaya sukan dan membangunkan bakat untuk meningkatkan kesejahteraan

#### Ringkasan bidang fokus

**Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020** 4-11

#### Hala tuju

**Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020** 4-13

Bidang fokus A

Mencapai akses sejagat kepada penjagaan kesihatan berkualiti

Bidang fokus B

Menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi dan berkualiti kepada isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana

Bidang fokus C

Mewujudkan persekitaran hidup lebih selamat untuk masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera

Bidang fokus D

Meningkatkan keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan untuk mengurangkan fataliti

Bidang fokus E

Membudayakan semangat 1Malaysia untuk memperkukuh kesepaduan sosial dan perpaduan nasional

Bidang fokus F

Menggiatkan sukan untuk kehidupan yang sihat dan memupuk perpaduan

**Kesimpulan** 4-28



## Bab 5

### Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju

**Gambaran keseluruhan** 5-1

#### Sorotan

**Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015:  
Pencapaian** 5-3

#### Mengimbas pencapaian

**Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015:  
Kemajuan** 5-5

- Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan mengekalkan guna tenaga penuh
- Penambahbaikan perundangan dan institusi bagi mentransformasi pasaran buruh
- Pengarusperdanaan dan peluasan akses kepada program TVET yang berkualiti
- Peningkatan kemahiran tenaga kerja melalui pembelajaran sepanjang hayat
- Penambahbaikan penyampaian pendidikan melalui peningkatan akses dan pendidikan berkualiti

#### Ringkasan bidang fokus

**Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020** 5-15

#### Hala tuju

**Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020** 5-17

Bidang fokus A

Menambah baik kecekapan pasaran buruh bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi

Bidang fokus B

Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri

Bidang fokus C

Memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran

Bidang fokus D

Menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi

**Kesimpulan** 5-34



## Bab 6

### Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan

**Gambaran keseluruhan** 6-1

#### Sorotan

**Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian** 6-3

**Mengimbas pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan** 6-5

- Mitigasi perubahan iklim: pengurangan jejak karbon Malaysia
- Adaptasi perubahan iklim: melindungi negara daripada impak perubahan iklim
- Mempertingkatkan pemuliharaan aset ekologi negara

**Ringkasan bidang fokus Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020** 6-9

**Hala tuju Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020** 6-11

Bidang fokus A  
Memperkuh persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau

Bidang fokus B  
Mengguna pakai konsep penggunaan dan pengeluaran mampan

Bidang fokus C  
Memulihara sumber asli untuk generasi masa kini dan masa hadapan

Bidang fokus D  
Memperkuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam

**Kesimpulan** 6-32



## Bab 7

### Memperkuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi

**Gambaran keseluruhan** 7-1

#### Sorotan

**Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian** 7-3

## Mengimbas pencapaian

**Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan** 7-5

- Menaik taraf infrastruktur fizikal untuk meningkatkan akses dan ketersambungan
- Membangunkan sistem pengangkutan awam yang mengutamakan rakyat
- Menjana pertumbuhan logistik dan fasilitasi perdagangan
- Meningkatkan liputan jalur lebar dan memulakan migrasi kepada Televisyen Terrestrial Digital
- Meneruskan usaha penstrukturan semula industri perkhidmatan air
- Memastikan penyumberan dan penyaluran tenaga yang efektif

## Ringkasan bidang fokus

**Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020** 7-13

### Hala tuju

**Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020** 7-15

Bidang fokus A  
Membangunkan sistem pengangkutan bersepadu berdasarkan keperluan

Bidang fokus B  
Meningkatkan pertumbuhan logistik dan fasilitasi perdagangan

Bidang fokus C  
Menambah baik liputan dan kualiti serta kemampuan langganan infrastruktur digital

Bidang fokus D  
Meneruskan peralihan kepada rangka kerja baharu industri perkhidmatan air

Bidang fokus E  
Menggalakkan penggunaan tenaga secara mampan untuk menyokong pertumbuhan

**Kesimpulan** 7-42



## Bab 8

### Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

**Gambaran keseluruhan** 8-1

#### Sorotan

**Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian** 8-3

<b>Mengimbas pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan</b>	<b>8-5</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Outcome sektor</li> <li>■ Liberalisasi dan pemantapan kawal selia</li> <li>■ Inovasi</li> <li>■ Pembangunan koridor ekonomi wilayah</li> </ul>	
<b>Ringkasan bidang fokus Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020</b>	<b>8-13</b>
<b>Hala tuju Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020</b>	<b>8-15</b>
Bidang fokus A Mentransformasikan sektor perkhidmatan	
Bidang fokus B Memperkukuh sektor pembuatan	
Bidang fokus C Memodenkan sektor pertanian	
Bidang fokus D Mentransformasikan sektor pembinaan	
Bidang fokus E Membangunkan PKS yang dinamik	
Bidang fokus F Menjana kekayaan melalui inovasi	
Bidang fokus G Meningkatkan daya saing bandar dan pembangunan koridor ekonomi wilayah	
<b>Kesimpulan</b>	<b>8-44</b>
<b>Bab 9</b> Mentransformasi perkhidmatan awam untuk produktiviti	
<b>Gambaran keseluruhan</b>	<b>9-1</b>
<b>Sorotan</b> <b>Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian</b>	<b>9-3</b>
<b>Mengimbas pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan</b>	<b>9-5</b>
<b>Ringkasan bidang fokus</b>	

<b>Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020</b>	<b>9-9</b>
<b>Hala tuju Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020</b>	<b>9-11</b>
Bidang fokus A Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat	
Bidang fokus B Merasionalisasikan institusi sektor awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi	
Bidang fokus C Memperkukuh pengurusan bakat untuk perkhidmatan awam masa hadapan	
Bidang fokus D Mempertingkatkan pengurusan projek untuk menghasilkan outcome yang lebih baik dan cepat	
Bidang fokus E Memanfaatkan pihak berkuasa tempatan bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti pada peringkat tempatan	
<b>Kesimpulan</b>	<b>9-28</b>
<b>Bab 10</b> Malaysia pasca 2020	
<b>Gambaran keseluruhan</b>	<b>10-1</b>
<b>Profil Malaysia pasca 2020</b>	<b>10-3</b>
<b>Aspirasi Malaysia pasca 2020</b>	<b>10-5</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Rakyat</li> <li>■ Ekonomi</li> <li>■ Alam Sekitar</li> </ul>	
<b>Kesimpulan</b>	<b>10-13</b>
<b>Lampiran</b>	
<b>Jadual dan paparan</b>	<b>A-1</b>
<b>Glosari</b>	<b>A-19</b>
<b>Bab dan Kertas Strategi</b>	<b>A-29</b>
<b>Keterangan bagi ikon pada muka hadapan</b>	<b>A-30</b>
<b>Indeks</b>	<b>A-31</b>





# Rancangan Malaysia Kesebelas: Pertumbuhan berpaksikan rakyat

**Pertumbuhan  
berpaksikan rakyat**

**Mengimbas pencapaian**

**Lima tahun akan datang**

**Cabaran dan peluang**

**Perspektif ekonomi  
makro**

**Enam teras strategik dan  
enam pemacu perubahan**

**Mentransformasi  
perkhidmatan awam  
untuk produktiviti**

**Malaysia pasca 2020**

**Kesimpulan**





# Pertumbuhan berpaksikan rakyat

**Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)**, 2016-2020 merupakan rancangan pembangunan lima tahun terakhir ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Wawasan 2020 yang dilancarkan pada tahun 1991 menggariskan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek, iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya menjelang tahun 2020. Susulan daripada pencapaian pembangunan yang cemerlang dalam tempoh separuh dekad yang lalu, RMKe-11 mengukuhkan lagi komitmen Kerajaan untuk mencapai pertumbuhan yang bermatlamatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. RMKe-11 berteraskan prinsip “Bangsa Malaysia” yang progresif dan bersatu serta berkongsi cita-cita dan komitmen yang sama dalam meningkatkan lagi kemakmuran negara untuk rakyat.

Penyediaan RMKe-11 adalah berpandukan Strategi Pembangunan Nasional Malaysia (MyNDS) yang memberikan tumpuan kepada pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan ekonomi berasaskan modal dengan pelaksanaan program dan projek yang berimpak tinggi, boleh dilaksanakan dengan pantas serta kos yang rendah kepada Kerajaan. Ekonomi berasaskan modal merujuk kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), perniagaan besar, projek pelaburan besar dan pasaran kewangan, manakala ekonomi berteraskan rakyat lebih menumpukan kepada kepentingan rakyat, termasuk peluang pekerjaan, perniagaan kecil, kos sara hidup, kesejahteraan keluarga, dan penyertaan masyarakat.

Sehubungan ini, RMKe-11 merupakan satu pelan strategik yang melakar perjalanan pembangunan masa hadapan Malaysia yang selaras dengan impian rakyat dan dapat menikmati hasil pembangunan yang sepatutnya. Pelan yang bertemakan “pertumbuhan berpaksikan rakyat” ini merupakan satu pelan strategik yang menggariskan komitmen Kerajaan untuk memenuhi aspirasi rakyat. RMKe-11 mengandungi enam teras strategik dan enam pemacu perubahan yang akan melaksanakan usaha untuk merealisasikan matlamat Malaysia menjadi negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020.



# Mengimbas Pencapaian

ANTARA  
NEGARA YANG  
**TERBAIK**

KDNK  
benar  
**6.2%**  
setahun

Dalam tempoh lima dekad yang lalu, Malaysia berjaya menjadi antara negara yang terbaik di Asia dalam pencapaian pertumbuhan ekonomi walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan kejutan ekonomi. Pertumbuhan KDNK benar adalah stabil pada kadar 6.2% setahun sejak tahun 1970. Malaysia berjaya mentransformasi struktur ekonomi daripada ekonomi berasaskan pertanian dalam dekad 1970-an kepada ekonomi berasaskan pembuatan pada pertengahan dekad 1980-an dan kepada perkhidmatan moden dalam dekad 1990-an. Malaysia membangun daripada ekonomi berpendapatan rendah dalam dekad 1970-an kepada ekonomi berpendapatan sederhana tinggi mulai tahun 1992 dan kekal sehingga kini.

# 25X

peningkatan  
pendapatan per  
kapita




Pendapatan per kapita nasional meningkat lebih 25 kali daripada AS\$402 pada tahun 1970 kepada AS\$10,796 pada tahun 2014.

Pencapaian ini menunjukkan Malaysia berada pada landasan yang betul untuk melepasi paras pendapatan minimum ekonomi berpendapatan tinggi, iaitu AS\$15,000 menjelang tahun 2020.

# MALAYSIA





Kadar kemiskinan telah berkurang daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 0.6% pada tahun 2014 manakala kemiskinan tegar telah berjaya dibasmi.

Pendapatan bulanan isi rumah



Pendapatan bulanan purata isi rumah meningkat lebih 20 kali daripada RM264 pada tahun 1970 kepada RM6,141 pada tahun 2014. Dalam tempoh yang sama, pendapatan penengah meningkat daripada RM166 kepada RM4,585. Jurang pendapatan juga semakin mengecil seperti yang ditunjukkan oleh pekali Gini daripada 0.513 pada tahun 1970 kepada 0.401 pada tahun 2014.



Rakyat Malaysia juga mempunyai jangka hayat yang lebih panjang. Kadar jangka hayat meningkat kepada 75 tahun, iaitu peningkatan lebih daripada 10 tahun. Tahap pendidikan rakyat Malaysia juga bertambah baik. Sebanyak 27% daripada tenaga buruh mempunyai pendidikan tertiar, iaitu meningkat empat kali berbanding pada tahun 1980. Mobiliti rakyat telah meningkat dengan ketara berikutan ketersambungan yang lebih baik melalui perluasan rangkaian jalan raya, rel dan udara.




**ke-12**

Malaysia boleh berbangga kerana menjadi negara ke-12 paling berdaya saing daripada 60 negara dalam *World Competitiveness Yearbook 2014*, *International Institute for Management Development*.

**ke-20**

kedudukan ke-20 daripada 144 negara dalam *Global Competitiveness Report 2014-2015*, *World Economic Forum*; dan ke-18 daripada 189 negara dalam *Doing Business Report 2015*, *World Bank*.



Semua lapisan rakyat tanpa mengira etnik dan lokasi menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Pada tahun 2014, sebanyak 76.1% daripada isi rumah dan 75.3% daripada isi rumah miskin memiliki kediaman sendiri.

**95.1%**

daripada penduduk mendapat akses kepada air yang boleh diminum


**97.6%**

mendapat bekalan elektrik



**20**  
TERATAS

Berdasarkan *Economist Intelligence Unit's 2014 Business Environment Rankings*, Malaysia merupakan negara 20 teratas sebagai destinasi yang mesra pelabur.



Kejayaan ini dicapai hasil daripada falsafah pembangunan Malaysia yang menjadikan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat sebagai matlamat utama pertumbuhan ekonomi. Komitmen ini dapat dilihat dalam pelaksanaan dasar pembangunan seperti yang berikut:

### Dasar Ekonomi Baru

1971-1990

**Dasar Ekonomi Baru, 1971-1990** memberikan tumpuan kepada pembasmian kemiskinan tanpa mengira etnik dan penghapusan pengenalan etnik mengikut fungsi ekonomi.

### Dasar Pembangunan Nasional

1991-2000

**Dasar Pembangunan Nasional, 1991-2000** memberikan tumpuan kepada pencapaian pembangunan yang seimbang antara sektor utama ekonomi dan wilayah serta mengurangkan jurang sosioekonomi antara masyarakat.

### Dasar Wawasan Negara

2001-2010

**Dasar Wawasan Negara, 2001-2010** menumpukan kepada pembinaan keutuhan dan daya saing negara.

### Dasar Transformasi Negara

2011-2020

**Dasar Transformasi Negara, 2011-2020**, mengekalkan tumpuan berpaksikan rakyat melalui Model Baru Ekonomi. Model ini menetapkan matlamat untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi yang inklusif serta mampan.

Agenda transformasi ini disokong oleh Program Transformasi Ekonomi yang menumpukan kepada 12 bidang ekonomi yang sangat penting untuk pertumbuhan negara secara berterusan. Program Transformasi Kerajaan pula memberikan penekanan kepada bidang yang menjadi keutamaan rakyat. Kerajaan juga telah memperkenalkan MyNDS bagi memperkukuh pelaksanaan pembangunan.



# Lima tahun akan datang

RMKe-11 dirangka dengan memberikan keutamaan kepada rakyat dalam semua usaha pembangunan. Ekonomi berteraskan rakyat akan diberikan keutamaan. Pendekatan ini mengukuhkan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup, martabat dan potensi rakyat untuk memanfaatkan pembangunan dan kemajuan ekonomi. Selaras dengan matlamat mencapai status negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020, semua lapisan masyarakat perlu mendapat faedah daripada kemakmuran ekonomi negara. Sehubungan itu, buat pertama kali sasaran pertumbuhan negara bukan sahaja akan diukur berdasarkan pertumbuhan KDNK dan pendapatan per kapita, tetapi juga mengambil kira pendapatan isi rumah dan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia. Usaha ini bertujuan untuk menilai impak pertumbuhan ekonomi terhadap kesejahteraan rakyat.


## Purata pendapatan nasional

Malaysia berhasrat mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 dengan pendapatan per kapita nasional

MELEBIHI

**AS\$15,000**

Walaupun tidak semua rakyat akan memperoleh tahap pendapatan per kapita sebanyak AS\$15,000, semua lapisan masyarakat dijangka memperoleh peningkatan pendapatan dan tahap kesejahteraan tanpa mengira lokasi, etnik dan kategori pendapatan.



## Cabaran dan peluang

Dalam tempoh RMKe-11, pembangunan ekonomi dijangka lebih mencabar berikutan ketidaktentuan ekonomi global yang berterusan. Ketidaktentuan ini terutamanya disebabkan oleh jangkakan harga minyak mentah dan komoditi utama lain yang rendah, dan risiko kelembapan ekonomi negara rakan dagang utama. Pada peringkat domestik, usaha yang lebih bersepadu perlu diambil untuk melonjakkan produktiviti bagi memacu pertumbuhan ekonomi, mengukuhkan kedudukan fiskal di samping memastikan peruntukan Kerajaan yang mencukupi untuk terus menyokong perkembangan ekonomi. Usaha juga akan diambil untuk meningkatkan pendapatan purata dan peratusan pendapatan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) bagi mencapai matlamat inklusif sepenuhnya.

Dalam tempoh RMKe-11, peluang baharu untuk melonjakkan pertumbuhan perdagangan dan pelaburan akan terbuka terutamanya dengan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang menjadi pasaran tunggal yang mempunyai lebih daripada 600 juta pengguna. Pada peringkat domestik, Malaysia mempunyai penduduk berumur muda yang semakin meningkat, dengan umur penengah lebih kurang 30 tahun serta penduduk dalam kumpulan bekerja yang merupakan 70% daripada jumlah penduduk. Kelebihan demografi ini akan menjadi penyumbang kepada pemelesaian pertumbuhan ekonomi. Masyarakat Malaysia yang berbilang etnik dan pelbagai budaya merupakan satu lagi aset unik. Walau bagaimanapun, kelebihan aset ini masih belum dimanfaatkan sepenuhnya dari segi hubungan yang telah lama terjalin dengan negara Islam, Republik Rakyat China dan India serta sebagai aset tarikan pelancongan.

## Perspektif ekonomi makro

Dalam tempoh RMKe-11, KDNK benar dianggarkan berkembang antara 5%-6% setahun. Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita dijangka mencapai AS\$15,690 (RM54,100), iaitu melebihi paras pendapatan minimum AS\$15,000 bagi ekonomi berpendapatan tinggi. Dalam tempoh RMKe-11, sejumlah 1.5 juta peluang pekerjaan dijangka diwujudkan. Produktiviti buruh dijangka meningkat melalui peralihan yang berterusan daripada aktiviti ekonomi berintensif buruh kepada berintensif pengetahuan dan inovasi. Pertumbuhan ekonomi akan dipacu oleh sektor swasta dengan pelaburan swasta berkembang sebanyak 9.4% setahun. Semua sektor ekonomi akan mencatat pertumbuhan yang kukuh dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan menyumbang lebih daripada 75% kepada KDNK. Sektor luar juga dijangka menjadi penyumbang positif kepada pertumbuhan berikutan pemulihan dalam eksport. Akaun semasa imbalan pembayaran dijangka kekal mencatat lebihan sebanyak 2.6% kepada PNK. Kedudukan fiskal Kerajaan

Persekutuan dijangka terus kukuh dan mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Inflasi dijangka kekal rendah di bawah 3% dan ekonomi dijangka kekal pada tahap guna tenaga penuh.

Asas ekonomi makro akan diperkukuh untuk mencapai pertumbuhan mampan dengan memastikan harga dan kadar tukaran asing yang stabil, dan tahap simpanan yang mencukupi sebagai sumber pelaburan. Kerajaan juga akan menggalakkan penggunaan swasta, dan pelaburan swasta dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan bagi menerajui pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan eksport dengan menambah baik daya saing produk, menggalakkan eksport perkhidmatan dan mempelbagaikan pasaran. Pengurusan fiskal yang lebih berhemat akan diperkenalkan untuk meningkatkan fleksibiliti fiskal, dan langkah bagi meningkatkan potensi produktiviti akan dilaksanakan bagi memastikan pembangunan yang inklusif dan mampan.

RMKe-11 menggunakan kaedah dan rangka kerja Strategi Lautan Biru (BOS) sebagai sebahagian daripada Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), untuk merangka dan mempercepat pelaksanaan strategi nasional yang berimpak tinggi dan berkost rendah. BOS dapat mewujudkan pasaran tanpa persaingan melalui pembezaan produk dan perkhidmatan dengan kos yang rendah. Dalam konteks perniagaan, ini bermaksud menyediakan produk dan perkhidmatan yang dapat memberikan nilai kepuasan yang tinggi kepada pelanggan pada kos yang rendah. Bagi Kerajaan pula, ini bermakna menyampaikan perkhidmatan dan melaksanakan pembangunan yang memberikan impak tinggi kepada rakyat dengan pantas pada kos yang rendah. Satu daripada kaedah utama BOS yang digunakan dalam penyediaan RMKe-11 adalah kanvas strategi, iaitu rangka kerja dan tindakan diagnostik untuk memberikan gambaran strategi. Kanvas strategi menggambarkan keadaan sedia ada dan membandingkannya dengan hala tuju strategik baharu yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam tempoh RMKe-11.

# Enam teras strategik dan enam pemacu perubahan

**Melangkah ke hadapan**, RMKe-11 menjadi platform penting dalam usaha Kerajaan melaksanakan anjakan dasar pembangunan dan merangka pendekatan baharu bagi menangani pelbagai cabaran baharu dan sedia ada. Pembangunan sosioekonomi tidak lagi boleh dilaksanakan sebagaimana kelaziman (*business as usual*), sekiranya Malaysia ingin mencapai status negara maju dan inklusif dalam tempoh lima tahun akan datang.

## Teras strategik

Kerajaan telah menggariskan enam teras strategik bagi membantu Malaysia sentiasa bersedia menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang berikutan perubahan landskap global dan politik yang pantas. Teras strategik ini bertujuan memenuhi pelbagai keperluan rakyat dan negara secara menyeluruh.

## Pemacu perubahan

Kerajaan telah mengenal pasti enam pemacu perubahan yang merupakan pendekatan yang inovatif bagi mempercepat pembangunan Malaysia. Kejayaan pelaksanaan pemacu perubahan akan mengubah trajektori pertumbuhan ekonomi negara dengan ketara.

Empat daripada pemacu perubahan ini adalah kritikal untuk menjadi negara maju. Pemacu perubahan ini bertujuan meningkatkan produktiviti bagi mempercepat pertumbuhan sektoral; mempergiat inovasi bagi menjana sumber hasil baharu; memperkukuh pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) bagi menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi; dan membangunkan bandar sebagai sumber daya saing. Kerajaan akan meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan isi rumah B40 untuk memastikan semua rakyat dapat terlibat dalam aktiviti ekonomi dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi. Kerajaan juga akan memberikan tumpuan kepada pertumbuhan hijau melalui anjakan paradigma pertumbuhan mampan yang kini hanya memberikan fokus kepada kekayaan semula jadi kepada pertumbuhan yang mengambil kira amalan penggunaan dan pengeluaran mampan dalam semua sektor ekonomi dan isi rumah.





# Enam teras strategik



**Memperkukuh  
inklusiviti  
ke arah  
masyarakat  
yang saksama**

**Inklusiviti sentiasa menjadi prinsip penting agenda pembangunan sosioekonomi negara dan matlamat utama Model Baru Ekonomi. Komitmen ini membolehkan hasil pembangunan dikongsi bersama dalam kalangan rakyat tanpa mengira gender, etnik, tahap sosioekonomi dan lokasi. Komitmen ini adalah berdasarkan keyakinan bahawa pembangunan inklusif bukan sahaja untuk meningkatkan kesejahteraan individu dan masyarakat, tetapi juga untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh bagi tempoh yang lebih panjang.**

Sehubungan ini, Kerajaan komited untuk memastikan peluang yang saksama diperoleh oleh semua segmen masyarakat, terutamanya isi rumah B40. Rakyat terutamanya kumpulan mudah terjejas ini akan mendapat akses yang lebih baik kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti, infrastruktur dan kemudahan asas yang cekap, pekerjaan yang lebih baik dan peluang keusahawanan serta pemilikan kekayaan. Kawasan luar bandar akan ditransformasikan melalui penambahbaikan ketersambungan dan mobiliti serta pewujudan persekitaran perniagaan yang kondusif. Semua isi rumah akan menikmati peningkatan dalam tahap pendapatan dan isi rumah B40 akan tergolong dalam kumpulan masyarakat kelas menengah. Kedudukan masyarakat Bumiputera juga akan dipertingkatkan.



**Meningkatkan  
kesejahteraan  
rakyat**

**Kerajaan sentiasa melaksanakan pendekatan pembangunan yang seimbang dengan memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Kesejahteraan merujuk kepada taraf dan kualiti hidup yang memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal dan psikologi individu. Kesejahteraan adalah penting bagi meningkatkan produktiviti dan mobiliti sosial serta mengukuhkan kesepaduan sosial dan perpaduan nasional.**

Kerajaan akan meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang sosioekonomi atau lokasi. Setiap rakyat Malaysia akan mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan dan rumah mampu milik yang berkualiti. Kawasan kejiranan dan tempat awam yang lebih selamat akan membolehkan rakyat menikmati ketenangan fikiran dan komuniti untuk terus maju dan makmur. Gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan dan fizikal akan menjadi amalan hidup sebahagian besar rakyat Malaysia. Lebih penting lagi, integrasi sosial akan menjadi lebih kukuh dan dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang lebih sepakat dan bersatu padu.



**Meningkatkan  
pembangunan  
modal insan  
untuk negara  
maju**

**Pembangunan modal insan merupakan pemboleh penting bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong peralihan semua sektor kepada aktiviti berintensif pengetahuan. Pasaran buruh yang cekap dan berkesan perlu untuk menarik pelaburan bagi membolehkan rakyat mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi.**

Kerajaan akan meningkatkan produktiviti buruh dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang memerlukan pekerja berkemahiran tinggi. TVET akan beralih kepada pelaksanaan program latihan yang diterajui industri untuk menyediakan modal insan berkemahiran yang memenuhi keperluan industri. Tenaga kerja sedia ada akan berpeluang untuk terus mempertingkatkan kemahiran dan memajukan diri supaya kekal relevan dalam ekonomi yang dinamik. Paling penting, kualiti pendidikan akan ditingkatkan untuk membangunkan bakat dengan pengetahuan dan kemahiran serta etika dan moral untuk terus maju dalam persekitaran global yang kompetitif dan dinamik.



## Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan

Pertumbuhan hijau adalah pertumbuhan yang menggunakan sumber secara cekap, bersih dan berdaya tahan. Kerajaan terus komited untuk meneruskan pembangunan yang lebih mampan dengan beralih daripada trajektori pembangunan konvensional “*grow first, clean-up later*” yang berkos tinggi kepada pertumbuhan hijau bermula pada peringkat perancangan dan seterusnya peringkat pelaksanaan dan penilaian. Komitmen yang padu terhadap pertumbuhan hijau akan memastikan alam sekitar dan sumber asli negara yang bernilai kekal dipelihara dan dilindungi untuk generasi masa kini dan masa hadapan.

Strategi pertumbuhan hijau akan meningkatkan kualiti pertumbuhan, mengukuhkan jaminan bekalan makanan, air dan tenaga serta mengurangkan risiko alam sekitar dan kemusnahan ekologi. Strategi ini dapat meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Ia juga dapat mengurangkan pelepasan gas rumah kaca dengan signifikan dan pemuliharaan ekosistem kawasan terestrial dan air daratan serta pesisir pantai dan marin yang lebih baik. Amalan penggunaan dan pengeluaran mampan dapat meningkatkan penggunaan tenaga secara cekap dan rendah karbon dalam bangunan, pengangkutan, produk dan perkhidmatan. Selain itu, adaptasi terhadap perubahan iklim, pengurusan risiko bencana serta perlindungan dan pemuliharaan biodiversiti akan diperkukuh untuk melindungi rakyat dan hasil pembangunan.



## Memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi

Pembangunan infrastruktur adalah penting bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan seperti pengangkutan, komunikasi, elektrik dan air bersih. Integrasi pelbagai mod pengangkutan yang lebih baik akan memudahkan pergerakan orang dan barangan dengan lebih lancar. Di samping itu, infrastruktur yang cekap dapat mengurangkan kos mengendalikan perniagaan, dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Oleh itu, infrastruktur yang baik menjadi asas kepada penyertaan sosial serta perkembangan dan pertumbuhan ekonomi.

Pelaburan baharu dalam pembinaan jalan raya, rel dan perkhidmatan udara akan diimbangi oleh usaha untuk menambah baik tahap produktiviti, kecekapan dan perkhidmatan bagi infrastruktur berkenaan. Capaian digital akan ditambah baik melalui peluasan infrastruktur jalur lebar dan inisiatif bagi memastikan perkhidmatan jalur lebar yang mampu dibayar. Kecekapan sektor logistik dan fasilitasi perdagangan akan dipertingkatkan bagi membolehkan Malaysia menjadi pintu masuk logistik pilihan ke Asia. Peluasan dan pelaburan baharu dalam rangkaian dan kapasiti rawatan air serta pembedung akan diteruskan. Penekanan juga akan diberikan untuk meningkatkan jaminan dan keandalan sektor tenaga dengan mengambil langkah yang bersesuaian bagi menangani isu berkaitan pembekalan dan permintaan.



## Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh adalah penting bagi mencapai aspirasi negara maju. Ekonomi yang kukuh dan mempunyai sumber pertumbuhan yang pelbagai serta mengeluarkan barangan dan perkhidmatan bernilai tinggi akan menjana pekerjaan bergaji tinggi selaras dengan ciri-ciri sebuah negara maju. Asas ekonomi perlu terus diperkukuh bagi membolehkan Malaysia berdaya tahan terhadap kejutan luar tanpa menjejaskan kemakmuran rakyat.

Semua sektor ekonomi akan beralih kepada aktiviti nilai ditambah tinggi dan berintensif pengetahuan. Sektor perkhidmatan akan beralih kepada perkhidmatan moden seperti kewangan Islam, industri halal, industri kreatif, ekopelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi, dan minyak dan gas. Sektor pembuatan akan beralih kepada pengeluaran produk yang bernilai tinggi, lebih kompleks dan pelbagai dalam tiga subsektor pemangkin, iaitu kimia; elektrik dan elektronik; dan mesin dan peralatan. Sektor pertanian akan dimodenkan melalui penggalakkan amalan pertanian mampan dan penggunaan teknologi moden untuk menjana pendapatan lebih tinggi. Pertumbuhan dalam semua sektor ekonomi ini akan disokong oleh peningkatan inovasi dan produktiviti, modal insan berkemahiran dan pengantarabangsaan.

## Pemacu Perubahan

# Meningkatkan potensi produktiviti

### Mengapa produktiviti penting kepada Malaysia?

Pada masa lalu, pertumbuhan ekonomi negara sebahagian besarnya didorong oleh input, terutamanya melalui pelaburan swasta dalam industri dan pelaburan awam dalam infrastruktur, utiliti serta sekolah dan hospital. Sungguhpun pelbagai usaha untuk meningkatkan produktiviti telah dilaksanakan, Malaysia masih ketinggalan berbanding dengan kebanyakan negara berpendapatan tinggi. Sebagai contoh, tahap produktiviti buruh di Malaysia ialah sebanyak 32% daripada tahap di Amerika Syarikat dan 56% daripada tahap di Korea Selatan pada tahun 2013. Walaupun negara akan terus meningkatkan pelaburan swasta dan mengekalkan pelaburan awam dalam tempoh RMKe-11, penekanan yang lebih tinggi akan diberikan untuk memantapkan produktiviti bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, mampan dan inklusif.

### Apakah kejayaan yang boleh dicapai?

Dalam tempoh RMKe-11, produktiviti buruh disasarkan meningkat daripada RM77,100 pada tahun 2015 kepada RM92,300 pada tahun

2020. Di samping itu, pertumbuhan setiap sektor akan meningkat berikutan penambahbaikan dalam produktiviti.

### Bagaimana kejayaan ini boleh dicapai?

Pendekatan untuk meningkatkan produktiviti negara akan beralih daripada inisiatif yang diterajui oleh Kerajaan pada peringkat nasional kepada tindakan bersasar merentasi sektor awam, peserta industri dan setiap perusahaan. Pendekatan ini akan diterajui oleh juara yang dikenal pasti yang menjadi contoh perubahan dan memastikan penerimaan oleh pihak berkepentingan. Inisiatif menyeluruh yang mempunyai sasaran untuk dipantau akan dibangunkan dan disesuaikan mengikut sektor. Pada peringkat nasional, insentif berasaskan produktiviti akan diperkenalkan dan pengukuhan kawal selia akan dipercepat. Pada peringkat industri, jaguh industri akan menerajui inisiatif mengikut industri manakala pada peringkat perusahaan, insentif dan program untuk meningkatkan kemahiran akan disediakan. Secara keseluruhan, strategi tersebut akan menghasilkan perubahan ketara seperti dijelaskan di bawah.

	Daripada	Kepada
<b>Pendekatan</b>	Inisiatif produktiviti tidak bersepadu, biasanya hanya pada peringkat nasional	Strategi berfokus dan menyeluruh pada semua peringkat, iaitu peringkat nasional, industri dan perusahaan
<b>Peneraju</b>	Diterajui oleh Kerajaan	Diterajui oleh jaguh industri dan persatuan industri dan disokong oleh Kerajaan melalui Majlis Produktiviti Nasional
<b>Tumpuan Industri</b>	Fokus kepada sektor pembuatan dan beberapa subsektor perkhidmatan terpilih	Merangkumi semua sektor termasuk pertanian, pembinaan dan sektor awam
<b>Reka bentuk program</b>	Program bersifat generik tanpa sasaran yang jelas ----- Insentif tidak dikaitkan dengan prestasi	Program yang sejajar dengan keperluan industri berdasarkan pelan induk industri berkaitan ----- Memperkenalkan insentif yang dikaitkan dengan outcome
<b>Peraturan</b>	Kekurangan atau tiada hubungan antara dasar atau peraturan dengan produktiviti	Mewujudkan hubungan antara dasar atau peraturan Kerajaan dengan produktiviti
<b>Pemantauan</b>	Pemantauan pada peringkat nasional sahaja	Meningkatkan pemantauan merentasi peringkat nasional, industri dan perusahaan

## Pemacu Perubahan

# Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah

### Mengapa peningkatan taraf isi rumah B40 penting kepada Malaysia?

Pada masa ini, terdapat kira-kira 2.7 juta isi rumah B40 dengan pendapatan bulanan purata sebanyak RM2,537. Dalam keadaan Malaysia terus membangun dan makmur, isi rumah B40 tidak wajar dipinggirkan daripada menikmati peluang yang terhasil daripada kemakmuran negara. Sekiranya isi rumah B40 terus berada dalam kedudukan sosioekonomi semasa mereka, ini akan mengakibatkan kos sosial kepada negara melalui pengurangan bilangan tenaga kerja berkemahiran yang diperlukan dan memberikan kesan kepada pertumbuhan output negara. Manakala ketidakseimbangan bandar yang berterusan menyebabkan potensi pertumbuhan ekonomi di luar bandar dan pinggir bandar terjejas.

### Apakah kejayaan yang boleh dicapai?

Semua isi rumah B40 tanpa mengira etnik akan diberikan lebih tumpuan, terutamanya kepada isi rumah miskin dan berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar serta isi rumah mudah terjejas<sup>1</sup> dan aspirasi<sup>2</sup>. Saiz dan komposisi isi rumah kelas menengah akan

meningkat kepada 45% menjelang tahun 2020. Purata pendapatan isi rumah B40 akan meningkat daripada RM2,537 pada tahun 2014 kepada RM5,270 pada tahun 2020. Bilangan isi rumah B40 yang berpendidikan tertiar akan meningkat daripada 9% pada tahun 2014 kepada 20% pada tahun 2020. Agihan pendapatan isi rumah B40 kepada pendapatan isi rumah nasional juga akan meningkat daripada 16.5% pada tahun 2014 kepada 20% pada tahun 2020.

### Bagaimana kejayaan ini boleh dicapai?

Kerajaan akan melaksanakan strategi bagi meningkatkan pendapatan dan pemilikan kekayaan isi rumah B40, menangani isu peningkatan kos sara hidup dan memperkukuh mekanisme penyampaian bagi menyokong isi rumah B40. Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) akan diperkenalkan untuk memastikan elemen mudah terjejas dan kualiti hidup diambil kira sebagai pengukuran tambahan kepada pendapatan. Peralihan utama yang akan berlaku adalah seperti yang berikut:

	Daripada	Kepada
<b>Pendekatan</b>	Meningkatkan isi rumah B40 melangkaui paras garis kemiskinan dengan menambah baik tahap pendapatan dan bantuan kos sara hidup	Meningkatkan isi rumah B40 kepada masyarakat kelas menengah melalui tahap pendapatan dan penciptaan kekayaan serta peningkatan tahap pendidikan dan kemahiran
<b>Skop</b>	Membantu isi rumah B40 yang terlibat dalam perusahaan mikro persendirian ----- Tumpuan kepada pembangunan keusahawanan dan aktiviti ekonomi dalam industri tradisional bernilai rendah	Mengukuhkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial di samping perusahaan persendirian ----- Membangunkan kapasiti untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi yang berproduktiviti tinggi, inovatif dan kreatif
<b>Ciri-ciri</b>	Isi rumah B40 mempunyai kekayaan dan pemilikan aset bukan kewangan yang rendah dan mudah terjejas kepada kejutan ekonomi ----- Isi rumah B40 amat bergantung kepada bantuan Kerajaan	Isi rumah B40 mampu untuk menyimpan dan menjana kekayaan melalui pemilikan aset bukan kewangan supaya lebih berdaya tahan untuk menghadapi kejutan ekonomi ----- Isi rumah B40 boleh berdikari dan kurang kebergantungan kepada bantuan Kerajaan

<sup>1</sup> Isi rumah mudah terjejas merujuk kepada isi rumah berpendapatan antara paras garis kemiskinan (PGK) dan 2.5 kali PGK.

<sup>2</sup> Isi rumah aspirasi merujuk kepada isi rumah berpendapatan antara 2.5 kali PGK dan pendapatan purata nasional.

## Pemacu Perubahan

# Mengupayakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang diterajui industri

### Mengapa TVET penting kepada Malaysia?

Di bawah RMKe-11, sebanyak 60% daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan dijangka memerlukan kelayakan berkaitan TVET. Bagi memenuhi keperluan ini, Malaysia perlu meningkatkan pengambilan pelajar setiap tahun secara berperingkat daripada 164,000 pada tahun 2013 kepada 225,000 pada tahun 2020. Cabaran bukan hanya untuk mencapai sasaran pengambilan sahaja. Maklum balas daripada pihak industri mendapati wujud jurang antara pengetahuan, kemahiran dan sikap graduan berbanding dengan keperluan di tempat kerja.

### Apakah kejayaan yang boleh dicapai?

Sektor TVET yang cekap dan berkesan adalah :

- Pemandaran penawaran dengan permintaan, dan mekanisme pengawalan kualiti yang dinamik bagi memastikan institusi TVET awam dan swasta memenuhi standard kualiti;
- Industri dan penyedia TVET bekerjasama antara satu sama lain sepanjang rantai nilai daripada pengambilan pelajar, reka bentuk kurikulum, penyampaian dan penempatan pekerjaan; dan
- Pelajar dimaklumkan dengan jelas peluang yang ditawarkan TVET, dan menjadikan TVET sebagai aliran pendidikan yang menarik. Pelajar mempunyai akses kepada pelbagai program inovatif yang diterajui oleh industri yang menawarkan latihan amali sama ada di tempat kerja atau simulasi persekitaran pekerjaan yang dapat memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai dunia pekerjaan yang sebenar.

### Bagaimana kejayaan ini boleh dicapai?

Dalam mencapai aspirasi ini, sistem TVET perlu diharmonikan dan diperkemas untuk mengurangkan ketidakseragaman merentasi institusi TVET awam dan swasta. Di samping itu, program dan intervensi untuk menggalakkan TVET yang diterajui oleh industri akan dilaksanakan bagi memastikan graduan TVET adalah selaras dengan keperluan industri. Ringkasan peralihan utama yang akan dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

	Daripada	Kepada
Tadbir Urus	<p>Dua badan akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang mempunyai set kelayakan yang berbeza</p> <p>Sistem penarafan yang berbeza bagi institusi TVET awam dan swasta di bawah Kementerian yang berbeza</p>	<p>Sistem kelayakan tunggal diguna pakai oleh MQA dan JPK</p> <p>Sistem penarafan tunggal bagi institusi TVET awam dan swasta</p>
Penyampaian Program	<p>Pembangunan dan penyampaian kurikulum diterajui institusi TVET masing-masing atau Kerajaan</p> <p>Tiada pengkhususan antara institusi TVET</p>	<p>Pembangunan dan penyampaian TVET diterajui oleh industri dengan kerjasama institusi TVET dengan Kerajaan</p> <p>Pengkhususan institusi melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan dalam bidang tujuhan dan kepakaran</p>
Kapasiti	164,000 pengambilan pada tahun 2013	225,000 pengambilan pada tahun 2020, dengan mengoptimalkan penggunaan institusi sedia ada
Profil	Pengiktirafan yang terhad dan faedah yang rendah	Kerjaya pilihan untuk pelajar

## Pemacu Perubahan

# Melaksanakan pertumbuhan hijau

### Mengapa pertumbuhan hijau penting kepada Malaysia?

Malaysia, seperti kebanyakan negara di seluruh dunia, sedang bergelut dengan cabaran untuk mengimbangi antara pertumbuhan penduduk dan peningkatan permintaan dengan persekitaran semula jadi yang semakin tertekan. Dalam konteks intensiti dan kekerapan cuaca melampau yang semakin meningkat, peralihan kepada pertumbuhan hijau kini menjadi keperluan kepada Malaysia. Usaha ini melambangkan komitmen Malaysia untuk memperkukuh lagi kemampunan alam sekitar.

### Apakah kejayaan yang boleh dicapai?

Outcome trajektori pertumbuhan hijau adalah:

- Impak negatif aktiviti sosioekonomi ke atas sistem alam sekitar dikurangkan;
- Sumber semula jadi termasuk kawasan hutan, biodiversiti dan sumber air serta ekosistem dinilai dan diurus secara mampan;

- Hasil pembangunan dilindungi, seterusnya tahap kesejahteraan rakyat yang lebih baik untuk setiap generasi; dan
- Penggunaan tenaga adalah cekap dan tenaga boleh baharu digunakan secara meluas.

### Bagaimana kejayaan ini boleh dicapai?

Pencapaian ke arah aspirasi pertumbuhan hijau memerlukan peralihan daripada trajektori pembangunan konvensional “*grow first, clean-up later*” kepada trajektori pembangunan yang berdaya tahan, rendah karbon dan penggunaan sumber yang cekap sebagai pelaburan jangka masa panjang yang akan memberi manfaat kepada generasi masa hadapan. Strategi baharu ini memerlukan perubahan fundamental merentasi setiap dimensi utama meliputi aspek penetapan dasar, pengawalseliaan institusi, perkongsian tanggungjawab dan kesedaran terhadap alam sekitar.



## Pemacu Perubahan

# Menjana kekayaan melalui inovasi

### Mengapa inovasi penting kepada Malaysia?

Inovasi adalah pemacu utama bagi pertumbuhan ekonomi kerana penambahbaikan atau pembaharuan proses, teknologi dan model perniagaan akan meningkatkan produktiviti. Di samping itu, inovasi boleh mencipta sumber pendapatan tambahan melalui penghasilan produk dan perkhidmatan terbeza bagi memenuhi keperluan pelanggan yang tidak tertunai sebelum ini. Selaras dengan peralihan sektor ekonomi terutamanya sektor perkhidmatan dan pembuatan kepada aktiviti bernilai tinggi dan berasaskan pengetahuan, inovasi adalah penting bagi meningkatkan kecekapan dan output secara keseluruhan setiap sektor.

### Apakah kejayaan yang boleh dicapai?

Ekosistem inovasi yang mantap akan mewujudkan kerjasama dan integrasi yang lebih kukuh antara industri, akademik dan masyarakat. Penyelidikan yang dilaksanakan adalah selaras dengan permintaan industri. Di samping itu, sektor swasta menjadi rakan kongsi yang aktif dengan menyediakan dana, kepakaran dan sumber lain dalam penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I). Masyarakat juga akan terlibat secara aktif

menangani isu sosial dalam penyediaan perkhidmatan sosial melalui pendekatan keseluruhan masyarakat. Seterusnya, ini akan menghasilkan pulangan yang lebih tinggi kepada pelaburan.

### Bagaimana kejayaan ini boleh dicapai?

RMKe-11 akan memberi fokus kepada pengukuhan modal hubungan dengan meningkatkan kerjasama dalam kalangan semua pihak berkepentingan. Inovasi akan disasarkan pada peringkat perusahaan dan masyarakat berbanding usaha sebelum ini yang lebih memberi tumpuan kepada inisiatif pada peringkat nasional. Pada peringkat perusahaan, inisiatif seperti meningkatkan penyelidikan berasaskan permintaan pasaran, meningkatkan kerjasama antara penyelidik dengan industri dan menggalakkan pelaburan swasta dalam R&D&C&I akan dilaksanakan. Pada peringkat masyarakat pula, masyarakat akan digalakkan untuk memberi input kepada mekanisme penyampaian perkhidmatan, sementara model pembiayaan sosial akan dibangunkan bagi membantu masyarakat untuk membiayai inisiatif yang dikenal pasti. Secara kolektif, strategi ini akan menghasilkan satu perubahan besar seperti yang dinyatakan dalam paparan berikut:

## Daripada

## Kepada

### Inovasi perusahaan

Kerjasama antara pihak industri dengan institusi penyelidikan yang terhad menyebabkan hasil R&D tidak selaras dengan permintaan industri

Pelaburan dalam R&D yang menghasilkan pulangan yang rendah atau tidak memacu produktiviti dan daya saing industri

### Inovasi sosial

Pelaburan dalam perkhidmatan sosial yang tinggi tetapi penyampaian kurang berkesan

Masyarakat masih bergantung kepada Kerajaan

Perkongsiannya yang lebih baik antara industri dan penyelidik dengan industri membantu untuk merangka penyelidikan yang bersesuaian dengan perniagaan, di samping menyumbang idea, infrastruktur, peralatan dan kepakaran

Inisiatif R&D&C&I yang bersepadu akan menjana pulangan pelaburan yang tinggi dalam jangka masa panjang dan merangsang peningkatan produktiviti

Fokus dalam penyelarasan sistem penyampaian perkhidmatan sosial dengan menggabungkan maklum balas daripada masyarakat sejajar dengan “pendekatan keseluruhan masyarakat”

Penyampaian yang disokong oleh model pembiayaan sosial dan pembiayaan berasaskan outcome bagi menyediakan peluang kepada masyarakat untuk melabur dalam inisiatif berinovatif.

## Pemacu Perubahan

# Melabur dalam bandar berdaya saing

### Mengapa bandar berdaya saing penting kepada Malaysia?

Bandar memainkan peranan penting dalam pertumbuhan negara dengan menyediakan peluang pelaburan dan perdagangan serta meningkatkan ketersambungan dengan kawasan pinggir bandar atau luar bandar. Persaingan global bagi pelaburan dan bakat pada masa kini adalah antara bandar-bandar utama. Keadaan ini memerlukan tumpuan diberikan kepada pelaburan dalam bandar bagi menarik dan mengekalkan bakat serta pelaburan dalam bandar-bandar tersebut. Bandar terbesar di Malaysia iaitu Kuala Lumpur dijangka menyumbang 14.8% kepada KDNK pada tahun 2015. Selaras dengan matlamat Malaysia untuk merekayasa dan merangsang pertumbuhan ekonomi, pembangunan dan pembaharuan bandar adalah sangat penting untuk mewujudkan nadi aglomerasi ekonomi yang kukuh.

### Apakah kejayaan yang boleh dicapai?

Pada tahun 2020, empat bandar utama<sup>3</sup> di Malaysia dijangka mengalami perubahan dari sudut pertumbuhan ekonomi, kepentingan sebagai hab bakat dan peningkatan daya huni. Penduduk bandar akan mampu memiliki rumah, menikmati sistem pengangkutan awam yang berkualiti, kawasan hijau dan lapang yang mencukupi, serta memiliki akses peluang ekonomi yang membolehkan penduduk bandar menyediakan masa hadapan yang lebih baik kepada anak-anak mereka. Bandar-bandar ini dipilih berdasarkan asas kukuh yang dimiliki dan diharap akan menjadi bandar contoh bagi bandar lain di Malaysia dan serantau. Transformasi bandar-bandar ini akan diperluas ke bandar-bandar lain pada masa hadapan.

### Bagaimana kejayaan ini boleh dicapai?

Sebagai permulaan, Pelan Induk Daya Saing Bandar akan dirangka bagi empat bandar utama berdasarkan prinsip meningkatkan daya huni dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Prinsip ini termasuk mewujudkan kepadatan bagi meningkatkan kecekapan, memperluas pembangunan berorientasikan transit bagi meningkatkan mobiliti dan memperkukuh kluster berasaskan pengetahuan bagi meningkatkan inovasi dan aglomerasi. Pelan induk ini akan mengambil kira kelebihan bandar-bandar tersebut dan dirangka oleh pihak berkuasa tempatan yang berkaitan dengan rundingan bersama sektor swasta dan masyarakat sivil. Pemacu perubahan ini akan menghasilkan transformasi seperti berikut.

	Daripada	Kepada
<b>Kepadatan Ekonomi</b>	Kepadatan ekonomi di bandar tidak dirancang dan berkembang secara organik mengakibatkan produktiviti yang rendah	Peningkatan kepadatan ekonomi bagi meningkatkan produktiviti
<b>Bentuk bandar</b>	Rebakan bandar tidak terkawal dan tertumpu pada kenderaan	Pembangunan berorientasikan transit bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan ketergantungan kepada kenderaan persendirian
<b>Penggunaan sumber</b>	Ketidakcekapan mengakibatkan penggunaan sumber semula jadi yang tinggi	Pengurusan sisa yang cekap menerusi garis panduan penggunaan sumber dan penguatkuasaan yang berkesan
<b>Perumahan</b>	Pembangunan baharu adalah mahal dan eksklusif dengan pilihan mengikut kemampuan yang terhad	Rumah berkualiti dan mampu dimiliki oleh kumpulan sasar dalam masyarakat
<b>Berfokuskan industri</b>	Industri berintensif ruang dan buruh	Pertumbuhan industri berintensif pengetahuan dengan penggunaan ruang yang cekap
<b>Pihak berkuasa tempatan</b>	Pihak berkuasa tempatan yang memberikan tumpuan kepada pelesenan, penguatkuasaan dan penyediaan perkhidmatan asas	Pihak berkuasa tempatan sebagai pemacu strategik bagi pembangunan sosioekonomi setempat

<sup>3</sup> Empat bandar utama tersebut ialah Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu



# Mentransformasi perkhidmatan awam untuk produktiviti

Bagi menyokong pelaksanaan enam teras strategik dan enam pemacu perubahan, Kerajaan akan mentransformasi perkhidmatan awam supaya lebih berpaksikan rakyat serta meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Transformasi ini bertujuan mengurangkan kerenah birokrasi, hierarki dan membuat keputusan pada peringkat pusat dalam penyampaian perkhidmatan awam; meningkatkan bakat yang mempunyai pelbagai kemahiran; dan menyediakan pelbagai perkhidmatan yang lebih inovatif dan mudah diakses. Bagi mencapai outcome ini, Kerajaan telah mengenal pasti lima bidang fokus seperti yang berikut:

- **Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan bertumpukan rakyat** dengan menghapuskan kerenah birokrasi, memperluas liputan perkhidmatan dan meningkatkan akauntabiliti;
- **Merasionalisasikan institusi sektor awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi** dengan mengurangkan fungsi dan peranan yang bertindih dalam kalangan agensi, menilai semula saiz perkhidmatan awam, dan memperkenalkan dasar pemisah bagi personel berprestasi rendah;
- **Memperkuh pengurusan bakat untuk perkhidmatan awam masa hadapan** dengan menyediakan persekitaran kerja yang lebih kondusif termasuk waktu kerja yang fleksibel, memperkasa kementerian dan agensi, dan menambah baik latihan sektor awam;
- **Mempertingkatkan pengurusan projek untuk menghasilkan outcome yang lebih baik dan cepat** dengan menambah baik proses pemilihan projek dan pengagihan sumber, menubuhkan pasukan pelaksanaan projek yang khusus, dan mewujudkan kumpulan personel profesional dalam bidang pengurusan projek; dan
- **Memanfaatkan pihak berkuasa tempatan bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti pada peringkat tempatan** dengan memperluas penglibatan komuniti setempat dan badan bukan Kerajaan (NGO), meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan, dan memperkasa kapasiti dan keupayaan pihak berkuasa tempatan.

# Malaysia pasca 2020

Tempoh RMKe-11 bukan hanya merupakan kemuncak 30 tahun perjalanan menuju ke arah Wawasan 2020, tetapi juga menjadi platform untuk memacu pertumbuhan negara seterusnya. Cabaran seterusnya, pasca 2020 adalah untuk menjadi sebuah negara yang benar-benar maju dalam tiga dimensi, iaitu ekonomi, rakyat dan alam sekitar.

Wawasan negara adalah supaya semua rakyat Malaysia mempunyai identiti nasional yang mantap serta memiliki moral yang tinggi. Malaysia akan ditadbir oleh institusi eksekutif, perundangan dan kehakiman yang berkecuali dan boleh dipercayai serta melindungi semua rakyat secara saksama. Malaysia akan mempunyai sebuah Kerajaan yang dapat menyampaikan perkhidmatan berkesan dan dipimpin oleh pemimpin yang berintegriti, berpendirian teguh dan amanah. Malaysia akan cemerlang di arena antarabangsa sebagai sebuah negara merdeka yang teguh dan juga melalui personaliti yang menonjol dalam pelbagai bidang.

Ekonomi negara adalah progresif, inklusif dan kalis cabaran pada masa hadapan dan mempunyai bandar bertaraf dunia yang produktif di samping kawasan luar bandar yang berkembang maju. Rakyat Malaysia dapat turut serta dalam arus pembangunan dan mendapat manfaat sepenuhnya daripada kemajuan ekonomi serta menikmati tahap kesejahteraan yang tinggi. Rakyat akan menjivai dan menghargai alam sekitar dan tidak lagi menjadikan alam sekitar sebagai galang ganti kepada pencapaian ekonomi yang kukuh. Ini menjadikan Malaysia sebagai negara yang benar-benar indah dan kondusif untuk didiami.

Aspirasi yang digambarkan ini walaupun tidak komprehensif dan tidak memberikan gambaran yang menyeluruh, namun, ia dapat dijadikan asas bagi menggerakkan perbincangan dan penglibatan lanjut pelbagai pihak mengenai hala tuju pembangunan negara pada pasca 2020. Pada asasnya, rakyat Malaysia menginginkan negara terus maju dan inklusif dengan rakyat menghargai perpaduan serta meraikan kepelbagaian.

# Kesimpulan

RMKe-11 adalah sangat penting memandangkan rancangan ini merupakan rancangan lima tahun terakhir sebelum Malaysia mencapai status negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020. Pelan ini dirangka dengan rakyat sebagai fokus utama bagi semua usaha pembangunan, iaitu untuk meningkatkan taraf hidup dan martabat, serta potensi rakyat untuk menyertai aktiviti ekonomi dan menikmati kekayaan negara. Enam teras strategik dan enam pemacu perubahan telah dikenal pasti bagi memecah amalan kelaziman (*business as usual*) yang membelenggu kelancaran pembangunan dan seterusnya mengubah trajektori pertumbuhan ekonomi.

RMKe-11 akan membolehkan Malaysia melangkah maju ke hadapan. Pelan strategi ini memberi penekanan kepada dasar ekonomi makro yang mantap, aspek inklusiviti supaya tiada rakyat Malaysia yang terpinggir, kesejahteraan rakyat yang lebih baik, modal insan yang berkemahiran tinggi, pertumbuhan mampan dan hijau, infrastruktur yang dapat menyokong pertumbuhan ekonomi, serta perkhidmatan awam yang berpaksikan rakyat dan berproduktiviti tinggi. Penekanan ini akan memastikan semua rakyat, tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan lokasi dapat hidup dalam masyarakat yang benar-benar harmoni dan progresif selaras dengan ciri-ciri negara maju dan inklusif.



# Memperkukuh daya tahan ekonomi makro untuk pertumbuhan mampan

**Gambaran keseluruhan**

**Sorotan**  
**Rancangan Malaysia**  
**Kesepuluh, 2011-2015:**  
**Pencapaian**

**Mengimbas pencapaian**  
**Rancangan Malaysia**  
**Kesepuluh, 2011-2015:**  
**Kemajuan**

Persekitaran luar negara

Ekonomi dalam negeri

Isu dan cabaran

**Ringkasan strategi**  
**ekonomi makro**  
**Rancangan Malaysia**  
**Kesebelas, 2016 - 2020**

**Prospek ekonomi makro**  
**Rancangan Malaysia**  
**Kesebelas, 2016-2020**

Persekitaran luar negara

Matlamat pelbagai dimensi

Strategi ekonomi makro  
untuk memperkukuh asas  
ekonomi

Ekonomi dalam negeri

**Kesimpulan**



## Gambaran keseluruhan

Ekonomi negara kekal kukuh walaupun menghadapi ketidaktentuan ekonomi dunia yang mempunyai risiko kepada ekonomi kecil dan terbuka seperti Malaysia. Asas ekonomi yang kukuh telah membolehkan negara mengharungi beberapa kejutan ekonomi sebelum ini. Melangkah ke hadapan, asas ekonomi akan terus diperkukuh bagi memastikan negara berdaya tahan dalam menghadapi risiko dan ketidaktentuan luar. Pengukuhan ini akan dapat dicapai dengan memantapkan permintaan dalam negeri, mempelbagaikan asas ekonomi, meningkatkan simpanan dalam negeri, mengukuhkan kedudukan fiskal, mengekalkan kadar inflasi yang rendah dan mengukuhkan lagi sistem kewangan. Pertumbuhan ekonomi yang stabil juga akan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi perniagaan dan pelaburan jangka masa panjang.

**Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015,** ekonomi negara telah mengekalkan pertumbuhan yang stabil walaupun ekonomi pada peringkat dunia mencatat prestasi yang bercampur-campur. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dianggarkan berkembang pada kadar 5.3% setahun dengan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita pada harga semasa dijangka meningkat sebanyak 5.8% daripada RM27,819 (AS\$8,636) pada tahun 2010 kepada RM36,937 (AS\$10,196) pada tahun 2015. Dalam tempoh 2009-2014, pendapatan bulanan purata isi rumah telah meningkat lebih pantas pada kadar 8.8% setahun. Pertumbuhan ini dipacu oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, terutamanya melalui peningkatan pelaburan swasta dan kepelbagaian asas ekonomi yang telah mengurangkan kesan persekitaran luar yang mencabar. Hasil pertumbuhan ekonomi yang mampan, rakyat mendapat faedah daripada agihan pendapatan yang lebih baik dan pengangguran yang kekal rendah pada kadar 2.9%.

**Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020,** Kerajaan akan terus mengukuhkan daya tahan ekonomi bagi menangani cabaran ekonomi pada masa hadapan. Ekonomi dijangka berkembang pada kadar 5% hingga 6% setahun berdasarkan permintaan dalam negeri yang mampan dan peningkatan sumbangan sektor luar. Di samping itu, pengukuhan struktur untuk memantapkan asas pertumbuhan ekonomi, termasuk peningkatan inovasi dan produktiviti, akan terus mendorong pertumbuhan. Usaha ini juga akan meningkatkan pendapatan per kapita nasional dan pendapatan isi rumah serta kesejahteraan rakyat. Dasar monetari dan fiskal akan dilaksanakan untuk memastikan kestabilan harga, kadar pertukaran ringgit dan kadar faedah. Pelaburan sektor swasta akan digalakkan untuk memodenkan sektor ekonomi utama. Sektor perkhidmatan secara khususnya akan berpaksikan kepada perkhidmatan bernilai tinggi dan berintensif pengetahuan. Kerajaan Persekutuan akan mencapai kedudukan fiskal berimbang pada tahun 2020 melalui pengukuhan asas cukai dan menambah baik proses membuat keputusan mengenai peruntukan pembangunan bagi program atau projek yang dicadangkan. Eksport akan dipertingkatkan dengan menambah baik daya saing produk, menggalakkan eksport perkhidmatan dan mempelbagaikan pasaran, seterusnya mengekalkan lebihan dalam akaun luar. Produktiviti yang akan ditingkatkan melalui pengukuhan kecekapan modal dan sumbangan Produktiviti Pelbagai Faktor (MFP) akan juga menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara.

# Sorotan

## Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian

**5.3%**

Pertumbuhan purata KDNK benar berbanding dengan pertumbuhan KDNK dunia pada kadar 3.6%

**Pertumbuhan KDNK benar**

**RM36,937**

Pendapatan per kapita nasional pada tahun 2015 pada harga semasa

**Pendapatan per kapita**

**RM6,141**

Purata pendapatan bulanan isi rumah pada tahun 2014 daripada RM4,025 pada tahun 2009

**Purata pendapatan isi rumah**

**7.1%**

Pertumbuhan tahunan purata penggunaan swasta benar

**Penggunaan swasta**

**RM162  
bilion**

Purata pelaburan swasta pada harga semasa

**Pelaburan swasta**

2.0%

Nisbah imbangan akaun semasa kepada PNK pada tahun 2015

Akaun semasa imbangan pembayaran

3.2%

Nisbah defisit fiskal kepada KDNK pada tahun 2015

Defisit fiskal

29.8%

Nisbah MFP kepada pertumbuhan purata KDNK benar dengan pertumbuhan sebanyak 1.6%

Produktiviti Pelbagai Faktor (MFP)

2.5%

Kadar tahunan purata inflasi

Inflasi

2.9%

Guna tenaga penuh pada tahun 2015

Pengangguran



# Mengimbas pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan

KDNK benar dianggarkan berkembang sebanyak 5.3% setahun didorong peningkatan permintaan dalam negeri, disokong oleh asas ekonomi yang mantap dan sistem kewangan yang kukuh.

Dalam tempoh RMKe-10, ekonomi telah berkembang berasaskan peningkatan permintaan dalam negeri yang disokong terutamanya oleh pelaburan swasta dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. KDNK benar dianggarkan berkembang sebanyak 5.3% setahun, iaitu lebih tinggi daripada pertumbuhan KDNK dunia pada kadar 3.6% dan pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun pada kadar 5%. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK dianggarkan mengukuh daripada 51.2% pada tahun 2010 kepada 53.8% pada tahun 2015.

## Persekitaran luar negara

Ekonomi dunia berkembang sebanyak 3.6% setahun dalam tempoh 2011-2014 berikutan prestasi ekonomi beberapa negara utama yang bercampur-campur. Ekonomi lima negara ahli utama Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN-5) mencatat pertumbuhan sebanyak 5.1%, Amerika Syarikat (AS) sebanyak 2.1% dan Jepun sebanyak 0.7%. Prestasi ini didorong oleh keadaan pasaran buruh yang bertambah baik, permintaan dalam negeri yang kukuh dan eksport yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi Republik Rakyat China (PRC) menyederhana kepada 8% dan Kawasan Euro pula kepada 0.3%.

Perdagangan dunia telah berkembang sebanyak 4.1% setahun, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang stabil di AS dan negara maju yang lain, serta prestasi eksport yang mampan di pasaran baru muncul dan ekonomi sedang

membangun. Pada masa yang sama, inflasi dunia adalah sederhana pada kadar purata 4.2% setahun berikutan jurang keluaran yang besar di negara maju dan kejatuhan harga bahan api.

Prospek pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2015 dijangka mencabar berikutan risiko ekonomi yang berterusan seperti ketidaktentuan dasar fiskal di negara maju, kejatuhan harga komoditi, peralihan dasar monetari AS, pengimbangan semula ekonomi PRC dan ketegangan geopolitik.

## Ekonomi dalam negeri

Walaupun prestasi ekonomi dunia bercampur-campur, ekonomi Malaysia telah berkembang pada kadar pertumbuhan yang mampan, disokong oleh permintaan dalam negeri dan asas ekonomi yang kukuh. Kepelbagaian asas ekonomi dan sistem kewangan yang kukuh juga telah mengurangkan impak persekitaran luar yang mencabar.


## Permintaan agregat

Dalam tempoh RMKe-10, KDNK benar dianggarkan berkembang sebanyak 5.3% setahun, manakala PNK per kapita pada harga semasa dianggarkan meningkat sebanyak 5.8% setahun daripada RM27,819 (AS\$8,636) pada tahun 2010 kepada RM36,937 (AS\$10,196) pada tahun 2015, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-1. Hasil peningkatan ini, pendapatan bulanan purata isi rumah telah meningkat sebanyak 8.8% setahun daripada RM4,025 pada tahun 2009 kepada RM6,141 pada tahun 2014<sup>1</sup>.

<sup>1</sup> Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah tahun 2009 dan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah tahun 2014 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

## Paparannya 2-1


## KDNK dan PNK per kapita, 2010-2015



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010  
Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

## Paparannya 2-2

## Pelaburan, 2010-2015



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010

Ekonomi negara telah didorong oleh permintaan dalam negeri yang berkembang kukuh, terutamanya daripada aktiviti **pelaburan swasta**. Pelaburan swasta benar dianggarkan mencatat pertumbuhan dua angka, iaitu sebanyak 12.6% setahun dalam tempoh RMKe-10, seperti yang ditunjukkan dalam Paparannya 2-2. Pertumbuhan ini dipacu oleh perbelanjaan modal, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sumbangan pelaburan swasta kepada KDNK dijangka meningkat daripada 12.3% pada tahun 2010 kepada 17.3% pada tahun 2015. Dalam tempoh 2011-2014, sejumlah RM6.1 bilion telah disalurkan di bawah Dana Mudah Cara<sup>2</sup> bagi menyokong pelaburan swasta untuk projek infrastruktur, universiti, kolej, pusat peranginan serta projek pembangunan bercampur dan loji jana kuasa.

Pelaburan langsung asing (FDI) kekal sebagai sumber penting pelaburan, pemindahan teknologi dan akses kepada pasaran luar negara. Sejumlah RM139 bilion FDI telah dicatatkan dalam tempoh 2011-2014, dengan negara Belanda, Jepun dan Singapura sebagai penyumbang utama.

**Pelaburan awam** benar dijangka berkembang pada kadar 4% setahun dalam tempoh RMKe-10, berikutan pelaksanaan projek berskala besar seperti projek Klang Valley Mass Rapid Transit (KVMRT) Laluan 1 dari Sungai Buloh ke Kajang, Landasan Kereta Api Berkembar Ipoh-Padang Besar, sambungan Transit Aliran Ringan (LRT) dari Kelana Jaya dan Sri Petaling ke Putra Heights, Terminal KLIA2, Central Spine Road jajaran dari Kuala Lipis ke Bentong dan Terminal Regasifikasi 1 (RGT-1) di Melaka.

**Penggunaan swasta** dianggarkan berkembang sebanyak 7.1% setahun, disokong oleh kedudukan guna tenaga dan kadar upah yang menggalakkan. Penggunaan swasta dijangka tidak terjejas dengan pelaksanaan rasionalisasi subsidi serta cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

<sup>2</sup> Dana Mudah Cara telah diperkenalkan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi pada tahun 2009 sebagai inisiatif untuk menggalakkan pelaksanaan projek sektor swasta. Objektif utamanya adalah untuk merapatkan jurang daya maju pelaburan sektor swasta dalam projek bernilai tinggi yang mempunyai kesan limpahan yang besar dan impak strategik yang tinggi kepada ekonomi


Dalam tempoh 2011-2013, **penggunaan awam** berkembang pesat sebanyak 8.4% setahun, disokong terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan serta pelarasan gaji kakitangan awam pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, pertumbuhan penggunaan awam untuk keseluruhan tempoh RMKe-10 dianggarkan lebih rendah iaitu pada kadar 5.5% setahun berikutan perbelanjaan yang lebih berhemat dan konsolidasi fiskal pada tahun 2014 dan 2015.

### Keluaran mengikut sektor

Dalam tempoh RMKe-10, semua sektor ekonomi dianggarkan berkembang, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-3. Struktur ekonomi terus mengalami perubahan ke arah ekonomi yang lebih berorientasikan perkhidmatan. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK dianggarkan meningkat daripada 51.2% pada tahun 2010 kepada 53.8% pada tahun 2015. Sumbangan sektor pembinaan dianggarkan meningkat daripada 3.4% kepada 4.5%. Walau bagaimanapun, sumbangan sektor pembuatan, perlombongan dan

#### Paparan 2-3

### KDNK benar mengikut aktiviti ekonomi, 2010-2015



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010  
Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

pertanian dianggarkan berkurang. Namun begitu, nilai ditambah bagi ketiga-tiga sektor ini terus meningkat dan sumbangannya kepada ekonomi kekal signifikan.

**Sektor perkhidmatan** dianggarkan berkembang pada kadar 6.3% setahun. Pertumbuhan ini dipacu oleh subsektor perdagangan borong dan runcit yang disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh. Subsektor komunikasi juga memacu pertumbuhan berikutan peningkatan berterusan dalam bilangan pelanggan telefon selular di samping peningkatan penggunaan perkhidmatan data mudah alih. Subsektor penginapan dan restoran juga terus berkembang hasil peningkatan jumlah ketibaan dan perbelanjaan pelancong asing. Selain itu, peningkatan dalam aktiviti berkaitan perdagangan borong dan runcit menggalakkan subsektor pengangkutan dan penyimpanan. **Sektor pembinaan** dianggarkan mencatat pertumbuhan dua angka iaitu sebanyak 11.1%, didorong oleh aktiviti yang rancak dalam subsektor infrastruktur dan kediaman.

**Sektor pembuatan** dianggarkan berkembang pada kadar 4.8% setahun berdasarkan permintaan dalam negeri yang tinggi berikutan peningkatan pelaburan swasta dan perkembangan kukuh dalam subsektor berkaitan pembinaan. Pertumbuhan sektor ini juga disokong oleh pemulihan eksport, terutamanya produk elektrik dan elektronik (E&E). **Sektor pertanian** dianggarkan mengekalkan momentum pertumbuhan sebanyak 2.4%, disokong oleh pemodenan dalam subsektor agromakanan dan komoditi industri.

**Sektor perlombongan** hanya meningkat sebanyak 0.9% setahun, terutamanya berpunca daripada pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah dari lapangan minyak matang. Secara purata, sejumlah 587,000 tong minyak mentah dan kondensat sehari telah dikeluarkan dalam tempoh RMKe-10 dan jumlah ini tidak melebihi had pengeluaran yang ditetapkan di bawah Dasar Susutan Negara. Harga minyak mentah mencatat perubahan naik turun yang sangat ketara. Harga purata minyak mentah Brent yang merupakan penanda aras utama antarabangsa untuk harga minyak mentah dunia, menjunam ke paras AS\$62.2 setong pada Disember 2014 daripada purata AS\$110.5 setong


antara tahun 2011 hingga tahun 2013. Harga minyak mentah Brent dianggarkan stabil sekitar AS\$60 setong pada tahun 2015. Pengeluaran gas asli cecair (LNG) adalah pada purata 25.2 juta tan setahun (mtpa) bagi memenuhi kontrak dengan negara Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan PRC.

### Perdagangan antarabangsa dan imbalan pembayaran

Sumbangan sektor luar kepada ekonomi masih besar iaitu sebanyak RM1.6 trilion pada tahun 2015, bersamaan dengan 135% kepada KDNK, berbanding dengan RM1.3 trilion pada tahun 2010 (158% kepada KDNK). Berdasarkan laporan Pertubuhan Perdagangan Dunia tahun 2013, Malaysia berada pada kedudukan ke-25 sebagai pengeksport barangan dagangan terbesar dengan sumbangan sebanyak 1.2% daripada jumlah eksport barangan dagangan dunia. Pertumbuhan jumlah eksport dianggarkan kekal sebanyak 4% setahun dalam tempoh RMKe-10. Rakan dagangan utama Malaysia ialah ASEAN, diikuti oleh PRC, Jepun, Kesatuan Eropah (EU) dan AS.

Paparan 2-4

#### Imbalan pembayaran, 2010-2015



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010  
Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam tempoh 2011-2013, **eksport kasar** menyederhana kepada 4.1% setahun, terutama disebabkan oleh penguncupan eksport produk E&E sebanyak 1.7% dan komoditi pertanian sebanyak 1.2% kesan daripada permintaan luar yang lebih lemah. Eksport mineral berkembang sebanyak 9.9% setahun dengan pertumbuhan eksport LNG sebanyak 15.4% berikutan permintaan yang lebih tinggi oleh Jepun untuk penjana elektrik berasaskan gas.

Malaysia telah menjadi pengimport bersih produk berkaitan petroleum pada tahun 2014, dengan eksport bersih minyak mentah bernilai RM8.8 bilion, manakala import bersih produk petroleum bernilai RM9.7 bilion. Oleh itu, kejatuhan harga minyak mentah mulai tahun 2014 memberikan kesan positif kepada negara. Sumbangan eksport perlombongan kepada jumlah keseluruhan eksport adalah hanya 13.7%. Oleh itu, kesan keseluruhan ketidakpastian pasaran minyak dan gas kepada ekonomi negara adalah terhad.

Pertumbuhan eksport dalam tempoh 2014-2015 dianggarkan terus sederhana pada kadar 3.9% setahun terutamanya disebabkan harga komoditi yang lebih rendah. Eksport mineral dan eksport pertanian dianggarkan menguncup pada kadar 13.7% setahun dan 5.3% setahun masing-masing. Walau bagaimanapun, eksport barangan pembuatan dianggarkan meningkat sebanyak 7.8% setahun berikutan permintaan yang berterusan bagi produk E&E.

**Import kasar** dianggarkan berkembang sebanyak 6.5% setahun dalam tempoh RMKe-10, sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan import untuk eksport semula. Import untuk eksport semula ini menyumbang hampir 15% daripada jumlah import, berikutan penyediaan kemudahan penyimpanan minyak dan perdagangan serantau di selatan Johor. Import barangan modal dan perantara menyumbang 75% daripada jumlah import negara.

**Akaun semasa dalam imbalan pembayaran (BOP)** dijangka kekal mencatat lebihan, walaupun nilainya berkurangan daripada RM82.8 bilion atau 10.4% kepada PNK pada tahun 2010 kepada RM22.4 bilion atau 2% kepada PNK pada tahun 2015, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-4. Imbalan positif ini disumbangkan oleh lebihan dalam akaun barangan, terimaan hasil pelancongan yang lebih tinggi dalam akaun perkhidmatan dan peningkatan dalam akaun pendapatan sekunder.

Malaysia terus mengekalkan kedudukan rizab antarabangsa yang kukuh. Sehingga 15 April 2015, rizab antarabangsa berjumlah RM391.4 bilion (AS\$105.6 bilion), bersamaan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek dan cukup untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh.

### Kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan


Kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan terus diperkukuh selaras dengan sasaran yang ditetapkan dalam tempoh RMKe-10. Defisit fiskal dikurangkan daripada 5.3% kepada KDNK pada tahun 2010 kepada 3.4% pada tahun 2014 hasil pengurusan fiskal yang lebih berhemat, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-5. Kutipan hasil dalam tempoh 2011-2013 adalah lebih baik daripada yang dijangkakan susulan harga minyak mentah dunia yang lebih tinggi,

pelupusan pelaburan secara strategik oleh Khazanah Nasional Berhad dan pensukuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan. Dalam tempoh RMKe-10, sebagai sebahagian daripada usaha konsolidasi fiskal, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah pengukuhan struktur dan institusi seperti menubuhkan Jawatankuasa Dasar Fiskal, mengguna pakai Bajet Berasaskan Outcome dan melaksanakan GST. Subsidi bahan api terus dirasionalisasikan dengan pengenalan sistem apungan terkawal bagi penetapan harga runcit RON95 dan diesel mulai Disember 2014.

Defisit fiskal dianggarkan pada paras 3.2% kepada KDNK pada tahun 2015 berbanding dengan sasaran sebanyak 3% berikutan kejatuhan harga minyak mentah pada tahun 2014. Secara keseluruhan,

Paparan 2-5

### Akaun Kerajaan Persekutuan, 2010-2015



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

pengurangan yang berterusan dalam defisit fiskal akan memastikan hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi had yang ditetapkan iaitu 55% kepada KDNK. Pada tahun 2015, hutang Kerajaan Persekutuan dianggarkan mencecah RM622.7 bilion (53.3% kepada KDNK) berbanding dengan RM407.1 bilion (49.6% kepada KDNK) pada tahun 2010. Walaupun jumlah hutang masih tinggi, kapasiti khidmat bayaran hutang Kerajaan adalah pada tahap yang berhemat, iaitu di bawah had 15% daripada jumlah hasil. Bayaran khidmat hutang pada tahun 2015 dianggarkan sebanyak 10.9% daripada jumlah hasil berbanding 9.8% pada tahun 2010.

### Inflasi dan pasaran buruh

Walaupun Kerajaan telah melaksanakan langkah merasionalisasikan subsidi untuk bahan api, elektrik dan gula, inflasi kekal sederhana pada kadar purata 2.5% setahun antara tahun 2011-2014. Penyumbang utama kepada inflasi ialah makanan dan minuman bukan alkohol; pengangkutan; dan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain. Ketiga-tiga kategori ini menyumbang sebanyak 80.5% daripada keseluruhan peningkatan harga pengguna dalam tempoh tersebut. Pada tahun 2015, inflasi diunjurkan lebih rendah antara 2% hingga 3%, disumbangkan terutamanya oleh penurunan harga minyak dunia. Penurunan harga ini sebahagiannya akan mengimbangi kesan GST yang dilaksanakan bermula 1 April 2015.

Ekonomi negara dijangka terus berada dalam keadaan guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran kekal sekitar 2.9% pada akhir tempoh RMKe-10. Keadaan ini adalah berikutan pertumbuhan ekonomi yang stabil dan pasaran buruh yang lebih baik. Sejumlah 1.8 juta pekerjaan akan diwujudkan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

## Isu dan cabaran

Pelaksanaan pelbagai langkah sepanjang lima tahun yang lepas telah memperkukuh daya tahan ekonomi negara. Melangkah ke hadapan, masih terdapat cabaran yang perlu ditangani. Lima cabaran utama yang akan ditangani oleh Kerajaan dalam tempoh RMKe-11 adalah ketidaktentuan ekonomi dunia, pertumbuhan produktiviti yang perlahan, ruang pengurusan dasar fiskal yang terhad, pampasan pekerja yang rendah dan jurang dalam pendapatan isi rumah. Kesemua cabaran ini boleh memberikan kesan yang signifikan kepada prestasi ekonomi negara dan landasan pertumbuhannya pada masa hadapan. Oleh itu, dalam tempoh RMKe-11, strategi ekonomi makro akan dilaksanakan bagi memastikan ekonomi kekal berdaya tahan.

### Ketidaktentuan ekonomi dunia

Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia terdedah kepada risiko dan ketidaktentuan ekonomi dunia. Kejutan ekonomi yang dialami dalam beberapa dekad yang lepas telah dicetuskan oleh faktor luar seperti kejatuhan harga komoditi dunia pada tahun 1985, krisis kewangan Asia pada tahun 1997/1998 dan krisis subprima pada tahun 2009. Namun begitu, Malaysia berjaya pulih semula dalam tempoh setahun selepas krisis yang menunjukkan kedudukan ekonomi negara yang berdaya tahan. Selain kitaran ekonomi dunia yang lebih singkat, Malaysia juga menghadapi prospek kejatuhan mendadak harga komoditi eksport utama, penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama dan risiko kelembapan ekonomi rakan dagangan utama.

### Pertumbuhan produktiviti yang perlahan

Sejak pertengahan dekad 1990-an, Malaysia telah memberikan tumpuan kepada peningkatan inovasi dan produktiviti untuk berubah daripada ekonomi berasaskan input kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Walau bagaimanapun, tahap produktiviti negara masih lagi ketinggalan

berbanding dengan kebanyakan ekonomi maju. Pada tahun 2013, produktiviti buruh Malaysia adalah hanya 32.4% daripada tahap di AS dan 56.1% di Korea Selatan. Kedudukan ini adalah terutamanya disebabkan oleh sumbangan MFP<sup>3</sup> yang rendah kepada ekonomi. Ekonomi Malaysia masih lagi dipacu oleh faktor pengeluaran tradisional iaitu modal dan buruh yang telah menyumbang kira-kira 70% daripada KDNK, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-6. Walaupun modal dan buruh masih diperlukan untuk pengeluaran, sumbangan yang lebih tinggi daripada MFP akan memastikan corak pertumbuhan yang lebih mampan dan pengagihan kekayaan yang saksama untuk jangka masa panjang.

### Ruang pengurusan dasar fiskal yang terhad


Akaun fiskal Kerajaan Persekutuan masih dalam keadaan defisit walaupun menunjukkan trend pengurangan sepanjang tempoh RMKe-10. Namun begitu, defisit ini dibiayai melalui sumber yang tidak menyebabkan inflasi, terutamanya melalui pinjaman daripada institusi bukan perbankan dalam negeri dan penerbitan bon. Pada masa yang sama, had siling pinjaman yang ditetapkan iaitu tidak melebihi 55% daripada KDNK masih dipatuhi. Memandangkan ekonomi dunia berada dalam ketidaktentuan, Kerajaan perlu meneruskan langkah konsolidasi fiskal dan pada masa yang sama memastikan dana awam adalah mencukupi bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat.

Paparan 2-6

### Faktor pengeluaran, 1996-2015

#### Pertumbuhan benar, % setahun

Bahagian kepada pertumbuhan ditunjukkan dalam kurungan, %



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>3</sup> MFP mengukur bahagian daripada pertumbuhan ekonomi yang tidak boleh dijelaskan oleh peningkatan dalam penggunaan modal dan buruh, dan sering ditafsirkan sebagai sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi yang dijana oleh faktor seperti inovasi teknikal dan organisasi serta kualiti tenaga kerja. MFP adalah sinonim dengan Produktiviti Faktor Keseluruhan (TFP)

### Pampasan pekerja yang rendah


Walaupun jurang pendapatan telah berkurang seiring dengan pertumbuhan ekonomi, masih terdapat perbezaan yang ketara antara pendapatan pemilik modal dengan pendapatan pekerja, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-7. Dalam tempoh 2010-2013, purata sumbangan Lebihan Kendalian Kasar (GOS) yang merupakan pendapatan pemilik modal adalah sebanyak 64.9% kepada KDNK manakala purata Pampasan Pekerja (CE) adalah sebanyak 32.5%. Nisbah CE kepada KDNK Malaysia adalah lebih rendah berbanding dengan nisbah CE negara berpendapatan tinggi dan sederhana lain seperti Australia (47.8% kepada KDNK), Korea Selatan (43.2%) dan Afrika Selatan (45.9%).

### Jurang dalam pendapatan isi rumah

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang stabil, semua rakyat Malaysia perlu diberikan peluang untuk menyumbang dan mengambil bahagian dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, sesetengah masyarakat masih terdedah kepada risiko ekonomi, terutamanya isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40). Dalam tempoh 2009-2014, pendapatan bulanan purata isi rumah B40 meningkat sebanyak 12%, namun bahagian pendapatan mereka daripada keseluruhan pendapatan isi rumah hanya meningkat sedikit iaitu daripada 14.3% pada tahun 2009 kepada 16.5% pada tahun 2014. Untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif, peningkatan pendapatan isi rumah B40 adalah menjadi keutamaan negara.

Paparan 2-7

### KDNK mengikut kaedah pendapatan, 2010-2015



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010

<sup>1</sup> Pendapatan yang diperoleh dengan bekerja sendiri atau daripada perniagaan yang tidak berdaftar

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia



# Ringkasan strategi ekonomi makro Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Meningkatkan potensi produktiviti untuk memastikan pertumbuhan mampan dan inklusif



Agenda produktiviti dan pelan pelaksanaan pada peringkat nasional

Menggalakkan produktiviti sektor awam dan mempercepatkan pematapan kawal selia

Menggalakkan latihan semula dan peningkatan kemahiran serta penyelidikan

Memastikan produktiviti diterajui merentasi industri

Penilaian dan sasaran produktiviti di peringkat perusahaan

Menggalakkan pelaburan untuk menerajui pertumbuhan ekonomi



Mengurangkan kos menjalankan perniagaan

Menyediakan insentif berasaskan prestasi bagi aktiviti ekonomi yang berpendapatan tinggi dan berintensif pengetahuan

Menangani jurang bakat dan ketidakpadanan tenaga kerja

Meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi industri berintensif pengetahuan

Menyediakan pembiayaan sokongan melalui Dana Mudah Cara

Meningkatkan eksport untuk menambah baik imbalan perdagangan



Meningkatkan ekosistem eksport

Meningkatkan aktiviti dalam rantai nilai

Memaksimumkan peluang dengan rakan strategik

Meningkatkan sokongan pakar industri dari luar negara

Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan fiskal yang mampan



Meningkatkan hasil dan melaksanakan langkah perbelanjaan yang lebih berhemat

## Sasaran pelbagai dimensi, 2016-2020

KDNK berkembang sebanyak

**5%-6%**

setahun



Produktiviti buruh daripada RM77,100 pada tahun 2015 kepada

**RM92,300**

pada tahun 2020



PNK per kapita mencecah

**RM54,100**

pada tahun 2020



Pendapatan bulanan purata isi rumah daripada RM6,141 pada tahun 2014 kepada

**RM10,540**

pada tahun 2020



Pampasan pekerja kepada KDNK daripada 34.9% pada tahun 2015 kepada

**40%**

pada tahun 2020



Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) meningkat sebanyak

**1.7%**  
setahun



## Sasaran ekonomi makro, 2016-2020



# Prospek ekonomi makro

## Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Pertumbuhan KDNK akan disokong oleh pengukuhan permintaan dalam negeri dan peningkatan sektor luar serta peralihan fokus ke arah matlamat pelbagai dimensi yang mengimbangi pertumbuhan ekonomi, pengagihan kekayaan, dan kesejahteraan rakyat selaras dengan ekonomi berteraskan rakyat.

RMKe-11 amat penting kerana Rancangan ini merupakan fasa terakhir ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju dan inklusif pada tahun 2020. Selaras dengan keutamaan kepada ekonomi berteraskan rakyat, Kerajaan akan beralih kepada matlamat pelbagai dimensi yang akan mengimbangi pertumbuhan ekonomi, pengagihan kekayaan dan kesejahteraan negara. Oleh itu, RMKe-11 akan menetapkan matlamat pelbagai dimensi yang merangkumi sasaran ekonomi makro serta sosioekonomi seperti pengagihan pendapatan dan kesejahteraan rakyat.

### Persekitaran luar negara

Ekonomi Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada prospek pengukuhan ekonomi dunia, pemulihan harga komoditi dan penyederhanaan inflasi dunia dalam tempoh RMKe-11. Ekonomi dunia dijangka mengukuh pada kadar 3.9% setahun, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-8. Perbelanjaan pengguna dan perniagaan yang lebih tinggi di negara maju, penstabilan dan pemulihan di pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun serta pengurangan kekangan fiskal di negara maju dijangka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih kukuh.

Paparan 2-8

### Prospek ekonomi dunia, 2011-2020

	Kadar pertumbuhan tahunan, %						
	Sebenar			Anggaran		Anggaran	
Perkara	2011	2012	2013	2014	2015	RMKe-10	RMKe-11
<b>Pengeluaran dunia</b>	4.2	3.4	3.4	3.4	3.5	3.6	3.9
Negara maju	1.7	1.2	1.4	1.8	2.4	1.7	2.1
Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun	6.2	5.2	5.0	4.6	4.3	5.0	5.1
<b>Perdagangan dunia</b>	6.8	2.8	3.5	3.4	3.7	4.0	5.0
<b>Import</b>							
Negara maju	5.5	0.9	2.1	3.3	3.3	3.0	4.6
Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun	9.8	6.0	5.5	3.7	3.5	5.7	6.0
<b>Eksport</b>							
Negara maju	6.3	2.0	3.1	3.3	3.2	3.6	4.3
Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun	7.4	4.4	4.6	3.4	5.3	5.0	6.0
<b>Harga dunia</b>							
Pembuatan	6.1	0.6	-1.4	-0.8	-3.3	0.2	0.6
Komoditi utama bukan bahan api	17.9	-10.0	-1.2	-4.0	-14.1	-2.9	-0.7
Minyak (AS\$ setong) <sup>1</sup>	104.0	105.0	104.1	96.2	58.1	93.5	70.9
Pertumbuhan (%)	31.6	1.0	-0.9	-7.5	-39.6	-6.0	5.0
<b>Harga pengguna</b>							
Negara maju	2.7	2.0	1.4	1.4	0.4	1.6	1.9
Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun	7.3	6.1	5.9	5.1	5.4	6.0	4.6

Nota: <sup>1</sup> Harga purata minyak mentah Brent UK, Dubai Fateh dan West Texas Intermediate  
Sumber: World Economic Outlook, April 2015, Tabung Kewangan Antarabangsa

Pertumbuhan ekonomi merentas rantau dijangka berbeza-beza. Ekonomi negara maju dijangka mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 2.1% setahun manakala pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun, khususnya di Asia, dijangka berkembang lebih tinggi pada kadar 5.1% setahun. Perdagangan dunia diunjur berkembang sebanyak 5%, disokong oleh pertumbuhan eksport yang menggalakkan di pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun, iaitu sebanyak 6%. Inflasi dunia dianggarkan pada kadar 3.5% setahun dalam tempoh RMKe-11. Walau bagaimanapun, cabaran dijangka wujud berikutan hutang isi rumah dan sektor awam yang tinggi, kos penjagaan kesihatan yang meningkat, harga komoditi yang lebih rendah dan ketegangan geopolitik. Cabaran ini boleh menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi dunia.

## Matlamat pelbagai dimensi

Enam matlamat pelbagai dimensi telah dikenal pasti di bawah RMKe-11:


- KDNK berkembang sebanyak 5% hingga 6% setahun
- Produktiviti buruh meningkat daripada RM77,100 pada tahun 2015 kepada RM92,300 pada tahun 2020
- PNK per kapita mencecah RM54,100 (AS\$15,690) pada tahun 2020
- Pendapatan bulanan purata isi rumah meningkat daripada RM6,141 pada tahun 2014 kepada RM10,540 pada tahun 2020
- Bahagian pampasan pekerja kepada KDNK meningkat daripada 34.9% pada tahun 2015 kepada sekurang-kurangnya 40% pada tahun 2020
- Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM), iaitu petunjuk kepada penambahbaikan kesejahteraan rakyat meningkat sebanyak 1.7% setahun

Dalam tempoh RMKe-11, pertumbuhan KDNK sebanyak 5% hingga 6% akan diterajui oleh peningkatan yang kukuh dalam penggunaan dan pelaburan swasta. Pertumbuhan ini meningkatkan PNK per kapita sebanyak 7.9% setahun, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-9. Gaji pekerja juga dijangka meningkat, menjana agihan pendapatan yang lebih saksama antara pemilik modal dengan pekerja melalui peningkatan bahagian pampasan pekerja kepada KDNK.

Kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya dijangka bertambah baik

### Paparan 2-9

## KDNK dan PNK per kapita, 2015-2020



berikutan pelaksanaan langkah meningkatkan pendapatan isi rumah, inklusiviti dan kesejahteraan. IKRM disasarkan meningkat sebanyak 1.7% setahun berbanding dengan 1.2% yang dicatat dalam tempoh RMKe-10. Kesejahteraan sosial disasarkan meningkat lebih pantas dalam tempoh RMKe-11, mencerminkan peralihan tumpuan dasar ke arah ekonomi berteraskan rakyat.

## Strategi ekonomi makro untuk memperkukuh asas ekonomi

Dalam tempoh RMKe-11, rangka kerja dasar ekonomi makro akan memberikan tumpuan untuk meningkatkan daya tahan ekonomi ke arah mencapai matlamat pelbagai dimensi. Strategi akan terus dilaksanakan bagi memastikan persekitaran ekonomi yang kondusif dan berdaya saing dengan harga yang stabil serta tahap kadar faedah dan pertukaran asing yang menyokong pertumbuhan. Empat strategi telah dikenal pasti bagi memperkukuh asas dan mengekalkan kestabilan ekonomi seperti berikut:

- Meningkatkan potensi produktiviti bagi memastikan pertumbuhan mampan dan inklusif
- Menggalakkan pelaburan untuk menerajui pertumbuhan ekonomi
- Meningkatkan eksport bagi menambah baikimbangan perdagangan
- Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan fiskal yang mampan

## Ekonomi dalam negeri

Pencapaian matlamat pelbagai dimensi ini bergantung kepada pencapaian keseluruhan sasaran ekonomi makro. Beberapa sasaran utama adalah seperti yang dijelaskan di bawah.

### Produktiviti


Dalam tempoh RMKe-11, pertumbuhan KDNK akan dipacu oleh peningkatan yang ketara dalam produktiviti dan kebergantungan kepada input modal dan pekerja akan dikurangkan. Peningkatan produktiviti dikenal pasti sebagai satu daripada pemacu perubahan dengan sumbangan MFP kepada pertumbuhan KDNK dijangka meningkat kepada 40% dan sumbangan modal dijangka berkurangan kepada 44% dan pekerja kepada 16%, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-10. Pertumbuhan produktiviti yang tinggi akan dicapai melalui inisiatif yang komprehensif pada semua peringkat dan diterajui oleh pemain industri. Produktiviti pada peringkat industri akan ditingkatkan melalui penggunaan automasi yang lebih meluas dan peningkatan kemahiran. Ekosistem inovasi akan diperkukuh untuk mempertingkatkan produktiviti melalui penggunaan proses dan teknologi baharu atau yang ditambah baik. Strategi pada pelbagai peringkat akan dilaksanakan untuk mencapai aspirasi tersebut.

Paparan 2-10

### Faktor pengeluaran, 2010-2020

**Pertumbuhan benar, % setahun**

Bahagian kepada pertumbuhan ditunjukkan dalam kurungan, %



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010  
Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

### Peringkat nasional

- Mewujudkan agenda produktiviti dan pelan pelaksanaan pada peringkat nasional dengan merangka Pelan Pembangunan Produktiviti Malaysia untuk tempoh lima tahun, memperkukuh tadbir urus dan mekanisme institusi untuk pelaksanaan strategi produktiviti dan menubuhkan portal produktiviti nasional yang khusus
- Meningkatkan produktiviti sektor awam dengan memperkenalkan petunjuk prestasi utama peningkatan produktiviti, mempercepat pematapan kawal selia dan merasionalisasikan institusi Kerajaan
- Menggalakkan latihan semula dan peningkatan kemahiran serta penyelidikan melalui peningkatan kerjasama antara institusi pendidikan dengan pihak industri serta meningkatkan program latihan kemahiran yang berfokus dan sokongan bagi aktiviti inovasi perindustrian dan sosial

### Peringkat industri

- Memilih jaguh produktiviti mengikut industri untuk menerajui usaha meningkatkan produktiviti serta menyediakan program produktiviti berdasarkan keperluan industri

### Peringkat perusahaan

- Mewujudkan penilaian dan sasaran produktiviti peringkat perusahaan dengan menggalakkan sasaran prestasi produktiviti dan mekanisme pemeriksaan prestasi, memperkenalkan program intervensi pada peringkat perusahaan dan memupuk budaya berasaskan produktiviti

### Permintaan agregat

Penggunaan swasta benar dijangka mencatat pertumbuhan pada kadar purata 6.4% setahun seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-11. Pertumbuhan ini akan disokong oleh peningkatan pendapatan isi rumah berikutan keadaan pasaran buruh yang stabil, pertambahan guna tenaga dalam pekerjaan bergaji tinggi, peningkatan harga komoditi dan penerusan bantuan langsung oleh Kerajaan kepada kumpulan yang disasarkan. Penggunaan awam dijangka berkembang pada kadar sederhana, iaitu 3.7% setahun. Pertumbuhan ini selaras dengan langkah perbelanjaan berhemat serta komitmen untuk

mencapai bajet berimbang menjelang 2020 tanpa menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Sektor swasta akan terus memainkan peranan penting dalam memacu negara untuk menjadi negara maju dan inklusif. Pelaburan swasta benar dijangka berkembang sebanyak 9.4% setahun, dengan anggaran purata pelaburan sebanyak RM291 bilion setahun pada harga semasa. Pelaburan langsung dalam negeri (DDI) dan FDI akan terus digalakkan. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan diberikan perhatian khusus untuk meningkatkan DDI memandangkan 98.5% daripada jumlah pertumbuhan terdiri daripada PKS yang menyumbang sebanyak 59% kepada jumlah guna tenaga pada tahun 2015. Langkah meningkatkan FDI akan ditumpukan kepada usaha untuk menarik pelaburan dalam aktiviti bernilai tambah lebih tinggi dan pekerjaan berintensif pengetahuan.


Kerajaan akan lebih memainkan peranan sebagai pengawal selia dan pemudah cara dalam meningkatkan pelaburan swasta melalui strategi yang disasarkan seperti mengenal pasti sumber pembiayaan tambahan atau menambah baik peraturan supaya menjadi lebih mesra perniagaan. Lima strategi akan dilaksanakan untuk meningkatkan outcome pelaburan:

- Mengurangkan kos menjalankan perniagaan melalui penyediaan lebih banyak infrastruktur dan kemudahan asas serta mengkaji semula birokrasi dalam peraturan
- Menyediakan insentif berasaskan prestasi bagi aktiviti ekonomi yang berpendapatan tinggi dan berintensif pengetahuan dengan mengkaji semula program insentif pelaburan sedia ada
- Menangani jurang bakat dan ketidakpadanan tenaga kerja dengan menubuhkan pangkalan data pasaran buruh, menambah baik mekanisme keseimbangan pasaran buruh serta program latihan semula dan mempelbagaikan kemahiran
- Meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi industri berintensif pengetahuan dengan menyediakan pilihan pembiayaan yang inovatif
- Menyediakan pembiayaan sokongan melalui Dana Mudah Cara untuk merapatkan jurang daya maju pembiayaan projek pelaburan strategik

**Pelaburan awam** dijangka berkembang pada kadar 2.7% setahun iaitu sebanyak RM131 bilion setahun pada harga semasa yang akan dipacu oleh perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan modal perusahaan awam bukan kewangan (PABK). Pelaburan ini disalurkan terutamanya untuk projek infrastruktur, pengangkutan, utiliti serta industri minyak dan gas. Antara projek sektor awam utama yang akan dilaksanakan termasuklah Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) di Johor; Lebuhraya Pan Borneo; KVMRT Laluan 2 dan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi fasa 2. Kerajaan akan melaksanakan projek mengikut keutamaan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

### Paparan 2-11

#### KDNK mengikut perbelanjaan, 2011-2020



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010  
Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

#### Keluaran mengikut sektor

Semua sektor ekonomi dijangka mencatat prestasi lebih baik dalam tempoh Rancangan, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-12. Pertumbuhan semua sektor ini akan dipacu oleh permintaan kukuh dan disokong oleh peningkatan produktiviti serta aktiviti yang lebih berintensif pengetahuan dan nilai ditambah tinggi.

**Sektor perkhidmatan** akan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan. Pertumbuhan sektor ini dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 6.9% setahun dengan sumbangan yang lebih besar kepada KDNK daripada 53.8% pada tahun 2015 kepada 56.5% pada tahun 2020. Semua subsektor di bawah sektor ini dijangka

## Pemacu Perubahan

# Meningkatkan potensi produktiviti

### Mengapa produktiviti penting kepada Malaysia?

Pada masa lalu, pertumbuhan ekonomi negara sebahagian besarnya didorong oleh input, terutamanya melalui pelaburan swasta dalam industri dan pelaburan awam dalam infrastruktur, utiliti serta sekolah dan hospital. Sungguhpun pelbagai usaha untuk meningkatkan produktiviti telah dilaksanakan, Malaysia masih ketinggalan berbanding dengan kebanyakan negara berpendapatan tinggi. Sebagai contoh, pada tahun 2013 tahap produktiviti Malaysia ialah sebanyak 32% daripada tahap di AS dan sebanyak 56% di Korea Selatan. Walaupun negara akan terus meningkatkan pelaburan

swasta dan mengekalkan pelaburan awam dalam tempoh RMKe-11, penekanan yang lebih tinggi akan diberikan untuk memantapkan produktiviti bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan mampan.

### Apakah kejayaan yang boleh dicapai?

Dalam tempoh RMKe-11, produktiviti disasarkan meningkat daripada RM77,100 pada tahun 2015 kepada RM92,300 pada tahun 2020, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual B2-1. Di samping itu, pertumbuhan setiap sektor akan meningkat berikutan penambahbaikan dalam produktiviti.

Jadual B2-1

### Produktiviti buruh, 2010-2020

Sektor	RM '000, pada harga 2010							Kadar pertumbuhan purata tahunan, %	
	Sebenar				Anggaran	Sasaran	Anggaran RMKe-10	Sasaran RMKe-11	
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2020	2011-2015	2016-2020
Pertanian	51.7	55.3	55.8	56.4	57.5	57.7	68.8	2.2	3.6
Perlombongan dan kuari	1,089	1,064	1,076	1,083	1,114	1,147	1,210	1.1	1.1
Pembuatan	94.4	94.4	94.4	94.8	95.5	98.8	112.1	0.9	2.6
Pembinaan	24.7	25.8	30.0	32.2	35.7	39.1	61.9	9.6	9.6
Perkhidmatan	59.3	60.8	62.4	63.8	66.4	68.1	83.4	2.8	4.1
<b>Jumlah</b>	<b>68.7</b>	<b>69.9</b>	<b>71.4</b>	<b>72.5</b>	<b>75.0</b>	<b>77.1</b>	<b>92.3</b>	<b>2.3</b>	<b>3.7</b>

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

## Bagaimana kejayaan ini boleh dicapai?

Pendekatan untuk meningkatkan produktiviti negara akan beralih daripada inisiatif yang diterajui oleh Kerajaan pada peringkat nasional kepada tindakan bersasar merentasi sektor awam, pemain industri dan setiap perusahaan. Pendekatan ini akan diterajui oleh juara yang dikenal pasti yang menjadi contoh perubahan dan memastikan penerimaan oleh pihak berkepentingan. Inisiatif menyeluruh yang mempunyai

asaran untuk dipantau akan dibangunkan dan disesuaikan mengikut sektor. Pada peringkat nasional, insentif berasaskan produktiviti akan diperkenalkan dan pengukuhan kawal selia akan dipercepat. Pada peringkat industri, jaguh industri akan menerajui inisiatif mengikut industri manakala pada peringkat perusahaan, insentif dan program untuk meningkatkan kemahiran akan disediakan. Secara keseluruhan, strategi tersebut akan menghasilkan perubahan ketara seperti dijelaskan di bawah.

	Daripada	Kepada
<b>Pendekatan</b>	Inisiatif produktiviti tidak bersepadu, biasanya hanya pada peringkat nasional	Strategi berfokus dan menyeluruh pada semua peringkat iaitu peringkat nasional, industri dan perusahaan
<b>Peneraju</b>	Diterajui oleh Kerajaan	Diterajui oleh jaguh industri dan persatuan industri melalui Majlis Produktiviti Nasional dan disokong oleh Kerajaan
<b>Tumpuan industri</b>	Fokus kepada sektor pembuatan dan beberapa subsektor perkhidmatan terpilih	Merangkumi semua sektor termasuk pertanian, pembinaan dan sektor awam
<b>Reka bentuk program</b>	Program bersifat generik tanpa sasaran yang jelas ----- Insentif tidak dikaitkan dengan prestasi	Program yang sejajar dengan keperluan industri berdasarkan pelan induk industri berkaitan ----- Memperkenalkan insentif yang dikaitkan dengan outcome
<b>Peraturan</b>	Kekurangan atau tiada hubungan antara dasar atau peraturan Kerajaan dengan produktiviti	Mewujudkan hubungan antara dasar atau peraturan Kerajaan dengan produktiviti
<b>Pemantauan</b>	Pemantauan pada peringkat nasional sahaja	Meningkatkan pemantauan merentasi peringkat nasional, industri dan perusahaan

Kanvas strategi menggariskan bidang yang perlu dihapus, dikurang, ditambah atau dicipta bagi pemacu perubahan.





## Apakah contoh amalan terbaik di Malaysia?

Paras produktiviti di Malaysia telah meningkat dalam tempoh RMKe-10 tetapi masih ketinggalan berbanding dengan kebanyakan negara maju. Untuk terus berada di hadapan, Malaysia perlu mempercepat pertumbuhan produktiviti, terutamanya dengan meningkatkan kecekapan modal dan menambah baik MFP. Keupayaan Malaysia untuk meningkatkan kadar pertumbuhan produktiviti buruh bergantung kepada kapasiti negara untuk menjana peningkatan kecekapan daripada sumber dalaman seperti modal insan, inovasi serta dari amalan yang terbaik seperti kecemerlangan operasi. Amalan terbaik dan inovasi untuk meningkatkan produktiviti sudah wujud pada peringkat syarikat dan organisasi. Contoh berikut menggambarkan pelbagai amalan terbaik merentasi sektor dan jenis organisasi di Malaysia.

### Penyambungan ke grid

#### Tenaga Nasional Berhad (TNB)

merupakan syarikat utiliti elektrik terbesar di Malaysia yang memberikan perkhidmatan kepada lebih 8.3 juta pelanggan dan juga merupakan syarikat utiliti yang terkemuka di Asia. Proses menyediakan sambungan bekalan elektrik adalah keutamaan bagi TNB kerana bekalan elektrik memberikan kesan kepada ribuan pelanggan baharu setiap tahun. Bilangan hari dan prosedur yang diperlukan untuk penyambungan bekalan juga mempunyai kesan kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Ini adalah kerana proses penyambungan tenaga elektrik merupakan tanda aras yang ditetapkan oleh Bank Dunia sebagai petunjuk penting persekitaran menjalankan perniagaan di setiap negara. Prosedur ini merangkumi permohonan, pemeriksaan, pemasangan meter dan kerja penyambungan akhir.

Sejak beberapa tahun yang lepas, TNB telah menunjukkan bagaimana produktiviti, kecekapan operasi dan perkhidmatan pelanggan boleh dipertingkatkan secara serentak. Sebagai sebahagian daripada program transformasi yang berterusan, TNB telah memberikan tumpuan untuk memperkemas semua peringkat proses penyambungan bekalan bagi mempermudah proses permohonan, meningkatkan komunikasi dengan kontraktor, memperkenalkan sistem pengurusan dokumen elektronik dan mengurus sumber dengan lebih berkesan.

Hasilnya, bilangan hari yang diperlukan untuk sambungan bekalan elektrik melalui sistem talian atas dikurangkan daripada 51 hari pada tahun 2012 kepada 32 hari pada tahun 2014, meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-27 daripada 189 negara dari segi kepantasan mendapat sambungan elektrik berdasarkan laporan 2015 Bank Dunia Ease of Doing Business. Pada awal tahun 2015, TNB mampu menyambung bekalan elektrik kepada isi rumah dan perniagaan dalam tempoh 7 hari setelah menerima bayaran dan kelulusan yang diperlukan pada kos yang lebih rendah kepada pelanggan.

Sumber: PEMUDAH Malaysia in Doing Business 2015 report; World Bank Doing Business Report 2015; Tenaga Nasional Berhad Performance Standards ([www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my))

### Mengurangkan masa menunggu pesakit

#### Hospital Pakar Perdana (PdSH)

merupakan hospital di bawah KPJ Healthcare Berhad di Kota Bharu dengan kapasiti maksimum 126 katil. PdSH menghadapi isu kapasiti kerana masa discaj pesakit yang panjang lebih daripada lima jam, mengakibatkan kekurangan bilik yang tersedia dan ketidakupayaan untuk menampung pesakit baharu. Bagi menangani masalah ini, PdSH mengguna pakai prinsip *lean* dan kaedah seperti peta aliran nilai, terutama bagi membantu mengurangkan masa menunggu untuk discaj pesakit selepas bersalin yang membayar sendiri.

Komponen utama bagi satu sistem penjagaan kesihatan yang mampan adalah keupayaan untuk mengguna aset penjagaan kesihatan sedia ada dengan baik dan menyampaikan perkhidmatan dengan lebih cekap. Kaedah *lean* boleh diaplikasikan dengan berkesan di hospital untuk menghapuskan pembaziran, memperkemas proses, mengurangkan kitaran masa, meningkatkan kualiti penjagaan, meningkatkan kepuasan pelanggan dan mengurangkan masa menunggu pesakit.

Dalam masa enam bulan, PdSH berjaya memperkemas proses discaj dengan mengurangkan langkah pemprosesan sebanyak 35% daripada 31 kepada 20 langkah serta memendekkan purata masa menunggu sebanyak 47% daripada 5 jam 8 minit kepada 2 jam 44 minit. Di samping itu, peningkatan produktiviti melalui peta aliran nilai membantu menghapuskan pembaziran dari segi jarak pergerakan serta penggunaan kakitangan dan lif. Dengan meningkatkan pengendalian pesakit, PdSH bukan sahaja meningkatkan kepuasan pelanggan secara keseluruhan, tetapi juga meningkatkan pendapatan sebanyak 113% bagi setiap katil daripada RM313,677 dalam suku pertama tahun 2014 kepada RM674,773 pada suku kedua tahun 2014.

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia

## Menghubungkan prestasi dan produktiviti

**Panasonic Appliances Air-Conditioning** adalah syarikat pembuat mesin penghawa dingin yang berpangkalan di Shah Alam. Untuk menyokong peningkatan dalam produktiviti dan kecekapan tenaga kerja, syarikat ini melaksanakan Sistem Upah Berkaitan Produktiviti (PLWS) yang menghubungkan produktiviti dengan prestasi dan ganjaran individu. PLWS juga merupakan bidang tumpuan penyelidikan yang dijalankan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), dan merupakan satu daripada 78 projek penyelidikan oleh MPC untuk meningkatkan produktiviti dan inovasi di seluruh negara.

Fasa pertama inisiatif (Perubahan Minda) oleh Panasonic adalah mengaitkan secara langsung bonus dan kenaikan gaji dengan prestasi syarikat, manakala fasa kedua (Peningkatan Produktiviti Benar) mengaitkan bonus dan kenaikan gaji dengan prestasi individu dan juga indeks cabaran prestasi.

PLWS telah berjaya meningkatkan prestasi syarikat dengan ketara merentasi pelbagai dimensi. Peningkatan ini termasuk peningkatan dalam kehadiran pekerja kepada 98.3%, peningkatan produktiviti tenaga kerja, penambahbaikan dalam kuantiti pengeluaran dan pelbagai metrik operasi yang lain.

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia

## Meningkatkan produktiviti dalam perkhidmatan awam

**Majlis Perbandaran Kuantan (MPK)** telah melaksanakan proses merekayasa perniagaan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Sistem e-Lesen telah diperkenalkan untuk memudahkan prosedur pengeluaran lesen premis perniagaan yang rumit. Konsep “lulus dahulu, semakan kemudian” telah diguna pakai dan berjaya mengurangkan tempoh permohonan dan kelulusan daripada 21 hari kepada hanya 15 minit. Sistem permohonan dalam talian melalui portal MPK juga telah menjadikan proses tersebut lebih mesra pengguna. Keupayaan MPK untuk memproses lesen meningkat daripada 50 kepada 1,377 permohonan sebulan dengan pengurangan kos operasi sebanyak 76% dan pada masa yang sama, meningkatkan kutipan hasil lebih daripada 27 kali.

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)** merupakan ejen Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan untuk mentadbir, menilai, memungut dan menguatkuasakan pembayaran cukai dan duti. LHDNM telah memulakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan memanfaatkan inovasi ICT seperti e-Filing untuk penyerahan borang cukai secara elektronik, e-Bayaran untuk pembayaran cukai dalam talian serta sistem elektronik untuk potongan cukai bulanan dan pendaftaran pembayar cukai. Komitmen LHDNM kepada inovasi telah meningkatkan kutipan hasil dan mengurangkan kos operasi, di samping mengoptimumkan sumber, masa dan ruang kerja. Dari segi tunggakan cukai, 74.7% daripada jumlah keseluruhan tunggakan atau RM6.85 bilion telah berjaya diselesaikan dan dipungut pada tahun 2013. Dalam tempoh 2000-2014, kutipan cukai langsung berkembang sebanyak 358% iaitu daripada RM29.17 bilion kepada RM133.70 bilion.

Sumber: MAMPU, Majlis Perbandaran Kuantan, LHDNM

## Meningkatkan inovasi dalam kecekapan perindustrian

**Hartalega** adalah syarikat pengeluar sarung tangan nitril yang terbesar di dunia yang berpangkalan di Malaysia. Malaysia kini merupakan pengeluar sarung tangan getah terbesar di dunia dengan menyumbang lebih daripada 60% kepada pasaran global. Hartalega berada di barisan hadapan dalam inovasi industri dan mempunyai prestasi produktiviti yang tertinggi dalam industri. Syarikat ini melabur lebih RM10 juta setiap tahun dalam penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan kecekapan pemrosesan pengeluaran industrinya. Syarikat ini telah memperkenalkan inovasi seperti jajaran pengeluaran (*production line*) acuan berkembar, sistem pelucutan mekanikal, peranti penyusun sarung tangan dan simulator pencelupan. Pada masa yang sama, Hartalega memberikan penekanan kepada pembangunan bakat dan peningkatan kemahiran tenaga kerja mereka melalui kerjasama dengan agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor (SHRDC).

Hartalega sedang menyiapkan Kompleks Pengilangan Sarung Tangan Bersepadu Generasi Akan Datang (NGC) yang terdiri daripada 72 jajaran pengeluaran berteknologi tinggi yang terpantas dalam industri. Kemudahan baharu dan peningkatan kapasiti pengeluaran ini dijangka mewujudkan lebih 4,000 peluang pekerjaan baharu, di samping mengurangkan keperluan pekerja manual sebanyak 24%. Hartalega yang mencatat nisbah purata 3.9 pekerja bagi setiap satu juta sarung tangan yang dihasilkan dalam sebulan adalah lebih baik daripada anggaran purata industri sebanyak 7.5 pekerja bagi setiap satu juta sarung tangan. Dengan NGC baharu ini, Hartalega menjangka nisbah ini akan bertambah baik kepada 2.6 pekerja bagi setiap satu juta sarung tangan.


Sumber: Laporan Tahunan Hartalega dan Pembentangan Invest Malaysia 2014

mencatat pertumbuhan. Subsektor borong dan runcit akan terus menjadi penyumbang utama, berkembang sebanyak 5.8% setahun. Prestasi subsektor ini akan disokong melalui strategi pemodenan dan peningkatan kecekapan serta keberkesanan rangkaian bekalan. Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka berkembang sebanyak 7.9%, diikuti oleh subsektor kewangan dan insurans pada kadar 6.1%.

Prestasi **sektor pembuatan** akan dipertingkatkan melalui peralihan kepada pengeluaran produk yang lebih kompleks dan pelbagai serta pengukuhan produktiviti dengan penggunaan automasi yang lebih meluas dan peningkatan kemahiran. Dalam tempoh RMKe-11, sektor pembuatan dijangka berkembang sebanyak 5.1%, dipacu oleh subsektor berorientasi dalam negeri. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 4.4% setahun, seiring dengan keyakinan perniagaan dan sentimen pengguna yang lebih baik. Industri utama yang akan menyokong pertumbuhan ini termasuk makanan, minuman dan tembakau; produk logam yang direka; serta jentera dan peralatan. Berdasarkan permintaan luar negeri yang bertambah baik, subsektor berorientasikan eksport juga dijangka berkembang pada kadar 5.5%. Subsektor ini termasuk industri E&E, petroleum dan kimia, barangan plastik dan produk mineral bukan logam.

#### Paparan 2-12

### KDNK mengikut aktiviti ekonomi, 2015-2020



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010  
Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

**Sektor pembinaan** dijangka berkembang sebanyak 10.3% setahun dalam tempoh Rancangan. Peningkatan ini berpunca daripada kerja-kerja kejuruteraan awam yang berterusan serta subsektor kediaman yang terus berkembang bagi memenuhi permintaan rumah, terutamanya daripada kumpulan berpendapatan menengah. Di samping itu, permintaan perumahan mampu milik oleh kumpulan berpendapatan rendah akan kekal kukuh dengan disokong oleh beberapa inisiatif Kerajaan seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Rumah Idaman Rakyat dan Rumah Mesra Rakyat. Subsektor kejuruteraan awam dan bukan kediaman akan terus kukuh sejajar dengan pelaksanaan projek utama seperti Tun Razak Exchange, Menara KL118, Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) serta Lebuhraya Pan Borneo.

**Sektor pertanian** dijangka berkembang sebanyak 3.5% setahun. Penekanan akan diberikan untuk meningkatkan produktiviti melalui pemodenan sektor ini yang akan disokong oleh pengukuhan inovasi serta penyelidikan dan pembangunan. Subsektor agromakanan akan diberikan tumpuan bagi memastikan sasaran tahap sara diri komoditi makanan dapat dicapai pada tahun 2020. Sebagai contoh, sasaran tahap sara diri beras ditetapkan pada 100%, sayur-sayuran pada 95.1% dan daging lembu pada 50%. Subsektor kelapa sawit dijangka berkembang sebanyak 2.8% dengan peningkatan jumlah ladang yang matang terutamanya di Sabah dan Sarawak. Subsektor getah pula dianggarkan meningkat sebanyak 7.6% berikutan jangkaan pemulihan harga komoditi getah.

**Sektor perlombongan** dijangka pulih dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.3% setahun dalam tempoh Rancangan. Pengeluaran minyak mentah dan kondensat dijangka berada pada tahap yang mampan iaitu sebanyak 612,000 tong sehari. Pengeluaran LNG pula akan meningkat kepada 29.3 mtpa apabila Kompleks LNG PETRONAS Train 9, Bintulu, Sarawak memulakan operasinya pada awal tahun 2016. Pengeluaran minyak mentah adalah berdasarkan jangkaan penemuan minyak dan lapangan tambahan serta pemulihan lapangan minyak matang hasil daripada penggunaan teknologi baharu seperti kaedah perolehan minyak tertingkat yang bergantung kepada daya maju ekonomi. Pengeluaran gas asli dijangka meningkat berikutan permintaan yang lebih tinggi, terutamanya daripada industri petrokimia. Berdasarkan anggaran tahun 2015, negara mempunyai rizab minyak mentah dan gas untuk tempoh 28 tahun dan 42 tahun masing-masing.

## KDNK mengikut negeri


Keseimbangan geografi dalam pertumbuhan ekonomi menjadi keutamaan kepada Kerajaan. KDNK dan KDNK per kapita mengikut negeri dijangka berkembang selaras dengan kadar pertumbuhan purata nasional, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 2-13. Kebanyakan negeri akan mencatat prestasi yang lebih baik dalam RMKe-11 berbanding dengan prestasi dalam RMKe-10. Selaras dengan struktur ekonomi nasional, sektor perkhidmatan dan pembuatan juga dijangka menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada peringkat negeri. Pada masa yang sama, semua negeri dijangka mencatat peningkatan ketara dalam KDNK per kapita yang akan meningkatkan pendapatan isi rumah dan kesejahteraan rakyat di seluruh negara.

## Perdagangan antarabangsa dan imbalan pembayaran

Pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada tahun 2015 serta perjanjian perdagangan dua hala dan pelbagai hala dijangka memesatkan perdagangan antarabangsa. Strategi perdagangan ini akan memberikan manfaat kepada industri dalam negeri seperti dalam sektor pembuatan, perlombongan dan perkhidmatan. Subsektor di

Paparan 2-13

### Pertumbuhan mengikut negeri, 2011-2020



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010  
Sumber: Unit Perancang Ekonomi

bawah sektor perkhidmatan terutamanya penerbangan, perbankan, pendidikan, penjagaan kesihatan, teknologi maklumat dan komunikasi serta pelancongan akan juga mendapat manfaat. Di samping itu, penubuhan Majlis Eksport Negara (NEC) akan merancang lagi pertumbuhan eksport melalui penyelarasan dan pelaksanaan dasar merentasi kementerian.

**Eksport kasar** dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 4.6% setahun berikutan jangkaan pertumbuhan dunia yang positif dan pengukuhan harga komoditi utama serta peningkatan eksport bernilai tinggi. Eksport barangan pembuatan dijangka berkembang sebanyak 5% setahun diterajui oleh eksport produk E&E dan produk berasaskan sumber. Pertumbuhan eksport E&E akan dipacu oleh peningkatan eksport semikonduktor berikutan permintaan berterusan untuk produk peranti pintar. Pertumbuhan eksport mineral dijangka kekal pada kadar 3.2% setahun disokong oleh eksport dan eksport semula produk petroleum, LNG serta kimia dan produk kimia. Eksport komoditi pertanian dijangka berkembang sebanyak 2.3% setahun yang dipacu oleh eksport minyak sawit.

**Import kasar** dijangka berkembang sebanyak 4.8% setahun sejajar dengan unjuran prestasi eksport yang lebih baik dan peningkatan kegiatan ekonomi dalam negeri. Import barangan perantara dan modal dijangka terus bertambah berikutan peningkatan pelaburan dalam negeri yang didorong oleh permintaan dunia yang lebih tinggi. Import barangan penggunaan juga dijangka mengukuh selaras dengan peralihan ke arah sebuah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020. Walau bagaimanapun, imbalan perdagangan dijangka kekal positif dengan lebih eksport sebanyak RM57.3 bilion pada tahun 2020.

Dalam tempoh RMKe-11, beberapa strategi akan diperkenalkan untuk menggalakkan pertumbuhan eksport bagi meningkatkan imbalan perdagangan negara. Usaha juga akan diambil untuk meningkatkan sumbangan eksport PKS kepada 25% pada tahun 2020 berbanding dengan 19% pada tahun 2015. NEC akan mengukuhkan sumbangan eksport kepada ekonomi melalui beberapa strategi yang akan dilaksanakan bagi menggalakkan pertumbuhan eksport seperti berikut:

- Meningkatkan ekosistem eksport dengan menaik taraf infrastruktur dan mengurangkan karenah birokrasi
- Meningkatkan aktiviti dalam rantai nilai dengan menggalakkan syarikat untuk melabur dalam teknologi baharu dan mengambil bahagian pada peringkat yang lebih tinggi dalam rantai bekalan global

- Memaksimumkan peluang perdagangan dengan PRC dan ASEAN melalui kerjasama dengan rakan strategik
- Meningkatkan sokongan pakar industri dari luar negara dan beralih kepada kaedah promosi eksport yang lebih proaktif

**Imbangan akaun semasa bagi imbangan pembayaran** dijangka kekal mencatat lebih sebanyak RM46.5 bilion atau 2.6% daripada PNK menjelang tahun 2020. Kedudukan ini disumbangkan oleh lebih yang lebih tinggi dalam akaun barangan dan defisit yang lebih rendah dalam akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan primer. Pengurangan defisit akaun pendapatan primer disumbangkan terutamanya oleh defisit akaun pendapatan pelaburan yang lebih kecil. Defisit dalam akaun perkhidmatan berkurang disebabkan oleh peningkatan terimaan daripada pelancongan serta aktiviti yang berkaitan dengan penyimpanan dan hab perdagangan di PIPC. Eksport perkhidmatan juga dijangka bertambah baik dengan meningkatnya pengantarabangsaan sektor perkhidmatan. Kerajaan akan menggalakkan pelaburan semula pendapatan daripada FDI terpilih serta menyediakan ekosistem yang kondusif dan komprehensif untuk pelaburan baharu sebagai usaha untuk mengurangkan defisit akaun pendapatan primer.

### Kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan

Kerajaan komited ke arah mencapai sasaran konsolidasi fiskal bagi bajet berimbang pada tahun 2020 dengan meneruskan dan memperluas perubahan struktur yang telah dimulakan dalam tempoh RMKe-10. Strategi utama untuk meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal dalam tempoh RMKe-11 adalah dengan memperkukuh kecekapan pungutan hasil dan melaksanakan perbelanjaan Kerajaan yang lebih berdisiplin dan berhemat. Kecekapan dan keberkesanan sistem percukaian sedia ada akan terus diperkukuh bermula dengan pelaksanaan GST pada tahun 2015.

Dalam tempoh RMKe-11, pelaksanaan GST dijangka meningkatkan purata kutipan hasil sebanyak RM31.4 bilion setahun berbanding dengan RM15.5 bilion setahun melalui cukai jualan dan cukai perkhidmatan dalam tempoh RMKe-10. Peningkatan hasil ini akan memperkukuh kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan. Kedudukan fiskal Kerajaan akan diperkukuh lagi, antara lain dengan mengkaji semula dividen yang diterima daripada syarikat berkaitan Kerajaan dan meningkatkan lagi pengauditan bersama oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. Jumlah hasil disasarkan

berkembang sebanyak 7.9% setahun manakala kebergantungan kepada hasil berkaitan minyak berkurangan daripada 21.5% pada tahun 2015 kepada 15.5% pada tahun 2020.

Amalan perbelanjaan secara berhemat akan dipertingkatkan, antara lain dengan meneruskan rasionalisasi subsidi, melaksanakan perakaunan akruan di semua agensi kerajaan dan kementerian serta memperkenalkan Indeks Kreativiti untuk menilai impak sosioekonomi sesuatu program dan projek. Usaha rasionalisasi perkhidmatan awam dalam tempoh RMKe-11 juga akan menyumbang ke arah perbelanjaan mengurus yang lebih sederhana.

Perbelanjaan pembangunan merupakan instrumen penting untuk mencapai sasaran negara maju dan inklusif yang lebih bersandarkan kepada peningkatan produktiviti, modal intelek, kemahiran, inovasi dan teknologi. Oleh yang demikian, dalam tempoh RMKe-11, perbelanjaan pembangunan akan terus memberikan keutamaan kepada program bukan fizikal. Peruntukan perbelanjaan pembangunan sepanjang tempoh RMKe-11 dianggarkan berjumlah RM260 bilion dengan tumpuan kepada sektor ekonomi dan sosial. Dengan pelaksanaan langkah ini, peratusan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK dianggarkan kurang daripada 45% pada tahun 2020.

### Inflasi dan pasaran buruh

Dasar monetari yang akomodatif dan langkah pentadbiran yang bersesuaian akan terus dilaksanakan bagi memastikan kestabilan harga. Inflasi dijangka kekal rendah pada kadar purata antara 2.5%-3% setahun dalam tempoh RMKe-11.

Ekonomi dijangka mengekalkan guna tenaga penuh dengan pengangguran dianggarkan pada kadar 2.8% pada tahun 2020. Guna tenaga dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 2.1% setahun. Pada tahun 2020, guna tenaga dianggarkan berjumlah 15.3 juta dengan tambahan 1.5 juta pekerjaan. Sektor perkhidmatan dijangka menyumbang sebanyak 62.5% kepada jumlah guna tenaga manakala sektor pembuatan sebanyak 18.2%. Pertumbuhan yang sederhana ini adalah selaras dengan peningkatan produktiviti buruh dan peralihan daripada ekonomi berintensifkan buruh kepada ekonomi berasaskan modal, teknologi dan pengetahuan. Komposisi pekerjaan mahir seperti pegawai kanan dan pengurus, profesional dan juruteknik, dan profesional bersekutu dianggarkan mencapai 35% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2020.

## Kesimpulan

Dalam tempoh RMKe-11, ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh disokong oleh permintaan dalam negeri yang kekal mampan dan pengukuhan sektor luar. Asas ekonomi makro akan terus diperkukuh untuk meningkatkan daya tahan ekonomi melalui asas ekonomi yang lebih pelbagai, simpanan dalam negeri yang lebih tinggi, kedudukan fiskal yang seimbang, inflasi yang rendah, guna tenaga penuh dan sistem kewangan yang kukuh. Inisiatif untuk meningkatkan produktiviti pada peringkat nasional, industri dan perusahaan akan merencanakan lagi pertumbuhan. Pertumbuhan ini akan menghasilkan pendapatan per kapita nasional dan pendapatan isi rumah yang lebih tinggi serta meningkatkan kesejahteraan rakyat selaras dengan tumpuan kepada ekonomi berteraskan rakyat.



# Memperkukuh inklusi ke arah masyarakat yang saksama

## **Gambaran keseluruhan**

Meningkatkan taraf hidup isi rumah B40

## **Sorotan**

**Rancangan Malaysia  
Kesepuluh, 2011-2015:  
Pencapaian**

Membina masyarakat yang progresif dan lebih inklusif

Memastikan akses kepada infrastruktur dan perkhidmatan asas

**Mengimbas pencapaian  
Rancangan Malaysia  
Kesepuluh, 2011-2015:  
Kemajuan**

Menggalakkan koridor sebagai penjana pertumbuhan

Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi

**Ringkasan bidang fokus  
Rancangan Malaysia  
Kesebelas, 2016-2020**

## **Hala tuju**

**Rancangan Malaysia  
Kesebelas, 2016-2020**

Bidang fokus A:

Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah

Bidang fokus B:

Memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera

Bidang fokus C:

Mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat

Bidang fokus D:

Mempercepat pertumbuhan wilayah ke arah keseimbangan geografi yang lebih baik

Bidang fokus E:

Memperkukuh peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk meningkatkan pemilikan kekayaan

**Kesimpulan**





## Gambaran keseluruhan

Inklusiviti merupakan prinsip utama dalam agenda pembangunan sosioekonomi Malaysia untuk memastikan rakyat, tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi, menikmati manfaat pertumbuhan dan pembangunan. Malaysia telah memberikan penekanan secara berterusan ke atas kepentingan pertumbuhan yang seimbang melalui penyediaan akses kepada pendidikan dan latihan, infrastruktur dan peluang pekerjaan bagi melonjakkan pencapaian untuk semua masyarakat, terutama golongan berpendapatan rendah. Melangkah ke hadapan, tumpuan akan diberikan untuk memastikan peluang pertumbuhan ekonomi yang lebih saksama di samping meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup seluruh rakyat. Program bantuan yang tidak produktif akan dikurangkan bagi memberikan laluan kepada inisiatif penciptaan kekayaan yang lebih mampan. Mekanisme penyampaian akan diperkukuh merentasi agensi kerajaan secara menyeluruh dan menggalakkan penyertaan sektor swasta dan masyarakat sivil yang lebih aktif.

**Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015,** inklusiviti merupakan strategi utama ke arah mencapai masyarakat yang makmur dan saksama. Pelaksanaan program pembangunan dan pemeraksanaan secara bersasar telah menghasilkan peningkatan status sosioekonomi rakyat Malaysia. Pengagihan pendapatan keseluruhan bertambah baik seperti ditunjukkan oleh pengurangan pekali Gini daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.401 pada tahun 2014, melepasi sasaran tahun 2015 iaitu 0.420. Pendapatan bulanan purata isi rumah berpendapatan 40% terendah (isi rumah B40) meningkat daripada RM1,440 pada tahun 2009 kepada RM2,537 pada tahun 2014. Penyediaan infrastruktur asas luar bandar

berserta aktiviti pembangunan keusahawanan telah membolehkan penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman untuk meningkatkan penglibatan dalam pembangunan sosioekonomi. Pembangunan berfokus di koridor ekonomi wilayah telah menarik pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan, terutamanya di kawasan yang kurang maju. Di sebalik pencapaian ini, lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk memastikan manfaat pembangunan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

**Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020,** Kerajaan akan terus memberikan tumpuan untuk memperkukuh inklusiviti dan peluang yang saksama bagi seluruh rakyat Malaysia. Strategi akan ditumpukan untuk meningkatkan pendapatan keseluruhan isi rumah B40 ke arah menambah baik kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Ketidakseimbangan pendapatan dijangka akan bertambah baik dengan pekali Gini berkurang kepada 0.385 pada tahun 2020. Tumpuan akan diberikan untuk menangani keperluan kumpulan sasar yang dikenal pasti, memberikan keutamaan kepada sokongan bersyarat dan berasaskan outcome, sama ada dalam konteks ekonomi atau sosial. Bantuan dan subsidi yang tidak berasaskan produktiviti akan dikurangkan yang bertujuan untuk memberikan keutamaan kepada program penciptaan lebih banyak pemilikan kekayaan dan peningkatan tahap pendidikan dan kemahiran. Strategi khusus termasuk meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah; memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera; mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat; mempercepat pertumbuhan wilayah; dan mempertingkatkan peluang ekonomi Bumiputera.

# Sorotan

## Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian

0.401

Pekali Gini berkurang daripada 0.441 pada tahun 2009 melepasi sasaran tahun 2015 sebanyak 0.420

**Meningkatkan keseimbangan pendapatan**

RM2,537

Pendapatan purata isi rumah B40, meningkat daripada RM1,440 pada tahun 2009

**Meningkat taraf hidup isi rumah B40**

0.6%

Insiden kemiskinan berkurang daripada 3.8% pada tahun 2009

896,612

Belia telah menyertai program membina kepimpinan, keusahawanan dan kesukarelawanan

**Membina masyarakat yang progresif dan lebih inklusif**

55%

Kadar penyertaan tenaga kerja wanita dalam pasaran telah meningkat daripada 46.4% pada tahun 2009



<sup>1</sup> Angka sebenar bagi tahun 2009 ialah 92.3% manakala tahun 2014 ialah 97.6%

# Mengimbaskan pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan

Usaha telah diambil untuk memastikan kemakmuran Malaysia dikongsi bersama oleh semua kumpulan masyarakat tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan lokasi geografi.

Dalam tempoh RMKe-10, inisiatif telah diambil untuk memperkukuh inklusiviti, termasuk meningkatkan taraf hidup isi rumah B40; membina sebuah masyarakat yang progresif dan lebih inklusif; memastikan akses kepada infrastruktur dan perkhidmatan asas; menggalakkan koridor sebagai penjana pertumbuhan; dan memperkukuh penyertaan Bumiputera dalam ekonomi.

Pengagihan pendapatan keseluruhan bertambah baik seperti yang ditunjukkan oleh pengurangan pekali Gini daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.401 pada tahun 2014, melepasi sasaran tahun 2015 iaitu 0.420. Di bandar, pekali Gini telah bertambah baik daripada 0.423 kepada 0.391 manakala di luar bandar, daripada 0.407 kepada 0.355 dalam tempoh yang sama.

Paparan 3-1

## Isi rumah B40: Pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh



### Meningkatkan kualiti hidup isi rumah luar bandar

Program	Pencapaian
Menyediakan program sokongan menyeluruh untuk perusahaan mikro	7,801 peserta
Menyediakan peluang memiliki perniagaan kepada usahawan yang berkeupayaan	Pendapatan 225,867 peserta meningkat melebihi RM2,000 sebulan
Menghubungkan bakat luar bandar dengan majikan di kluster dan bandar berhampiran	701 peserta telah mendapat latihan kemahiran bagi dipadankan dengan peluang pekerjaan
Meningkatkan kemampunan pendapatan sektor pertanian melalui konsep agropolitan dan ladang kontrak	Pendapatan 3,486 peserta meningkat kepada RM1,200 sebulan
Meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian dan industri asas tani di luar bandar	Pendapatan 38,663 peserta bertambah sekurang-kurangnya RM300 sebulan
Meningkatkan produktiviti dan hasil melalui penyatuan tanah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Getah 1,276.45 kg/ha (2012)</li> <li>Kelapa sawit 15.54 mt/ha (2012)</li> </ul>



### Meningkatkan penyertaan isi rumah bandar dalam aktiviti ekonomi

Program	Pencapaian
Menubuhkan pusat kemahiran industri khusus berasaskan keperluan di lokasi geografi yang disasarkan	3,100 peserta mengikuti latihan kemahiran
Memperluas program sokongan perusahaan mikro	8,580 peserta mengikuti latihan keusahawanan
Memperluas konsep inkubator untuk meningkatkan peluang keusahawanan dan pekerjaan	1,726 program inkubator GIATMARA dibangunkan



### Meningkatkan pendapatan isi rumah melalui teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

Program	Pencapaian
Program <i>micro-sourcing</i> (eRezeki) untuk menjana pendapatan	39,518 peserta dengan jumlah hasil sebanyak RM6.87 juta

## Meningkatkan taraf hidup isi rumah B40

Isi rumah B40 merujuk kepada isi rumah berpendapatan 40% terendah daripada taburan pendapatan. Pendapatan purata isi rumah B40 telah meningkat daripada RM1,440 pada tahun 2009 kepada RM2,537 pada tahun 2014.

## Meningkatkan potensi penjanaan pendapatan isi rumah B40

Usaha telah dijalankan untuk meningkatkan kualiti hidup isi rumah luar bandar dan mempertingkatkan penyertaan ekonomi isi rumah bandar melalui program penjanaan pendapatan, pembangunan modal insan dan program sokongan perusahaan mikro.

### **Membantu kanak-kanak dalam kalangan isi rumah B40 untuk mempertingkatkan pencapaian pendidikan dan kemahiran**

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak dalam kalangan isi rumah B40. Inisiatif ini termasuk pelaksanaan program 1Asrama dan Asrama Desa yang mengurangkan keciciran pelajar daripada 47,260 pada tahun 2010 kepada 43,428 pada tahun 2013. Di samping itu, dalam tempoh 2011 - 2014, 1.51 juta pelajar telah mendapat manfaat daripada bantuan kewangan termasuk Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Rancangan Makanan Tambahan (RMT).

### **Memperkukuh jaringan keselamatan sosial untuk membantu kumpulan mudah terjejas**

Pelbagai inisiatif jaringan keselamatan sosial (SSN) telah dilaksanakan untuk menangani isu kumpulan mudah terjejas dan melindungi isi rumah B40 daripada kesan kejutan ekonomi. Antara keberhasilan yang telah dicapai adalah: 55,000 isi rumah menerima bantuan perumahan; 9.2 juta individu mendapat manfaat daripada peningkatan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui Klinik 1Malaysia, Klinik Bergerak 1Malaysia dan perkhidmatan Doktor Udara; 493,076 individu yang terdiri daripada warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang tidak bekerja menerima bantuan sokongan pendapatan; dan lebih daripada tujuh juta individu mendapat manfaat daripada Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dalam bentuk bantuan wang tunai.

### **Menangani keperluan kumpulan sasar khusus**

Usaha telah diambil untuk menangani keperluan spesifik kumpulan sasar khusus. Program pembangunan dan pemilikan tanah serta program latihan kemahiran telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan penduduk yang tinggal di luar bandar dan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Pewartaan Hak Tanah Adat (NCR) seluas 32,561 hektar untuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, 26,956 hektar bagi Bumiputera Sabah dan 558,571 hektar bagi Bumiputera Sarawak telah dilaksanakan. Bilangan Orang Asli yang menerima latihan kemahiran telah meningkat daripada 435 orang pada tahun 2011 kepada 3,750 orang pada tahun 2014. Dalam tempoh yang sama, seramai 2,100 peserta Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak telah menerima pelbagai latihan kemahiran.

Di samping itu, seramai 4,446 penduduk Kampung Baru Cina telah menerima bantuan di bawah Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru. Dalam tempoh 2011 - 2014, jumlah pinjaman yang disalurkan adalah sebanyak RM142 juta. Seramai 167,500 orang India miskin telah mendapat manfaat daripada program keusahawanan dan latihan kemahiran. Daripada jumlah tersebut, seramai 10,000 belia telah mengikuti program latihan kemahiran, 30,000 peserta telah menyertai program latihan keusahawanan dan 127,500 pelajar sekolah rendah dan menengah mendapat manfaat daripada program pengukuhan pendidikan.

### **Membina masyarakat yang progresif dan lebih inklusif**

#### **Pengukuhan institusi keluarga**

Dalam tempoh RMKe-10, keutamaan diberikan kepada usaha penerapan nilai kekeluargaan yang positif untuk memperkukuh institusi keluarga. Seramai 1.29 juta peserta telah mengambil bahagian dalam program yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) seperti Ilmu Keluarga@LPPKN, SMARTSTART, Keluarga@Kerja dan SMARTbelanja@LPPKN. Di samping itu, seramai 165,000 keluarga mendapat manfaat daripada program yang dikendalikan oleh empat Pusat Sehati Perkhidmatan Keluarga yang telah ditubuhkan untuk memberikan khidmat sokongan seperti kaunseling, pengantara, terapi mengurangkan tekanan dan kesihatan reproduktif.

Indeks Kesejahteraan Keluarga telah dibangunkan oleh LPPKN pada tahun 2011 untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia melalui tujuh domain dan 23 indikator. Secara purata, skor pada tahun 2011 adalah 7.55 mata daripada 10. Domain yang mendapat skor terendah ialah ekonomi keluarga, terutamanya simpanan untuk masa hadapan dan beban hutang, diikuti perumahan dan persekitaran.

#### **Membentuk belia menjadi pemimpin masa hadapan yang dinamik dan berinspirasi**

Seramai 885,800 belia telah menyertai program pembangunan belia dalam tempoh 2011 - 2013 dalam bidang kepimpinan, pembangunan sosioekonomi, kesukarelawanan dan kerjasama belia antarabangsa. Di samping itu, 10,812 belia telah mengambil bahagian dalam program keusahawanan seperti Program 3K (Kepimpinan, Kemahiran dan

## Paparan 3-2

**Indeks Kesejahteraan Keluarga diukur berdasarkan 23 indikator di bawah tujuh domain**

Keusahawanan), Belia Bestari, Outreach Usahawan dan Smart Partnership Usahawan Belia untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka dalam menjalankan perniagaan.

### Meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan keusahawanan

Penglibatan tenaga kerja wanita bertambah daripada 46.4% pada tahun 2009 kepada 53.6% pada tahun 2014 dan dijangka meningkat kepada 55% pada tahun 2015, didorong oleh pelbagai inisiatif untuk meningkatkan penyertaan melalui amalan tempat kerja yang lebih baik. Inisiatif ini termasuk insentif cukai untuk menggalakkan majikan menyediakan latihan dan mengambil semula pekerja wanita yang telah keluar dari pasaran tenaga kerja, dan geran pengubahsuaian dan kelengkapan pusat penjagaan kanak-kanak di pejabat Kerajaan. Antara inisiatif lain untuk menggalakkan penglibatan wanita dalam aktiviti perniagaan termasuk Skim Kredit Mikro dan Pembiayaan Perniagaan Kecil, Get Malaysia Business Online (GMBO) dan Program Pembangunan Pengeksport Wanita.

Kedudukan wanita dalam pengurusan tertinggi sektor awam meningkat daripada 30.5% pada tahun 2010 kepada 32.5% pada tahun 2014. Pada tahun 2014, wanita merupakan 10.2% daripada ahli lembaga pengarah syarikat awam tersenarai (PLC) berbanding sasaran sebanyak 30% pada tahun 2016.

### Menjamin keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak

Dalam tempoh RMKe-10, perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak akan terus diperkukuh. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah pewujudan Talian Nur 15999, sebagai talian perhubungan umum bagi membantu komuniti dalam pelbagai hal berkaitan masyarakat termasuk isu mengenai kanak-kanak dan CHILDLINE, sebagai talian khusus untuk menerima maklum balas dan maklumat berkaitan dengan isu kanak-kanak. Dalam tempoh 2010 - 2014, sejumlah 4,116 kes berkenaan isu kanak-kanak telah dilaporkan melalui Talian Nur dan 3,976 kes telah diselesaikan manakala 140 kes masih pada peringkat siasatan. Sementara itu, sistem perkhidmatan pesanan multimedia (MMS) dan khidmat pesanan ringkas (SMS) Nur Alert yang ditubuhkan pada tahun 2010 diteruskan untuk menyebarkan dan mendapatkan maklumat serta maklum balas mengenai kehilangan kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun.

Enam projek perintis taman asuhan untuk 79 kanak-kanak berkeperluan khas terutamanya mereka yang menghidap Sindrom Down, masalah pembelajaran, cacat pendengaran, cacat penglihatan, autisme dan cacat fizikal telah ditubuhkan. Hasil daripada pelaksanaan program kesedaran ibu bapa, 68,400 pendaftaran baharu kanak-kanak kurang upaya telah direkodkan dalam tempoh 2011 - 2014.

### Menyokong peranan warga emas supaya terus produktif dan menyumbang kepada masyarakat

Umur persaraan wajib telah ditingkatkan kepada 60 tahun pada tahun 2012 bagi pekerja sektor awam dan pada tahun 2013 bagi pekerja sektor swasta. Pelanjutan umur persaraan ini membolehkan tenaga kerja dalam kategori umur berkenaan terus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Di samping itu, 100% rebat cukai ke atas kos untuk melatih semula warga emas telah diperkenalkan untuk menggalakkan kemasukan semula ke pasaran tenaga kerja.


Pada tahun 2012, sokongan penjagaan kesihatan untuk warga emas juga diperluas dengan mengecualikan pesakit yang berumur 60 tahun dan ke atas daripada membayar fi pesakit luar di semua klinik dan hospital kerajaan. Mereka hanya perlu membayar fi nominal bagi rawatan pakar, perubatan dan wad. Seramai 6,320 warga emas telah mendapat manfaat daripada program Khidmat Bantu di Rumah secara sukarela bagi warga emas dan OKU yang hidup bersendirian untuk menjalani kehidupan secara lebih berdikari dan selesa.

### Mengintegrasikan orang kurang upaya dalam masyarakat

Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) telah dibangunkan pada tahun 2011 bagi menambah baik perancangan dan penyampaian program kepada OKU. Sehingga September 2014, seramai 322,700 OKU telah didaftarkan dalam sistem ini.

#### Paparan 3-3

### Kemajuan signifikan telah dicapai dalam penyampaian infrastruktur asas luar bandar untuk Sabah dan Sarawak



Sumber: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Bagi meningkatkan penyertaan OKU dalam aktiviti ekonomi, Kerajaan telah memperkenalkan perkhidmatan sokongan pekerjaan termasuk Program *Job Coach*. Selaras dengan Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam kepada Orang Kurang Upaya, pada tahun 2014, sebanyak 0.2% penjawat awam adalah terdiri daripada golongan OKU. Peratusan ini tidak termasuk badan beruniform dan penguatkuasaan.

### Memastikan akses kepada infrastruktur dan perkhidmatan asas

Dalam tempoh RMKe-10, liputan jalan luar bandar telah meningkat sebanyak 11.7% iaitu daripada 45,905 kilometer pada tahun 2009 kepada 51,262 kilometer pada tahun 2014. Di Sarawak, sepanjang 250 kilometer bekas jalan balak telah dinaik taraf bagi menyediakan akses kepada 31,512 penduduk di kawasan yang masih belum mendapat liputan jalan raya. Liputan bekalan elektrik luar bandar telah mencapai 97.6% dan bekalan air 93.8%. Sebanyak 188,270 tangki air telah disediakan bagi membekalkan air bersih kepada 251,200 isi rumah di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Sebanyak 1,122 *telecentre* telah ditubuhkan untuk meningkatkan inklusiviti digital serta memupuk budaya inovasi dan kreativiti. Di samping itu, 5,737 kampung telah dihubungkan melalui Program Kampung Tanpa Wayar serta 971 menara telekomunikasi juga dibina. Peningkatan akses kepada Internet membolehkan masyarakat luar bandar dan pinggir bandar mendapat kemahiran dan pengetahuan baharu, serta menjana sumber pendapatan alternatif.

Sejumlah 77 program Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) telah dianjurkan dengan penglibatan lebih 50 agensi Kerajaan dan swasta. Program ini telah memberikan manfaat kepada hampir 135,000 penduduk. Program Mobile CTC merupakan *touch point* utama bagi menyediakan perkhidmatan Kerajaan kepada masyarakat luar bandar, terutamanya di kawasan pedalaman. Aktiviti-aktiviti seperti sukan, khidmat komuniti serta perjumpaan sosial telah dianjurkan secara serentak untuk merapatkan hubungan dan memupuk perpaduan. Mobile CTC juga menyediakan platform kepada kerajaan untuk menyalurkan bantuan secara terus kepada kumpulan sasar, termasuk kemudahan mikro kredit.



Inklusiviti kewangan juga telah dipertingkatkan dengan pelantikan sebanyak 4,351 ejen Bank Simpanan Nasional (BSN) di seluruh negara bagi menyediakan perkhidmatan perbankan yang meliputi transaksi simpanan dan pengeluaran serta pembayaran bil.

## Menggalakkan koridor sebagai penjana pertumbuhan

Dalam tempoh 2011-2014, koridor ekonomi wilayah telah berjaya menarik pelaburan komited sebanyak RM307.1 bilion, dengan 56.8% atau RM174.5 bilion pelaburan telah direalisasikan. Pelaburan ini telah menjana sebanyak 427,100 pekerjaan.

Di samping menarik pelaburan dan menyediakan peluang pekerjaan, koridor ekonomi wilayah juga terus melonjakkan taraf hidup masyarakat di kawasan koridor dan sekitar. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan di seluruh koridor ekonomi wilayah dengan tujuan membolehkan masyarakat setempat mendapat faedah daripada pembangunan yang sedang berlaku di wilayah ini.

### Paparan 3-4

## Pelaburan mengikut koridor ekonomi wilayah, 2011 - 2014

Koridor Ekonomi Wilayah	Pelaburan, RM bilion		Pewujudan Pekerjaan ('000)
	Komited	Direalisasikan	
Iskandar Malaysia	90.4	47.1	320.1
Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)	51.7	51.7	63.5
Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)	55.4	22.9	23.0
Koridor Pembangunan Sabah (SDC)	96.7	44.5	15.2
Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)	12.9	8.3	5.3
<b>Jumlah</b>	<b>307.1</b>	<b>174.5</b>	<b>427.1</b>

Sumber: Pihak Berkuasa Koridor Ekonomi Wilayah



### Iskandar Malaysia

Perumahan, rangkaian pengangkutan, latihan kemahiran dan pembangunan keusahawanan terus menjadi keutamaan dalam Iskandar Malaysia

- 1,500 unit rumah mampu milik dan 2,720 unit rumah untuk penempatan semula setinggan telah dibina
- Program Bas Iskandar Malaysia telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan pengangkutan awam di laluan yang tidak menguntungkan. Sebanyak 34 bas beroperasi di 17 laluan
- Program kebolehpasaran dan peningkatan kemahiran atau latihan semula telah membolehkan masyarakat tempatan untuk mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi di wilayah ini. Seramai 950 individu telah dilatih dalam industri hospitaliti dengan 90% daripadanya telah mendapat pekerjaan
- Program pembangunan usahawan yang dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk Program Pembangunan Pemasaran Internet telah meningkatkan jualan peserta sebanyak 30% hingga 60%

### Wilayah Ekonomi Koridor Utara

Inisiatif dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) memberikan tumpuan kepada program latihan kemahiran untuk meningkatkan kebolehpasaran, kebajikan dan inklusiviti sosial

- Dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Program Latihan Vokasional Pertanian dan Keusahawanan Sekolah dan sektor swasta, 202 pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran berjaya menamatkan program latihan penanaman dan pemasaran cendawan dan cili manakala 20 orang guru telah diiktiraf sebagai jurulatih untuk terus melatih lebih ramai pelajar
- Dengan kerjasama Akademi Binaan Malaysia, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah membaiki rumah usang dan kemudahan awam yang memanfaatkan 760 isi rumah
- Inisiatif inklusiviti sosial termasuk latihan ekopelancongan untuk Orang Asli di kawasan hutan hujan tropika Belum-Temenggor untuk mewujudkan aliran pendapatan tambahan



### Wilayah Ekonomi Pantai Timur

Bagi memastikan inklusiviti kumpulan yang mudah terjejas, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) membangunkan pelbagai program pembangunan keusahawanan untuk meluaskan keupayaan kumpulan sasar seperti wanita, belia dan penganggur untuk mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi

- Program Empower ECER telah melatih seramai 4,050 peserta dalam kemahiran keusahawanan dengan kadar kejayaan sebanyak 83% manakala 7,045 peserta sedang menjalani latihan
- Program Pembangunan Keusahawanan ECER (EEDP) yang bertujuan untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dan PKS dalam aktiviti ekonomi dilaksanakan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Standard dan Industri (SIRIM), Agrobank dan GIATMARA. Seramai 1,893 peserta telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini
- Program Suri@Home mewujudkan peluang perniagaan dari rumah untuk suri rumah dan ibu tunggal untuk menambah pendapatan isi rumah. Seramai 38 wanita telah mengambil bahagian dan berjaya mendapatkan pendapatan tambahan sebanyak RM400 - RM2,000 sebulan



### Koridor Pembangunan Sabah

Inisiatif untuk meningkatkan peluang bagi masyarakat tempatan di Koridor Pembangunan Sabah (SDC) ditumpukan kepada program latihan kemahiran

- 800 peserta tempatan telah dilatih untuk menjadi usahawan teknologi dalam industri berasaskan pertanian melalui pendedahan dan pemindahan pengetahuan dalam pemrosesan makanan pertanian dan produk khusus berasaskan sumber alam
- Bagi memanfaatkan perkembangan sektor pelancongan, seramai 20 graduan telah menyertai Accelerated Skill Enhancement Training Programme iaitu latihan semula dan peningkatan kemahiran dalam bidang hospitaliti
- Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) telah menjalankan program pembangunan kemahiran dalam bidang kandungan kreatif di bawah Sabah Animation Creative Content Centre (SAC3). Enrolmen pada peringkat sijil, diploma dan ijazah berjumlah 600 peserta



### Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak

Dalam Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE), tumpuan telah diberikan dalam meningkatkan penyediaan infrastruktur dan akses kepada peluang ekonomi

- Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk membangunkan usahawan, termasuk RM1.5 juta bagi perusahaan pemrosesan makanan ikan dan surimi. Dana Mudahcara berjumlah RM16.1 juta telah diperuntukkan kepada empat syarikat tempatan bagi menyediakan perkhidmatan sokongan kepada Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Pelabuhan Bintulu
- Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) juga telah melancarkan program pendidikan bagi membantu meningkatkan peluang pekerjaan termasuk sokongan mendapatkan kelayakan profesional seperti Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan Program Perantis Kimpalan
- Jalan masuk ke Empangan Murum dan Baram yang memberikan manfaat kepada lebih daripada 40 kampung dan 25,000 penduduk

## Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi

### Memperkuh keusahawanan Bumiputera

Pembangunan Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) melibatkan inisiatif khusus untuk syarikat Bumiputera berdasarkan kepada keperluan perniagaan. Usahawan dibantu dari segi pembiayaan, khidmat sokongan dan pembangunan kapasiti. Lebih daripada RM9 bilion bantuan kewangan disediakan kepada lebih 414,000 perniagaan Bumiputera:

- AIM dan TEKUN Nasional telah menyediakan sejumlah RM8.6 bilion pinjaman kepada 413,278 usahawan mikro dan kecil:
  - Program AIM: jumlah usahawan yang memperoleh pendapatan lebih daripada RM3,500 sebulan telah meningkat daripada 27,770 usahawan pada tahun 2010 kepada 128,450 usahawan pada tahun 2014
  - TEKUN Nasional: Pada tahun 2013, 32.7% usahawan yang menerima pinjaman telah berjaya meningkatkan pendapatan antara 50% hingga 150%
- Bantuan kewangan berjumlah RM495.2 juta kepada 760 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera di tahap pembangunan dan pertumbuhan telah disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Malaysia Venture Capital Management Berhad, Malaysia Debt Venture Berhad dan Multimedia Development Corporation (MDeC)

### Memperluas dan meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera

Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera telah meningkat dalam tempoh RMKe-10. Pencapaian ini disumbangkan oleh inisiatif pelbagai syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). Inisiatif ini termasuk pelancaran sejumlah 10 bilion unit Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan RM3 bilion suntikan modal ekonomi melalui Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS). Di samping itu, kerjasama antara EKUINAS dengan TERAJU melalui Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB) telah membolehkan 10 syarikat disenaraikan di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak RM4.1 bilion.

Bagi aset bukan kewangan pula, Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) memainkan peranan penting untuk meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam aset komersial di lokasi strategik di bandar utama. Sehingga akhir tahun 2014, PHB telah melabur dalam 14 hartanah yang telah siap, satu pembangunan hartanah, bank tanah dan pelaburan lain bernilai RM6.7 bilion. Dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) telah dilancarkan untuk menyediakan peluang kepada pelabur Bumiputera untuk terlibat dalam pemilikan hartanah komersial yang strategik. Kesemua dua bilion unit AHB telah dilanggan. Sejak tahun 2001, secara kumulatif, UDA Holdings Berhad (UDA) telah menjual 77% daripada 7,697 unit kediaman dan 83% daripada 560 ruang niaga kepada Bumiputera.

### Menyediakan Bumiputera untuk pekerjaan bergaji tinggi


Latihan kemahiran dan teknikal telah disediakan untuk menjamin Bumiputera mendapatkan pekerjaan bergaji tinggi. YPPB telah melatih 2,623 peserta dalam bidang yang terpilih seperti minyak dan gas, kewangan dan perakaunan melalui Program Peneraju Skil dan Program Peneraju Profesional. Majlis Amanah Rakyat (MARA) juga telah menyediakan tempat di universiti dan institusi latihan kemahiran untuk 101,010 pelajar dan bantuan kewangan kepada 86,446 pelajar bagi tujuan pendidikan.

\* \* \*

Strategi yang dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10 telah mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif melalui pengurangan kemiskinan, peningkatan pendapatan isi rumah, pengurangan jurang pendapatan dan peningkatan kualiti hidup isi rumah di luar bandar. Meskipun kemajuan telah dicapai dalam tempoh lima tahun yang lalu, masih terdapat beberapa isu dan cabaran yang masih perlu ditangani dalam RMKe-11. Isu ini termasuk menangani jurang sosioekonomi dalam kalangan isi rumah B40 dan kumpulan mudah terjejas, infrastruktur asas di luar bandar dan pedalaman yang masih terhad, ketidakseimbangan peluang ekonomi antara wilayah dan perbezaan sosioekonomi dalam kalangan segmen masyarakat Bumiputera.

## Paparan 3-5

## Golongan sasar bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (Anggaran sehingga tahun 2014)



# Ringkasan bidang fokus Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

## Memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera



- Mengukuhkan institusi keluarga
- Membangunkan potensi belia
- Meningkatkan peranan wanita dalam pembangunan
- Mendukung keperluan dan kepentingan kanak-kanak
- Menambah baik persekitaran kehidupan warga emas
- Memperkasa orang kurang upaya

## Mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat



- Memperluas penyediaan infrastruktur asas luar bandar
- Menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta di luar bandar
- Menambah baik hubungan luar bandar-bandar
- Meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas
- Memperkemas sistem penyampaian

## Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah



- Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40
- Menangani kos sara hidup yang meningkat
- Memperkukuh sistem penyampaian program isi rumah B40

## Mempercepat pertumbuhan wilayah ke arah keseimbangan geografi yang lebih baik



- Kajian semula strategik pelan induk pembangunan wilayah
- Mempercepat pelaburan di koridor ekonomi wilayah

## Memperkukuh peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk meningkatkan pemilikan kekayaan



- Memperkasa modal insan Bumiputera
- Meningkatkan penguasaan efektif Bumiputera dan mengekalkan pemilikan korporat
- Memperluas syer pemilikan kekayaan Bumiputera
- Memperkasa Komuniti Ekonomi Bumiputera
- Mengukuhkan keberkesanan penyampaian program berorientasikan Bumiputera



**Menambah baik ketidakseimbangan pendapatan secara keseluruhan**

**Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah**

**Mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat**

**Memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera**

**Mempercepat pertumbuhan wilayah ke arah keseimbangan geografi yang lebih baik**

**Memperkukuh peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk meningkatkan pemilikan kekayaan**



# Hala tuju

## Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Terdapat peningkatan tumpuan untuk memperkukuh inklusiviti ke arah menyediakan peluang yang lebih saksama kepada rakyat Malaysia untuk menyertai dalam pembangunan ekonomi. Bantuan dan subsidi yang tidak berasaskan produktiviti akan dikurangkan bagi memberikan keutamaan kepada program yang memberikan tumpuan kepada penciptaan pemilikan kekayaan yang lebih baik dan meningkatkan tahap pencapaian pendidikan dan kemahiran.

Dalam tempoh RMKe-11, falsafah pertumbuhan dengan ekuiti akan diteruskan dengan meningkatkan tumpuan kepada memperkukuh inklusiviti. Usaha akan ditumpukan ke arah menyediakan lebih peluang kepada rakyat Malaysia untuk turut serta dalam pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan kekayaan negara secara lebih saksama. Pendapatan isi rumah yang lebih tinggi akan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Pendekatan pelaksanaan adalah pelbagai dimensi berdasarkan prinsip mesra pasaran, berasaskan keperluan, berasaskan merit, telus, pro-pertumbuhan dan mampan.

Bagi menangani keperluan pelbagai lapisan rakyat, intervensi jangka masa sederhana dan panjang akan diperlukan, di samping sokongan bersasar untuk mengurangkan kesan cabaran ekonomi makro yang mendatang. Usaha akan dilaksanakan untuk menyokong golongan yang memerlukan dan mudah terjejas. Perubahan utama yang akan diambil dalam tempoh ini termasuk menentukan keutamaan sokongan secara bersyarat dan berasaskan outcome, sama ada berkaitan dengan ekonomi atau sosial. Program bantuan dan subsidi yang tidak berasaskan produktiviti akan dikurangkan bagi memberikan keutamaan kepada program yang memberikan tumpuan kepada penciptaan pemilikan kekayaan yang lebih baik dan tahap pencapaian pendidikan dan kemahiran yang lebih tinggi. Faktor ini sangat penting bagi membolehkan isi rumah B40 meningkatkan

kualiti hidup secara keseluruhan dan menuju ke arah masyarakat kelas menengah. Penggunaan teknologi moden bagi meningkatkan produktiviti pula akan digalakkan, terutamanya dalam sektor pertanian.

Ketidakseimbangan pendapatan dijangka bertambah baik dengan pekali Gini berkurang daripada 0.401 pada tahun 2014 kepada 0.385 pada tahun 2020. Pendapatan isi rumah secara keseluruhan akan meningkat dan seterusnya mengurangkan jurang pendapatan antara bandar dengan luar bandar. Peningkatan ini dijangka dapat dicapai melalui pelaksanaan lima bidang fokus utama berikut:

- Bidang fokus A: Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah
- Bidang fokus B: Memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera
- Bidang fokus C: Mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat
- Bidang fokus D: Mempercepat pertumbuhan wilayah ke arah keseimbangan geografi yang lebih baik
- Bidang fokus E: Memperkukuh peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk meningkatkan pemilikan kekayaan



## Bidang fokus A

# Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah

Dalam tempoh RMKe-11, tumpuan akan diberikan untuk meningkatkan peluang ekonomi dan penyertaan isi rumah B40 bagi memastikan kemakmuran negara dikongsi bersama oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi. Meningkatkan kesejahteraan isi rumah B40 merupakan pemacu perubahan bagi Malaysia kerana peningkatan kemahiran dan penyediaan peluang pekerjaan kepada 2.7 juta isi rumah B40 akan meningkatkan lagi tenaga kerja mahir dan mengurangkan ketidakseimbangan yang akan diwarisi oleh generasi akan datang. Dengan meningkatkan taraf isi rumah B40, satu langkah yang penting telah dilaksanakan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan lebih inklusif.

- **Strategi A1: Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40** dengan membesarkan saiz masyarakat kelas menengah; mengurangkan kadar keciciran; memastikan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran; meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden; meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi; meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu; membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial; menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40; dan memperluas program pelaburan untuk meningkatkan pemilikan kekayaan
- **Strategi A2: Menangani kos sara hidup yang meningkat** dengan memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga; meningkatkan penyediaan rumah mampu milik; meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan; memperkenalkan jaringan keselamatan sosial yang bersepadu dan komprehensif; dan meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang

- **Strategi A3: Memperkukuh sistem penyampaian program B40** dengan menyelaraskan sokongan kepada isi rumah B40 dan melengkapkan pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dengan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)

## Strategi A1

### Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40

#### Membesarkan saiz masyarakat kelas menengah

Dalam usaha mewujudkan masyarakat kelas menengah yang bersaiz lebih besar, beberapa langkah akan diambil untuk merangsang pertumbuhan pendapatan kumpulan aspirasi dalam kalangan isi rumah B40. Usaha ini termasuk merapatkan jurang pencapaian pendidikan pasca menengah. Memandangkan sebahagian besar daripada isi rumah B40 dan kumpulan aspirasi di bandar merupakan golongan pekerja, majikan akan diberikan dorongan bagi menggalakkan pekerja mereka meneruskan pendidikan tinggi dan meningkatkan tahap kemahiran. Sementara itu, insentif seperti pinjaman mudah disediakan untuk pekerja meneruskan pengajian tinggi, seterusnya memperoleh pekerjaan yang bergaji tinggi bagi kehidupan yang selesa. Di samping itu, lebih banyak latihan kemahiran tahap tinggi akan ditawarkan untuk meningkatkan peluang mereka bersaing bagi mendapatkan pekerjaan bergaji tinggi dalam bidang teknikal.

PKS dalam kalangan isi rumah B40, terutamanya kumpulan aspirasi akan disediakan peluang yang lebih baik untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam bidang berkaitan menerusi pelbagai skim pembiayaan dan memudah cara perniagaan. Perkongsian dengan syarikat besar dan industri akan dilaksanakan untuk menyediakan lebih banyak peluang perniagaan kepada PKS. Organisasi pembangunan keusahawanan (EDO) seperti SME Corporation Malaysia (SME Corp),



## Pemacu Perubahan

# Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah

### Mengapa meningkatkan taraf isi rumah B40 penting kepada Malaysia?

Pada masa ini, terdapat kira-kira 2.7 juta isi rumah B40 dengan pendapatan bulanan purata sebanyak RM2,537. Dalam keadaan Malaysia terus membangun, isi rumah B40 tidak wajar dipinggirkan daripada menikmati peluang yang terhasil daripada kemakmuran negara. Sekiranya isi rumah B40 terus berada dalam kedudukan sosioekonomi semasa mereka, ini akan mengakibatkan kos sosial kepada negara melalui pengurangan bilangan tenaga kerja berkemahiran yang diperlukan dan memberikan kesan kepada pertumbuhan output negara. Di samping itu, ini juga akan menyebabkan ketidakseimbangan bandar yang berterusan dan menjejaskan potensi pertumbuhan ekonomi di luar bandar dan pinggir bandar. Peluang pekerjaan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pendidikan, dan jaringan keselamatan sosial yang boleh diharapkan akan memastikan isi rumah B40 memperoleh peluang menikmati kehidupan yang lebih baik.


### Apakah kejayaan yang boleh dicapai?

Isi rumah B40, tanpa mengira etnik akan diberikan tumpuan, terutamanya isi rumah miskin dan berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar serta isi rumah mudah terjejas<sup>1</sup> dan aspirasi<sup>2</sup>. Saiz dan komposisi isi rumah kelas menengah akan meningkat kepada 45% menjelang tahun 2020. Purata pendapatan isi rumah B40 akan digandakan daripada RM2,537 pada tahun 2014 kepada RM5,270 pada tahun 2020. Lebih banyak isi rumah B40 berpendidikan tertiar daripada 9% pada tahun 2014 kepada 20% pada tahun 2020. Bahagian pendapatan isi rumah B40 kepada pendapatan isi rumah nasional akan meningkat daripada 16.5% pada tahun 2014 kepada 20% pada tahun 2020.

### Bagaimana kejayaan ini boleh dicapai?

Kerajaan akan melaksanakan strategi bagi meningkatkan pendapatan dan pemilikan kekayaan isi rumah B40, menangani isu peningkatan kos sara hidup dan memperkukuh mekanisme penyampaian bagi menyokong isi rumah B40. Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) akan diperkenalkan untuk memastikan elemen mudah terjejas dan kualiti hidup diambil kira sebagai pengukuran tambahan kepada pendapatan. Peralihan utama ini akan berlaku seperti ditunjukkan pada paparan di sebelah.

Kanvas Strategi di bawah menunjukkan bidang yang perlu dihapuskan, dikurangkan, ditambahkan atau diciptakan untuk pemacu perubahan ini.



<sup>1</sup> Isi rumah mudah terjejas merujuk kepada isi rumah berpendapatan antara PGK dan 2.5 kali PGK.

<sup>2</sup> Isi rumah aspirasi merujuk kepada isi rumah berpendapatan antara 2.5 kali PGK dan pendapatan purata nasional.

	Daripada	Kepada
Pendekatan	Meningkatkan isi rumah B40 melangkaui paras garis kemiskinan dengan menambah baik tahap pendapatan dan bantuan kos sara hidup	Meningkatkan isi rumah B40 kepada masyarakat kelas menengah dengan menambah baik tahap pendapatan dan penciptaan kekayaan serta meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran
Skop	Membantu isi rumah B40 yang terlibat dalam perusahaan mikro persendirian  Tumpuan kepada pembangunan keusahawanan dan aktiviti ekonomi dalam industri tradisional bernilai rendah	Menggalakkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial dalam kalangan isi rumah B40 sebagai tambahan kepada perusahaan persendirian  Membangunkan kapasiti untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi yang berproduktiviti tinggi, inovatif dan kreatif
Ciri-ciri	Isi rumah B40 mempunyai kekayaan dan pemilikan aset bukan kewangan yang rendah dan mudah terjejas kepada kejutan ekonomi  Isi rumah B40 amat bergantung kepada bantuan Kerajaan	Isi rumah B40 mampu untuk menyimpan dan menjana kekayaan termasuk melalui pemilikan aset bukan kewangan supaya lebih berdaya tahan untuk menghadapi kejutan ekonomi  Isi rumah B40 boleh berdikari dan kurang bergantung kepada program bantuan Kerajaan

SME Bank dan MTDC akan terus menyediakan latihan keusahawanan bersesuaian dengan keperluan pasaran.

### Mengurangkan kadar kecaciran pada peringkat sekolah

Kemudahan yang sesuai seperti asrama, pengangkutan dan bantuan kewangan akan terus disediakan kepada pelajar di luar bandar dan terpencil bagi membolehkan mereka melengkapkan pendidikan rendah dan menengah. Sekolah K9<sup>2</sup> akan diperluas bagi meningkatkan enrolmen pelajar khususnya dalam kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak. Tumpuan khusus akan diberikan untuk menangani keperluan kanak-kanak dari segmen yang telah dikenal pasti dalam kalangan kumpulan kurang mendapat manfaat, termasuk kanak-kanak dalam kalangan masyarakat Melayu dari isi rumah yang tinggal di kampung tradisi, masyarakat India dari estet dan bandar yang tersisih serta masyarakat Cina dari kampung baru. Program kesedaran khas berkaitan kepentingan pendidikan akan dilaksanakan untuk kanak-kanak sekolah dan ibu bapa untuk memberikan inspirasi ke arah perubahan minda.

### Meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran

Akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran dalam kalangan pelajar isi rumah B40 akan dipertingkatkan melalui program khas. Institusi pengajian tinggi dan latihan kemahiran akan digalakkan untuk menyediakan lebih banyak tempat bagi kumpulan pelajar ini berdasarkan kriteria kelayakan khas dan kuota kemasukan. Inisiatif ini akan disokong dengan penyediaan bantuan kewangan. Pertimbangan khas akan diberikan kepada pelajar berpotensi dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak.

### Meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden

Isi rumah B40 di luar bandar yang bekerja sendiri seperti petani, nelayan dan pekebun kecil digalakkan untuk menggunakan teknologi moden bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan. Program modular berstruktur yang menumpukan teknik pertanian moden dan amalan pertanian baik akan terus dipergiat. Penyatuan tanah dan penggabungan aktiviti perniagaan

<sup>2</sup> Sekolah K9 merujuk kepada pendidikan sekolah rendah dan tiga tahun pertama pendidikan menengah di bawah satu bumbung (Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia)

berskala kecil akan terus digalakkan untuk mendapat faedah ekonomi bidangan. Peranan agensi yang berkaitan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan diperkemas bagi menyediakan perkhidmatan berkaitan dan bantuan kepada golongan ini.

Program perladangan berskala besar seperti Agropolitan, Ladang Masyarakat, Mini Estet Sejahtera (MESEJ) dan Rancangan Penempatan Semula (RPS) akan diperluas. Pemilik tanah berskala kecil akan digalakkan untuk menggabungkan tanah mereka melalui gerakan koperasi supaya mencapai ekonomi bidangan dan menjamin pendapatan yang lebih baik dalam jangka masa panjang. Proses pemberian hak milik tanah individu dan komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia, dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman di Sabah dan Sarawak akan dipercepat bagi membolehkan isi rumah mengusahakan tanah tersebut. Dasar Pelupusan dan Pemilikan Tanah Orang Asli (DPPTOA) dan prosedur pentadbiran dalam pemberian pemilikan tanah NCR untuk mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman di Sabah dan Sarawak akan dikaji semula.

Bangunan dan ruang yang tidak digunakan di bandar akan dimanfaatkan sebagai kawasan pertanian bandar melalui penggunaan teknik moden seperti fertigasi, hidroponik dan pertanian menegak. Inisiatif ini akan diterajui oleh gerakan koperasi di lokasi majoriti didiami oleh isi rumah B40. Aktiviti pertanian bandar akan membekalkan makanan untuk kegunaan masyarakat tempatan serta menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang pengeluaran, pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran untuk menjana pendapatan tambahan.

Usahawan berskala kecil dalam kalangan isi rumah B40 yang terlibat dalam industri seperti percetakan, pembuatan makanan serta pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan akan digalakkan menggunakan teknologi moden. Teknologi ini akan meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos pengeluaran dan seterusnya menambah pendapatan. Agensi berkaitan seperti SME Corp, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) dan Institut Penyelidikan Standard dan Industri Malaysia Berhad (SIRIM) akan memudah cara penggunaan teknologi moden dalam kalangan usahawan.

## **Meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi**

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan dipercepatkan bagi meningkatkan capaian maklumat berkaitan pertanian, perniagaan, pendidikan dan kesihatan. Ia juga dapat memperluas peluang perniagaan dan penjana pendapatan yang akan meningkatkan kesejahteraan. Sehubungan itu, program eRezeki dalam kalangan isi rumah B40 akan diperluas melalui penggunaan ICT bagi membolehkan penjana pendapatan tambahan. Latihan asas ICT akan diberikan sebelum peserta program eRezeki dipadankan dengan tugas bersesuaian seperti kemasukan data, pemantauan harga dan penterjemahan dokumen. Tugas mikro ini boleh dilaksanakan dari rumah atau *telecentre*.

Sokongan perniagaan melalui platform digital bagi perusahaan mikro akan diperluas bagi meningkatkan jangkauan dan akses kepada pasaran. Bagi memperluaskan platform e-pembayaran untuk perusahaan mikro, terminal dan *readers* mampu milik yang diintegrasikan dengan aplikasi e-dagang akan disediakan. Di samping itu, perkhidmatan pepadanan perniagaan dalam talian untuk usahawan tempatan akan diperkenalkan di *telecentre*.

## **Meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu**

SME Corp akan menyelaras pembangunan PKS yang dimiliki oleh isi rumah B40. Kerjasama agensi yang menyediakan program sokongan keusahawanan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana di bandar dan luar bandar seperti SME Corp, TEKUN Nasional dan AIM akan diperkukuh bagi menyediakan bantuan secara bersepadu dan mengurangkan pertindihan aktiviti. Peluang yang lebih luas bagi pembangunan perniagaan akan disediakan oleh agensi berkenaan. Perusahaan mikro akan dihubungkan dengan institusi kewangan dan perbankan untuk memudahkan akses kepada pembiayaan.

Inisiatif ini termasuk pewujudan perkongsian pintar dengan institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk membantu PKS dalam menambah baik kualiti produk, meningkatkan pematuhan kepada standard dan akses kepada pasaran. Untuk tujuan tersebut, SME Corp akan memperkenalkan pakej pembangunan keusahawanan bersepadu daripada peringkat permulaan hingga penempatan produk. Di

samping itu, kemudahan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) akan digunakan untuk mempermudah program latihan keusahawanan.

Persekitaran sosioekonomi yang sesuai akan diwujudkan bagi memudahkan aktiviti keusahawanan setempat dalam usaha menggalakkan keusahawanan luar bandar. Program orientasi keusahawanan akan menumpukan usaha merangsang bakat usahawan dan pertumbuhan syarikat milik penduduk tempatan. Proses ini adalah penting dalam mewujudkan pekerjaan dan menambah nilai ekonomi luar bandar di samping mengekalkan sumber yang terhad dalam kalangan masyarakat setempat. Langkah ini perlu diteruskan supaya, dalam jangka masa panjang, budaya keusahawanan dinamik dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat luar bandar. Inisiatif untuk memperkukuh akses pembiayaan dan latihan keusahawanan serta penyediaan perkhidmatan nasihat dan premis perniagaan akan dipertingkatkan. Inisiatif ini akan membolehkan mobilisasi belia di luar bandar untuk bekerja dan menyertai aktiviti keusahawanan serta mengurangkan migrasi belia ke bandar.

### **Membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial**

Satu pendekatan sistematik akan diperkenalkan untuk menubuhkan perusahaan komuniti dan sosial berasaskan model koperasi bagi menjalankan aktiviti seperti pusat asuhan dan jagaan kanak-kanak, pusat tuisyen dan rumah anak yatim bagi isi rumah B40 di bandar. Infrastruktur dan kemudahan yang bersesuaian akan disediakan di samping latihan kepimpinan dan pengurusan untuk membina keupayaan dan kemampuan perusahaan ini.

Di luar bandar, golongan isi rumah B40, terutamanya Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak, akan digalakkan untuk menubuh perusahaan komuniti berasaskan koperasi termasuk penyediaan dana permulaan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Perusahaan ini akan menumpukan aktiviti yang memanfaatkan kelebihan dan keunikan budaya mereka seperti kraftangan, produk berasaskan hutan, eko pelancongan dan inapan keluarga. Belia di luar bandar akan

digalakkan untuk mengambil bahagian dalam program khusus yang direka khusus untuk menarik penglibatan komuniti setempat. Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan GLIC akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, wilayah dan pembangunan koridor berkaitan untuk membangunkan keupayaan dan menyediakan peluang perniagaan bagi perusahaan komuniti ini.

### **Menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40**

Sektor swasta, terutamanya syarikat multinasional (MNC) dan syarikat besar tempatan akan diberikan galakan untuk menempatkan operasi perniagaan di bandar dan luar bandar yang mempunyai majoriti isi rumah B40. Galakan ini bertujuan menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik terutamanya pekerjaan bergaji tinggi. Pelaburan di luar bandar akan memanfaatkan sumber asli tempatan. Insentif sedia ada seperti potongan cukai dua kali dan pelepasan cukai akan diberikan untuk menggalakkan MNC dan syarikat besar tempatan mengambil dan melatih tenaga kerja tempatan. Infrastruktur dan kemudahan asas akan disediakan untuk menyokong perniagaan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Di luar bandar, kemudahan bersepadu akan disediakan seperti perkhidmatan perbankan, pos dan pemasaran di pusat pembangunan luar bandar, terutamanya di penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan majoriti populasi isi rumah B40 di Sabah dan Sarawak.

### **Memperluas program pelaburan untuk meningkatkan pemilikan kekayaan**

Skim unit amanah seperti Amanah Saham Wawasan (ASW), Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) dan Amanah Saham Gemilang akan diperluas untuk meningkatkan pemilikan ekuiti dalam kalangan isi rumah B40. Program kesedaran mengenai faedah pelaburan dalam skim tersebut akan dilaksanakan secara intensif untuk meningkatkan penyertaan isi rumah B40.

Koperasi akan digalakkan untuk mengambil bahagian dalam Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) untuk meningkatkan pemilikan aset dalam kalangan isi rumah B40. Koperasi juga akan menjalankan pembangunan hartanah komersial di lokasi strategik dan membina unit kediaman mampu milik untuk isi rumah B40 di bandar.

## Strategi A2

# Menangani kos sara hidup yang meningkat

### Memperkuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga

Usaha akan terus diambil untuk memperkuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan kawalan harga untuk mengekang kenaikan harga yang tidak munasabah, terutamanya keperluan asas. Pengguna akan memainkan peranan yang lebih besar dengan membuat laporan mengenai amalan penetapan harga dan penyimpanan bekalan yang tidak beretika oleh peruncit. Usaha ini boleh dilakukan melalui Skwad Pengguna, persatuan pengguna dan sistem eAduan. Pemantauan harga akan memastikan bekalan barangan dan perkhidmatan yang stabil dan mencukupi serta mengekang aktiviti spekulasi pasaran secara keterlaluan, seterusnya meningkatkan kecekapan pasaran dan kuasa beli. Program 1Harga 1Malaysia akan diteruskan untuk menyeragamkan harga barangan bersubsidi antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Liputan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan kedai Coop1Malaysia juga akan diperluas ke seluruh negara untuk meningkatkan akses secara lebih menyeluruh kepada barangan harga patut dan seterusnya mengurangkan beban kos sara hidup yang semakin meningkat.

### Meningkatkan penyediaan rumah mampu milik

Kerajaan akan terus memastikan rumah mampu milik disediakan kepada isi rumah B40. Pinjaman pada kadar faedah istimewa dengan tempoh moratorium untuk menjual hartanah selama 10 tahun akan ditawarkan bagi membantu isi rumah B40 memiliki rumah. Skim perumahan mampu milik oleh Perbadanan PR1MA Malaysia dan Syarikat Perumahan Negara Berhad akan diteruskan. Bantuan sewa rumah juga akan disediakan kepada isi rumah yang layak. Di samping itu, kerajaan negeri juga akan digalakkan untuk menetapkan kuota rumah mampu milik yang mencukupi.

Dasar perumahan untuk isi rumah B40 akan memberikan penekanan kepada kualiti dan penyelenggaraan. Rumah pangsa dan rumah kos rendah sedia ada akan dibaik pulih sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh untuk menambah baik persekitaran tempat tinggal komuniti. Bagi isi rumah miskin di luar bandar, terutamanya Orang

Asli di Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di Sabah dan Sarawak, Kerajaan akan terus menyediakan perumahan yang dilengkapi dengan kemudahan asas melalui pembinaan penempatan bersepadu di bawah Program Bantuan Rumah (PBR). Program Perumahan Rakyat (PPR) akan terus disediakan kepada isi rumah miskin di bandar.

### Meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan

Kerajaan akan menggalakkan penyertaan penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menyediakan pusat kemudahan khusus seperti dialisis, pemulihan dan makmal ujian perubatan di bandar. Kemudahan ini akan menjadi pelengkap kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan sedia ada yang disediakan oleh Kerajaan.

Lebih banyak klinik desa akan dibina di luar bandar untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan asas. Keckerapan lawatan oleh pakar perubatan ke hospital daerah bukan pakar, klinik bergerak dan doktor udara juga akan ditambah manakala program sukarelawan kesihatan tempatan akan diperkasa. Program kesihatan lain seperti bakul makanan, *community feeding* dan imunisasi akan diteruskan. Di samping itu, program kesedaran dan pendidikan kesihatan keluarga seperti pemakanan, perancangan keluarga dan kehidupan yang sihat akan terus dipergiat.

### Memperkenalkan sistem jaringan keselamatan sosial yang bersepadu dan komprehensif

Program SSN sedia ada akan ditransformasi untuk menjadi lebih bersepadu dan komprehensif dengan dasar penamatan yang jelas. Program ini termasuk pelaksanaan mekanisme pemantauan dan penilaian yang sistematik yang akan meningkatkan akauntabiliti. Mekanisme tunggal dan seragam untuk mengenal pasti kumpulan sasaran akan dibangunkan berdasarkan sistem pangkalan data eKasih yang dinaik taraf. Program ini akan meminimumkan *inclusion error* dan *exclusion error* bagi membolehkan kumpulan sasaran memanfaatkan sepenuhnya bantuan yang disediakan.

Program kebajikan sosial tanpa syarat akan dikaji semula supaya mengambil kira sasaran yang jelas berasaskan produktiviti dan dasar penamatan. Program ini akan memastikan supaya bantuan diberikan kepada kumpulan sasaran yang tepat, mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan dan mengoptimumkan penggunaan sumber.

### Kotak 3-1

#### Isi rumah M40

Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan (isi rumah M40) merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan di antara 41% hingga 80% daripada taburan pendapatan keseluruhan. Pada tahun 2014, pendapatan isi rumah M40 adalah dalam julat RM3,860 dan RM8,319 yang mana pendapatan purata adalah RM5,662 dan pendapatan penengah adalah RM5,465. Pada masa ini, terdapat 2.7 juta isi rumah M40 yang mana 83% daripadanya menetap di bandar manakala 17% di luar bandar. 85.9% isi rumah M40 tinggal di Semenanjung Malaysia. Inisiatif untuk meningkatkan tahap pendapatan kumpulan aspirasi isi rumah B40 bertujuan untuk mengangkat mereka kepada masyarakat kelas menengah.

Di samping itu, isi rumah M40 menghadapi cabaran dalam keupayaan meningkatkan pendapatan untuk mengatasi kos sara hidup yang tinggi dan pemilikan kediaman termasuk mampu untuk tinggal dalam kawasan yang berhampiran dengan tempat kerja. Inisiatif yang akan dilaksanakan untuk menyokong isi rumah M40 termasuk meningkatkan tahap pencapaian pendidikan, menaik taraf perolehan kemahiran serta memperkukuh ekosistem perniagaan untuk menyediakan sokongan dan persekitaran bagi usahawan isi rumah M40 untuk berjaya.

#### Meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang

Tahap literasi dan keupayaan pengurusan kewangan akan diperkukuh sepanjang tahap kehidupan untuk memupuk pengurusan kewangan berhemat dari usia muda serta untuk mengelakkan kadar keberhutangan yang tinggi dalam kalangan isi rumah B40. Dalam hubungan ini, pendidikan kewangan dan khidmat nasihat hutang akan dipergiat untuk membantu isi rumah menambah baik pengurusan kewangan dan amalan bertanggungjawab, termasuk penggunaan kredit pengguna yang bersesuaian dan penstrukturan semula hutang.

Tabiat dan amalan kewangan dalam kalangan penghutang dan pemiutang akan diperkukuh. Dalam hubungan ini, perundangan yang bersepadu dan diperkukuh akan dilaksanakan untuk mentadbir urus aktiviti kredit pengguna untuk bank dan juga pemiutang bukan bank. Di samping itu, kutipan, pengurusan dan perkongsian data berkaitan dengan keberhutangan isi rumah dalam kalangan pihak berkuasa dan agensi Kerajaan akan diperkukuh untuk membolehkan analisis dan pembangunan yang berkesan.

#### Strategi A3

### Memperkukuh sistem penyampaian program isi rumah B40

#### Memperkemaskan sokongan kepada isi rumah B40

Satu mekanisme akan diwujudkan untuk memperkemas, merasionalisasi dan menyelaraskan pelbagai usaha oleh agensi untuk meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah. Bagi memastikan program dan projek adalah selaras dengan dasar dan strategi negara, mekanisme tersebut akan mengguna pakai pendekatan *bottom-up* yang menggalakkan penyertaan dan komitmen semua pihak berkepentingan bermula daripada mengenalpasti masalah sehingga pemantauan dan penilaian program. Jawatankuasa Kumpulan Fokus pada peringkat daerah akan diperkasa untuk memastikan pembangunan program adalah konsisten dan memenuhi keperluan.

#### Melengkapkan pengukuran Paras Garis Kemiskinan (PGK) dengan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)

MPI, pendekatan pengukuran kemiskinan relatif yang diamalkan oleh negara maju, akan diguna pakai untuk melengkapi kaedah pengukuran berasaskan pendapatan mutlak, iaitu PGK. MPI mengukur akses kepada kemudahan dan perkhidmatan asas yang membantu mobiliti sosial dan membolehkan analisis berasaskan intensiti, dan seterusnya mengenal pasti keperluan isi rumah berpendapatan rendah dengan lebih jelas.

## Kotak 3-2

## Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)

Di Malaysia, secara tradisinya kemiskinan diukur dalam satu dimensi, iaitu menggunakan PGK. Isi rumah yang tidak mencapai tahap pendapatan tertentu dianggap miskin. Pada tahun 2010, United Nations Development Programme (UNDP) telah memperkenalkan MPI dalam Human Development Report.

Selaras dengan ini, Malaysia juga telah membangunkan pengukuran MPI pada peringkat nasional yang bersesuaian dengan kesejahteraan sosioekonomi dan rangka kerja pembangunan negara. Penggunaan MPI akan memastikan pertimbangan sesuatu dasar akan beralih melangkaui isu kemiskinan termasuk isi rumah mudah terjejas. MPI akan melengkapkan PGK bagi mengukur dan memantau kemiskinan dari perspektif pelbagai dimensi.

MPI mencerminkan kedua-dua insiden ketersisihan pelbagai dimensi (bilangan penduduk yang mengalami ketersisihan dalam pelbagai aspek kehidupan dalam populasi tertentu) dan intensiti (berapa batas ketersisihan dialami secara purata pada sesuatu masa). Pendekatan ini terdiri daripada empat dimensi dengan 11 indikator. Isi rumah yang mengalami ketersisihan dalam sekurang-kurangnya satu pertiga daripada indikator wajaran dianggap sebagai mudah terjejas atau berhadapan dengan risiko menjadi miskin dari pelbagai dimensi.

## Dimensi, indikator, batas ketersisihan dan wajaran MPI

Dimensi	Indikator	Batas Ketersisihan	Wajaran
Pendidikan	Bilangan tahun persekolahan	Semua ahli isi rumah berumur 17-60 tahun mempunyai kurang daripada 11 tahun persekolahan	$\frac{1}{8}$
	Kehadiran ke sekolah	Kanak-kanak antara 6-16 tahun yang tidak bersekolah	$\frac{1}{8}$
Kesihatan	Akses kepada kemudahan kesihatan	Jarak kepada kemudahan kesihatan melebihi 5 km dan tiada kemudahan klinik kesihatan bergerak disediakan	$\frac{1}{8}$
	Akses kepada bekalan air bersih	Selain daripada bekalan air terawat di dalam rumah dan paip air awam/paip berdiri	$\frac{1}{8}$
Taraf hidup	Keadaan tempat tinggal	Usang atau mulai buruk	$\frac{1}{24}$
	Bilangan bilik tidur	Lebih 2 ahli isi rumah/bilik	$\frac{1}{24}$
	Kemudahan tandas	Selain daripada tandas pam	$\frac{1}{24}$
	Kemudahan kutipan sampah	Tiada kemudahan	$\frac{1}{24}$
	Pengangkutan	Semua ahli isi rumah sama ada tidak menggunakan pengangkutan persendirian atau pengangkutan awam	$\frac{1}{24}$
	Akses kepada alat komunikasi asas	Tidak memiliki telefon talian tetap atau telefon bimbit	$\frac{1}{24}$
	Pendapatan	Pendapatan bulanan purata isi rumah	Pendapatan bulanan purata isi rumah kurang daripada PGK



## Bidang fokus B

# Memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera

Dalam tempoh RMKe-11, tumpuan akan diberikan kepada usaha memperkasa masyarakat bagi meningkatkan inklusiviti melalui penyediaan keperluan komuniti, termasuk keluarga, belia, wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU.

Enam strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai sasaran utama ini seperti berikut:

- **Strategi B1: Mengukuhkan institusi keluarga** dengan meningkatkan kemahiran keibubapaan dan nilai kekeluargaan; serta menambah baik perkhidmatan kaunseling dan sistem sokongan keluarga
- **Strategi B2: Memupuk potensi belia** dengan membangunkan kepimpinan yang dinamik dan memiliki pelbagai kebolehan serta meningkatkan daya keusahawanan dan memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia
- **Strategi B3: Meningkatkan peranan wanita dalam pembangunan** dengan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif; dan meningkatkan bilangan wanita dalam jawatan pembuat keputusan
- **Strategi B4: Mendukung keperluan dan kepentingan kanak-kanak** dengan menambah baik perlindungan kanak-kanak daripada penderaan, pengabaian dan ditinggalkan; serta meningkatkan keberhasilan pendidikan bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik
- **Strategi B5: Meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran warga emas** dengan menambah baik persekitaran yang menyokong warga emas; dan menggalakkan penuaan aktif
- **Strategi B6: Memperkasa orang kurang upaya** dengan mewujudkan persekitaran fizikal yang mesra untuk OKU; serta memperluas latihan dan pembangunan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran

## Strategi B1

### Mengukuhkan institusi keluarga

Institusi keluarga adalah penting dalam masyarakat Malaysia. Kebelakangan ini, kebanyakan keluarga mengalami tekanan kesan daripada urbanisasi, waktu kerja yang panjang, kos sara hidup serta kesan media sosial terhadap komunikasi dan perhubungan. Pengukuhan institusi keluarga sebagai teras masyarakat merupakan keutamaan dalam RMKe-11, dengan pelaksanaan inisiatif untuk membantu keluarga menghadapi perubahan persekitaran yang pesat. Di bawah strategi ini, skor Indeks Kesejahteraan Keluarga dijangka mencapai 8 daripada 10 menjelang tahun 2020.

### Meningkatkan kemahiran keibubapaan dan nilai kekeluargaan

Program pra perkahwinan dan pengukuhan perkahwinan akan digalakkan untuk menyemai nilai kekeluargaan, kemahiran keibubapaan dan komunikasi berkesan bagi memperkukuh institusi perkahwinan dan daya tahan keluarga. NGO, organisasi berasaskan komuniti (CBO) dan organisasi swasta akan digalakkan untuk melaksanakan program ini. Selain itu, pasangan muda yang berkahwin akan diberikan pendedahan berkaitan pengurusan kewangan berhemat dan gaya hidup sihat. Media massa dan media sosial pula akan dimanfaatkan untuk mempromosi program pendidikan dan peningkatan pengetahuan kekeluargaan.

### Menambah baik perkhidmatan kaunseling dan sistem sokongan keluarga

Perkhidmatan kaunseling kepada ahli keluarga yang memerlukan terutamanya yang mengalami kejutan, tekanan emosi dan masalah kewangan akan diperkukuh dengan bantuan pakar dan NGO berkaitan.



Kemudahan dan sistem sokongan kekeluargaan sedia ada akan ditambah baik melalui kerjasama antara Kerajaan, masyarakat, NGO dan pihak swasta. Pusat komuniti bersepadu yang menempatkan TASKA, penjagaan warga emas, pusat transit untuk kanak-kanak dan pelajar termasuk kemudahan lain seperti pusat pemulihan, Kafe@TEEN dan Klinik Nur Sejahtera akan ditubuhkan.

## Strategi B2

### Membangunkan potensi belia

Menjelang tahun 2020, belia yang berumur 15 hingga 40 tahun dijangka mewakili 44.7% daripada jumlah penduduk. Belia memainkan peranan penting dalam pembangunan negara bangsa. Mereka bukan sahaja pemimpin masa hadapan tetapi rakan kongsi pembangunan pada masa kini. Mereka merupakan agen perubahan yang akan menentukan identiti Malaysia di masa hadapan untuk memacu kemajuan negara. Oleh itu, adalah penting untuk menyediakan persekitaran dan peluang yang membolehkan mereka memainkan peranan dalam pembangunan negara.

#### Meningkatkan kepimpinan dinamik dan membina pelbagai kebolehan belia

Program pembangunan belia akan memupuk dan meningkatkan kepimpinan dinamik serta membina pelbagai kebolehan belia melalui pendidikan dan latihan, keusahawanan, sukan dan kesukarelawanan. Nilai positif termasuk kerohanian, patriotisme, kebertanggungjawaban, penyayang, berdaya tahan dan berminda positif akan diterapkan untuk membentuk generasi muda yang berpotensi menjadi pemimpin masa hadapan yang berkredibiliti. Program yang lebih berstruktur akan dilaksanakan bagi meningkatkan integrasi sosial dan memupuk perpaduan dalam kalangan belia.

#### Meningkatkan daya keusahawanan belia yang dinamik dan efektif

Program pembangunan keusahawanan bersepadu termasuk pemahaman kewangan dan pelaburan akan dipertingkatkan bagi mewujudkan lebih ramai usahawan muda yang berjaya termasuk industri berasaskan sukan. Pelbagai agensi seperti Akademi

Pembangunan Belia Malaysia, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), MARA, Akademi Inovasi Wanita (MyWIN) dan TEKUN Nasional akan menyokong inisiatif ini. Bagi mencapai matlamat ini, agensi yang berkaitan akan merangka pelan strategik bagi membangunkan usahawan belia yang dinamik dan efektif secara lebih bersepadu.

#### Memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia

Belia di Institusi Pengajian Tinggi akan digalakkan untuk mengambil bahagian dalam program sukarela “Kembali ke Pangkuan Masyarakat”. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama NGO, universiti dan pihak swasta. Program oleh iM4U dan Skwad Muda RELA akan diperluas untuk membolehkan lebih ramai belia di universiti untuk turut serta dan menyumbang dengan lebih efektif.

## Strategi B3

### Meningkatkan peranan wanita dalam pembangunan

Wanita merupakan 48.7% daripada jumlah penduduk dan 61% daripada jumlah mahasiswa di Malaysia. Mereka memainkan peranan penting dalam menangani jurang bakat di Malaysia bagi mencapai matlamat pembangunan sosioekonomi negara. Beberapa langkah akan diambil untuk memanfaatkan bakat wanita di semua peringkat, dan mewujudkan lebih banyak peluang bagi wanita untuk turut serta dalam ekonomi, dan meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan kepada 59% pada tahun 2020.

#### Mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif

Persekitaran kerja yang kondusif akan diwujudkan bagi meningkatkan penyertaan wanita dan kepelbagaian gender dalam tenaga kerja. Langkah ini termasuk menggalakkan amalan kerja dan kehidupan yang seimbang, amalan kerja anjal serta bekerja dari rumah dalam sektor awam dan swasta. Di samping itu, akses kepada Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) yang berkualiti untuk perkhidmatan penjagaan kanak-kanak akan diperluas.

### **Meningkatkan bilangan wanita dalam jawatan pembuat keputusan**

Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan bilangan wanita dalam jawatan pembuat keputusan. Sehubungan itu, wanita akan diberikan peluang lebih besar untuk menimba pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan termasuk dalam bidang keusahawanan. Program “kembali bekerja” untuk menggalakkan wanita yang berkelayakan yang telah keluar dari tenaga kerja disebabkan oleh komitmen keluarga dan lain-lain akan diperluas melalui kerjasama dengan sektor swasta. Inisiatif yang diterajui oleh TalentCorp akan diteruskan bagi meningkatkan bilangan wanita berbakat kembali bekerja. Bagi menyokong perancangan, pemantauan dan penilaian program, pengumpulan data terperinci mengikut gender di pelbagai kementerian dan agensi akan diperkukuh.

## **Strategi B4**

### **Mendukung keperluan dan kepentingan kanak-kanak**

Malaysia kekal sebagai negara yang mempunyai penduduk berumur muda. Jumlah kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun dijangka meningkat kepada 29.9% daripada jumlah penduduk negara menjelang tahun 2020. Usaha untuk melindungi keperluan dan kepentingan kanak-kanak akan dipertingkatkan untuk menangani isu penderaan dan pengabaian. Di samping itu, pelbagai inisiatif untuk meningkatkan peluang pendidikan akan dilaksanakan terutamanya bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan kurang upaya.

### **Menambah baik perlindungan kanak-kanak daripada penderaan, pengabaian dan ditinggalkan**

Lebih banyak Unit Penjagaan dan Perlindungan Kanak-kanak akan disediakan untuk meningkatkan perlindungan kanak-kanak daripada didera, ditinggalkan dan diabaikan. Usaha advokasi akan dipergiat melalui media sosial. Akta Kanak-kanak 2001 akan dikaji semula bagi mendukung keperluan dan melindungi kanak-kanak. Program pencegahan dan pemulihan untuk kanak-kanak yang memerlukan akan diperkukuh dengan meningkatkan penglibatan ahli keluarga dan masyarakat.

### **Meningkatkan akses kepada penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan menambah baik outcome pendidikan bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik**

Langkah akan diambil untuk menambah baik akses kepada pendidikan kanak-kanak yang berkualiti bagi meningkatkan potensi mereka. Masyarakat akan digalakkan untuk menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak dengan menyediakan kemudahan pembelajaran dan aktiviti rekreasi bagi mengelakkan kanak-kanak terlibat dalam aktiviti sosial yang tidak sihat. Pengasuh kanak-kanak di pusat ECCE akan dilatih dengan kerjasama NGO dan universiti yang berkaitan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan outcome kanak-kanak dalam jagaan. Lebih banyak taman asuhan kanak-kanak berkeperluan khas seperti Sindrom Down dan masalah pembelajaran, pendengaran dan fizikal akan ditubuhkan dengan kerjasama NGO dan sektor swasta. Kanak-kanak di institusi kebajikan yang berumur antara 13 hingga 18 tahun akan diberikan peluang untuk melanjutkan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional.

## **Strategi B5**

### **Menambah baik persekitaran kehidupan warga emas**

Jumlah penduduk berumur melebihi 60 tahun semakin meningkat daripada 7.9% pada tahun 2010 kepada 8.8% pada tahun 2014. Angka ini dijangka meningkat kepada 10.6% pada tahun 2020. Kualiti hidup yang lebih baik dan peningkatan dalam penjagaan kesihatan telah menghasilkan jangka hayat yang lebih panjang kepada 72.6 tahun untuk lelaki, 77.2 tahun untuk wanita pada tahun 2013. Ramai warga emas yang bersedia untuk terus menyumbang kepada masyarakat walaupun dalam usia emas. Dalam tempoh RMKe-11, usaha bersepadu akan diambil untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas.

### **Menambah baik persekitaran yang menyokong warga emas**

Inisiatif untuk menambah baik persekitaran yang menyokong warga

emas akan dilaksanakan termasuk menyediakan infrastruktur mesra warga emas dan menambah baik khidmat penjagaan. Lebih banyak pusat penjagaan harian warga emas akan ditubuh dengan kerjasama NGO bagi membolehkan mereka hidup bersama ahli keluarga yang bekerja. Di samping itu, pusat penjagaan warga emas dan Khidmat Bantuan di rumah akan diperluas. Program kesedaran mengenai penjagaan warga emas akan diperkukuh untuk menjadikan golongan warga emas mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat.

Perlindungan sosial untuk warga emas miskin akan diselaras dan disepadu bagi memastikan kualiti hidup yang lebih baik. Penyediaan bantuan akan diteruskan berdasarkan kepada keperluan asas. Kumpulan berpendapatan rendah, terutama dalam sektor tidak formal akan digalakkan untuk menyertai skim simpanan sukarela dan skim persaraan sebagai jaminan perlindungan ekonomi pada usia tua.

### Menggalakkan penuaan aktif

Kapasiti Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia akan ditingkatkan bagi menjalankan lebih banyak penyelidikan bagi menyokong penuaan aktif. Program University of the Third Age (U3A) akan diperluas untuk memberikan peluang kepada warga emas terus belajar dan memperoleh pengetahuan serta kemahiran melalui kerjasama dengan universiti, kolej komuniti dan Pusat Aktiviti Warga Emas. Di samping itu, NGO akan digalakkan melaksanakan program pembelajaran berasaskan bantuan sendiri.

Kempen nasional untuk meningkatkan kesedaran sosial mengenai kesukarelawanan golongan profesional yang bersara akan dilancarkan untuk menggalakkan mereka mengambil bahagian dalam aktiviti berasaskan komuniti. Kempen ini akan membolehkan mereka kekal aktif dan menyumbang pengetahuan, kemahiran serta pengalaman mereka untuk manfaat masyarakat. CBO dan NGO akan digalakkan untuk menarik lebih ramai profesional yang bersara mengambil bahagian dalam program pembangunan komuniti secara sukarela.

## Strategi B6

### Memperkasa orang kurang upaya

Meskipun berlaku peningkatan yang berterusan dalam penyediaan perkhidmatan dan sokongan untuk memperkasa OKU, masih terdapat ruang untuk mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi OKU. RMKe-11 akan terus memberikan tumpuan kepada penyediaan persekitaran yang lebih kondusif dan mesra OKU bagi membolehkan kehidupan OKU yang aktif, produktif dan berdikari.

#### Mewujudkan persekitaran fizikal yang mesra OKU

Akses bebas halangan di tempat awam adalah elemen penting dalam kehidupan berdikari bagi OKU. Untuk tujuan ini, penguatkuasaan Undang-undang Kecil Bangunan Sejagat 1984 akan diperkukuh bagi memastikan kepatuhan kepada reka bentuk sejagat dan mewujudkan persekitaran fizikal yang mesra OKU. Bangunan Kerajaan sedia ada akan ditambah baik bagi pematuhan kepada undang-undang tersebut.

Untuk terus menggalakkan golongan OKU hidup berdikari, *Independent Living Centre* berasaskan komuniti akan ditubuhkan dengan penglibatan NGO dan CBO. Pusat ini akan diurus selia oleh OKU.

#### Memperluas latihan dan pembangunan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran

Dalam tempoh RMKe-11, lebih banyak program akan dilaksanakan untuk memperkasa OKU yang produktif. Akses yang lebih luas kepada pendidikan asas dan latihan kemahiran akan disediakan termasuk keusahawanan bagi menyediakan kemahiran yang sesuai dalam kalangan OKU supaya mereka boleh diambil bekerja oleh sektor swasta dan Kerajaan. Langkah ini adalah selaras dengan sasaran sekurang-kurangnya 1% OKU dalam kalangan penjawat awam. SMOKU akan ditambah baik untuk menyokong perancangan, pemantauan dan penilaian program sedia ada. Di samping itu, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan juga akan dinaik taraf sebagai pusat kecemerlangan latihan dan penyelidikan bagi OKU.



## Bidang fokus C

# Mentransformasi luar bandar untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat

Sebanyak 26.3% atau 7.92 juta daripada rakyat Malaysia tinggal di luar bandar di seluruh negara yang mempunyai tahap aksesibiliti kepada kawasan pinggir bandar, kemudahan infrastruktur dan ameniti sosial serta peluang ekonomi yang berbeza-beza. Peningkatan kesejahteraan masyarakat luar bandar akan diberikan keutamaan di bawah RMKe-11, selaras dengan objektif untuk memastikan pertumbuhan seimbang merentasi kedudukan geografi. Lima strategi utama akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-11 untuk mencapai outcome tersebut:

- **Strategi C1: Memperluas penyediaan infrastruktur asas luar bandar** dengan memperkemas perancangan infrastruktur luar bandar dan meningkatkan penyediaan jalan, bekalan air dan elektrik
- **Strategi C2: Menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta di luar bandar** dengan menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif
- **Strategi C3: Menambah baik hubungan luar bandar-bandar** dengan menambah baik ketersambungan, mobiliti dan penggunaan ICT untuk memperkukuh peranan UTC, RTC dan mini RTC
- **Strategi C4: Meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas** dengan memperluas program Mobile CTC dan perkhidmatan perbankan ke luar bandar
- **Strategi C5: Memperkemarkan sistem penyampaian** dengan mengkaji semula peranan lembaga kemajuan wilayah (LKW) dan membangunkan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional

### Strategi C1

## Memperluas penyediaan infrastruktur asas luar bandar

Memperkemas perancangan infrastruktur asas luar bandar

Pangkalan data infrastruktur asas luar bandar yang bersepadu akan dibangunkan untuk memudahkan proses pengumpulan data dan perancangan infrastruktur luar bandar serta memastikan keberkesanan penyampaian infrastruktur utama bagi memenuhi keperluan masyarakat.

### Meningkatkan penyediaan jalan serta bekalan air dan elektrik

Jalan baharu akan dibina dan jalan sedia ada termasuk bekas jalan balak akan dinaik taraf untuk meningkatkan ketersambungan, terutamanya di Sabah dan Sarawak serta kawasan penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Keutamaan akan diberikan kepada pembinaan jalan yang menghubungkan antara kampung, dan kampung dengan bandar yang terdekat. Dalam tempoh RMKe-11, sepanjang 3,000 kilometer jalan berturap akan dibina.

Program Bekalan Air Luar Bandar yang bertujuan membekalkan air bersih dan terawat secara langsung kepada setiap isi rumah akan diperluas dan melibatkan penyambungan setiap rumah kepada *meter stand* daripada sistem retikulasi. Di samping itu, sistem alternatif seperti sistem bekalan air graviti, telaga tiub dan penuaian air hujan akan digunakan di kawasan pedalaman dan terpencil. Liputan air di luar bandar akan mencapai 99% dan tambahan sebanyak 90,000 unit rumah akan dibekalkan dengan air bersih dan terawat.

Program Bekalan Elektrik Luar Bandar akan terus memberikan tumpuan kepada penjanaan *off-grid* di kawasan pedalaman dan terpencil. Sistem alternatif iaitu solar hibrid dan hidro mini akan disokong dengan *micro-* dan *pico-grid* untuk meningkatkan liputan. Masyarakat tempatan akan dilatih dan digalakkan bekerjasama dalam penyelenggaraan kemudahan ini bagi memastikan kemampuan sistem bekalan elektrik alternatif di luar bandar. Liputan elektrik di luar bandar akan mencapai 99% dan tambahan rumah yang akan dibekalkan elektrik adalah 36,800 unit rumah.

## Strategi C2

### Menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta di luar bandar

Usaha akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak berkuasa koridor ekonomi wilayah untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif untuk menarik pelaburan bernilai tambah tinggi ke luar bandar. Kerjasama antara kementerian dengan agensi berkaitan akan diperkukuh bagi menyediakan infrastruktur, kemudahan logistik dan khidmat sokongan yang bersesuaian untuk memudahkan pelaburan sektor swasta. Peranan RTC sebagai pusat perniagaan setempat akan dipertingkatkan bagi memudahkan urusan perniagaan, termasuk menyediakan maklumat mengenai kawasan yang berpotensi untuk pelaburan.

## Strategi C3

### Menambah baik rangkaian hubungan luar bandar-bandar

Rangkaian hubungan antara luar bandar dengan bandar akan diperkukuh untuk meningkatkan ketersambungan dan mobiliti bagi memupuk integrasi ekonomi. Sistem pengangkutan akan disepadukan bagi menyediakan ketersambungan yang lebih baik dan laluan bas yang menjimatkan kos akan dikenal pasti untuk meningkatkan mobiliti. Usaha ini membolehkan perusahaan luar bandar untuk memasarkan barangan dan perkhidmatan ke kawasan pinggir dan pusat bandar.

Peranan UTC, RTC dan mini RTC sebagai conduit rangkaian hubungan luar bandar-bandar akan diperkukuh dengan memanfaatkan ICT. Usaha juga akan diambil bagi menggalakkan penduduk luar bandar untuk menyediakan perkhidmatan sokongan, terutamanya dalam industri ekopelancongan.

## Strategi C4

### Meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas

#### Memperluas program Pusat Transformasi Komuniti Bergerak

Program Mobile CTC iaitu program yang menyediakan perkhidmatan

asas Kerajaan kepada masyarakat luar bandar, terutamanya di kawasan pedalaman akan diperluas dengan penyertaan lebih banyak agensi Kerajaan dan swasta. Program akan disesuaikan untuk memenuhi keperluan penduduk setempat.

#### Menyediakan perkhidmatan perbankan di luar bandar

Pelaksanaan program perkhidmatan perbankan luar bandar akan diperluas bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan kepada masyarakat luar bandar. Sebanyak 4,348 ejen perkhidmatan BSN akan dilantik untuk memperluas perkhidmatan kewangan di luar bandar. Di samping itu, bank lain digalakkan untuk menyediakan mesin pengeluaran tunai dan mesin deposit tunai di tempat strategik di luar bandar.

## Strategi C5

### Memperkemaskan sistem penyampaian

#### Mengkaji semula peranan lembaga kemajuan wilayah

Dalam tempoh RMKe-11, peranan LKW akan dikaji semula bagi memacu pembangunan sosioekonomi di kawasan masing-masing. LKW dengan kerjasama pihak berkuasa koridor ekonomi wilayah akan menyediakan kemudahan infrastruktur dan keperluan sosial yang mencukupi serta menarik pelaburan swasta bagi menjana aktiviti ekonomi dan mewujudkan pekerjaan kepada masyarakat setempat. LKW juga akan memberi sokongan kepada agensi berkaitan dalam melaksanakan program dan projek pembangunan sosioekonomi. Kapasiti LKW akan diperkukuh untuk melaksanakan projek yang dapat menjana pendapatan untuk menggalakkan pembiayaan sendiri.

#### Membangunkan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional

Sistem pangkalan data yang komprehensif dan bersepadu iaitu Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) akan dibangunkan untuk menyediakan profil kampung yang mempunyai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Pangkalan data tersebut yang mengandungi maklumat demografi, status sosioekonomi dan infrastruktur akan digunakan sebagai rujukan nasional dalam merancang program dan projek pembangunan luar bandar supaya lebih berkesan. Dalam tempoh RMKe-11, sebanyak 17,900 profil kampung di seluruh negara akan dimuat naik dalam sistem ini.



## Bidang fokus D

# Mempercepat pertumbuhan wilayah ke arah keseimbangan geografi yang lebih baik

Sejak penubuhan koridor ekonomi wilayah pertama pada tahun 2006, banyak kejayaan telah dihasilkan termasuk peluang ekonomi kepada penduduk setempat. Koridor ekonomi wilayah akan terus merencanakan pertumbuhan ekonomi untuk menangani ketidakseimbangan antara dan dalam wilayah dan meningkatkan inklusiviti. Usaha akan diambil untuk mempercepat pelaburan, menyediakan infrastruktur dan mengkaji semula pelan pembangunan koridor.

Dua strategi yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- **Strategi D1: Kajian semula strategik pelan induk pembangunan wilayah** dengan menilai semula keutamaan dan tumpuan industri di koridor ekonomi wilayah
- **Strategi D2: Mempercepat pelaburan di koridor ekonomi wilayah** dengan menambah baik khidmat mudah cara kepada pelabur, meningkatkan ketersambungan dan mobiliti serta mempromosikan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan

### Strategi D1

## Kajian semula strategik pelan induk pembangunan wilayah

### Menilai semula keutamaan dan tumpuan industri koridor ekonomi wilayah

Berdasarkan perubahan landskap ekonomi domestik dan global, pihak berkuasa koridor ekonomi wilayah perlu memastikan hala tuju, strategi dan inisiatif yang dirancang adalah selaras dengan matlamat pembangunan sosioekonomi negara dan responsif kepada cabaran antarabangsa. Koridor ekonomi wilayah akan terus membangunkan kluster ekonomi berdasarkan kelebihan sektor dan geografi bagi meraih faedah ekonomi bidangan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat. Usaha akan diambil untuk mempercepat pelaburan, menyediakan infrastruktur dan mengkaji semula pelan pembangunan koridor ekonomi wilayah bagi merealisasikan pelaburan sebanyak RM236 bilion dan mewujudkan sebanyak 470,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Koridor ekonomi wilayah akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan dan pertumbuhan Malaysia. Beberapa program dan projek jangka masa panjang dan berimpak tinggi sedang berjalan dan akan terus dilaksanakan pada tahun seterusnya. Sektor keutamaan termasuk kluster kreatif di Iskandar Malaysia; memperkukuh industri automotif dan aeronautik di NCER; industri petrokimia di taman perindustrian sedia ada di ECER; pelancongan dan pemprosesan minyak kelapa sawit hiliran di SDC; serta industri berintensifkan tenaga termasuk aluminium, besi dan kaca di SCORE.

Beberapa inisiatif bagi menggalakkan inklusiviti juga akan dilaksanakan di seluruh koridor ekonomi wilayah, terutamanya memberikan tumpuan

kepada aktiviti menjana pendapatan dan latihan kemahiran kepada masyarakat setempat. Sebagai contoh, Iskandar Malaysia Creative Industry Talent Development Programme akan diperluas untuk melatih lebih ramai masyarakat tempatan manakala program pembangunan keusahawanan dan kemahiran akan mempertingkatkan keupayaan masyarakat tempatan untuk terlibat dan mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi di ECER. Di NCER, program seperti Program Latihan Vokasional Pertanian dan Keusahawanan Sekolah akan diperkukuhkan. Program berimpak tinggi dalam pembangunan kandungan kreatif akan dibangunkan bagi belia di SDC dengan sasaran enrolmen seramai 850 orang. Dalam SCORE, program akan dibangunkan untuk menyokong pembangunan pelancongan dan meningkatkan produktiviti pertanian.

Di samping itu, Program Transformasi Ekonomi Sempadan (BETP) akan meningkatkan outcome daripada pembangunan ekonomi wilayah dengan membawa pembangunan inklusif dan kemakmuran kepada kawasan sempadan Malaysia. BETP akan bermula dengan sempadan Malaysia-Thailand yang meliputi kawasan ECER dan NCER, dengan matlamat untuk menarik pelaburan, mewujudkan pekerjaan dan meningkatkan pendapatan untuk masyarakat tempatan dalam dan sekitar kawasan sempadan. Pelbagai projek pertumbuhan ekonomi berskala besar dan peluang penjana pendapatan penduduk tempatan akan dibangunkan termasuk pembangunan Lembah Chuping dan Perlis Inland Port (PIP) di Perlis dan pemprosesan hiliran berasaskan getah di Rubber City di Kedah serta pembinaan Plaza IMT-GT, sebuah plaza peruncitan di Bukit Bunga dan pembangunan semula Kampung Laut, Tumpat di Kelantan.

## Strategi D2

### Mempercepat pelaburan di koridor ekonomi wilayah

#### Menambah baik khidmat mudah cara kepada pelabur

Dalam merangsang pembangunan di koridor ekonomi wilayah, usaha untuk mempercepat pelaburan adalah kritikal. Secara purata, hanya 56.8% daripada pelaburan komited berjaya direalisasikan. Walaupun

terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pelaburan yang direalisasi, masih banyak yang perlu dilakukan untuk memperkukuh mekanisme penyampaian pelaburan, terutamanya bagi memudah cara, mobiliti dan pengkomersialan hasil penyelidikan bagi pelabur. Pihak berkuasa koridor ekonomi wilayah akan membantu pelabur mendapat kelulusan daripada pelbagai agensi serta menyelesaikan isu tanah dan urusan berkaitan. Usaha ini bagi memastikan pelaburan komited dapat direalisasikan. Perluasan model mudah cara pelabur akan memastikan pihak berkuasa koridor ekonomi wilayah terus memberikan sokongan kepada pelabur setelah beroperasi bagi menangani cabaran pelaksanaan dan menggalakkan pelaburan semula pada masa hadapan.

#### Menambah baik ketersambungan dan mobiliti

Rangkaian pengangkutan akan ditambah baik bagi meningkatkan ketersambungan dan mobiliti di koridor ekonomi wilayah. Penambahbaikan ini termasuk membina dan menaik taraf jalan raya dan lebuhraya seperti Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan SCORE dan SDC; Central Spine Road dan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai bagi meningkatkan daya saing ECER. Pembinaan Lapangan Terbang Mukah dijangka menjadi pemangkin pembangunan di Mukah dan kawasan sekitar SCORE. Mukah juga akan dibangunkan sebagai bandar pintar yang merupakan satu daripada nod pertumbuhan di SCORE.

#### Mempergiat penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan

Kerjasama antara kerajaan, industri dan ahli akademik akan diperkukuh bagi menggiatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) dalam kluster ekonomi untuk memastikan kemampanan industri. Konsep kerjasama yang diamalkan oleh Collaborative Research In Engineering, Science and Technology Centre (CREST) akan diperluas kepada kluster ekonomi dan koridor ekonomi wilayah yang lain.



## Bidang fokus E

# Memperkukuh peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera untuk meningkatkan pemilikan kekayaan

Bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh Bumiputera, usaha yang lebih kreatif dan inovatif akan dilaksanakan. Untuk tujuan tersebut, lima strategi utama akan dilaksanakan seperti berikut:

- **Strategi E1: Memperkasa modal insan Bumiputera** dengan memperluas latihan kemahiran tinggi dan program profesional bertauliah
- **Strategi E2: Meningkatkan penguasaan efektif Bumiputera dan mengekalkan pemilikan korporat** dengan memperluas strategi pelaburan untuk menambah baik pemilikan ekuiti; meningkatkan pelupusan aset dan aktiviti bukan teras GLC dan GLIC kepada usahawan Bumiputera; dan memperkenalkan mekanisme pembiayaan baharu bagi aset kewangan
- **Strategi E3: Memperluas syer pemilikan kekayaan Bumiputera** dengan memperkukuh program berasaskan institusi bagi pemilikan aset; dan memperkenalkan mekanisme pembiayaan baharu bagi aset bukan kewangan
- **Strategi E4: Memperkasa Komuniti Ekonomi Bumiputera** dengan mengurangkan pembiayaan dalam industri bernilai tambah rendah dan tidak strategik; mempergiat program pembiayaan usahawan; mempertingkatkan program bersepadu kepada perusahaan Bumiputera; mempertingkatkan program perubahan minda; menginstitusikan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial; pemberian insentif bagi menggalakkan penyertaan pihak swasta dan industri; dan mewujudkan platform untuk kerjasama perniagaan dan peluang pemasaran
- **Strategi E5: Mengukuhkan keberkesanan penyampaian program berorientasikan Bumiputera** dengan mewujudkan pangkalan data bersepadu yang mengandungi maklumat status sosioekonomi Bumiputera; mempermudah prosedur Kerajaan bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan; dan memastikan kerjasama merentasi agensi berkaitan dan sektor swasta ke arah pelaksanaan program secara berkesan

## Strategi E1

### Memperkasa modal insan Bumiputera

#### Memperluas latihan kemahiran tinggi dan program profesional bertauliah

Kejayaan program sisipan pekerja seperti Program Peneraju Skil di bawah YPPB akan diperluas bagi meningkatkan kemahiran Bumiputera. Menjelang tahun 2020, penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerjaan berkemahiran tinggi disasarkan sekurang-kurangnya 60%. Pemain industri dalam sektor berimpak tinggi akan memainkan peranan penting menerusi kerjasama dengan institusi latihan kemahiran untuk menyesuaikan modul latihan mengikut keperluan industri. Oleh yang demikian, lebih ramai graduan akan mendapat akses kepada peluang pekerjaan yang lebih baik. Pemain industri ditawarkan insentif yang bersesuaian untuk menggalakkan kerjasama kukuh dengan institusi latihan kemahiran yang berkaitan. Program Peneraju Profesional yang dijalankan oleh YPPB dan program lain seumpamanya akan diperluas untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan profesional bertauliah seperti akauntan, penganalisis kewangan dan jurutera.



## Strategi E2

### Meningkatkan penguasaan efektif Bumiputera dan mengekalkan pemilikan korporat

#### Memperluas strategi pelaburan untuk menambah baik pemilikan ekuiti korporat

Program pengukuhan ekuiti korporat akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dengan penguasaan efektif seperti pelaburan ekuiti persendirian oleh Ekuinas, SJJB dan Program Pembangunan Usahawan Korporat (*The Baron*). Di samping itu, PNB akan terus mempelbagaikan portfolio pelaburan ASB di pasaran hartanah untuk memaksimumkan pulangan kepada pemegang unit. Manakala agensi dan institusi Bumiputera lain akan memberikan tumpuan kepada pengambilalihan syarikat yang berpotensi tinggi dan PLC yang menguntungkan. Dalam tempoh RMKe-11, pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dengan penguasaan berkesan dijangka meningkat kepada sekurang-kurangnya 30%.

#### Meningkatkan pelupusan aset dan aktiviti bukan teras GLC dan GLIC kepada usahawan Bumiputera

Pelupusan aset dan aktiviti bukan teras GLC dan GLIC yang menguntungkan kepada usahawan Bumiputera tulen akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan pemilikan langsung individu Bumiputera secara berkesan. Bimbingan dan latihan bersasar secara berterusan akan diberikan sehingga syarikat Bumiputera ini mampu berdikari dalam mengendalikan perniagaan. Manakala institusi kewangan akan membantu syarikat Bumiputera dari segi kecairan aset dalam proses pengambilalihan perniagaan daripada GLC dan GLIC. Kaedah pelupusan bersesuaian akan dibangunkan dan dipantau oleh TERAJU bagi memastikan kejayaan inisiatif ini.

## Memperkenalkan mekanisme pembiayaan baharu bagi aset kewangan

Pemilikan ekuiti individu Bumiputera akan ditingkatkan dengan membenarkan pengeluaran Akaun 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk pembelian unit ASB2 bagi memberikan pulangan jangka masa panjang berisiko rendah. Mekanisme pembiayaan baharu seperti dana pelaburan wakaf dan ekuiti persendirian untuk pelaburan akan diwujudkan melalui dana awam untuk melabur dalam syarikat berpotensi tinggi dan menguntungkan.

## Strategi E3

### Meningkatkan syer pemilikan kekayaan Bumiputera

#### Mengukuhkan program berasaskan institusi bagi pemilikan aset

Program berasaskan institusi termasuk REIT Bumiputera akan terus diperkukuh bagi meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam hartanah komersial dan kediaman di lokasi strategik. Yayasan Wakaf Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri dan institusi berasaskan Bumiputera yang lain akan bekerjasama untuk membangunkan tanah rizab Melayu dan tanah wakaf untuk mempertingkatkan nilai tanah dan mengekalkan pemilikan Bumiputera.

Satu mekanisme akan diperkenalkan untuk membolehkan institusi Bumiputera membeli lot Bumiputera yang tidak terjual di kawasan pembangunan hartanah baharu. Institusi ini akan memiliki hartanah tersebut dan menerima hasil sewaan sehingga hartanah ini dibeli oleh Bumiputera yang berminat. Di samping itu, EDO seperti MARA, TEKUN Nasional dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) akan terus mendapatkan ruang niaga atau lot kedai yang strategik untuk disewa kepada usahawan Bumiputera.

### Memperkenalkan mekanisme pembiayaan baharu bagi aset bukan kewangan

Dalam usaha membantu Bumiputera untuk memiliki hartanah kediaman, lebih banyak rumah mampu milik akan dibina menggunakan sumber dana, termasuk mekanisme tabung *clawback*. Tabung ini adalah merupakan sumbangan daripada pihak pemaju hartanah yang tidak mematuhi penetapan kuota Bumiputera dalam pembangunan hartanah. Jumlah sumbangan bersamaan dengan nilai diskaun unit kediaman Bumiputera yang dijual kepada bukan Bumiputera. Dalam tempoh RMKe-11, adalah dijangka sekurang-kurangnya 90% isi rumah Bumiputera memiliki seunit kediaman. Di samping itu, Dana Pusingan Hartanah Komersial Bumiputera akan ditubuhkan bagi membantu usahawan untuk memperolehi hartanah komersial. Inisiatif ini akan membolehkan usahawan Bumiputera daripada menyewa kepada memiliki hartanah tersebut. PHB akan dilantik sebagai agensi peneraju, disokong oleh EDO untuk pembelian bersama hartanah komersial. Hartanah ini akan disewa pajak kepada usahawan untuk dimiliki setelah tempoh pajakan tamat.

## Strategi E4 Memperkasa Komuniti Ekonomi Bumiputera

### Mengurangkan pembiayaan dalam industri bernilai tambah rendah dan tidak strategik

AIM dan TEKUN Nasional akan terus menyediakan pembiayaan untuk perniagaan mikro. Walau bagaimanapun, institusi ini tidak digalakkan membiayai industri yang bernilai tambah rendah. PUNB, SME Corp dan MARA akan membantu PKS dalam industri bernilai tambah tinggi yang berpotensi untuk berkembang dan menuju ke kitaran perniagaan seterusnya, terutamanya dalam industri yang kurang penyertaan Bumiputera.

### Mempergiat program pembiayaan usahawan

Program pembiayaan usahawan akan dipergiat bagi menyokong pelaksanaan program pembangunan usahawan secara efektif dan bersepadu. Tumpuan akan diberikan kepada industri yang mempunyai penyertaan usahawan Bumiputera yang besar, termasuk automotif, pembinaan, aeroangkasa dan pertahanan, perkhidmatan perniagaan, pendidikan, penjagaan kesihatan serta minyak dan gas. Dasar peluang kedua akan diperkenalkan bagi membantu usahawan Bumiputera yang berpotensi untuk meneruskan aktiviti perniagaan. Di samping itu, dana wakaf serta perbankan dan institusi kewangan Islam akan dimanfaatkan untuk melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera dalam sektor strategik, terutamanya dalam industri Halal.

### Mempertingkatkan program bersepadu berorientasikan pembangunan kepada perusahaan Bumiputera

Perolehan dan kontrak Kerajaan akan disusun semula untuk mengurangkan kegiatan Ali Baba dan *spurious-front*. Usaha ini akan termasuk memperkenalkan dasar graduasi atau dasar penamatan yang bersesuaian untuk mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. Di samping itu, perkongsian pintar akan dibangunkan antara pusat R&D dengan PKS Bumiputera bagi menjamin penghasilan produk dan perkhidmatan yang inovatif. Pinjaman mudah untuk R&D akan disediakan untuk membolehkan PKS Bumiputera mematuhi piawai dan pensijilan antarabangsa. Program berimpak tinggi yang lain seperti Program Pembangunan Vendor dan Groom Big akan terus dilaksanakan. Dasar *carve-out* bagi kontrak yang bernilai melebihi RM500 juta akan terus dilaksanakan. Di samping itu, kerja penyumberan luar akan terus diberikan kepada usahawan Bumiputera.

Dewan Perniagaan Bumiputera akan diperkemas dan dijenamakan semula ke arah pewujudan entiti tulen yang akan meneraju jaringan rantaian bekalan “dari ladang ke meja makan” bagi usahawan Bumiputera. Kumpulan usahawan Bumiputera yang berpotensi tinggi dalam kalangan peneraju industri akan dikenal pasti untuk membentuk konsortium jaringan rantaian bekalan, yang akan menyediakan sokongan kepada ekosistem perniagaan. Peruntukan khas termasuk pembiayaan dan akses yang lebih mudah kepada pasaran akan disediakan untuk memperkukuh konsortium ini. Ekosistem ini akan mewujudkan persekitaran yang kompetitif kepada Bumiputera di pasaran bagi menangani cabaran persaingan.

### **Mempertingkatkan program perubahan minda**

Dalam usaha untuk membangunkan usahawan Bumiputera yang lebih berdikari, langkah yang bersesuaian akan diperkenalkan untuk mengubah minda usahawan supaya mengurangkan kebergantungan kepada bantuan Kerajaan serta menghapuskan aktiviti Ali Baba dan *spurious-front*. Langkah ini juga bertujuan meningkatkan tahap keyakinan usahawan Bumiputera supaya lebih berdaya tahan dan berdaya saing di pasaran tempatan dan global.

### **Menginstitusikan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial**

Inisiatif ini melibatkan penggabungan perusahaan kecil Bumiputera serta penyatuan kebun kecil untuk mendapat manfaat ekonomi bidang. Kerajaan akan menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang bersesuaian serta latihan kepimpinan dan pengurusan bagi membangunkan kapasiti dan kapabiliti perusahaan berasaskan komuniti dan sosial. Perusahaan ini akan ditubuhkan berdasarkan model koperasi. Perusahaan ini akan digalakkan untuk mewujudkan kerjasama dengan syarikat sedia ada untuk memperluas aktiviti.

### **Pemberian insentif bagi menggalakkan penyertaan pihak swasta dan industri**

Insentif kewangan dan bukan kewangan akan diteruskan untuk menggalakkan pihak swasta dan industri menyumbang kepada pembangunan keusahawanan Bumiputera. Insentif ini akan membolehkan usahawan Bumiputera menembusi pasaran dan mewujudkan peluang perniagaan baharu.

### **Mewujudkan platform untuk kerjasama perniagaan dan peluang pemasaran**

Program Bridging akan diperkenalkan bagi mengumpul usahawan Bumiputera berwibawa untuk meningkatkan mereka ke tahap seterusnya. Agensi pembangunan keusahawanan Bumiputera akan memperkukuh jalinan kerjasama dalam kalangan mereka untuk melahirkan usahawan yang berjaya dan berdaya saing. Di samping itu, Program Baucar Pembangunan Perniagaan akan diperkenalkan untuk menyediakan geran pepadanan. Program ini bertujuan membantu usahawan memodenkan kemudahan, meneroka pasaran baharu dan menambah baik proses perniagaan. Pusat Pengedaran Antarabangsa akan ditubuhkan dan diuruskan oleh pihak swasta atau gerakan koperasi untuk mendapatkan akses kepada pasaran luar bagi meningkatkan daya maju perniagaan.

## **Strategi E5**

### **Mengukuhkan keberkesanan penyampaian program berorientasikan Bumiputera**

#### **Meningkatkan agenda pembangunan Bumiputera melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang realistik dan praktikal**

Pendekatan yang komprehensif akan dilaksanakan melalui pembentukan KPI yang realistik dan praktikal serta pangkalan data bersepadu yang mengandungi statistik kedudukan sosioekonomi Bumiputera. Peranan dan fungsi EDO yang berteraskan Bumiputera akan dikaji dan Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) di setiap kementerian dan agensi akan diperkukuh melalui penempatan semula modal insan dan pengagihan sumber mengikut kesesuaian. Prosedur Kerajaan juga akan dipermudah untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan bagi membolehkan usahawan Bumiputera lebih berdaya saing. Agensi awam, GLC dan GLIC, pertubuhan bukan kerajaan Bumiputera serta dewan perniagaan yang berkaitan akan bekerjasama secara simbiotik untuk membangunkan BEC.

# Kesimpulan

RMKe-10 telah berjaya meningkatkan inklusiviti secara menyeluruh seperti ditunjukkan oleh pengagihan pendapatan yang lebih baik di bandar dan luar bandar. Akses kepada infrastruktur luar bandar telah meningkat, dan pelbagai peluang telah diwujudkan bagi masyarakat luar bandar dan komuniti lain untuk mengambil bahagian dalam peluang pembangunan ekonomi. Walau bagaimanapun, lebih banyak usaha perlu dilakukan, khususnya bagi menangani keperluan kumpulan komuniti tertentu yang merasakan bahawa mereka tidak mendapat manfaat daripada pertumbuhan dan pembangunan negara. Di samping itu, isi rumah mudah terjejas, terutamanya dalam kalangan isi rumah B40 dan masyarakat luar bandar masih terdedah kepada kejutan sosioekonomi. Strategi dalam RMKe-11 akan meningkatkan inklusiviti sejajar dengan aspirasi untuk meningkatkan isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah. Kumpulan tertentu dalam komuniti akan terus dilibatkan dan disokong dengan insentif berasaskan outcome untuk menggalakkan mereka berdikari dan berorientasikan outcome. Transformasi luar bandar akan diteruskan dengan objektif untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar dan membolehkan mereka untuk melibatkan diri dan mendapat faedah daripada pertumbuhan ekonomi negara. Pelbagai strategi yang dicadangkan akan mewujudkan akses kepada peluang ekonomi yang lebih saksama. Rakyat Malaysia akan menikmati peningkatan pendapatan, kualiti hidup yang lebih baik dan tidak mudah terjejas serta terus menyumbang ke arah pertumbuhan dan pembangunan negara.



# Meningkatkan kesejahteraan rakyat

## **Gambaran keseluruhan**

### **Sorotan Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian**

### **Mengimbas pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan**

Menambah baik akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti

Memastikan akses kepada perumahan mampu milik dan berkualiti

Menjadikan jalaran lebih selamat dan masyarakat lebih tenteram

Meningkatkan kesepaduan sosial dan perpaduan nasional

Memupuk budaya sukan dan membangunkan bakat untuk meningkatkan kesejahteraan

### **Ringkasan bidang fokus Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020**

#### **Hala tuju Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020**

Bidang fokus A: Mencapai akses sejagat kepada penjagaan kesihatan berkualiti

Bidang fokus B: Menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi dan berkualiti kepada isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana

Bidang fokus C: Mewujudkan persekitaran hidup lebih selamat untuk masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera

Bidang fokus D: Meningkatkan keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan untuk mengurangkan fataliti

Bidang fokus E: Membudayakan semangat 1Malaysia untuk memperkukuh kesepaduan sosial dan perpaduan nasional

Bidang fokus F: Menggiatkan sukan untuk kehidupan yang sihat dan memupuk perpaduan

#### **Kesimpulan**



## Gambaran keseluruhan

Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan pembangunan seimbang yang memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Walaupun tiada definisi khusus bagi kesejahteraan, istilah ini secara umumnya dikaitkan dengan taraf dan kualiti hidup yang merangkumi aspek ekonomi, sosial, fizikal dan psikologi yang memberikan manfaat kepada masyarakat. Di Malaysia, aspek ini dimanifestasikan dalam penjagaan kesihatan yang berkualiti; perumahan mampu milik; peningkatan keselamatan dan ketenteraman awam; penambahbaikan perkhidmatan kecemasan; pengukuhan integrasi sosial dan perpaduan; serta penyertaan yang meluas dalam sukan. Kesejahteraan yang lebih baik juga akan meningkatkan produktiviti dan kemajuan rakyat.

**Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015,** Kerajaan telah membuat pelaburan yang besar untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Penambahbaikan dalam sektor penjagaan kesihatan telah meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, meningkatkan jangka hayat, dan mengurangkan kadar kematian bayi dan ibu. Program perumahan telah meningkatkan kemampuan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah. Di samping itu, garis panduan yang berkaitan juga diwujudkan untuk menyediakan persekitaran kehidupan yang lebih kondusif. Kadar jenayah telah berkurang melebihi 20% dengan pelaksanaan langkah-langkah seperti *omnipresence* di kawasan sering berlaku jenayah dan penyertaan masyarakat yang lebih meluas dalam aktiviti kawalan kawasan kejiranan secara sukarela. Program interaksi sosial melibatkan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat telah meningkat dengan ketara, mewujudkan perkongsian pengalaman dan nilai yang memupuk kesepaduan sosial serta memperkukuh perpaduan

nasional. Penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti sukan telah meningkat daripada 32% pada tahun 2011 kepada 40.8% pada tahun 2014. Peningkatan ini mencerminkan semakin ramai rakyat menghargai faedah sosioekonomi daripada sukan, iaitu bukan sahaja menyokong amalan gaya hidup sihat, malah memperkukuh perpaduan nasional.

**Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11),** 2016-2020, aspek kesejahteraan kekal sebagai teras utama dalam merealisasikan Wawasan 2020. Penambahbaikan dalam penjagaan kesihatan akan ditumpukan kepada menangani keperluan penduduk yang kurang mendapat perkhidmatan, menambah baik sistem penyampaian kesihatan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan, dan mempergiat kerjasama dengan sektor swasta dan NGO. Program perumahan akan terus dilaksanakan untuk isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana, termasuk belia dan pasangan muda yang berkahwin. Usaha pencegahan jenayah akan memberikan tumpuan kepada peningkatan kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan daripada sektor awam dan swasta, meningkatkan keupayaan anggota penguat kuasa undang-undang, dan memperkemas peraturan serta memperkukuh penguatkuasaan. Selain itu, satu inisiatif baharu dalam meningkatkan keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan akan diperkenalkan. Platform untuk interaksi antara dan dalam kalangan kumpulan sosial yang berbeza akan diperkukuh bagi memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan nasional. Di samping itu, lebih banyak program untuk memupuk etika dan nilai moral akan dilaksanakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT). Penekanan akan diberikan kepada penyertaan dalam sukan massa dan pembangunan atlet berprestasi tinggi serta membangunkan keupayaan kepimpinan belia dalam sukan dan aktiviti berkaitan sukan.



# Sorotan

## Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian

**25.4**  
mata

Peningkatan kesejahteraan keseluruhan berasaskan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia antara tahun 2000 dan 2012

**Penambahbaikkan keseluruhan dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia**

**74.8**  
tahun

Anggaran peningkatan jangka hayat pada tahun 2014 berbanding 74.1 tahun pada tahun 2010

**Menambah baik akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti**

**6.5**  
kematian bayi

Anggaran pengurangan kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2014 berbanding 6.7 pada tahun 2010

**58,530**

Peningkatan jumlah katil hospital<sup>1</sup> pada tahun 2014 daripada 55,180 pada tahun 2010

**102,200**

Jumlah rumah mampu milik telah siap dibina untuk isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana

**Memastikan akses kepada perumahan mampu milik dan berkualiti**

<sup>1</sup> Katil di hospital awam dan swasta, pusat jagaan perbidanan dan kejururawatan, hospis dan pusat rawatan harian

22.7%

Pengurangan indeks jenayah sebanyak 22.7% dalam tempoh 2011-2014

17.6%

Pengurangan jenayah jalanan sebanyak 17.6% dalam tempoh 2011-2014

53.2%

Peningkatan 53.2% Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang berdaftar dalam tempoh 2011-2014

MKPN

Penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) pada tahun 2013

36

Atlet Malaysia berada pada kedudukan 10 terbaik dunia pada tahun 2014

**Menjadikan jalanan lebih selamat dan masyarakat lebih tenteram**

**Meningkatkan kesepaduan sosial dan perpaduan nasional**

**Memupuk budaya sukan dan membangunkan bakat untuk meningkatkan kesejahteraan**

# Mengimbaskan pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011 -2015: Kemajuan

Rancangan Malaysia Kesepuluh akan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui tumpuan berterusan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan, keselamatan awam, penyediaan perumahan mampu milik, kesepaduan sosial, dan pembangunan sukan.

Dalam tempoh RMKe-10, kesejahteraan rakyat telah dipertingkatkan melalui tumpuan berterusan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan, keselamatan awam, penyediaan perumahan mampu milik, integrasi sosial, dan pembangunan sukan. Hasil daripada inisiatif tersebut, kesejahteraan rakyat bertambah baik, seperti yang dilaporkan dalam Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) keseluruhan meningkat 25.4 mata antara tahun 2000 dan 2012, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 4-1. Subkomposit kesejahteraan ekonomi meningkat 33.3 mata manakala subkomposit kesejahteraan


sosial meningkat 21.0 mata. Dimensi kesejahteraan ekonomi merangkumi komponen seperti pengangkutan dan pendidikan, manakala dimensi sosial merangkumi komponen seperti perumahan, keselamatan awam, dan penyertaan sosial.

## Menambah baik akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti

Kerajaan telah menambah baik akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti dengan menaik taraf infrastruktur kesihatan,

Paparan 4-1

### Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2000-2012



Nota: IKRM mengukur komponen-komponen bagi kesejahteraan ekonomi dan sosial. Komponen kesejahteraan ekonomi terdiri daripada pengangkutan, komunikasi, pendidikan, persekitaran kerja serta pendapatan dan pengagihan. Kesejahteraan sosial pula terdiri daripada komponen perumahan, riadah, tadbir urus, keselamatan awam, penyertaan sosial, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga.

Sumber: Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013

Paparan 4-2

**Petunjuk terpilih mengenai status kesihatan, 2010 dan 2014**

Petunjuk	2010	2014
Jangka hayat ketika lahir (tahun)	74.1	74.8
Kadar kematian bayi (bagi setiap 1,000 kelahiran hidup)	6.7	6.5
Nisbah kematian ibu (bagi setiap 100,000 kelahiran hidup)	26.1	25.5

Nota: Data 2014 merupakan data anggaran

Paparan 4-3

**Nisbah personel kesihatan kepada penduduk, 2010 dan 2014**

Jenis Personel	Bilangan		Nisbah kepada Penduduk	
	2010	2014	2010	2014
Doktor	32,980	51,835	1:859	1:581
Doktor Gigi	3,810	5,888	1:7,437	1:5,112
Ahli Farmasi	7,760	12,294	1:3,652	1:2,448
Jururawat	69,110	92,681	1:410	1:325

Nota: Data 2014 merupakan data awalan

meningkatkan kapasiti personel kesihatan, menggalakkan amalan gaya hidup sihat, dan memperluas program rawatan pencegahan penyakit ke seluruh negara. Hasil daripada usaha Kerajaan menambah baik sistem kesihatan ini dapat dilihat dalam peningkatan jangka hayat penduduk dan pengurangan jumlah kematian bayi dan ibu, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 4-2.

Akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan telah dipertingkatkan melalui pembinaan hospital baharu termasuk institusi perubatan khusus seperti Institut Kanser Negara di Putrajaya dan Hospital Rehabilitasi Cheras. Selain itu, Klinik 1Malaysia dan Klinik Bergerak 1Malaysia telah ditambah bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang mampu dibiayai oleh isi rumah berpendapatan rendah. Sehingga tahun 2014, sebanyak 307 Klinik 1Malaysia telah diwujudkan di kawasan bandar dan 16 Klinik Bergerak 1Malaysia telah beroperasi menggunakan bas dan bot di kawasan luar bandar.

Bilangan katil di hospital awam dan swasta telah meningkat daripada 55,180 katil pada tahun 2010 kepada 58,530 katil pada tahun 2014. Daripada jumlah ini, bilangan katil di hospital awam adalah sebanyak 75%. Dalam tempoh yang sama, nisbah personel kesihatan berbanding penduduk juga meningkat seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 4-3.

Bagi memupuk kesedaran mengenai amalan hidup sihat dalam kalangan masyarakat, Program Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) telah diperkenalkan bagi menggalakkan aktiviti fizikal serta pemakanan dan tingkah laku sihat. Di samping itu, program promosi kesihatan untuk mencegah penularan penyakit berjangkit telah diperluas termasuk Program Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) khususnya bagi mengurangkan risiko denggi.

## Memastikan akses kepada perumahan mampu milik dan berkualiti

Bagi memenuhi keperluan perumahan mampu milik untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan pembiayaan kepada pembeli rumah, dan memperkemas rangka kerja kawal selia untuk memudahkan pemilikan rumah. Perumahan mampu milik bagi isi rumah miskin dan berpendapatan rendah di kawasan bandar dan luar bandar telah dilaksanakan melalui program seperti Program Bantuan Rumah (PBR), Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia

(RMR1M) serta perumahan untuk generasi kedua peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan FELCRA Berhad (FELCRA).

Perumahan mampu milik untuk isi rumah berpendapatan sederhana pula telah dilaksanakan melalui program seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP). Pelbagai program perumahan yang telah dilaksanakan dan pencapaian mengikut kumpulan sasar adalah seperti yang ditunjukkan di Paparan 4-4.

Bagi memastikan semua perumahan mampu milik disenggara sewajarnya, Kerajaan telah melaksanakan Program Penyenggaraan Perumahan untuk perumahan awam kos rendah dan mewujudkan Tabung Perumahan 1Malaysia untuk perumahan swasta kos rendah dan sederhana. Di samping itu, program *MyBeautiful Malaysia* di

bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan dilaksanakan pada tahun 2014 untuk meningkatkan penyenggaraan kuarters Kerajaan.

Beberapa garis panduan seperti Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau, Garis Panduan Tanah Lapang dan Rekreasi serta Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas telah dirangka untuk memastikan persekitaran yang lebih kondusif dan sesuai didiami. Inisiatif ini telah membantu meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan rakyat.

Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 (Akta 118) telah dipinda bagi meningkatkan perlindungan kepada pembeli rumah. Pindaan ini memberikan ruang bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil ke atas pemaju yang tidak bertanggungjawab. Di samping itu, skim pembiayaan baharu telah diperkenalkan seperti

#### Paparan 4-4

### Program perumahan mampu milik awam yang telah dibina dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh

Program	Pendapatan Isi Rumah Bulanan (RM)	Kementerian/Agensi	Unit Rumah		
			Siap	Dalam Pembinaan	Jumlah
Program Bantuan Rumah (PBR)	Bawah Pendapatan Garis Kemiskinan <sup>1</sup>	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	56,668	8,298	64,966
Program Perumahan Rakyat (PPR)	2,500 dan ke bawah	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	12,025	27,087	39,112
Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M)	750 hingga 3,000	Syarikat Perumahan Negara Berhad	32,948	2,803	35,751
Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)	2,500 hingga 10,000	Perbadanan PR1MA Malaysia	560	18,400	18,960
Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)	2,500 hingga 10,000	Jabatan Perdana Menteri	-	13,539	13,539
Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP)	6,000 dan ke bawah	Kementerian Wilayah Persekutuan	-	9,309	9,309

Nota: PR1MA, PPA1M dan RUMAWIP dimulakan pada tahun 2013; data sehingga Mac 2015

<sup>1</sup> Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) merupakan tahap pendapatan yang digunakan untuk mengukur kemiskinan mutlak berasaskan kepada keperluan minimum makanan dan bukan makanan yang diperlukan oleh ahli isi rumah untuk kehidupan sihat dan aktif. Purata PGK bulanan bagi tahun 2014 ialah RM930 bagi Semenanjung Malaysia, RM1,170 bagi Sabah dan RM990 bagi Sarawak.

Skim Rumah Pertamaku, Skim Perumahan Belia dan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) bagi menyediakan kemudahan pembiayaan untuk rakyat memiliki rumah pada harga yang berpatutan.

## Menjadikan jalanan lebih selamat dan masyarakat lebih tenteram

Bagi meningkatkan keberkesanan pencegahan jenayah, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pengurangan Jenayah telah diperkenalkan untuk meningkatkan persepsi rasa selamat dalam kalangan rakyat, mengurangkan indeks jenayah, dan menambah baik perkhidmatan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha komprehensif seperti *omnipresence* di kawasan sering berlaku jenayah, operasi khas polis, dan penyertaan masyarakat yang lebih besar dalam aktiviti pengawasan kawasan kejiranan secara sukarela.

Usaha pencegahan jenayah tersebut telah mengurangkan kes jenayah daripada 166,300 pada tahun 2011 kepada 128,540 pada tahun 2014, seperti ditunjukkan dalam indeks jenayah. Kedudukan Malaysia bagi subindeks keselamatan dan ketenteraman awam dalam *World Justice Project (WJP) Rule of Law Index*<sup>1</sup> bertambah baik daripada tangga ke-16 pada tahun 2012/2013 kepada tangga ke-12 pada tahun 2014. Dalam tempoh yang sama, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan langkah pencegahan jenayah yang lain telah berjaya mengurangkan jenayah jalanan sebanyak 17.6%.

Pelaksanaan Program Bandar Selamat yang menggunakan pendekatan pencegahan jenayah seperti pemasangan rel penghadang dan CCTV di semua 151 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), meliputi 618 kawasan yang sering berlaku jenayah. Penilaian ke atas program ini yang dilaksanakan pada tahun 2012 menunjukkan 80% penduduk di kawasan tersebut berasa selamat, melebihi sasaran yang ditetapkan, iaitu 55%. Inisiatif Pemutihan Kawasan Black Spot di bawah Program Bandar Selamat telah diperkenalkan pada tahun 2013 yang memberikan tumpuan kepada kawasan yang cenderung berlaku jenayah. Pelaksanaannya yang merangkumi 76 PBT menunjukkan sebanyak 61% penduduk di kawasan tersebut berasa selamat, iaitu

melebihi sasaran 55%. Inisiatif ini juga dapat memperkukuh kerjasama antara masyarakat dengan agensi Kerajaan.

Program kepolisan masyarakat, iaitu Skim Rondaan Sukarela (SRS), dilaksanakan untuk mewujudkan persekitaran kejiranan yang lebih selamat. SRS ialah pengawasan jenayah berasaskan komuniti dan rondaan pada waktu malam di bawah Rukun Tetangga (RT) untuk mengurangkan jenayah di kawasan kediaman. Sebanyak 4,460 SRS berdaftar pada tahun 2014 berbanding dengan 2,910 pada tahun 2011. Pelaksanaan program kesukarelawanan ini bukan sahaja mengurangkan jenayah, malah dapat meningkatkan perpaduan masyarakat.

Sukarelawan Simpanan Polis (SSP) telah memainkan peranan penting dalam membantu PDRM menguatkuasakan undang-undang serta menjaga keamanan dan keselamatan awam. Jumlah SSP bertambah daripada 9,075 pada tahun 2011 kepada 25,260 pada tahun 2014. Pertambahan ini telah dapat meningkatkan *omnipresence*. Pada tahun 2013, rondaan bersama antara SRS, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), dan PDRM telah dijalankan di bawah Program Rondaan Awam Polis dan Anggota Tentera (RAPAT 1Malaysia) meliputi 75 kawasan yang sering berlaku jenayah.

Penagihan dadah menyumbang kepada kejadian jenayah jalanan dan keganasan, yang boleh memberikan ancaman serius kepada kesejahteraan rakyat. Langkah yang dilaksanakan bagi membanteras masalah ini termasuk menghapuskan jenayah terancang dan sindiket dadah, serta memintas pengedaran dadah di sempadan, serta di pintu masuk dan keluar negara. Selain itu, kaedah rawatan dan program selepas pemulihan untuk penagih dadah diperkukuh melalui program pembangunan sendiri, kaunseling, dan Terapi Gantian Methadon (MMT). Sungguhpun kes penagihan dadah baharu berkurangan daripada 13,680 pada tahun 2011 kepada 13,270 pada tahun 2014, jumlah penagih dadah berulang meningkat daripada 5,848 kepada 7,956. Peningkatan ini disebabkan oleh terdapatnya dadah jenis sintetik yang diproses dalam negara dan stigma masyarakat yang berterusan terhadap bekas penagih dadah.

<sup>1</sup> *World Justice Project Rule of Law Index* merangkumi lapan komponen, iaitu kekangan kuasa pemerintah, tiada amalan rasuah, keterbukaan kerajaan, hak asasi, keselamatan dan ketenteraman, penguatkuasaan peraturan, keadilan undang-undang sivil, dan keadilan undang-undang jenayah. Faktor keselamatan dan ketenteraman mengukur tiga dimensi meliputi pelbagai ancaman: jenayah terutamanya jenayah konvensional seperti pembunuhan, penculikan, kecurian, rompakan bersenjata, pemerasan, dan penipuan; kekacauan politik termasuk keganasan, konflik bersenjata, dan pergolakan politik; dan keganasan sebagai cara yang diterima dalam masyarakat untuk menyatakan ketidakpuasan peribadi (ketidakpercayaan kepada sistem keadilan sedia ada).

Jabatan Penjara Malaysia telah mengubah pendekatan hukuman daripada pemenjaraan kepada koreksional dan pemulihan. Pemulihan banduan dilaksanakan melalui pelbagai kaedah, antaranya pertemuan bersemuka dengan keluarga, program pembangunan sendiri, dan pembebasan awal menerusi sistem parol. Selain itu, Program Pemulihan Pemasarakatan (CRP) dilaksanakan untuk menyediakan latihan kemahiran teknikal bagi memastikan banduan mendapat pekerjaan apabila diintegrasikan ke dalam masyarakat dan mengurangkan kadar pengulang laku jenayah serta kesesakan di penjara. Dalam tempoh 2011-2014, kadar pengulang laku jenayah adalah antara 7% hingga 8%.

## Meningkatkan kesepaduan sosial dan perpaduan nasional

Pelbagai program kemasyarakatan telah dilaksanakan untuk memperkukuh integrasi sosial dan semangat kesukarelawanan, memupuk semangat toleransi dan perpaduan yang lebih erat dalam kalangan rakyat Malaysia. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah melaksanakan 875,590 aktiviti interaksi sosial melalui organisasi dan program seperti Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara, Integrasi Komuniti, Jaringan Sosial, Silang Budaya, dan Persefahaman antara Penganut Agama. Program tersebut telah dilaksanakan melalui kerjasama antara agensi kerajaan, sektor swasta, dan NGO.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia. *1Malaysia For Youth* (iM4U) ditubuhkan pada tahun 2012 sebagai sebuah NGO yang menganjurkan pelbagai program kesukarelawanan dengan komuniti setempat seperti *iM4U Flood Relief*, *Volunteer Malaysia*, dan *Reach Out Convention and Celebration*. Sementara itu, alumni Program Latihan Khidmat Negara yang dikenali sebagai Briged Sukarelawan Khidmat Negara juga menganjurkan program sukarelawan dalam pemuliharaan alam sekitar, sukan dan bantuan bencana alam.

Kerajaan telah menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) pada tahun 2013 sebagai satu inisiatif untuk memperkukuh kesepaduan sosial dan perpaduan nasional. MKPN telah diberikan mandat untuk menyediakan pelan pembangunan kebangsaan bagi kesepaduan sosial dan perpaduan nasional yang dijangka siap pada tahun 2015. Pelan pembangunan ini memberikan tumpuan

kepada usaha penyatupaduan melalui lima bidang utama, iaitu dasar dan perundangan, kebudayaan, belia, integrasi nasional, dan pembangunan inklusif. MKPN telah mengadakan 18 sesi dialog perpaduan di seluruh negara untuk meningkatkan persefahaman bagi mengukuhkan toleransi dan semangat integrasi dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

## Memupuk budaya sukan dan membangunkan bakat untuk meningkatkan kesejahteraan

Dalam tempoh RMKe-10, konsep “Sukan untuk Semua” telah dipromosikan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih ramai dalam aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan. Sebanyak 417 program telah dilaksanakan dengan penyertaan 175,600 peserta termasuk 2,600 orang kurang upaya (OKU). Antara program utama ialah FitMalaysia dan Liga Sukan untuk Semua. Di samping itu, 1,871 Gelanggang Futsal 1Malaysia dan 89 gimnasium telah dibina untuk menyediakan kemudahan sukan dan menggalakkan penyertaan semua lapisan masyarakat.

Program Pembangunan Bakat dalam sukan berprestasi tinggi dilaksanakan untuk mengenal pasti dan melatih atlet yang berpotensi bagi menyertai kejohanan sukan utama seperti Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia, dan kejohanan dunia. Sehingga kini, 23,670 atlet yang berpotensi telah menyertai program latihan khas. Di samping itu, 74 atlet OKU yang berbakat telah diserap ke dalam Program Paralimpik MSN 2013. Pada tahun 2012, seramai 2,603 atlet OKU telah menyertai Karnival Sukan Orang Kurang Upaya, dan seramai 135 atlet OKU telah menyertai Sukan Paralimpik Asia Ke-11 di Korea Selatan pada tahun 2014.

Pencapaian Malaysia dalam kejohanan sukan utama pada peringkat antarabangsa adalah menggalakkan. Semasa Sukan Olimpik Ke-30 di London pada tahun 2012, Dato' Lee Chong Wei telah memenangi satu pingat perak dan Pandelega Rinong Ak Pong memenangi satu pingat gangsa. Pencapaian Malaysia juga cemerlang dalam pelbagai acara sukan seperti Sukan Komanwel Ke-20 di Glasgow pada tahun 2014 dengan memenangi enam pingat emas, di samping memenangi 43 pingat emas di Sukan SEA Ke-27 di Myanmar pada tahun 2013 dan 15 pingat emas di Sukan Paralimpik Asia Ke-11 di Incheon, Korea Selatan pada tahun 2014. Seramai 36 atlet Malaysia berada pada kedudukan 10 terbaik dunia pada tahun 2014, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan

4-5. Atlet seperti Dato' Lee Chong Wei dan Dato' Nicol Ann David merupakan ikon antarabangsa kepada rakyat Malaysia dalam bidang sukan masing-masing.

\* \* \*

RMKe-10 telah menyaksikan perubahan yang ketara ke atas kesejahteraan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, perubahan dalam kualiti hidup dan struktur sosioekonomi telah menyebabkan masyarakat menaruh harapan tinggi terhadap kualiti perkhidmatan Kerajaan. Dalam usaha Kerajaan untuk mencapai akses kepada kualiti penjagaan kesihatan sejagat, terdapat cabaran yang berterusan dalam memastikan kualiti penyampaian penjagaan kesihatan kepada golongan yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan, dan

menangani penularan penyakit berjangkit yang berpunca daripada gaya hidup. Peningkatan penawaran perumahan mampu milik terutamanya di kawasan bandar, serta kepada belia dan pasangan muda yang berkahwin masih tidak mencukupi untuk menampung permintaan. Keselamatan dan ketenteraman awam masih menjadi kebimbangan utama rakyat. Sementara itu, usaha penguatkuasaan undang-undang mengalami kesukaran kerana kurangnya kerjasama antara agensi dengan pihak berkepentingan. Penyertaan dalam sukan massa masih rendah walaupun akses dan kempen kesedaran telah ditambah baik, manakala semangat 1Malaysia dan kesepaduan sosial terjejas oleh pandangan dan persepsi polarisasi dalam masyarakat.

#### Paparan 4-5

### Atlet Malaysia di Kedudukan 10 Terbaik Dunia, 2014

Bil..	Atlet	Sukan	Kategori	Kedudukan Dunia
1.	Dato' Lee Chong Wei	Badminton	Perseorangan lelaki	Pertama
2.	Dato' Nicol Ann David	Skuasy	Perseorangan wanita	Pertama
3.	Sazali Abdul Samad	Bina Badan	75 kilogram lelaki	Pertama
4.	Lilian Tan	Bina Badan	55 kilogram wanita	Pertama
5.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Dato' Lee Chong Wei</li> <li>▪ Hoon Thien How</li> <li>▪ Tan Wee Kiong</li> <li>▪ Tan Boon Heong</li> <li>▪ Chong Wei Feng</li> <li>▪ Liew Darren</li> <li>▪ Goh Soon Huat</li> <li>▪ Goh V Shem</li> <li>▪ Lim Khim Wah</li> <li>▪ Chan Peng Soon</li> </ul>	Badminton	Berpasukan lelaki	Kedua
6.	Syakilla Salni Jefry Krishnan	Karate	Bawah 61 kilogram wanita	Kedua
7.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Emanuel Leong Teng Kwang</li> <li>▪ Ho Ying Thomsan</li> <li>▪ Ricky Leong Tze Wai</li> </ul>	Karate	Kata Berpasukan Lelaki	Ketiga
8.	Hizlee Rais	Boling Padang	Perseorangan lelaki	Ketiga
9.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Leong Mun Yee</li> <li>▪ Pandelega Rinong Ak Pamg</li> </ul>	Akuatik – Terjun	10 meter platform seirama wanita	Ketiga
10.	Pandelega Rinong Ak Pamg	Akuatik – Terjun	10 meter platform individu wanita	Keempat
11.	Fatehah Mustapa	Berbasikal Trek	Keirin wanita	Keempat
12.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Izurin Refin</li> <li>▪ Mohd Hanafiah Dolah</li> <li>▪ Mohd Muqlis Borhan</li> <li>▪ Mohd Shahir Rosdi</li> <li>▪ Mohd Khairul Zaman</li> </ul>	Sepak Takraw	Regu lelaki	Keempat
13.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ng Yan Yee</li> <li>▪ Cheong Jun Hoong</li> </ul>	Akuatik – Terjun	3 meter papan anjal seirama wanita	Kelima
14.	Cheong Jun Hoong	Akuatik – Terjun	3 meter papan anjal individu wanita	Ketujuh
15.	Low Wee Wern	Skuasy	Perseorangan wanita	Ketujuh
16.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Noor Fairuz Azizan</li> <li>▪ Nor Farhana Ismail</li> <li>▪ Rahilah Harun</li> <li>▪ Emilia Eva Natasha</li> <li>▪ Nurul Izzatul Hikmah Zulkifli</li> </ul>	Sepak Takraw	Regu wanita	Ketujuh
17.	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ooi Tze Liang</li> <li>▪ Ahmad Amsyar Azman</li> </ul>	Akuatik – Terjun	3 meter papan anjal seirama lelaki	Kesembilan

Sumber: Majlis Sukan Negara (MSN), Kementerian Belia dan Sukan (KBS)



# Ringkasan bidang fokus Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 – 2020



## Mencapai akses secepat kepada penjagaan kesihatan berkualiti

Meningkatkan sokongan yang bersasar, khususnya bagi masyarakat yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan

Menambah baik sistem penyampaian untuk outcome kesihatan yang lebih baik

Memperluas kapasiti bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan

Mempergiat kerjasama antara sektor awam, swasta dan NGO untuk meningkatkan kesedaran kesihatan



## Menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi dan berkualiti kepada isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana

Meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik mengikut kumpulan sasaran

Memperkuh perancangan dan pelaksanaan untuk pengurusan perumahan awam yang lebih baik

Menggalakkan penyediaan kemudahan yang mesra alam sekitar untuk mewujudkan perumahan yang berdaya huni



## Mewujudkan persekitaran hidup lebih selamat untuk masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera

Mempertingkatkan pencegahan jenayah oleh agensi penguat kuasa, sektor swasta, dan masyarakat untuk meningkatkan persepsi rasa selamat

Memperketat peraturan dan meningkatkan penguatkuasaan untuk membanteras jenayah

Meningkatkan kesedaran tentang jenayah sebagai langkah pencegahan

Memperkuh pemulihan, rawatan, dan program selepas pemulihan untuk mengurangkan kadar pengulang laku jenayah dan penagih dadah berulang



## Meningkatkan keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan untuk mengurangkan fataliti

Meningkatkan keselamatan jalan raya untuk mengurangkan kemalangan

Menambah baik perkhidmatan kecemasan untuk menyelamatkan nyawa



## Membudayakan semangat 1Malaysia untuk memperkukuh kesepaduan sosial dan perpaduan nasional

Menggalakkan integrasi sosial dan etika untuk memupuk masyarakat yang bersatu dan bermoral

Menggiatkan penglibatan pihak berkepentingan untuk membina rasa tanggungjawab bersama



## Menggiatkan sukan untuk kehidupan yang sihat dan memupuk perpaduan

Menggalakkan penyertaan dalam sukan massa di semua peringkat masyarakat untuk membudayakan sukan

Membangunkan kepimpinan belia dalam sukan

Membangunkan atlet berprestasi tinggi untuk mencapai reputasi global



### Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia

Meningkat setiap tahun berbanding 1.2% dalam RMKe-10



Mencapai akses sejagat kepada penjagaan kesihatan berkualiti



2.3 katil hospital<sup>1</sup> bagi setiap 1,000 penduduk




Meningkatkan nisbah doktor kepada penduduk

Menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi dan berkualiti kepada isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana



Membina/membaiki 47,000 rumah untuk isi rumah miskin



Membina 606,000 rumah untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana

Membudayakan semangat 1Malaysia untuk memperkukuh kesepaduan sosial dan perpaduan nasional



Jumlah sekolah menubuhkan Kelab Rukun Negara

Mewujudkan persekitaran hidup lebih selamat untuk masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera



Meningkatkan persepsi rasa selamat



Mengurangkan indeks jenayah setiap tahun

Menggiatkan sukan untuk kehidupan yang sihat dan memupuk perpaduan



Sekurang-kurangnya 50% rakyat Malaysia membudayakan sukan

Meningkatkan keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan untuk mengurangkan fataliti



Menambah baik masa respons kecemasan



Mengurangkan indeks fataliti akibat kemalangan jalan raya bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar



Menambah baik masa respons polis

<sup>1</sup> Katil di hospital awam dan swasta, pusat jagaan perbidanan dan kejururawatan, hospis dan pusat rawatan harian

# Hala tuju

## Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 - 2020

Matlamat Rancangan Malaysia Kesebelas adalah untuk membolehkan semua rakyat Malaysia mencapai taraf kehidupan yang berkualiti dan selesa tanpa mengira di mana mereka tinggal atau pendapatan mereka.

Pada tahun 2020, Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah negara maju dalam pelbagai dimensi. Hasrat ini bukan hanya untuk menjadi negara berpendapatan tinggi tetapi juga membina masyarakat penyayang dan inklusif yang berlandaskan etika dan moral, serta benar-benar erat dan bersatu padu. Aspirasi ini akan didorong oleh penghayatan konsep 1Malaysia, berasaskan prinsip Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Kesejahteraan rakyat memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi ini.

Dalam tempoh RMKe-11, Kerajaan akan mempertingkatkan usaha untuk mencapai akses sejagat kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dengan menyasarkan kawasan yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan, meningkatkan kapasiti melalui fasiliti, dan personel kesihatan. Akses kepada perumahan mampu milik yang berkualiti akan terus dipertingkatkan dengan memperluas dan memperkukuh program sedia ada kepada isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana, serta menyediakan peluang pemilikan rumah kepada belia. Bagi mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat, Kerajaan akan meningkatkan program kepolisan masyarakat, *omnipresence*, dan keupayaan anggota penguat kuasa, serta memperkukuh kerjasama antara agensi. Strategi bagi meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya dan keberkesanan perkhidmatan kecemasan

akan diperkenalkan. Program kesepaduan sosial dan perpaduan akan diperkukuh untuk meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian melalui interaksi dan perkongsian pengalaman seperti aktiviti kesukarelawanan berasaskan komuniti. Kerajaan akan terus menggalakkan penglibatan dalam sukan massa untuk meningkatkan kesihatan fizikal dan kecerdasan minda yang akan memberikan manfaat kepada negara. Program untuk mengenal pasti dan membina bakat sukan bertaraf dunia akan dipertingkat untuk membolehkan Malaysia bersaing pada peringkat antarabangsa. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia yang mengukur kemajuan negara dalam aspek kualiti hidup rakyat dijangka akan meningkat sebanyak 1.7% setahun dalam tempoh RMKe-11.

Secara keseluruhan, peningkatan dalam aspek di atas akan menyokong misi Kerajaan untuk membolehkan semua rakyat Malaysia mencapai taraf kehidupan yang berkualiti dan selesa tanpa mengira di mana mereka tinggal atau pendapatan mereka. Bagi mencapai kemajuan ini, Kerajaan akan mengambil langkah yang lebih bersasar untuk membantu kumpulan yang memerlukan, memperkemas sistem penyampaian di semua agensi untuk mengoptimumkan penggunaan sumber awam, dan mempergiat intervensi yang bersepadu melalui kerjasama dan penyertaan semua pihak berkepentingan merangkumi

sektor awam dan swasta serta NGO. Langkah-langkah ini penting memandangkan seluruh rakyat dan pihak berkepentingan mempunyai tanggungjawab bersama untuk membina kesepaduan dalam masyarakat seperti yang dihasratkan oleh pemimpin negara sebelum ini dan menjadi impian dan harapan generasi masa hadapan.

Kesemua aspirasi ini boleh dicapai di bawah RMKe-11 melalui bidang fokus seperti berikut:

- Bidang fokus A: Mencapai akses sejagat kepada penjagaan kesihatan berkualiti
- Bidang fokus B: Menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi dan berkualiti kepada isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana
- Bidang fokus C: Mewujudkan persekitaran hidup lebih selamat untuk masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera
- Bidang fokus D: Meningkatkan keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan untuk mengurangkan fataliti
- Bidang fokus E: Membudayakan semangat 1Malaysia untuk memperkukuh kesepaduan sosial dan perpaduan nasional
- Bidang fokus F: Menggiatkan sukan untuk kehidupan yang sihat dan memupuk perpaduan



## Bidang fokus A

# Mencapai akses sejagat kepada penjagaan kesihatan berkualiti

Kesihatan yang baik adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup. Oleh itu, Kerajaan terus komited untuk mencapai akses sejagat kepada penjagaan kesihatan berkualiti dalam tempoh Rancangan dengan meneruskan usaha untuk menambah baik asas sistem kesihatan. Setiap rakyat Malaysia akan mempunyai akses yang sama kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti pada kos yang berpatutan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan awam atau swasta. Aspirasi ini akan direalisasikan melalui empat strategi:

- **Strategi A1: Meningkatkan sokongan yang bersasar, khususnya bagi masyarakat yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan.** Inisiatif khusus termasuk perkhidmatan kesihatan bergerak, penambahbaikan pasukan kesihatan primer, dan penjagaan kesihatan di kediaman;
- **Strategi A2: Menambah baik sistem penyampaian untuk outcome kesihatan yang lebih baik.** Langkah yang akan diambil termasuk memperkenalkan amalan pengurusan kejut di hospital awam untuk memastikan keupayaan sumber dimanfaatkan sepenuhnya, dan penguatkuasaan peraturan kesihatan yang lebih baik untuk meningkatkan ketelusan dan outcome kesihatan;
- **Strategi A3: Memperluas kapasiti bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan.** Inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk pembangunan kemudahan kesihatan baharu dan menaik taraf kemudahan sedia ada. Usaha juga akan ditumpu untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan personel kesihatan; dan

- **Strategi A4: Mempergiat kerjasama antara sektor awam, swasta, dan NGO untuk meningkatkan kesedaran kesihatan.** Kerjasama ini akan merangkumi pelbagai inisiatif, daripada program kesihatan masyarakat dan pencegahan, kepada usaha penyelidikan dan pembangunan antara industri, universiti, dan institusi penyelidikan.

## Strategi A1

### Meningkatkan sokongan yang bersasar, khususnya bagi masyarakat yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan

Akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti, terutamanya di kawasan dan masyarakat yang kurang mendapat liputan di bandar dan luar bandar akan diperluas. Ini termasuk peluasan perkhidmatan kepada isi rumah miskin dan berpendapatan rendah, Orang Asli di Semenanjung Malaysia, dan kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Langkah ini termasuk menempatkan lebih ramai pakar dalam bidang perubatan dan kesihatan serta personel berkemahiran, mewujudkan lebih banyak kemudahan penjagaan kesihatan di kawasan yang amat memerlukan, dan mengembangkan program jangkauan kesihatan. Sebagai contoh, pasukan penjagaan kesihatan bergerak, perkhidmatan doktor udara, dan sukarelawan kesihatan kampung akan diperluas di kawasan pedalaman.

Program penjagaan kesihatan di kediaman akan diperluas bagi merangkumi program penjagaan untuk pesakit yang memerlukan penjagaan jangka panjang selepas dibenar keluar awal daripada hospital, seperti pesakit angin ahmar. Melalui program seumpama ini, personel kesihatan akan melatih ahli keluarga dan penjaga bagi membolehkan mereka menjaga pesakit di rumah. NGO juga akan digalakkan untuk menyertai dengan memberikan sokongan dan perkhidmatan kepada pesakit dan keluarga mereka.

Penjagaan kesihatan secara bersepadu akan ditambah baik melalui pasukan penjagaan kesihatan primer untuk meningkatkan akses, kualiti, dan kecekapan. Klinik kesihatan terpilih akan dinaik taraf kepada klinik yang lengkap dengan pelbagai disiplin perkhidmatan untuk menyokong dan meningkatkan keupayaan pasukan penjagaan kesihatan primer.

## Strategi A2 Menambah baik sistem penyampaian untuk outcome kesihatan yang lebih baik

Kerajaan akan mengkaji semula dan menggubal undang-undang berkaitan kesihatan dan mempergiat penguatkuasaan melalui pengukuhan penyelarasan antara agensi kerajaan dengan sektor swasta. Sebagai contoh, Kerajaan akan memperkemas unit penguatkuasaan yang berkaitan bidang kesihatan seperti farmaseutikal, kawalan penyakit, keselamatan makanan, kebersihan kawasan, serta amalan perubatan dan profesionalisme.

Perkhidmatan kesihatan pula akan mengguna pakai pendekatan pengurusan kejut dengan memperkemas proses dan prosedur kerja untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan. Pendekatan ini termasuk mengoptimumkan pengurusan katil dan penggunaan dewan bedah, serta menggunakan amalan terbaik dalam rawatan. Outcome

yang diharapkan termasuk memanfaatkan keupayaan sumber sedia ada seperti penggunaan katil hospital, memendekkan masa menunggu pesakit, menambah baik keadaan dan kepuasan pesakit, dan penggunaan sumber penjagaan kesihatan secara optimum. Kerajaan juga akan melaksanakan konsep hospital kluster di kawasan terpilih, melibatkan beberapa hospital dalam lingkungan geografi yang sama dan akan berfungsi sebagai satu unit serta berkongsi sumber seperti aset, kemudahan, dan personel.

Kerajaan akan melaksanakan strategi *eHealth* yang menggabungkan sistem ICT sedia ada menjadi satu model sistem menyeluruh untuk meningkatkan pengurusan data kesihatan dan menyokong inisiatif penyelidikan, pembangunan, dan pengkomersialan (R&D&C). Kerajaan akan juga bekerjasama dengan sektor swasta untuk meningkatkan perkongsian maklumat dan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam penyampaian perkhidmatan. Bagi memacu inovasi melalui aktiviti R&D&C, kerjasama yang melibatkan empat pihak utama, iaitu kerajaan, industri, universiti, dan institusi penyelidikan akan digalakkan.

Tumpuan juga akan diberikan untuk meningkatkan penjagaan prahospital seperti perkhidmatan ambulans dan perkhidmatan kemalangan dan kecemasan. Kerjasama dalam kalangan agensi yang menyediakan perkhidmatan ambulans, penyedia penjagaan kesihatan swasta dan NGO akan diperkukuh untuk menambah baik masa respons dan meningkatkan lagi kecekapan penggunaan sumber.

### Strategi A3

## Memperluas kapasiti bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan

Kemudahan dan aset penjagaan kesihatan sedia ada akan dinaik taraf, manakala pembangunan kemudahan baharu akan mengambil kira fungsi, keberkesanan kos, dan keperluan masyarakat setempat. Dalam hal ini, sektor swasta akan digalakkan untuk bekerjasama dan menubuhkan lebih banyak kemudahan penjagaan kesihatan yang memenuhi keperluan golongan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Bilangan dan agihan pakar dalam bidang perubatan dan kesihatan, serta personel berkemahiran juga akan dipertingkatkan dengan mengkaji semula dasar, insentif, dan program bina upaya. Pakej insentif akan dikaji semula untuk menarik personel kesihatan supaya berkhidmat di kawasan luar bandar dan pedalaman.

### Strategi A4

## Mempergiat kerjasama antara sektor awam, swasta dan NGO untuk meningkatkan kesedaran kesihatan

Langkah akan diambil untuk mengurangkan penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit termasuk penyediaan perkhidmatan berkaitan pencegahan penyakit dan promosi amalan gaya hidup sihat. Sektor swasta akan digalakkan untuk menjalankan program tanggungjawab sosial korporat (CSR), dan bekerjasama dengan Kerajaan dalam penyelidikan dan pembangunan. Di samping itu, NGO akan digalakkan untuk menjalankan aktiviti berbentuk sokongan kepada perkhidmatan kesihatan, pemeriksaan kesihatan, dan intervensi awal kesihatan serta turut bekerjasama dengan sektor swasta dalam melaksanakan program CSR yang berkaitan kesihatan. Penyertaan masyarakat dalam program kesihatan seperti penggunaan taman awam dan kawasan rekreasi untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat juga akan dipergiat.

Program intervensi seperti KOSPEN yang mana masyarakat akan dilatih untuk mempromosi kesihatan, akan terus dilaksanakan bagi menangani penyakit yang berkaitan gaya hidup. Di samping itu, program Komuniti Bebas Aedes & Tuberkulosis (COMBAT) akan dipertingkatkan untuk mengawal penyakit berjangkit melalui inisiatif kemasyarakatan seperti gotong-royong bagi menggalakkan persekitaran yang sihat serta mengurangkan penularan penyakit.



## Bidang fokus B

# Menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi dan berkualiti kepada isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana

Perumahan mampu milik merupakan satu platform untuk mewujudkan komuniti yang kuat dan kukuh dengan keberhasilan yang lebih baik dalam aspek ekonomi, pendidikan dan kesihatan kepada individu, keluarga dan masyarakat. Justeru, Kerajaan akan terus menyediakan perumahan mampu milik kepada isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana, dengan perbezaan tahap bantuan berasaskan keperluan. Impian untuk memiliki rumah pertama akan menjadi kenyataan serta dapat menyediakan asas kukuh bagi kemajuan seterusnya. Kesemua aspirasi ini dapat dicapai melalui tiga strategi:

- **Strategi B1: Meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik mengikut kumpulan sasaran.** Strategi ini akan dilaksanakan dengan meneruskan program sedia ada kepada isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana, pelaksanaan program yang disasarkan kepada belia dan pasangan muda yang berkahwin, serta memudah cara penyertaan sektor swasta yang lebih besar;
- **Strategi B2: Memperkukuh perancangan dan pelaksanaan untuk pengurusan perumahan awam yang lebih baik.** Langkah di bawah strategi ini termasuk pembangunan pangkalan data bersepadu untuk memadankan penawaran dan permintaan, dan pewujudan bank tanah untuk projek pembangunan masa hadapan; dan
- **Strategi B3: Menggalakkan penyediaan kemudahan yang mesra alam sekitar untuk mewujudkan perumahan yang berdaya huni.** Strategi ini akan dicapai melalui pengukuhan rangka kerja kawal selia, dan kerjasama dalam kalangan masyarakat dan NGO.

## Strategi B1

### Meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik mengikut kumpulan sasaran

Kerajaan akan terus memainkan peranan utama dalam memenuhi keperluan perumahan untuk golongan sasaran di kawasan bandar dan luar bandar dengan meneruskan program sedia ada yang telah berjaya. Program ini termasuk PBR untuk golongan miskin, dan program seperti RMR1M, PPR, PR1MA dan PPA1M untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana serta program perumahan untuk generasi kedua peneroka FELDA dan FELCRA. Di samping itu, skim pembiayaan seperti Skim Rumah Pertamaku, Skim Perumahan Belia dan *MyHome* akan dipertingkatkan untuk menambah baik akses dan kemampuan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana.

Rumah transit akan dibina di kawasan bandar untuk belia dan pasangan muda yang berkahwin termasuk cadangan pembinaan di bawah program Bandar Belia 1Malaysia. Rumah transit ini menyediakan kediaman sementara kepada keluarga berkenaan bagi membolehkan mereka menabung untuk membeli rumah pertama mereka. Sektor swasta akan digalakkan untuk membangunkan perumahan awam, yang boleh dilaksanakan melalui kerjasama awam-swasta.



## Strategi B2

### Memperkuh perancangan dan pelaksanaan untuk pengurusan perumahan awam yang lebih baik

Bagi menambah baik perancangan dan pembangunan perumahan mampu milik, satu pangkalan data bersepadu yang boleh dicapai oleh semua pihak berkepentingan akan diwujudkan untuk memastikan penawaran dipadankan dengan permintaan mengikut tempat, harga dan kumpulan sasar. Selain itu, bank tanah akan diwujudkan untuk pembangunan perumahan mampu milik, terutama di kawasan bandar. Kerjasama antara Jabatan Perumahan Negara dengan majlis agama Islam negeri akan dimanfaatkan untuk mengenal pasti tanah wakaf dan baitulmal yang berpotensi untuk dibangunkan.

## Strategi B3

### Menggalakkan penyediaan kemudahan yang mesra alam sekitar untuk mewujudkan perumahan yang berdaya huni

Kerajaan akan menggalakkan pembangunan semua perumahan mampu milik yang baharu mempraktikkan amalan mampan, serta menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang mesra alam sekitar dan berdaya huni untuk rakyat, termasuk OKU dan warga emas. Kadar sewa perumahan awam akan dikaji semula bagi memastikan dana yang mencukupi untuk menampung kos pengurusan dan penyenggaraan perumahan awam yang standard.

Penglibatan masyarakat akan digalakkan untuk mengutamakan tanggungjawab bersama dalam penyenggaraan perumahan. Program kesedaran dalam kalangan penduduk untuk memupuk budaya penyenggaraan, kebersihan serta pencegahan *vandalism* akan dipertingkatkan melalui kerjasama antara masyarakat dengan NGO. *MyBeautiful Malaysia* akan diteruskan untuk menggalakkan persekitaran hidup yang selesa dan memupuk budaya kebersihan dalam kalangan penghuni.



## Bidang fokus C

# Mewujudkan persekitaran hidup lebih selamat untuk masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera

Keselamatan awam adalah penyumbang utama kepada pembangunan masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera kerana perasaan takut menjadi mangsa jenayah akan mengehadkan pergerakan individu, mengganggu ketenangan fikiran, dan menjejaskan pelaburan di kawasan cenderung berlaku jenayah. Kerajaan komited melaksanakan usaha untuk mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat. Usaha ini akan mengurangkan kadar jenayah, serta meningkatkan persepsi rasa selamat dan keyakinan orang awam terhadap agensi penguatkuasaan undang-undang. Matlamat ini akan dicapai melalui empat strategi:

- **Strategi C1 : Mempertingkatkan pencegahan jenayah oleh agensi penguat kuasa, sektor swasta, dan masyarakat untuk meningkatkan persepsi rasa selamat.** Strategi ini termasuk memperkukuh keupayaan dan kebolehan anggota penguat kuasa, meningkatkan kerjasama dalam kalangan agensi penguat kuasa, sektor swasta, NGO, dan masyarakat terutamanya melalui program kepolisan masyarakat;
- **Strategi C2: Memperketat peraturan dan meningkatkan penguatkuasaan untuk membanteras jenayah.** Strategi ini termasuk memperkukuh perundangan, meningkatkan penggunaan pendekatan pencegahan jenayah, menambah baik pengurusan pekerja asing, dan membanteras jenayah rentas sempadan;
- **Strategi C3: Meningkatkan kesedaran tentang jenayah sebagai langkah pencegahan** melalui kempen di sekolah dan media sosial. Program ini menyasarkan kumpulan berisiko tinggi, terutamanya golongan belia; dan

- **Strategi C4: Memperkukuh pemulihan, rawatan, dan program selepas pemulihan untuk mengurangkan kadar pengulang laku jenayah dan penagih dadah berulang.** Pelbagai program pembangunan sendiri dan perkhidmatan berasaskan masyarakat akan dipergiat bagi memastikan keberkesanan pengintegrasian bekas banduan dan penagih dadah ke dalam masyarakat. Usaha ini juga dapat mengurangkan kadar pengulang laku jenayah dan penagih dadah berulang.

## Strategi C1

### Mempertingkatkan pencegahan jenayah oleh agensi penguat kuasa, sektor swasta, dan masyarakat untuk meningkatkan persepsi rasa selamat

Pencegahan jenayah akan dipergiat melalui *omnipresence*, Program Bandar Selamat, dan kesukarelawanan. Program tersebut menyasarkan pengurangan indeks jenayah sebanyak 5% setahun dan meningkatkan persepsi rasa selamat daripada 39% pada tahun 2014 kepada 60% pada tahun 2020. *Omnipresence* akan dipertingkatkan dengan menempatkan semula lebih ramai anggota polis untuk melaksanakan tugas hakiki kepolisan, khususnya pencegahan jenayah. Masa respons polis terhadap panggilan kecemasan akan dipercepat daripada 12 minit kepada lapan minit, khususnya di kawasan bandar dan bandar raya dengan pelaksanaan lebih meluas sistem Perintah, Kawalan, Komunikasi, dan Integrasi Komputer (C4i).

Keupayaan dan kebolehan anggota penguat kuasa akan diperkukuh dengan menyediakan peralatan yang sesuai dan melaksanakan program pembangunan keupayaan. Sebagai contoh, kerjasama dengan badan kepolisan antarabangsa akan dimanfaatkan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menerusi program pertukaran pegawai dan latihan khusus. Integriti anggota penguat kuasa akan dipertingkatkan melalui program kesedaran oleh Institut Integriti Malaysia di samping pengawasan yang menyeluruh oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

Kerjasama dalam kalangan agensi penguat kuasa akan diperkukuh melalui penubuhan pasukan petugas dan pembangunan pangkalan data bersepadu. Operasi dan rondaan bersama akan dipertingkatkan bagi mempercepat kadar respons dan mengoptimumkan penggunaan sumber dan tenaga kerja untuk membanteras jenayah rentas sempadan. Di samping itu, Kerajaan akan memanfaatkan sepenuhnya hubungan dua hala dan pelbagai hala untuk mengekang jenayah seperti pemerdagangan manusia dan penyeludupan.

Penyertaan orang awam dalam program kepolisan masyarakat juga akan digalakkan melalui aktiviti SRS dan SSP. Peranan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) akan dimantapkan bagi memperkukuh kerjasama antara polis dengan masyarakat dalam pencegahan jenayah. Pihak swasta akan digalakkan untuk memasang CCTV yang dihubungkan dengan pusat kawalan PDRM menerusi rangkaian platform terbuka di kawasan sering berlaku jenayah.

## Strategi C2

### Memperketat peraturan dan penguatkuasaan untuk membanteras jenayah

Undang-undang dan peraturan sedia ada akan ditambah baik bagi meningkatkan keberkesanan dalam pencegahan jenayah. Reka Bentuk Persekitaran Selamat (*Crime Prevention Through Environmental Design*, CPTED) akan dijadikan komponen pembangunan kawasan perumahan dan komersial baharu. Langkah pencegahan kecurian di tempat kediaman seperti pemasangan CCTV dan alat penggera keselamatan akan digalakkan sebagai sebahagian daripada usaha kawalan sendiri.

Pengurusan pengambilan pekerja asing akan ditambah baik dengan meningkatkan peranan pusat sehenti dan kerjasama antara Jabatan Imigresen Malaysia dengan PBT untuk memastikan keberkesanan penguatkuasaan. Sementara itu, prosedur saringan yang lebih ketat akan dilaksanakan di negara sumber bagi mengelakkan penyalahgunaan visa pelajar. Penguatkuasaan peraturan yang lebih tegas akan dilaksanakan bagi memastikan IPT yang mengambil pelajar asing mematuhi prosedur imigresen.

Kemasukan secara tidak sah di pos pemeriksaan imigresen akan dikekang melalui pelaksanaan Sistem Pengimbasan Penumpang Termaju (APSS), sistem biometrik, dan sistem pengecaman muka. Kawalan dan operasi bersama dalam kalangan agensi penguatkuasaan sempadan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan, dan ATM akan diperkukuh bagi membanteras jenayah rentas sempadan. Usaha ini akan dilaksanakan menerusi penambahbaikan keupayaan pengesanan, pemantauan, dan pengawasan secara bersepadu termasuk pembinaan pangkalan laut (*sea basing*) bagi mencegah pencerobohan sempadan.

### Strategi C3

#### Meningkatkan kesedaran tentang jenayah sebagai langkah pencegahan

Kerajaan akan melaksanakan kempen bersasar melalui media sosial kepada kumpulan berisiko tinggi terutamanya belia. Kumpulan sasar ini akan diberikan pendidikan mengenai bahaya dadah dan jenayah, mengelak daripada menjadi mangsa jenayah, serta penggunaan laman web dan media sosial secara bertanggungjawab. Di samping itu, CyberSecurity Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan program *CyberSAFE in Schools* bagi memupuk amalan penggunaan dalam talian yang selamat untuk melindungi golongan muda daripada terdedah kepada kandungan yang negatif.

### Strategi C4

#### Memperkuh pemulihan, rawatan, dan program selepas pemulihan untuk mengurangkan kadar pengulang laku jenayah dan penagih dadah berulang

Usaha pemulihan, rawatan, dan program selepas pemulihan untuk penagih dadah dan banduan akan diperkuh bagi mencapai sasaran pengurangan kadar pengulang laku jenayah kepada 5% dan kadar penagih dadah berulang kepada 35% pada tahun 2020. Kerajaan akan memperkuh program pembangunan sendiri yang menyediakan latihan kemahiran dan keusahawanan, serta mewujudkan lebih banyak rumah transit kepada bekas banduan bagi mengurangkan kadar pengulang laku jenayah. CRP akan diperkenalkan untuk penagih dadah melalui kerjasama antara Agensi Antidadah Kebangsaan dengan agensi berkaitan. Di samping itu, NGO akan digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan dalam pemulihan, rawatan, dan penyatuan ke dalam masyarakat seperti program selepas pemulihan dan penempatan pekerjaan.



## Bidang fokus D

# Meningkatkan keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan untuk mengurangkan fataliti

Keselamatan jalan raya dan perkhidmatan kecemasan dikenal pasti sebagai bidang fokus baharu yang penting dalam RMKe-11 untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan insiden kemalangan jalan raya dan menambah baik penyampaian perkhidmatan kecemasan supaya setanding dengan standard antarabangsa. Aspirasi ini akan dapat dicapai melalui dua strategi:

- **Strategi D1: Meningkatkan keselamatan jalan raya untuk mengurangkan kemalangan** melalui mekanisme penguatkuasaan dan kempen kesedaran yang lebih berkesan; dan
- **Strategi D2: Menambah baik perkhidmatan kecemasan untuk menyelamatkan nyawa** melalui rondaan berkala, kerjasama dalam kalangan agensi, dan program pembangunan keupayaan untuk anggota perkhidmatan kecemasan yang pertama tiba di lokasi kemalangan, penyelamat, dan operator panggilan kecemasan.

### Strategi D1

## Meningkatkan keselamatan jalan raya untuk mengurangkan kemalangan

Kecuaian pemandu dikenal pasti sebagai punca utama kemalangan jalan raya, diikuti oleh keadaan jalan raya, dan tahap keselamatan kenderaan. Bilangan fataliti akibat kemalangan jalan raya yang direkodkan adalah tinggi dan meningkat daripada 6,877 pada tahun

2011 kepada 6,915 pada tahun 2013. Kerajaan menyasarkan untuk mengurangkan indeks fataliti kemalangan jalan raya daripada 2.9 pada tahun 2013 kepada 2.0 bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar menjelang tahun 2020. Matlamat ini akan dicapai melalui peluasan pelaksanaan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dan semakan semula Sistem Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) bagi mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pemandu yang ingkar. Sementara itu, kempen kesedaran jalan raya akan diperluas melalui media sosial.

### Strategi D2

## Menambah baik perkhidmatan kecemasan untuk menyelamatkan nyawa

Pelbagai agensi terlibat dalam penyediaan perkhidmatan kecemasan. Oleh itu, Kerajaan akan memperkukuh kerjasama dalam kalangan agensi bagi memastikan respons dan pengeralahan sumber ke tempat kejadian dengan lebih cepat dan cekap. Di samping itu, keupayaan anggota perkhidmatan kecemasan yang pertama tiba di lokasi kemalangan, penyelamat, dan operator panggilan kecemasan akan dipertingkatkan melalui latihan khusus dan latihan kecemasan yang kerap.



## Bidang fokus E

# Membudayakan semangat 1Malaysia untuk memperkukuh kesepaduan sosial dan perpaduan nasional

Konsep 1Malaysia berasaskan aspirasi untuk membangunkan masyarakat Malaysia yang harmoni, progresif, dan bersatu padu, berdasarkan prinsip “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Konsep ini menekankan kepentingan persefahaman, hormat menghormati, dan menerima kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat berbilang kaum. Di samping itu, konsep ini menekankan nilai perkongsian identiti kebangsaan, berasaskan kepada komitmen yang sama untuk membina negara maju dan makmur.

Pengukuhan integrasi adalah asas utama untuk memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan nasional. Dalam RMKe-11, pengukuhan ini boleh dicapai melalui pengurangan polarisasi dan ketidaksamaan sosioekonomi merentasi wilayah dan kumpulan etnik. Kerajaan juga menyedari bahawa proses integrasi memerlukan pendedahan dan interaksi dalam kalangan masyarakat bagi meningkatkan persefahaman dan penghargaan terhadap kepelbagaian masyarakat Malaysia. Dalam tempoh RMKe-11, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh program dan platform untuk interaksi, penglibatan, dan kerjasama yang lebih besar dalam kalangan masyarakat yang pelbagai.

Selain kesepaduan sosial dan perpaduan negara, Kerajaan juga berazam untuk membina masyarakat yang bermoral dan beretika sepenuhnya selaras dengan aspirasi Wawasan 2020. Dalam tempoh RMKe-11, Kerajaan akan meningkatkan kerjasama dengan semua pihak berkepentingan, terutama institusi berasaskan masyarakat dan agama untuk memupuk rasa tanggungjawab bagi membina masyarakat yang beretika dan bermoral tinggi.

Gabungan matlamat masyarakat yang bersepadu, bersatu, dan beretika akan dapat dicapai melalui dua strategi:

- **Strategi E1: Menggalakkan integrasi sosial dan etika untuk memupuk masyarakat yang bersatu dan bermoral.** Strategi ini bukan sahaja akan melibatkan pewujudan perkongsian pengalaman tetapi juga memperkukuh kaedah penerapan etika dan moral ke dalam sistem pendidikan. Perkongsian pengalaman seperti aktiviti kesukarelawanan, kesenian, kebudayaan, dan warisan akan meningkatkan persefahaman dan menghargai kepelbagaian dalam kalangan rakyat Malaysia; dan
- **Strategi E2: Menggiatkan penglibatan pihak berkepentingan untuk membina rasa tanggungjawab bersama.** Strategi ini akan dicapai dengan membina kesedaran tentang peranan setiap pihak berkepentingan, iaitu kerajaan, sektor swasta, masyarakat, dan individu. Semua perlu memainkan peranan dalam membina masyarakat yang bertolak ansur dan penyayang.

## Strategi E1

### Menggalakkan integrasi sosial dan etika untuk memupuk masyarakat yang bersatu dan bermoral

RMKe-11 akan memperkembangkan program integrasi sosial dan perpaduan sedia ada untuk mengurangkan pertindihan dan meningkatkan keberkesanan. Kerajaan juga akan menambah bilangan program integrasi sosial dan perpaduan di institusi pendidikan dari sekolah hingga universiti. Sebagai contoh, sebanyak 5,000 pelajar dari IPT akan menyertai Program Kerjaya MySilang untuk meningkatkan penerimaan dan toleransi mereka terhadap rakyat Malaysia yang mempunyai pelbagai latar belakang melalui interaksi dan pendedahan bersama.

RT digalakkan untuk menganjur dan melaksana program bagi memperkukuh perpaduan dalam kawasan keijiranan masing-masing. Lebih 400 pasukan wanita pelbagai kaum akan diwujudkan melalui program J-Nita di bawah RT. Di samping itu, program seperti KOSPEN, pertanian bandar, dan Bomba Sukarela akan berfungsi sebagai platform untuk menggalakkan integrasi sosial.

Seni dan budaya akan dibangunkan untuk menggalakkan perkongsian budaya dan warisan Malaysia, serta menawarkan satu lagi platform untuk menerima kepelbagaian dan berkongsi identiti kebangsaan. Usaha untuk mempromosikan warisan budaya seperti mak yong dan wayang kulit akan disokong bagi membangunkan bakat individu dan masyarakat yang berminat. Penyelidikan dalam bidang seni dan budaya akan dipergiat bagi memastikan kesahihan dan kesinambungan warisan negara Malaysia. Akses kepada aktiviti kesenian dan kebudayaan juga akan dipertingkatkan dan digalakkan melalui penglibatan masyarakat yang lebih meluas.

Kebolehan dan keupayaan institusi penyelidikan dan latihan akan dipertingkatkan bagi menambah baik perancangan, pemantauan, dan pelaksanaan program perpaduan dan hubungan etnik. Institut Kajian Etnik dan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional akan diperkukuh.

Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kerajaan telah menetapkan bahawa etika dan kerohanian sebagai satu daripada enam keberhasilan pelajar yang dihasratkan. Kurikulum persekolahan formal, dari prasekolah hingga ke pengajian tinggi akan dipertingkatkan untuk mencapai keberhasilan yang ditetapkan. Lebih banyak kempen akan dilaksanakan oleh agensi berkaitan untuk menanam nilai pemikiran sivik dalam kalangan belia. Program tersebut juga akan disasarkan kepada belia berisiko.

## Strategi E2

### Menggiatkan penglibatan pihak berkepentingan untuk membina rasa tanggungjawab bersama

Usaha untuk memupuk persefahaman, toleransi, dan etika akan dilaksanakan melalui penglibatan masyarakat yang meluas. Sebagai contoh, di peringkat masyarakat, Kerajaan akan bekerjasama dengan NGO untuk menerap nilai etika dan moral melalui program dan kempen kesedaran bersasar yang khusus. Pemimpin masyarakat dan profesional disarankan untuk menjadi contoh dan teladan bagi tingkah laku yang terpuji dan penyayang. Institusi agama juga akan memainkan peranan yang lebih besar dalam memupuk nilai-nilai murni melalui pelaksanaan program masing-masing.

Selaras dengan peningkatan akses kepada maklumat, setiap rakyat Malaysia perlu mengambil inisiatif untuk mengamalkan penyebaran maklumat yang bertanggungjawab. Laporan yang bertanggungjawab dalam media arus perdana dan dalam talian juga adalah penting untuk memastikan liputan yang adil dan bukan bertujuan provokasi.



## Bidang fokus F

# Menggiatkan sukan untuk kehidupan yang sihat dan memupuk perpaduan

Sukan adalah satu komponen penting dalam menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat. Penyertaan yang lebih ramai dalam sukan akan meningkatkan integrasi sosial dan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sebanyak 50% daripada rakyat Malaysia disasarkan membudayakan sukan menjelang tahun 2020 dengan menjadikan aktiviti fizikal dan sukan sebagai sebahagian daripada kehidupan. Sasaran ini akan dicapai melalui strategi berikut:

- **Strategi F1: Menggalakkan penyertaan dalam sukan massa di semua peringkat masyarakat untuk membudayakan sukan.** Strategi ini akan dicapai melalui kerjasama yang lebih kukuh antara kerajaan, sektor swasta, NGO, dan masyarakat;
- **Strategi F2: Membangunkan kepemimpinan belia dalam sukan.** Strategi ini akan dicapai melalui langkah seperti program pembangunan kebolehan untuk membina keupayaan dan profesionalisme persatuan dan NGO sukan; dan
- **Strategi F3: Membangunkan atlet berprestasi tinggi untuk mencapai reputasi global.** Strategi ini akan dilaksanakan melalui program latihan khusus, pematuhan standard antarabangsa yang lebih ketat, dan penganjuran acara sukan antarabangsa.

## Strategi F1

### Menggalakkan penyertaan sukan massa di semua peringkat masyarakat untuk membudayakan sukan

Kerajaan akan memberi tumpuan kepada strategi untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara Sukan (*Sporting Nation*) dengan penyertaan masyarakat secara meluas dalam pelbagai aktiviti sukan, kecergasan, dan rekreasi. Program ikonik seperti FitMalaysia, Liga Sukan untuk Semua, Sukan untuk OKU, dan kejohanan futsal akan diperluas. Taman awam akan digunakan untuk aktiviti rekreasi dan sukan komuniti. Kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan NGO dalam mempromosi dan melaksana program sukan serta penyediaan dan penyenggaraan kemudahan sukan akan diperkukuh.



## Strategi F2

### Membangunkan kepemimpinan belia dalam sukan

Kerajaan akan melaksana lebih banyak program peningkatan kemahiran untuk meningkatkan profesionalisme belia dan pemimpin sukan dan persatuan sukan. Program kepimpinan sukan yang komprehensif, terutamanya dalam pengurusan acara dan pengurusan sukan bersepadu, serta program kejurulatihan akan dipertingkatkan untuk membangunkan pemimpin berpotensi dalam sukan dan aktiviti berkaitan sukan.

## Strategi F3

### Membangunkan atlet berprestasi tinggi untuk mencapai reputasi global

Sebagai persiapan untuk Sukan Olimpik 2020, program pengenalpastian bakat atlet berpotensi akan dikendalikan di peringkat sekolah dan IPT. Program latihan yang komprehensif akan diwujudkan dan kemudahan sukan akan ditambah baik. Program pembangunan atlet berprestasi tinggi akan diselia oleh pasukan khusus terdiri daripada pakar pelbagai bidang. Di samping itu, keupayaan Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) akan dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan piawaian antarabangsa *World Anti-Doping Agency* dalam menguat kuasa penggunaan bahan terlarang sifar. ADAMAS juga akan menjalankan program kesedaran dan pendidikan mengenai *doping* dalam kalangan atlet di seluruh negara. Seterusnya, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi acara dan kejohanan sukan antarabangsa dalam menyediakan platform untuk menggilap bakat sukan Malaysia.





# Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju

## **Gambaran keseluruhan**

### **Sorotan Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian**

### **Mengimbas pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan**

Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan mengekalkan guna tenaga penuh

Penambahbaikan perundangan dan institusi bagi mentransformasi pasaran buruh

Pengarusperdanaan dan peluasan akses kepada program TVET yang berkualiti

Peningkatan kemahiran tenaga kerja melalui pembelajaran sepanjang hayat

Penambahbaikan penyampaian pendidikan melalui peningkatan akses dan pendidikan berkualiti

### **Ringkasan bidang fokus Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020**

#### **Hala tuju Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020**


Bidang fokus A: Menambah baik kecekapan pasaran buruh bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi

Bidang fokus B: Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri

Bidang fokus C: Memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran

Bidang fokus D: Menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi

#### **Kesimpulan**



## Gambaran keseluruhan

Pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting untuk menyokong peralihan semua sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, menjana produktiviti buruh dan menarik pelaburan ke Malaysia. Pasaran buruh yang cekap dan inklusif akan memastikan pepadanan antara penawaran dengan permintaan tenaga kerja, dan membolehkan warga Malaysia menyertai serta menerima manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara. Pelaburan dalam bidang pendidikan juga memainkan peranan yang penting dalam menambah baik mobiliti sosial dan kesejahteraan rakyat.

**Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015,** Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah untuk menambah baik pasaran buruh dan mentransformasi sistem pendidikan. Pencapaian utama termasuklah pewujudan 1.8 juta pekerjaan baharu yang menyebabkan penurunan kadar pengangguran daripada 3.3% pada tahun 2010 kepada 2.9% pada tahun 2015, yang merupakan guna tenaga penuh. Kerajaan juga memperkenalkan gaji minimum yang dianggar telah memberikan manfaat kepada 1.9 juta penerima gaji. Dalam bidang pendidikan, terdapat peningkatan enrolmen pada semua peringkat, daripada prasekolah kepada tertiar. Pengambilan tahunan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) juga meningkat daripada 113,000 pada tahun 2010 kepada 164,000 pada tahun 2013. Selain itu, dokumen strategi utama seperti Pelan Pembangunan

Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan Talent Roadmap 2020 telah menjelaskan transformasi ekosistem modal insan.

**Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)**, 2016-2020, akan meneruskan agenda menghasilkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki sikap positif untuk terus maju dalam ekonomi global. Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada empat bidang: menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri, memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran dan menambah baik kualiti sistem pendidikan bagi peningkatan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi. Agenda ekonomi yang digariskan dalam RMKe-11 dijangka mewujudkan 1.5 juta pekerjaan menjelang tahun 2020 dengan sasaran penambahbaikan dalam produktiviti buruh dan pengurangan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah, kedua-duanya disebabkan peralihan berterusan daripada aktiviti ekonomi berintensifkan buruh kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi. Sebanyak 60% daripada pekerjaan yang akan diwujudkan dijangka memerlukan kemahiran berkaitan TVET. Ke arah ini, TVET dikenal pasti sebagai pemacu perubahan bagi Malaysia menghasilkan modal insan berkemahiran. Secara keseluruhannya, bidang fokus ini akan menghasilkan modal insan bertaraf dunia yang diperlukan Malaysia dalam fasa terakhir untuk menjadi negara maju.

# Sorotan

## Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian

2.9%

Kadar pengangguran menjelang akhir tahun 2015 dengan mengekalkan guna tenaga penuh

1.8  
juta

Pekerjaan baharu dijangka diwujudkan menjelang akhir tahun 2015

1.9  
juta

Penerima gaji mendapat manfaat daripada pelaksanaan gaji minimum pada tahun 2012

55%

Kadar penyertaan tenaga kerja wanita pada tahun 2015, meningkat daripada 46.8% pada tahun 2010

164,000

Pengambilan dalam TVET pada tahun 2013, meningkat daripada 113,000 pada tahun 2010

**Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan mengekalkan guna tenaga penuh**

**Pengarusperdanaan dan peluasan akses kepada program TVET yang berkualiti**



**1.77**  
juta

Pekerja menerima manfaat pada tahun 2014 melalui peluasan liputan Akta PSMB berbanding dengan 1.68 juta pada tahun 2010

**90.7%**

Enrolmen prasekolah pada tahun 2014, meningkat daripada 72.4% pada tahun 2010

**55**

Bilangan sekolah berprestasi rendah (Band 6 dan 7) pada tahun 2014, berkurangan berbanding dengan 380 pada tahun 2010

**36.5%**

Purata staf akademik berkelulusan PhD di universiti awam pada tahun 2013, meningkat daripada 30% pada tahun 2010

**155%**

Peningkatan sitasi penyelidikan universiti awam dalam tempoh 2010-2013

**Peningkatan kemahiran tenaga kerja melalui pembelajaran sepanjang hayat**

**Penambahbaikan penyampaian pendidikan melalui peningkatan akses dan pendidikan berkualiti**



# Mengimbaskan pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan

RMKe-10 meneruskan agenda pembangunan modal insan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai satu daripada negara yang paling berdaya saing di rantau ini.

Malaysia mencatat pencapaian pembangunan modal insan yang baik dalam tempoh RMKe-10. Pencapaian utama tersebut meliputi penambahbaikan institusi pasaran buruh, pengarusperdanaan TVET, galakan pembelajaran sepanjang hayat dan penambahbaikan sistem penyampaian pendidikan. Pencapaian ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pengukuhan kedudukan Malaysia sebagai satu daripada negara yang paling berdaya saing di rantau ini.


## Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan mengekalkan guna tenaga penuh

Tenaga kerja berkembang pada kadar purata 2.8% setahun dalam tempoh RMKe-10 dan dijangka

meningkat daripada 12.4 juta orang pada tahun 2010 kepada 14.2 juta orang pada tahun 2015. Pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan bilangan penduduk umur bekerja dan kadar penyertaan tenaga kerja wanita yang dianggarkan mencapai 55%<sup>1</sup> pada tahun 2015 daripada 46.8% pada tahun 2010. Guna tenaga berkembang pada kadar purata 2.9% pada tahun 2015 yang menyumbang kepada penurunan kadar pengangguran iaitu 2.9% pada tahun 2015, berbanding dengan 3.3% pada tahun 2010, iaitu pada tahap guna tenaga penuh<sup>2</sup>. Dalam tempoh RMKe-10, ekonomi berkembang pada kadar purata 5.3% setahun dan mewujudkan 1.8 juta pekerjaan baharu. Sebanyak 1.3 juta atau 71.5% daripadanya dalam sektor perkhidmatan dan 431,000 pekerjaan atau 23.6% dalam sektor pembuatan seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-1.

Paparan 5-1

### Pewujudan pekerjaan mengikut sektor, 2011-2015



Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>1</sup> Kadar penyertaan tenaga kerja wanita pada tahun 2014 adalah sebanyak 53.6%

<sup>2</sup> Pertumbuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) mentakrifkan guna tenaga penuh sebagai kadar pengangguran di bawah 4%.

## Kotak 5-1

**Perubahan demografi mempengaruhi tenaga kerja**

Perubahan demografi mempengaruhi keseluruhan pembangunan modal insan dari segi penawaran dan permintaan tenaga kerja. Penduduk Malaysia pada tahun 2010 berjumlah 28.6 juta orang dan dijangka meningkat kepada 30.5 juta orang pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan penduduk menurun kepada 1.3% disebabkan penurunan dalam kadar kesuburan<sup>1</sup> kepada 2.1 pada tahun 2015, iaitu bersamaan dengan paras penggantian<sup>2</sup> seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-2.

Penduduk muda (0-14 tahun) dijangka menurun daripada 7.8 juta orang pada tahun 2010 kepada 7.7 juta pada tahun 2015, sementara penduduk umur bekerja (15-64 tahun) dijangka meningkat daripada 19.3 juta orang kepada 21 juta dalam tempoh yang sama, menyumbang kepada dividen demografi<sup>3</sup>. Penduduk umur tua (65 tahun dan ke atas) dijangka meningkat pada kadar purata 4.5% setahun mencapai 1.8 juta orang pada tahun 2015.

Penduduk bandar dijangka meningkat daripada 20.3 juta orang pada tahun 2010 kepada 22.7 juta orang pada tahun 2015, berkembang pada kadar purata 2.2% setahun. Penduduk luar bandar pula dijangka menurun secara puratanya pada kadar 1.2% setahun daripada 8.3 juta orang pada tahun 2010 kepada 7.8 juta orang pada tahun 2015. Penduduk bandar pada tahun 2015 dijangka mencapai 74.3% daripada jumlah keseluruhan penduduk, yang akan menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap kemudahan infrastruktur, perumahan, pendidikan dan kesihatan di bandar.


Sumber data: Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>1</sup> Kadar kesuburan merujuk kepada purata bilangan anak yang dilahirkan oleh seorang wanita dalam tempoh umur reproduktif antara 15-49 tahun. Pada tahun 2013, kadarnya adalah 2.1 dan kadar ini dijangka kekal sehingga tahun 2015.

<sup>2</sup> Paras penggantian ialah kadar kesuburan iaitu pada lazimnya 2.1 anak bagi setiap wanita dalam tempoh umur kesuburannya antara 15-49 tahun. Pada paras penggantian, negara mengalami pertumbuhan penduduk sifar. Walau bagaimanapun, momentum penduduk akan menyebabkan kadar pertumbuhan penduduk yang positif bagi beberapa tahun.

<sup>3</sup> Dividen demografi dicapai apabila berlaku peningkatan penduduk dalam kumpulan umur 15-64 tahun yang aktif dalam pekerjaan berupaya membiayai tanggungan yang berada di luar tenaga kerja dengan pendapatan pengajian mereka. Dividen demografi ini diukur berdasarkan penurunan nisbah tanggungan yang disebabkan oleh penambahan bilangan penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan berkurangnya bilangan penduduk di bawah 15 tahun dan lebih 64 tahun.

## Paparan 5-2

**Perangkaan penduduk, 2010 - 2015**

## Penambahbaikan perundangan dan institusi bagi mentransformasi pasaran buruh

Dalam tempoh RMKe-10, usaha telah diambil bagi melaksanakan penambahbaikan perundangan dan institusi dalam pasaran buruh. Semakan semula ke atas undang-undang perburuhan seperti Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 telah dibuat secara berkala supaya selaras dengan perubahan dinamik pasaran buruh. Sejumlah 1.9 juta penerima gaji telah mendapat manfaat daripada pengenalan gaji minimum menerusi Perintah Gaji Minimum pada tahun 2012.

Talent Corporation telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk menarik dan mengekalkan modal insan berkemahiran yang diperlukan bagi ekonomi berpendapatan tinggi. Talent Roadmap 2020 menjelaskan strategi bagi Malaysia untuk menjadi 20 destinasi utama modal insan berkemahiran tinggi dengan memberikan tumpuan kepada tiga dimensi: mengoptimumkan bakat tempatan, menarik dan mengekalkan bakat asing dan membina rangkaian bakat terbaik. Sejak penubuhannya, Talent Corporation telah berjaya menarik 3,110 profesional warga Malaysia di bawah Returning Expert Programme dan meluluskan 3,210 pas di bawah program Residence Pass-Talent.

Institut Sumber Manusia Kebangsaan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah dinaik taraf kepada Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) pada tahun 2012 bagi menambah baik analisis maklumat pasaran buruh dan menyelaras penyelidikan berkaitan isu pasaran buruh. Pada tahun 2013, Gudang Data Maklumat Pasaran Buruh (LMIDW) telah dibangunkan sebagai satu platform tunggal untuk perkongsian maklumat utama seperti unjuran penawaran dan permintaan guna tenaga mengikut sektor ekonomi dan koridor ekonomi

wilayah. LMIDW membolehkan Kerajaan membuat dasar berasaskan bukti, di samping menambah baik penyebaran maklumat kepada industri, institusi pengajian tinggi (IPT)<sup>3</sup> dan pihak berkepentingan lain termasuk pertubuhan antarabangsa.

## Pengarusperdanaan dan peluasan akses kepada program TVET yang berkualiti

Mengarusperdana dan memperluas akses kepada TVET berkualiti dilaksanakan di bawah RMKe-10 bagi memenuhi keperluan industri terhadap tenaga kerja mahir dan memperbaiki persepsi awam terhadap TVET sebagai laluan kerjaya. Hasil inisiatif ini, pengambilan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke TVET bertambah daripada 113,000 pada tahun 2010 kepada 164,000 pada tahun 2013.

Pasukan Petugas TVET yang diterajui bersama oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), KSM telah ditubuhkan pada tahun 2012 bagi menyelaras dan meningkatkan kecekapan penyampaian TVET oleh pelbagai institusi. Satu daripada inisiatif yang dilaksanakan adalah merasionalisasi penawaran program institusi TVET awam bagi menangani isu pertindihan dan memperkukuh pengkhususan antara institusi. Skim Kemahiran dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M) telah diperkenalkan pada tahun 2012 sebagai platform untuk membantu graduan TVET mendapat pekerjaan. Dalam tempoh 2012-2014, seramai 10,400 graduan telah mendapat manfaat daripada skim ini.

Sebelum tahun 2011, Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), KPM yang dahulunya dikenali sebagai Unit Pusat Universiti, berperanan untuk menyelaras permohonan kemasukan ke universiti awam. Bermula tahun 2011, peranan ini telah diperluas kepada semua

<sup>3</sup> Institusi pengajian tinggi (IPT) merujuk kepada universiti awam seperti yang ditakrifkan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan universiti dan kolej universiti swasta seperti yang ditakrifkan dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Kolej komuniti dan politeknik adalah institusi TVET.

institusi TVET awam bagi mengenal pasti kecenderungan kursus pilihan pelajar dan ketersediaan tempat latihan. Berdasarkan Sistem Pengesanan Graduan untuk IPT dan beberapa institusi TVET awam, Sistem Pengesanan Graduan secara berpusat telah diperluas dan disesuaikan mengikut keperluan institusi TVET awam pada tahun 2013. Data kebolehpasaran graduan yang diperoleh menerusi kajian ini membolehkan penyelarasan yang lebih baik dalam pelaporan outcome program.

22 Badan Peneraju Industri (ILB) ditubuhkan di bawah JPK bagi menyelaraskan kurikulum TVET dengan keperluan industri dalam penyediaan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK). Sebanyak 582 SKPK dan 16 Analisis Pekerjaan telah disediakan untuk rujukan institusi TVET dalam tempoh RMKe-10. Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang menyediakan latihan tempat kerja yang berorientasikan industri memberikan manfaat kepada 63,000 pekerja sejak diperkenalkan pada tahun 2004. Seramai 38,000 orang telah mendapat faedah dalam tempoh RMKe-10, termasuk 12,835 belia yang baru menyertai pasaran buruh.

Satu daripada perubahan besar dalam penyampaian TVET adalah langkah menaik taraf 72 buah sekolah vokasional dan lapan buah sekolah teknik sedia ada kepada Kolej Vokasional (KV) di samping pembinaan lapan buah KV baharu. Institusi baharu ini menyediakan peluang pendidikan TVET seawal umur 16 tahun dan menamatkan pengajian pada peringkat diploma. Dalam tempoh 2011-2014, seramai 19,747 pelajar telah berdaftar di KV. Seramai 2,700 pelajar kumpulan pertama dijangka menamatkan pengajian pada tahun 2016. Kurikulum

KV turut ditawarkan dengan kerjasama institusi TVET awam lain termasuk Institut Latihan Perindustrian (ILP), di bawah KSM.

Kapasiti Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) telah diperluas melalui penubuhan lapan kampus satelit baharu. Penubuhan ini telah meningkatkan bilangan tenaga pengajar yang ditauliahkan dengan Sijil Tenaga Pengajar Vokasional (VIC) daripada 1,460 orang pada tahun 2010 kepada 3,060 pada tahun 2014.

### **Peningkatan kemahiran tenaga kerja melalui pembelajaran sepanjang hayat**

Di bawah RMKe-10, pembelajaran sepanjang hayat memberikan fokus kepada peningkatan kemahiran dan pembangunan profesional berterusan kepada pekerja. Peruntukan di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah diperluas pada tahun 2011, bagi menawarkan kemudahan pinjaman kepada pekerja untuk meningkatkan kemahiran. Dalam tempoh 2011-2014, seramai 3,424 pekerja mendapat manfaat daripada pembiayaan ini. Selain itu, program peningkatan kemahiran untuk pekerja perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah memanfaatkan 32,850 pekerja.

Program PhD Industri merupakan penyelidikan berasaskan industri adalah alternatif kepada program PhD konvensional. Dalam tempoh 2011-2014, seramai 177 calon telah mendapat faedah bagi mengikuti program pascasiswazah sepenuh masa daripada 30 industri. Sebahagian besar tempoh penyelidikan oleh calon dilaksanakan di organisasi berasaskan industri.

Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001, menggalakkan majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih berdasar keperluan perniagaan. Akta ini telah diperluas bagi merangkumi subsektor<sup>4</sup> tambahan, meningkatkan jumlah liputan pekerja daripada 1.68 juta pada tahun 2010 kepada 1.77 juta pada tahun 2014, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-3.

## Penambahbaikan penyampaian pendidikan melalui peningkatan akses dan pendidikan berkualiti

### Prasekolah sehingga lepas menengah

Kerajaan memperkukuh kolaborasi dengan pihak berkepentingan, terutama sektor swasta bagi menyediakan akses sama rata kepada pendidikan berkualiti kepada semua kanak-kanak. Langkah ini termasuk penyediaan geran dan bantuan yuran untuk pengelola prasekolah swasta bagi membantu meningkatkan enrolmen prasekolah bagi kanak-kanak berumur 4+ hingga 5+ daripada 72.4% pada tahun 2010 kepada 90.7% pada tahun 2014.

Program Penyaringan Literasi dan Numerasi (LINUS) telah diperkenalkan pada tahun 2010 untuk memastikan setiap kanak-kanak mempunyai kemahiran membaca dan mengira dalam tempoh tiga tahun pertama persekolahan. Program ini telah meningkatkan tahap literasi Bahasa Melayu daripada 84.9% kepada 99.8% dan kemahiran numerasi daripada 90.9% kepada 99.9% dalam tempoh 2010-2012. LINUS telah diperluas untuk merangkumi literasi Bahasa Inggeris dalam tahun 2013 dan telah meningkatkan tahap literasi murid tahun satu daripada 50% kepada 63% dalam tempoh empat bulan.

Pada tahun 2010, Kerajaan telah mengenal pasti 20 buah sekolah sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) berdasarkan kriteria yang ketat, termasuk prestasi akademik dan pencapaian kokurikulum sekolah. Sekolah ini diberikan autonomi dan insentif untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inovatif dan kondusif bagi memaksimumkan potensi murid. Menjelang tahun 2014, jumlah SBT telah meningkat kepada 128 buah sekolah dan memberikan manfaat kepada kira-kira 100,000 murid.

*Paparan 5-3*

### Perbandingan liputan Akta PSMB antara tahun 2010 dengan 2014

Sektor Ekonomi	2010			2014		
	Sub sektor	Majikan	Pekerja	Sub sektor	Majikan	Pekerja
Perlombongan & pengkuarian	-	-	-	2	14	2,710
Pembuatan	23	6,946	920,324	23	7,009	957,172
Perkhidmatan	21	7,170	759,387	38	7,459	805,610
	<b>44</b>	<b>14,116</b>	<b>1,679,711</b>	<b>63</b>	<b>14,482</b>	<b>1,765,492</b>

Sumber: Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

<sup>4</sup> Terdapat 19 sektor di bawah Piawai Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) yang merangkumi 88 subsektor. Di bawah RMKe-11, Akta PSMB dirancang untuk diperluas merangkumi semua subsektor kecuali subsektor pembinaan yang terletak di bawah CIDB.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) atau PPPM yang telah dilancarkan pada tahun 2013, seperti yang ditunjukkan dalam Kotak 5-2 menggariskan sebelas anjakan untuk mencapai enrolmen sejagat daripada prasekolah ke peringkat menengah, meningkatkan kualiti sistem pendidikan kebangsaan ke tahap satu pertiga teratas pada peringkat global, merapatkan jurang pencapaian murid, memperkukuh perpaduan nasional dan memaksimumkan pulangan pelaburan Kerajaan. Matlamat utama adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang memiliki pengetahuan, kemahiran berfikir secara kritis kemahiran kepemimpinan, kemahiran bahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional untuk berjaya dalam abad ke-21.

Malaysia terus menambah baik akses kepada pendidikan rendah dan menengah. Kadar enrolmen pada peringkat rendah telah meningkat daripada 95.7% pada tahun 2010 kepada 97.9% pada tahun 2014 manakala jurang enrolmen antara kanak-kanak lelaki dengan perempuan semakin mengecil daripada 1% pada tahun 2010 kepada 0% pada tahun 2014. Pada peringkat sekolah menengah, kadar penyertaan telah meningkat daripada 88.1% pada tahun 2010 kepada 90% pada tahun 2014.

Pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah telah diperkenalkan dengan memberikan penekanan terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) untuk menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan masalah. Kurikulum Standard Sekolah Menengah juga menekankan kaedah pengajaran dan pembelajaran KBAT. Bagi menyokong perubahan ini, KPM telah melancarkan program seperti iThink untuk melatih murid dan guru menggunakan alat pemikiran kreatif. Penekanan terhadap KBAT dijangka dapat menambah baik pencapaian murid dalam Programme for International Student Assessment (PISA) dan Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) pada tahun 2016.

## Pendidikan tinggi

Enrolmen pelajar pada semua peringkat dalam universiti awam, universiti dan kolej universiti swasta menunjukkan peningkatan dalam tempoh 2010- 2013 seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-5. Enrolmen pada peringkat PhD meningkat sebanyak 56.3%. Pada peringkat sarjana pula, enrolmen meningkat sebanyak 31.7% dan ijazah pertama sebanyak 7% dengan bilangan pelajar melebihi setengah juta. Sebanyak 53.6% atau 560,359 pelajar menuntut di universiti awam manakala 46.4% atau 484,963 pelajar di universiti dan kolej universiti swasta pada tahun 2013 seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-6. Dalam tempoh yang sama, enrolmen universiti awam meningkat 21% menjadikannya penyedia utama pendidikan tinggi dalam negara.

Selain ini, pencapaian akademik bagi mahasiswa ijazah pertama telah bertambah baik. Sebanyak 17.5% daripada siswazah memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) melebihi 3.49 pada tahun 2013 berbanding dengan 13.6% pada tahun 2010 seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-7. Jumlah pelajar yang mencapai PNGK melebihi 3.49 pada tahun 2013 meningkat sebanyak 31.7% berbanding dengan tahun 2010. Pada tahun 2013, sebanyak 75.5% graduan universiti awam dan 73.2% graduan universiti swasta telah mendapat pekerjaan atau melanjutkan pelajaran atau menunggu penempatan pekerjaan, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-8.

Jumlah staf akademik di universiti awam telah meningkat dari 26,700 pada tahun 2010 kepada 33,137 pada tahun 2013. Jumlah staf akademik berkelulusan PhD di universiti awam meningkat sebanyak 31.6% dari tahun 2010 kepada tahun 2013, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-9. Purata staf akademik berkelulusan PhD di universiti awam meningkat daripada 30% pada tahun 2010 kepada 36.5% pada tahun 2013. Pada tahun 2013, empat daripada lima universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia

## Kotak 5-2

## Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)

Pada tahun 2013, Kerajaan telah melancarkan PPPM, menggariskan program transformasi untuk murid bermula daripada prasekolah sehingga peringkat menengah atas. Pelan ini menilai prestasi semasa sistem pendidikan berdasarkan dimensi akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan serta menggariskan 11 anjakan bagi meningkatkan kualiti sistem pendidikan kebangsaan. Anjakan ini ditunjukkan dalam Paparan 5-4.

Transformasi pendidikan dirancang dalam tiga gelombang. Gelombang 1 (2013-2015) bertujuan mengubah sistem pendidikan dengan meningkatkan kualiti guru dan menambah baik literasi murid. Gelombang 2 (2016-2020) memberikan fokus terhadap usaha mempercepat penambahbaikan sistem penyampaian pendidikan. Gelombang 3 (2021-2025) menumpu ke arah meningkatkan keluwesan operasi bagi memupuk budaya kecemerlangan profesional melalui bimbingan rakan sekerja. Transformasi ini akan mewujudkan satu sistem yang boleh beroperasi secara sendiri dan mampu membuat inovasi serta mencapai tahap yang lebih baik. Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) telah ditubuhkan pada tahun 2013 sebagai satu unit di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu, menyokong dan memacu penyampaian PPPM.

### Paparan 5-4

#### 11 Anjakan PPPM



telah melebihi sasaran 50% staf akademik berkelulusan PhD manakala tujuh daripada 15 universiti bukan penyelidikan telah melebihi sasaran 30% yang ditetapkan. Peratusan staf akademik yang lebih tinggi dengan kelulusan PhD menyumbang kepada peningkatan kedudukan universiti dalam penarafan universiti terbaik dunia.

Universiti awam menunjukkan pencapaian besar dari segi penerbitan dan sitasi. Dalam tempoh 2010-2013, jumlah penerbitan meningkat sebanyak 56% dan sitasi sebanyak 155% seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-10. Sejumlah 4,030 permohonan paten telah difailkan oleh universiti penyelidikan dan 314 permohonan telah diluluskan dan jumlah paten yang dimiliki telah bertambah seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-11. Pada tahun 2013, sebanyak 75 produk dikomersialkan berbanding dengan 36 produk pada tahun 2007.

\* \* \*


Di sebalik pencapaian memberangsangkan dalam tempoh RMKe-10, masih terdapat cabaran yang perlu dihadapi. Walaupun bilangan pekerjaan meningkat, kebanyakannya adalah pekerjaan separuh mahir yang telah mengakibatkan produktiviti buruh yang rendah. Di samping itu, pampasan pekerja<sup>5</sup> kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah rendah berbanding dengan negara lain yang berpendapatan sederhana dan tinggi. Penawaran graduan TVET – dari segi kualiti dan kuantiti – masih belum selari sepenuhnya dengan permintaan industri, dan TVET masih dianggap sebagai laluan yang kurang menarik minat pelajar. Lebih banyak program pembelajaran sepanjang hayat yang berkesan diperlukan bagi menyokong permintaan tenaga kerja untuk peningkatan kemahiran berterusan. Akhir sekali, perubahan besar perlu dibuat merentasi semua peringkat penggerak iaitu daripada kualiti guru dan staf akademik, kepada tadbir urus dan pengendalian sekolah dan IPT bagi menambah baik prestasi sistem pendidikan berlandaskan dimensi akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

<sup>5</sup> Pampasan pekerja merujuk kepada saraan, wang tunai atau bukan berbentuk wang, yang perlu dibayar oleh sesebuah perusahaan kepada pekerja.




Paparan 5-5

**Enrolmen di universiti awam, universiti swasta dan kolej universiti swasta mengikut peringkat pengajian, Bilangan pelajar**




Paparan 5-6

**Pecahan enrolmen di universiti awam, universiti dan kolej universiti swasta, Peratus**




Paparan 5-7

**Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) bagi graduan sarjana muda di universiti awam, Bilangan graduan**



Paparan 5-8


**Keputusan kajian pengesanan kebolehpasaran graduan<sup>1</sup> pada tahun 2013**



<sup>1</sup> Kajian Pengesanan Kebolehpasaran Graduan ialah kaji selidik tahunan yang dijalankan oleh KPM untuk mengesan status pekerjaan graduan dalam tempoh tiga hingga enam bulan selepas graduasi. Status graduan dibahagikan kepada empat kategori: bekerja (termasuk bekerja sendiri), menyambung pengajian (termasuk peningkatan kemahiran), menunggu penempatan pekerjaan dan mencari pekerjaan.


Paparan 5-9

**Bilangan staf akademik di universiti awam mengikut kelayakan**




Paparan 5-10

**Bilangan penerbitan dan sitasi daripada hasil penyelidikan oleh universiti awam**



Paparan 5-11

**Bilangan paten dimohon, diluluskan dan dimiliki oleh universiti penyelidikan Malaysia**



# Ringkasan bidang fokus Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

## Menambah baik kecekapan pasaran buruh bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi

Menambah baik produktiviti buruh dan gaji melalui peralihan kepada pekerjaan berkemahiran tinggi

Mempertingkatkan operasi pasaran buruh bagi memaksimumkan kecekapan dan keberkesanan

Menambah baik pengurusan pekerja asing

## Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri

Memperkuh tadbir urus TVET untuk pengurusan yang lebih baik

Memperkasa kualiti dan penyampaian program TVET untuk menambah baik kebolehpasaran graduan

Meningkatkan penjenamaan untuk menarik minat terhadap TVET

## Menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi

Menambah baik pencapaian murid melalui peningkatan akses dan kualiti

Mempertingkatkan tadbir urus dan kerjasama pihak berkepentingan untuk sokongan sekolah yang lebih baik

Mempertingkatkan kualiti graduan dan program dan memperkuh penyelidikan untuk inovasi

Mencapai kecemerlangan dalam tadbir urus IPT dan kemampanan kewangan

## Memperkuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran

Meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program bagi memenuhi keperluan pembelajaran

Menambah baik peraturan dan bantuan pembiayaan untuk meluaskan akses

# OUTCOME TERPILIH



Menambah baik kecekapan pasaran buruh bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi

**3.7%**

Kadar pertumbuhan purata tahunan produktiviti buruh dalam RMKe-11, berbanding dengan 2.3% dalam RMKe-10

**40%**

Pampasan pekerja kepada KDNK pada tahun 2020, meningkat daripada 33.6% pada tahun 2013

Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri

**225,000**

Bilangan pengambilan lepasan SPM ke TVET berbanding dengan 164,000 pada tahun 2013

**RM 2,500**

Gaji penengah bulanan pada tahun 2020, peningkatan daripada RM1,575 pada tahun 2014

Memperkuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran

**58%**

Peningkatan bilangan pekerja yang dijangka mendapat faedah menerusi perluasan Akta PSMB akan meningkat daripada 1.77 juta pekerja pada 2014 kepada 2.8 juta pada 2020

Menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi



Malaysia menasaskan untuk berada sekurang-kurangnya setara dengan purata antarabangsa dalam penilaian PISA dan TIMSS

**100%**

Enrolmen bagi pendidikan prasekolah hingga menengah atas

**100  
TERATAS**

2 universiti dalam kalangan 100 Terbaik QS World University Rankings



# Hala tuju

## Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

RMKe-11 akan menghasilkan anjakan penting dalam pengoperasian sistem sedia ada bagi melahirkan bakat bertaraf dunia yang mampu bersaing dalam ekonomi global.

Malaysia berhasrat untuk menjadi negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020. Bagi merealisasikan hasrat ini, Malaysia memerlukan modal insan yang berpengetahuan, berilmu, beretika dan berakhlak untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif. Inisiatif di bawah RMKe-11 mengunjurkan pewujudan sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu menjelang tahun 2020. Sebanyak 60% daripadanya memerlukan kemahiran berkaitan TVET. Sehubungan itu, Kerajaan akan menumpu kepada empat bidang fokus berikut:

- Bidang fokus A: Menambah baik kecekapan pasaran buruh bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi
- Bidang fokus B: Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri
- Bidang fokus C: Memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran
- Bidang fokus D: Menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi

Perubahan daripada empat bidang fokus ini akan menghasilkan anjakan penting dalam pengoperasian sistem sedia ada. Dasar pasaran buruh akan menumpukan kepada usaha meningkatkan produktiviti buruh. Pembelajaran tenaga kerja sedia ada yang tertumpu hanya ketika usia muda akan diperluas ke arah pembelajaran berterusan bagi setiap individu

untuk mempertingkatkan pengetahuan dan pembangunan diri. Program dan intervensi TVET yang sebelum ini diterajui oleh Kerajaan akan beralih kepada industri. Kualiti pendidikan akan dipertingkatkan bagi membangunkan bakat yang dilengkapi kemahiran, ilmu, etika dan akhlak untuk berjaya dalam dunia yang penuh persaingan dan sentiasa berubah. Lapan sasaran outcome utama telah dikenal pasti sebagai penanda aras kejayaan.

Sasaran ini akan dipantau berterusan bagi menilai kemajuan. Bagi memacu agenda pembangunan modal insan dalam tempoh RMKe-11, Kerajaan akan menubuhkan Majlis Pembangunan Modal Insan Negara (MPMIN). Keanggotaan Majlis ini bukan sahaja terdiri daripada menteri dan pelaksana daripada agensi berkaitan, tetapi akan turut diwakili oleh pihak swasta dan industri utama. Majlis ini ditubuh berdasarkan model Majlis Ekonomi yang akan menetapkan hala tuju dasar pembangunan modal insan, menentukan keutamaan inisiatif, dan menyelaras tindakan merentasi semua pihak berkepentingan dalam sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan.



## Bidang fokus A

# Menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi

Pasaran buruh yang cekap dan fleksibel adalah penting bagi memastikan penawaran modal insan berkemahiran yang sepadan dengan permintaan industri, meminimumkan kemahiran yang kurang digunakan (*underutilisation*) dan membolehkan pertumbuhan mampan dan inklusif. Bagi tujuan ini, Kerajaan menyasarkan untuk menambah baik kecekapan dan operasi pasaran buruh menerusi tiga strategi berikut:

- **Strategi A1: Menambah baik produktiviti buruh dan gaji melalui peralihan kepada pekerjaan berkemahiran tinggi** menerusi langkah seperti peluasan penggunaan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS), peralihan daripada pekerjaan berkemahiran rendah kepada pekerjaan berkemahiran tinggi dan pengurangan jurang gaji;
- **Strategi A2: Mempertingkat operasi pasaran buruh bagi memaksimumkan kecekapan dan keberkesanan.** Langkah yang akan diambil termasuklah pembaharuan perundangan, maklumat yang lebih bersepadu bagi menambah baik proses membuat keputusan, integrasi yang lebih erat dengan industri dan program yang disasarkan untuk belia dan wanita; dan
- **Strategi A3: Menambah baik pengurusan pekerja asing.** Langkah utama termasuklah mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dan memperkemas proses imigresen dan pengambilan.

## Strategi A1

### Menambah baik produktiviti buruh dan gaji melalui peralihan kepada pekerjaan berkemahiran tinggi

#### Menambah baik produktiviti buruh

Produktiviti buruh merujuk kepada jumlah output yang dihasilkan setiap pekerja dan merupakan ukuran penting bagi menilai kecekapan dan keberkesanan tenaga kerja dan ekonomi negara. Produktiviti buruh disasarkan berkembang pada kadar purata 3.7% setahun dalam tempoh RMKe-11, berbanding dengan 2.3% dalam RMKe-10. Sektor perkhidmatan dan pembuatan disasarkan mencatat pertumbuhan produktiviti tertinggi pada kadar 4.1% dan 3% masing-masing. Untuk mencapai kadar pertumbuhan ini, Kerajaan akan terus menggalakkan pelaksanaan skim gaji berasaskan prestasi melalui pelaksanaan PLWS yang lebih luas oleh industri. PLWS memastikan peningkatan gaji adalah sepadan dengan produktiviti tinggi, seterusnya meningkatkan daya saing pada peringkat syarikat. Menjelang tahun 2020, sebanyak 85,000 majikan dijangka menerima pakai PLWS berbanding dengan 76,000 majikan pada tahun 2013, yang akan memberikan manfaat kepada 3.7 juta pekerja. Di samping itu, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti.

#### Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi

Pekerja berkemahiran tinggi diunjurkan merangkumi 35% daripada tenaga kerja menjelang tahun 2020, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-12. Industri sedia ada akan digalakkan untuk beralih kepada rantai nilai yang lebih tinggi menerusi pelaburan dalam aktiviti bernilai tinggi yang memerlukan pekerja mahir. Selain itu, Kerajaan juga

akan menarik pelaburan baharu secara terpilih dengan keutamaan kepada aktiviti berintensifkan pengetahuan.

### Mengurangkan jurang gaji untuk menambah baik ekuiti

Kerajaan menyasarkan pampasan pekerja kepada KDNK meningkat daripada 33.6% pada tahun 2013 kepada 40% pada tahun 2020, pada tahap yang sama dengan negara berpendapatan tinggi dan sederhana yang lain. Pampasan pekerja dijangka meningkat susulan pematuhan menyeluruh kepada pelaksanaan gaji minimum, semakan semula kadar gaji minimum selaras dengan produktiviti yang bertambah baik, dan mempertingkatkan program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (RPL). Pengiktirafan teknologis<sup>6</sup> sebagai profesional menerusi penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) akan menambah baik gaji siswazah TVET. MBOT akan berperanan sebagai badan berkanun yang


mengawal, menggalakkan dan membangunkan profesion teknologis di Malaysia. Langkah ini dijangka akan menyumbang kepada peningkatan gaji penengah bulanan daripada RM1,575 pada tahun 2014 kepada RM2,500 pada tahun 2020.

### Memperkenalkan indeks gaji sebagai panduan kepada pampasan yang adil dan telus

Kerajaan akan memperkenalkan Indeks Gaji Nasional (NWI) yang akan menjadi panduan dan penanda aras kepada majikan dalam menetapkan aras gaji pekerja sesuai dengan kelayakan, kemahiran dan produktiviti. NWI akan dibangunkan oleh KSM dengan kerjasama agensi Kerajaan berkaitan menerusi penggunaan data gaji yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber.

Paparan 5-12

### Pewujudan pekerjaan mengikut kategori kemahiran<sup>1</sup>, 2015 - 2020



<sup>1</sup> Pekerja mahir meliputi pengurus, profesional, dan juruteknik dan profesional bersekutu. Pekerja separuh mahir meliputi pekerja sokongan perkeranian; pekerja perkhidmatan dan jualan; pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan; pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan operator loji dan mesin dan pemasang. Pekerja berkemahiran rendah meliputi pekerjaan asas.

<sup>2</sup> Data tahun 2015 merupakan angka anggaran manakala data tahun 2020 adalah unjuran  
Sumber data: Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>6</sup> Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mendefinisikan "teknologis" sebagai graduan dan pengamal TVET dengan kelayakan ijazah pertama Kejuruteraan Teknologi dan juruteknik dengan kelayakan minimum diploma.

## Strategi A2

### Mempertingkatkan operasi pasaran buruh untuk memaksimumkan kecekapan dan keberkesanan

#### Menambah baik maklumat pasaran buruh bagi membuat keputusan yang termaklum

LMIDW akan dikemas kini untuk meliputi lebih banyak maklumat berasaskan permintaan seperti peluang pekerjaan, unjuran guna tenaga dan gaji bagi memberikan pemahaman yang lebih baik terhadap keperluan industri. Fungsi dan keupayaan mesra pengguna LMIDW juga akan dipertingkatkan. Sebagai contoh, pengguna akan dapat menjana analisis visual dan mendalam berkaitan pasaran buruh daripada data tersebut. Peningkatan ini akan membolehkan analisis yang jelas dibuat mengenai arah aliran pasaran buruh dan isu modal insan yang berbangkit, yang akan menyumbang kepada perancangan dan pembentukan dasar modal insan yang lebih baik dan berkesan.

#### Meminimumkan ketidakpadanan dalam pasaran buruh

Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) akan ditubuhkan sebagai satu platform untuk menyelaras penglibatan pihak industri, bagi mengumpulkan maklumat mengenai keperluan industri. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan bersama oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan kapten industri yang berwibawa. Bagi menyokong JKI, Jawatankuasa Kerja Industri akan ditubuhkan untuk mengenal pasti keperluan modal insan tertentu bermula dengan 11 sektor ekonomi. Selain itu, Jawatankuasa Jurang Kemahiran Kritikal juga akan ditubuhkan di bawah seliaan bersama Talent Corporation dan ILMIA untuk membantu JKI mengenal pasti jurang kemahiran kritikal, terutamanya dalam sektor strategik, bagi perancangan modal insan yang akan datang.

Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) dan Academia – Industry Graduate Development Centre (AIGDC) di universiti-universiti akan membantu mengatasi ketidakpadanan dalam pasaran buruh. Pengajaran yang diperoleh daripada kerjasama antara ICoE dan AIGDC dengan industri akan digunakan untuk membangunkan kurikulum yang relevan dengan keperluan industri. Pada masa ini, terdapat 10 buah

ICoE yang menumpukan kepada sektor strategik seperti automotif, bioteknologi dan perkhidmatan kesihatan.

#### Mengatasi pengangguran belia

Walaupun kadar pengangguran dalam kalangan belia kekal rendah berdasarkan purata ASEAN dan dunia, Kerajaan akan terus memastikan belia mempunyai akses kepada peluang latihan sebelum menyertai pasaran buruh. Belia sedia ada dalam pasaran buruh juga akan diberikan peluang latihan kemahiran semula, bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran yang lebih baik dan membolehkan mereka menerima gaji yang lebih tinggi. Belia pada umur persekolahan, terutama sekali pelajar menengah atas, akan digalakkan untuk menghabiskan pendidikan tertiar sebelum menyertai pasaran buruh. Usaha bagi menyediakan belia untuk pekerjaan dan memperoleh penempatan kerja akan diperhebat menerusi program seperti SKK1M, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan 1Malaysia Skills Training and Enhancement for the Rakyat (1MASTER).

#### Menambah penyertaan wanita bagi meningkatkan inklusiviti

Penyertaan wanita dalam pasaran buruh akan terus dipertingkatkan menerusi lebih banyak pendekatan yang mesra keluarga. Pendekatan ini termasuklah menyediakan akses lebih baik kepada kemudahan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, waktu bekerja yang fleksibel, pilihan untuk bekerja dari rumah, dan peluang menyertai semula pasaran buruh. Sebagai contoh, Kerajaan akan memperluas akses kepada pekerjaan menerusi program 1Malaysia Support For Housewives dan Flexiworklife. Kaum wanita juga akan digalakkan untuk menjadi usahawan menerusi program seperti Azam Niaga, Women Entrepreneurial Incubator dan 1Nita.

#### Mempertingkatkan perundangan bagi memenuhi keperluan pasaran buruh

KSM akan membuat pindaan ke atas undang-undang perburuhan seperti Akta Kerja 1955, Akta Kesatuan Sekerja 1959, dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Pindaan ini akan mengatasi masalah dalam proses pemecatan sedia ada, memperkemas peruntukan perundangan yang bertindih dan bercanggah, meningkatkan fleksibiliti dalam waktu bekerja dan pendaftaran keahlian kesatuan sekerja.



## Strategi A3

# Menambah baik pengurusan pekerja asing

### Mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah

Dasar imigresen dan penggajian pekerja asing yang komprehensif akan dirangka, dengan mengambil kira keperluan industri dan kebajikan pekerja asing. Kerajaan juga akan mengatasi isu pekerja asing tanpa izin menerusi pengurusan yang lebih baik dan penguatkuasaan yang lebih berkesan. Bergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing berkemahiran rendah, terutamanya dalam aktiviti berintensifkan buruh akan diatasi secara menyeluruh. Peratusan pekerja asing dalam tenaga kerja akan dihadkan kepada tidak melebihi 15% pada tahun 2020. Sasaran ini akan dapat dicapai menerusi automasi aktiviti berintensifkan buruh dan migrasi kepada aktiviti berintensifkan pengetahuan dalam semua sektor ekonomi terutamanya sektor pertanian, pembuatan dan pembinaan yang pada masa ini menggaji lebih daripada 30% pekerja asing .

Sistem levi sedia ada akan ditambah baik bagi mengawal selia kemasukan pekerja asing berkemahiran rendah. Levi ini akan dibayar oleh majikan dan akan berdasarkan nisbah pekerja asing kepada jumlah keseluruhan pekerja dalam syarikat serta tempoh pekerjaan mereka. Kadar levi ini akan dinaikkan secara berperingkat bagi memastikan keberkesanannya.

### Memperkemas proses pengambilan pekerja asing

Kerajaan akan memperkemas proses pengambilan pekerja asing dengan meletakkannya di bawah satu pentadbiran tunggal. KSM akan dipertanggungjawabkan sebagai peneraju utama dalam penggubalan dasar mengenai pengurusan pekerja asing. Kerajaan akan memperkemas proses pengambilan melalui Pusat Kelulusan Setempat (OSC). OSC akan bertanggungjawab dalam menentukan bilangan pekerja asing yang diperlukan bagi setiap sektor; mengesah dan meluluskan permohonan untuk pengambilan; memantau dan memberikan maklum balas terhadap semua perkara berkaitan dengan kebajikan pekerja asing; dan memastikan pekerja asing bekerja dalam sektor dan syarikat yang dibenarkan. Dengan memperkemas operasi OSC, peranan syarikat penyumberan luar (*outsourcing*) dan orang tengah akan dihapuskan.

Kerajaan akan memperkenalkan konsep liabiliti ketat (*strict liability*) iaitu majikan yang menggaji pekerja asing adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap proses pengambilan dan kebajikan mereka. Di samping itu, Kerajaan akan mengatasi isu pendatang asing tanpa izin menerusi pengurusan dan penguatkuasaan yang lebih baik dan berkesan.



## Bidang fokus B

# Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri

Sebanyak 60% daripada pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh RMKe-11 dijangka memerlukan kelayakan TVET, menjadikan TVET sebagai platform penting bagi meningkatkan tenaga kerja mahir Malaysia. Kerajaan akan mempergiat kolaborasi dengan industri untuk meningkatkan pengambilan TVET, menambah baik kualiti program dan institusi, serta memperkukuh penjenamaan dan profil TVET. Pendekatan ini akan menghasilkan graduan berkemahiran yang diperlukan industri dan menjadikan TVET sebagai laluan pilihan. Transformasi ini dapat direalisasikan menerusi pelaksanaan tiga strategi utama:

- **Strategi B1: Memperkukuh tadbir urus TVET untuk pengurusan yang lebih baik**, menerusi pemantapan kerangka kelayakan nasional dan pengharmonian pelbagai sistem penarafan bagi institusi TVET awam dan swasta;
- **Strategi B2: Memperkasa kualiti dan penyampaian program TVET untuk menambah baik kebolehpasaran graduan** melalui pendekatan seperti membolehkan industri menerajui pembangunan kurikulum, mengurangkan pertindihan program dan penggunaan sumber, meningkatkan keberkesanan kos dan memperluas pembiayaan TVET bagi menambah enrolmen; dan
- **Strategi B3: Meningkatkan penjenamaan untuk menarik minat terhadap TVET**. Langkah ini akan dapat dicapai menerusi aktiviti promosi yang menonjolkan TVET sebagai kerjaya pilihan yang menarik.

### Strategi B1

## Memperkukuh tadbir urus TVET untuk pengurusan yang lebih baik

### Menubuhkan sistem akreditasi tunggal

Sektor TVET sedia ada yang tidak bersepadu akan diperkukuh melalui penubuhan sistem tunggal yang akan diguna pakai oleh MQA dan JPK bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan TVET yang lebih baik. Sistem baharu ini akan bertanggungjawab mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) sedia ada yang disemak semula seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-13. Strategi ini membolehkan mobiliti pelajar antara semua institusi TVET.

### Mengharmonikan sistem penarafan institusi bagi memperbaiki kebolehbandingan

Kerajaan akan mengharmonikan pelbagai sistem penarafan merentasi institusi TVET awam dan swasta kepada sistem penarafan tunggal. Usaha ini termasuk sistem penarafan sedia ada yang diguna pakai oleh JPK bagi institusi TVET swasta dan Sistem Penarafan Politeknik (PolyRate) serta Sistem Penarafan Kolej Komuniti (MySpeKK) bagi institusi TVET awam. Sistem penarafan yang bersepadu ini akan menilai kualiti institusi dan program berdasarkan kepada indikator keberhasilan seperti keupayaan mendapatkan pekerjaan dan penglibatan industri. Menerusi sistem penarafan ini, prestasi institusi akan dijadikan satu daripada faktor yang menentukan peruntukan dana untuk institusi.

## Strategi B2

### Memperkasa kualiti dan penyampaian program TVET untuk menambah baik kebolehpasaran graduan

#### Menjayakan program yang diterajui industri bagi mengurangkan jurang kemahiran

JKI, dengan kerjasama wakil industri akan mengenal pasti kompetensi yang relevan bagi setiap sektor dan subsektor. Model kerjasama baharu akan membolehkan industri untuk turut sama terlibat dalam setiap rantai nilai, terutama dalam pembangunan dan penyampaian kurikulum bagi memastikannya lebih praktikal dan terkini. Model kerjasama ini termasuklah perantisan, latihan amali, penempatan praktikum, dan program berasaskan pekerjaan. Modul pembelajaran berasaskan “masalah/projek/hasil” (PPP) yang melibatkan pelajar dalam dunia pekerjaan sebenar akan juga diterapkan dalam kurikulum.

#### Mengarusperdana Sistem Latihan Dual Nasional

Usaha akan terus dilaksanakan bagi mengarusperdana Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk melahirkan graduan TVET berkemahiran yang diperlukan oleh industri. SLDN menawarkan latihan berasaskan industri, iaitu 70% daripada latihan dilaksanakan di syarikat dan 30% di institusi TVET. Program 1MASTER SLDN akan diperluas untuk menyokong keperluan kawasan pembangunan ekonomi dan permintaan industri. Contohnya, 1MASTER SLDN diperkenalkan khususnya untuk memenuhi keperluan modal insan di kawasan Koridor Pembangunan Iskandar. SLDN khas untuk belia di luar sistem pendidikan akan diperluas bagi menyediakan latihan dan pensijilan dan membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik. SLDN akan diperluas untuk turut melibatkan lebih banyak institusi TVET awam dan swasta bagi penyediaan latihan dan tadbir urus. SLDN juga akan menggalakkan lebih banyak penyertaan daripada industri.

#### Mengurangkan program berimpak rendah dan bertindan

Program berimpak rendah yang tidak diperlukan oleh industri dan menghasilkan keupayaan mendapatkan pekerjaan yang rendah bagi graduan akan dihentikan. Sistem berpusat sedia ada untuk kajian

pengesanan bagi institusi TVET awam akan dinaik taraf dan diperluas kepada institusi TVET swasta bagi membolehkan perbandingan dibuat terhadap kebolehpasaran graduan. Di samping itu, lebih banyak penglibatan bersama pihak industri dalam bentuk dialog berkala akan dilaksanakan bagi penilaian dan pengesahan program yang berterusan. Program yang bertindan dalam kalangan institusi TVET awam akan dikurangkan dengan menggalakkan pengkhususan dan mewujudkan pusat kecemerlangan dalam bidang khusus dan kepakaran bagi mengoptimumkan sumber dan menghasilkan outcome graduan yang lebih baik.

#### Mengoptimumkan sumber bagi pulangan pelaburan yang lebih baik

Kerajaan akan memberikan keutamaan untuk menambah baik institusi sedia ada berbanding dengan melabur dalam pembinaan institusi baharu. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan memberikan keutamaan terhadap pembiayaan tempat latihan di institusi TVET swasta yang berkualiti berbanding dengan mewujudkan program

Paparan 5-13

#### Kerangka Kelayakan Malaysia yang disemak semula



baharu serta merasionalisasi institusi dengan prestasi yang tidak memuaskan. Langkah ini dapat dilaksanakan, sebagai contoh, dengan menggabungkan institusi ini menjadi institusi berprestasi tinggi. Penyedia TVET awam dan swasta turut digalakkan melaksanakan perkongsian kemudahan latihan, fakulti dan amalan terbaik serta menjalankan program dengan lebih keberkesanan kos.

### Pembiayaan berasaskan penawaran dan prestasi

PTPK akan terus menyediakan pembiayaan kepada pelajar bagi mengikuti program yang sangat diperlukan industri dan ditawarkan oleh institusi TVET yang mempunyai penarafan prestasi yang baik. Mekanisme pembiayaan sedia ada akan ditambah baik dengan memberikan tumpuan kepada bidang kemahiran yang menerima permintaan tinggi dari industri dan mempunyai peluang pekerjaan yang lebih baik. Mekanisme pinjaman sedia ada di bawah PTPK untuk pekerja meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan dirombak bagi memperluas liputan penerima manfaat yang layak menerusi kaedah perkongsian kos bersama industri. Penyeragaman yuran di institusi TVET awam akan dilaksanakan berdasarkan program dan peringkat pengajian.

### Membangunkan tenaga pengajar berkualiti bagi menambah baik penyampaian

Program pembangunan profesionalisme untuk tenaga pengajar akan diperkukuh dengan menggiatkan lebih banyak program latihan dan penempatan industri. Pembangunan pangkalan data berpusat mengenai profil tenaga pengajar akan dilaksanakan untuk mengenal pasti jurang kompetensi dan menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan. Di samping itu, lebih ramai pakar industri termasuk pengamal industri yang telah bersara digalakkan untuk berkhidmat sebagai tenaga pengajar melalui tawaran pakej imbuhan yang menarik.

## Kotak 5-3

### Pembelajaran berasaskan masalah/ projek/ hasil

Cabaran ekonomi global, evolusi teknologi yang pesat dan dominasi pekerja berpengetahuan memberikan impak yang besar terhadap proses pembelajaran. Pembelajaran dalam kelas yang dipraktikkan terdahulu tidak lagi bersesuaian dalam melahirkan personel serba boleh dan mengamalkan pembelajaran berterusan. Pendekatan PPP akan melengkapi kaedah latihan sedia ada dengan menekankan kompetensi pekerjaan. Hasilnya, graduan akan menjadi lebih kreatif dan inovatif dengan kemahiran menyelesaikan masalah. Malah pendekatan ini penting untuk membangunkan bakat yang mencintai pengetahuan dan menggalakkan mereka untuk terus mencari peluang dalam usaha memperbaiki diri.

Pembelajaran berasaskan PPP adalah satu pendekatan pengajaran inovatif dalam persekitaran pembelajaran berpusatkan pelajar yang membenarkan penerimaan bimbingan yang fleksibel melalui penyelesaian masalah, tugas projek dan pengeluaran sebenar. Antara institusi yang melaksanakan PPP adalah Universiti Cologne-Jerman, Universiti Aalborg-Denmark, Universiti Victoria-Australia, Universiti Stanford-Amerika Syarikat dan Universiti Manchester-UK.

#### Pembelajaran berasaskan Masalah/ Projek/ Hasil

Mengkaji masalah serta penyelesaian untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap	Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam menyelesaikan masalah melalui projek	Menjalani latihan industri untuk pendedahan pekerjaan dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap
<b>MASALAH</b>	<b>PROJEK</b>	<b>HASIL</b>

## Pemacu perubahan

# Mengupayakan TVET yang diterajui industri

### Mengapa TVET penting kepada Malaysia?

Di bawah RMKe-11, sebanyak 60% daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan dijangka memerlukan kelayakan berkaitan TVET. Bagi memenuhi keperluan ini, Malaysia perlu meningkatkan pengambilan pelajar setiap tahun secara berperingkat dari 164,000 pada tahun 2013 kepada 225,000 pada tahun 2020. Cabaran bukan hanya mencapai sasaran pengambilan sahaja. Maklumbalas daripada pihak industri mendapati wujud jurang antara pengetahuan, kemahiran dan sikap graduan berbanding dengan keperluan di tempat kerja.

Isu berkenaan kualiti dan kuantiti bukanlah perkara yang mudah untuk diselesaikan. Landskap TVET di Malaysia adalah tidak bersepadu, lebih daripada 1,000 institusi TVET awam dan swasta menawarkan program yang sama dengan standard yang berbeza. Kolaborasi antara pihak industri dengan penyedia TVET sukar mencapai tahap yang diperlukan bagi membangun program yang berkualiti tinggi. Selain itu, TVET masih dianggap sebagai aliran pendidikan yang tidak menarik oleh kebanyakan pelajar.

Cabaran yang menanti adalah getir. Justeru, usaha transformasi yang tepat adalah kritikal bagi memastikan matlamat Malaysia ke arah 2020 dicapai.

### Apakah kejayaan yang boleh dicapai?

Sektor TVET yang cekap dan berkesan adalah :


- Pemandaran penawaran dengan permintaan, dan mekanisme pengawalan kualiti yang dinamik bagi memastikan institusi TVET awam dan swasta memenuhi standard kualiti;
- Industri dan penyedia TVET berkerjasama antara satu sama lain sepanjang rantai nilai daripada pengambilan pelajar, reka bentuk kurikulum, penyampaian dan penempatan pekerjaan; dan

- Pelajar dimaklumkan dengan jelas peluang yang ditawarkan TVET, dan menjadikan TVET sebagai aliran pendidikan yang menarik. Pelajar mempunyai akses kepada pelbagai program inovatif yang diterajui oleh industri yang menawarkan latihan amali sama ada di tempat kerja atau simulasi persekitaran pekerjaan yang menyediakan pelajar kepada dunia pekerjaan yang sebenar.

### Bagaimana kejayaan ini dicapai?

Dalam mencapai aspirasi ini, sistem TVET perlu diharmonikan dan diperkemas untuk mengurangkan ketidakseragaman merentasi institusi TVET awam dan swasta. Di samping itu, program dan intervensi untuk menggalakkan TVET yang diterajui oleh industri akan dilaksanakan bagi memastikan graduan TVET adalah selaras dengan keperluan industri. Anjakan tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam paparan di kanan.

Strategi Kanvas di bawah menunjukkan bidang yang perlu dihapuskan, dikurangkan, ditingkatkan atau diwujudkan untuk pemacu perubahan ini.



	Daripada	Kepada
Tadbir Urus	<p>2 badan akreditasi (MQA dan JPK) yang mempunyai set kelayakan yang berbeza.</p> <p>Sistem penarafan yang berbeza bagi institusi TVET awam dan swasta di bawah Kementerian yang berbeza.</p>	<p>Sistem kelayakan tunggal diguna pakai oleh MQA dan JPK.</p> <p>Sistem penarafan tunggal bagi institusi TVET awam dan swasta.</p>
Penyampaian Program	<p>Pembangunan dan penyampaian kurikulum diterajui institusi TVET masing-masing atau Kerajaan.</p> <p>Tiada pengkhususan antara institusi TVET.</p>	<p>Pembangunan dan penyampaian TVET diterajui oleh industri dengan kerjasama institusi TVET dengan Kerajaan.</p> <p>Pengkhususan institusi melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan dalam bidang khusus dan kepakaran.</p>
Kapasiti	164,000 pengambilan pada tahun 2013.	225,000 pengambilan pada tahun 2020, dengan mengoptimalkan penggunaan institusi sedia ada.
Profil	Pengiktirafan yang terhad dan faedah yang rendah.	Kerjaya pilihan untuk pelajar.

### Strategi B3

## Meningkatkan penjenamaan untuk menarik minat terhadap TVET

### Mempromosi TVET sebagai laluan pilihan

SkillsMalaysia akan menyelaraskan kempen media secara khusus dan berjadual untuk mendidik pelajar dan keluarga berkenaan peluang kerjaya dan keusahawanan yang menarik ditawarkan oleh TVET. Usaha penggalakan ini menyediakan pelajar panduan kerjaya yang jelas dan cerita kisah kejayaan. Pertandingan MySkills dan Pertandingan Kemahiran Peringkat Antarabangsa untuk pelajar TVET akan menjadi platform untuk meningkatkan imej TVET.

### Mengiktiraf teknologis sebagai profesional

MBOT akan menentukan dan mentadbir urus etika dan tingkah laku kerjaya dan menyediakan panduan serta program pembangunan professional untuk peningkatan kerjaya. Dengan ini, MBOT akan memartabatkan peranan dan pengiktirafan teknologis.



## Bidang fokus C


# Memperkuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) adalah penting bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapat latihan semula kemahiran dan peningkatan kemahiran secara berterusan untuk memenuhi perubahan permintaan pasaran buruh. Fokus ini tidak terhad kepada tenaga kerja sedia ada, malahan turut meliputi individu di luar sistem pendidikan formal, yang tidak bekerja atau bersara, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 5-15. Kerajaan akan memperluas akses kepada PSH dan meningkatkan kualiti program sedia ada, dengan sasaran menjadikan PSH sebagai amalan hidup rakyat Malaysia. Aspirasi ini dapat dicapai menerusi dua strategi:

- **Strategi C1: Meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program bagi memenuhi keperluan pembelajaran** dengan memperbanyakkan program latihan berasaskan industri, menyelaras program berasaskan komuniti, dan memperkenalkan latihan keusahawanan dalam sektor ekonomi yang bernilai tinggi; dan
- **Strategi C2: Menambah baik peraturan dan bantuan pembiayaan untuk meluaskan akses** menerusi pengukuhan kerangka sedia ada untuk pengiktirafan pembelajaran terdahulu, dan peluasan Akta PSMB untuk sektor ekonomi dan kumpulan sasaran baharu.

Paparan 5-15

### Konsep pembelajaran sepanjang hayat



- Pembelajaran sepanjang hayat merujuk kepada pembelajaran rakyat Malaysia daripada lahir sehingga akhir hayat. Ia merangkumi keseluruhan tempoh hayat individu, mulai peringkat pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak sehingga pasca persaraan
- RMKe-11 memfokuskan kepada rakyat Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas, individu yang tercicir daripada sistem pendidikan formal, individu dalam pasaran buruh dan mereka yang tidak bekerja atau bersara

## Strategi C1

Meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program bagi memenuhi keperluan pembelajaran

### Memperkenalkan program peningkatan kemahiran berteraskan industri

Program peningkatan kemahiran berteraskan industri akan diperkukuh bagi meningkatkan kemahiran pekerja sedia ada. Sebagai contoh, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Institut Automotif Malaysia (MAI) akan memulakan program latihan dalam industri pembinaan dan automotif. Program Meister Malaysia (MMP) yang diadaptasi daripada program German-Meister, akan diperkenalkan bagi menyediakan peningkatan kemahiran kepada pekerja yang berpengalaman.

### Membangunkan usahawan untuk sektor ekonomi berpendapatan tinggi

Agensi seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MaGIC) akan mengukuhkan program latihan berkaitan keusahawanan untuk sektor ekonomi berpendapatan tinggi serta mewujudkan jalinan dengan industri. MaGIC melalui program Go2Market dengan kerjasama Stanford Graduate School of Business akan membantu pencetus inovasi kepada perniagaan yang berjaya. Sebagai tambahan, Kerajaan akan memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan belia sejak remaja, melalui penerapan dalam kurikulum pendidikan formal pada peringkat sekolah dan IPT (termasuk institusi TVET) serta melalui aktiviti kokurikulum.

### Memperkasa komuniti melalui PSH

Sebuah pasukan petugas yang diterajui oleh Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti akan dibentuk bagi memperkukuh kurikulum PSH, mengurangkan pertindihan dan mengoptimalkan penggunaan sumber pada peringkat komuniti. Kurikulum baharu akan memberikan penekanan kepada kemahiran yang relevan dengan keperluan industri dan menanam nilai positif. Portfolio program yang ditawarkan oleh agensi berkaitan akan dinilai semula bagi memastikannya relevan dengan keperluan khusus komuniti. Program latihan akan dijalankan menggunakan kemudahan latihan sedia ada.

## Strategi C2

Menambah baik peraturan dan bantuan pembiayaan untuk meluaskan akses

### Memperluas liputan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

Liputan Akta PSMB, 2001 akan diperluas untuk merangkumi lebih banyak subsektor ekonomi antaranya sektor perkhidmatan dan sektor pertanian. Peluasan ini akan meningkatkan peratusan pekerja sektor swasta yang layak untuk mengikuti latihan di bawah dana PSMB daripada 1.77 juta pada tahun 2014 kepada 2.8 juta pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 58%. PSMB akan bekerjasama dengan SME Corp untuk menyediakan latihan kepada PKS yang tidak diliputi di bawah Akta PSMB. Seramai 50,000 pekerja PKS dijangka mendapat manfaat daripada program latihan ini.

### Mengiktiraf pengalaman / pembelajaran terdahulu

Program Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu (RPL) di bawah JPK dan Akreditasi Pembelajaran berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) di bawah MQA akan diperluas untuk menyediakan kemudahan kepada pekerja bagi menyambung pengajian. RPL adalah program yang dirangka untuk mengiktiraf pengalaman dan kepakaran pekerja bersandarkan piawai standard untuk persijilan. Manakala, APEL membolehkan penilaian ke atas pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui pendidikan formal serta pengalaman bekerja untuk diambil kira ke arah melengkapkan pengajian di IPT. Di samping itu, Kerajaan akan menggalakkan peningkatan enrolmen program MyPhD-Industri.

### Menyokong latihan prapekerjaan melalui Skim Latihan Pekerja Masa Hadapan (FWT)

Skim Latihan Pekerja Masa Hadapan (FWT) akan diperkenalkan di bawah PSMB untuk menggalakkan latihan prapekerjaan dengan tumpuan dalam bidang teknologi baharu. Program latihan prapekerjaan sedia ada seperti Program Peningkatan Kemahiran Industri (INSEP) dan Workers Technical Transformation Programme (WTTP) akan digabungkan menjadi sebahagian daripada skim FWT.





## Bidang fokus D

# Menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi

Sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam membekalkan Malaysia dengan bakat bertaraf dunia yang merupakan penggerak utama dalam pembangunan pengetahuan, kemahiran dan sikap semasa muda. Kerajaan berhasrat melahirkan bakal pemimpin berpengetahuan, berkemahiran, beretika dan bermoral yang akan melonjakkan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi. Hasrat ini akan dicapai melalui pendekatan bersepadu termasuk mempertingkatkan kualiti guru dan kakitangan akademik, memberikan autonomi kepada IPT dan sekolah serta penggunaan sumber awam yang lebih cekap. Empat strategi yang dikenal pasti ialah:

### Prasekolah sehingga lepasan menengah

- **Strategi D1: Menambah baik pencapaian murid melalui peningkatan akses dan kualiti** menerusi pelbagai langkah seperti peningkatan kualiti pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) dan pembangunan profesional guru dan pemimpin sekolah, dan penyediaan model persekolahan yang berbeza bagi kumpulan pelajar berkeperluan khusus; dan
- **Strategi D2: Mempertingkatkan tadbir urus dan kerjasama pihak berkepentingan untuk sokongan sekolah yang lebih baik** dengan memberi kuasa kepada JPN dan PPD untuk menyediakan lebih banyak sokongan pengajaran di sekolah dan melibatkan komuniti dan sektor swasta sebagai rakan kongsi dalam transformasi pendidikan.

### Pendidikan tinggi

- **Strategi D3: Mempertingkatkan kualiti graduan dan program dan memperkukuh penyelidikan untuk inovasi** melalui usaha seperti penyerapan kemahiran insaniah dan keusahawanan dalam kurikulum; kolaborasi dengan industri dalam membentuk dan menyampaikan program; mempertingkatkan kualiti penyelidikan, memperkukuh peranan IPT sebagai wadah inovasi dan penyelesaian masalah dalam industri dan komuniti; dan memperkenalkan massive open online courses (MOOCs) dalam bidang kepakaran.
- **Strategi D4: Mencapai tadbir urus IPT yang cemerlang dan kemampanan kewangan.** Usaha termasuk pemberian autonomi tertakluk kepada kerangka perundangan, mengaitkan pembiayaan Kerajaan dengan prestasi dan menggalakkan universiti awam untuk mempelbagai sumber pendapatan.

Kotak 5-4

### Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)

Pada tahun 2015, Kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT), menggalurkan satu program transformasi menyeluruh bagi sistem pendidikan tinggi. Seperti juga PPPM, Kerajaan berhasrat untuk mempertingkatkan keberhasilan sistem dari segi dimensi akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Daripada perspektif keberhasilan bagi pelajar, visi negara adalah untuk melahirkan graduan menyeluruh, berciri keusahawanan dan seimbang dan mempunyai pengetahuan dan kemahiran (ilmu), etika dan kesusilaan (akhlak) yang akan menepati keperluan ekonomi Malaysia yang berkembang dan berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

Bagi mencapai aspirasi sistem dan pelajar, PPPM (PT) menggalurkan 10 lonjakan yang akan memupuk kecemerlangan berterusan. Empat lonjakan yang pertama memberikan fokus kepada keberhasilan bakat untuk pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan tinggi. Enam lonjakan lagi menumpukan kepada pengupayaan yang merangkumi komponen kritikal pendidikan tinggi seperti pembiayaan, inovasi, tadbir urus, pembelajaran dalam talian, keunggulan global dan penyampaian.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Paparan 5-16

### 10 Lonjakan PPPM (PT)



Pelan Pembangunan pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) akan menjana lonjakan besar dalam pengoperasian sistem pendidikan tinggi, seperti ditunjukkan dalam paparan di bawah:

<b>Daripada</b>	Pencari pekerjaan	Tumpuan kepada pendidikan laluan akademik universiti	Tumpuan kepada input	Sangat berpusat	Pergantungan kepada sumber kerajaan	Model penyampaian pengeluaran besar-besaran	Pengasingan institusi swasta dan awam
<b>Kepada</b>	Penjana pekerjaan dan warga seimbang dengan minda keusahawanan	Laluan akademik dan TVET dinilai sama rata dan dipupuk	Tumpuan kepada keberhasilan	Model autonomi bagi institusi	Pemegang taruh mempunyai tanggungjawab bersama terhadap sumber pendidikan tinggi	Teknologi membolehkan inovasi untuk menyampai dan menyesuaikan pendidikan kepada semua pelajar	IPT yang diharmonikan

## Strategi D1

### Menambah baik pencapaian murid melalui peningkatan akses dan kualiti

#### Mempertingkatkan kualiti pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE)

Kerajaan akan menambah baik kualiti guru dan pengasuh melalui program latihan khusus, di samping menetapkan agar semua guru prasekolah awam memiliki sekurang-kurangnya kelayakan tahap diploma. Langkah untuk memastikan kemampuan bayar serta akses kepada pusat penjagaan kanak-kanak akan diteroka, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai agensi peneraju bagi ECCE akan berkolaborasi dengan institusi swasta dan organisasi awam lain bagi menggalakkan penubuhan lebih banyak pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Kerajaan akan memperluas mekanisme pemantauan prestasi ke semua prasekolah dan mengenal pasti kanak-kanak pintar cerdas serta berbakat melalui program PERMATA bagi memupuk potensi mereka seawal yang mungkin.

#### Menambah baik kurikulum untuk membangunkan kemahiran abad ke-21

Kurikulum sekolah akan menerapkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan abad ke-21. Murid akan berkemahiran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta digalakkan mempelajari bahasa ketiga. Guru akan menerapkan KBAT dalam pengajaran untuk membangunkan pemikir yang kritis, kreatif dan inovatif. Pendidikan STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) akan terus diberikan penekanan melalui peluang pembelajaran berasaskan penerokaan dan amali. Penyertaan dalam pentaksiran TIMSS akan diperluas untuk murid sekolah rendah sebagai asas untuk melaksanakan intervensi awal.

#### Menggunakan pembelajaran dalam talian bagi memperluas akses dan menambah baik pengajaran dan pembelajaran

KPM akan mengukuhkan penggunaan 1BestariNet Virtual Learning Environment di sekolah. Pelan pembangunan kandungan digital akan dihasilkan, bagi memastikan lebih banyak sumber dibangunkan

daripada buku teks digital kepada program pembelajaran adaptif, bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan tambahan kepada 24,000 sumber sedia ada. KPM akan mengguna pakai semua sumber ini bagi penyampaian pengajaran dan pembelajaran secara maya dan menawarkan pembelajaran khusus kepada murid. Sumber pembelajaran ini berfaedah terutama bagi murid luar bandar dan murid pintar cerdas. KPM akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi mencapai matlamat ini.

#### Menambah baik program pembangunan profesionalisme bagi guru dan pemimpin sekolah

Pembangunan profesionalisme yang komprehensif mengikut kompetensi akan dilaksanakan untuk guru dalam perkhidmatan dan pemimpin sekolah. Program ini akan dijalankan oleh sekumpulan jurulatih pakar dan dikendalikan di Institut Pendidikan Guru (IPG) terpilih dan Pusat Latihan Guru Dalam Perkhidmatan (PLGDP) berdasarkan kepada keperluan guru dan sekolah. Selain itu, setiap PLGDP akan mengkhusus dalam bidang yang spesifik iaitu, STEM bagi PLGDP Zon Utara, Teknologi Pendidikan bagi PLGDP Zon Tengah, Bahasa dan Pembelajaran Sepanjang Hayat bagi PLGDP Zon Timur dan Kemanusiaan dan Sains Sosial bagi PLGDP Zon Selatan. Ini bermakna, setiap IPG yang terpilih dan PLGDP akan memberikan fokus terhadap latihan, penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam bidang khusus masing-masing. Kualiti pensyarah dan kurikulum latihan guru praperkhidmatan juga akan dipertingkatkan secara berterusan.

#### Menyediakan pilihan pendidikan untuk kumpulan murid yang berbeza

Kerajaan komited untuk menyediakan pelbagai pilihan pendidikan kebangsaan yang dapat memenuhi keperluan kumpulan murid yang berbeza. Konsep sekolah K9 yang menggabungkan pendidikan rendah dengan tiga tahun pertama pendidikan menengah di bawah satu bumbung akan diperluas untuk membantu meningkatkan enrolmen, terutama dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli. Kurikulum sekolah K9 akan memberikan penekanan terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu serta Pendidikan Asas Vokasional. Lebih banyak sekolah akan dilengkapi dengan kemudahan bagi murid berkeperluan khas. Kelas Aliran Agama (KAA) akan diperluas di sekolah rendah dan menengah bagi memenuhi

keperluan yang semakin meningkat bagi pendidikan agama. Bilangan sekolah yang berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) juga akan ditingkatkan dengan sasaran sekurang-kurangnya 10 buah sekolah agama swasta dan negeri setiap tahun dalam tempoh RMKe-11.

## Strategi D2

### Mempertingkatkan tadbir urus dan kerjasama pihak berkepentingan untuk sokongan sekolah yang lebih baik

#### Memperkasa JPN dan PPD bagi mengurangkan pentadbiran sekolah secara berpusat

Kerajaan akan mengupaya Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dengan memperuntukkan lebih kuasa kepada mereka untuk membuat keputusan. JPN akan memberikan fokus kepada perancangan dan menyelaras pelaksanaan kurikulum, serta menyediakan pusat perkhidmatan setempat yang memberikan tumpuan kepada operasi pentadbiran bagi PPD. PPD akan membimbing, menjadi mentor dan mengawasi prestasi secara tekal bagi memastikan semua sekolah mencapai tahap band yang lebih baik dan tiada sekolah dikategorikan dalam Band 6 atau 7.

#### Memperkuh sokongan komuniti untuk pendidikan

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) akan memacu penglibatan sekolah dengan komuniti, sektor swasta, pertubuhan bukan Kerajaan dan penyedia latihan pendidikan terutama bagi mendapatkan kepakaran dan dana. Kolaborasi antara sektor awam dengan swasta akan mewujudkan satu ekosistem yang menyeluruh yang akan menyokong pembelajaran murid. Konsep Sekolah Amanah yang melibatkan kolaborasi antara sektor awam dan swasta akan diperluas kepada 90 buah sekolah menjelang tahun 2020. Berlandaskan kepada kejayaan Sekolah Amanah, KPM akan turut mengenal pasti amalan terbaik yang boleh diguna pakai bagi menambah baik pengajaran dan pembelajaran di sekolah lain.

Di samping itu, KPM akan berkolaborasi dengan agensi lain yang berkaitan dan dengan komuniti untuk melaksanakan pendekatan bersepadu bagi mengurangkan kadar keciciran daripada prasekolah sehingga menengah atas untuk memastikan 100% enrolmen menjelang tahun 2020. Usaha kolaboratif akan dibentuk dengan pihak penguasa tempatan dan pemimpin komuniti untuk mengesan kanak-kanak yang tidak pernah bersekolah atau yang telah tercicir. Murid yang berisiko tercicir akan dikenal pasti dan program intervensi akan dilaksanakan untuk membawa mereka kembali dan mengekalkan mereka di sekolah.

## Strategi D3

### Mempertingkatkan kualiti graduan dan program dan memperkuh penyelidikan untuk inovasi

#### Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang

Kemahiran keusahawanan akan diterapkan dalam kurikulum untuk melahirkan minda “pencipta kerja” dalam kalangan graduan. IPT digalakkan untuk meningkatkan komponen amali dalam kursus keusahawanan, memperkenalkan keusahawanan sebagai subjek minor dalam program akademik dan menekankan pendidikan usahawan bagi pelajar yang mengikuti kursus profesional seperti kejuruteraan, farmasi dan perubatan. Atribut lain yang penting bagi pelajar seperti kecekapan bahasa, kemahiran kepimpinan, etika dan kerohanian akan diterapkan dalam kesemua kurikulum dan dinilai melalui purata gred bersepadu kumulatif. Bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan mahasiswa di universiti awam, pelajar dikehendaki untuk mencapai sekurang-kurangnya satu tahap yang lebih tinggi dalam ujian Malaysian University English Test (MUET) sebelum menamatkan pengajian berbanding dengan tahap sewaktu kemasukan ke universiti.

#### Menyesuaikan kurikulum mengikut keperluan industri bagi mengelakkan ketidakpadanan kemahiran

IPT akan mengkaji semula kurikulum secara sistematik dan berkala supaya seiring dengan keperluan industri. Kajian semula dan pembangunan sebarang program baharu akan dilaksanakan dengan

kerjasama erat industri. Program yang tidak relevan dengan keperluan industri akan dimansuhkan. Latihan industri atau amali dengan tempoh yang lebih panjang akan diwajibkan bagi menyediakan pelajar untuk memasuki pasaran buruh. Ahli akademik juga akan berpeluang meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui program sangkutan di industri. IPT juga akan merekrut pengamal industri sebagai ahli fakulti.

### **Mencipta massive online open courses (MOOCs) bagi meluaskan akses dan keterlihatan pada peringkat global**

Massive online open courses (MOOCs) ialah kaedah baharu pembelajaran secara maya. MOOCs akan meningkatkan akses, mengurangkan kos penyampaian, membawa kepakaran Malaysia ke peringkat dunia serta mengukuhkan penjenamaan dan keterlihatan IPT Malaysia. Kerajaan akan menawarkan MOOCs dalam bidang pengkhususan yang unik sesuai dengan Malaysia, menjadikan pembelajaran dalam talian sebagai komponen yang penting dalam pembelajaran dan pengajaran dan menyokong IPT dari segi infrastruktur siber.

### **Mempertingkatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan bagi memesatkan inovasi**

Kerajaan akan memudah cara pembangunan ekosistem inovasi dalam bidang strategik yang kritikal kepada pembangunan ekonomi negara. IPT digalakkan untuk bekerjasama dengan pihak industri, Kerajaan dan komuniti setempat untuk inkubasi, pembangunan dan pengkomersialan idea serta mewujudkan sistem sokongan seperti pejabat pemindahan teknologi serta mekanisme perkongsian kemudahan fasiliti. IPT juga akan digalakkan untuk memperkasa peranan mereka sebagai wadah inovasi dan penyelesaian masalah untuk pihak berkepentingan yang lain. Kerajaan akan berperanan sebagai pemangkin untuk menarik pelaburan sektor swasta menerusi rangkaian penyelidikan awam-swasta.

### **Mempertingkatkan keunggulan global Malaysia sebagai hub pendidikan**

Penjenamaan IPT Malaysia di luar negara akan diperkukuh di kawasan strategik seperti Asia Tenggara, Timur Tengah dan Asia Tengah. Usaha ini akan dilaksanakan melalui pemesatan promosi dan

pemasaran serta pendidikan tinggi dipacu nilai, peningkatan bilangan pelajar antarabangsa berkualiti, pengukuhan kerjasama global dan pemerolehan pengiktirafan antarabangsa untuk bidang kepakaran khusus.

## **Strategi D4**

### **Mencapai kecemerlangan dalam tadbir urus IPT dan kemampuan kewangan**

#### **Memperkasa universiti awam melalui autonomi tertakluk kepada kerangka perundangan**

Peranan KPM akan ditransformasikan daripada pengawal mutlak kepada penggubal dasar dan pengawal selia dengan memberikan universiti awam lebih banyak kuasa dalam membuat keputusan. Universiti awam diberikan kebebasan beroperasi dalam ruang lingkup kerangka perundangan yang diwujudkan oleh Kerajaan dengan struktur tadbir urus yang kukuh, hak membuat keputusan yang jelas dan pengurusan pihak berkepentingan yang efektif. Pemeraksanaan ini akan diseimbangkan dengan akauntabiliti dan keupayaan dalaman yang sewajarnya. Sebagai contoh, universiti awam diberikan kebebasan mewujudkan kepelbagaian laluan kerjaya kepada pensyarah, penyelidik, pengamal industri dan pemimpin institusi.

#### **Mengurangkan kebergantungan pembiayaan Kerajaan dengan mempelbagaikan sumber pendapatan**

Kerajaan akan mengkaji semula formula pemberian peruntukan kepada universiti awam dengan menggantikan geran secara blok dengan pembiayaan berdasarkan prestasi dan mengikut bilangan pelajar serta pelaksanaan kontrak prestasi. IPT digalakkan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dan melaksanakan langkah mengoptimumkan kos. Usaha pembaharuan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan terus dipergiat bagi menangani isu kemampuan kewangan, pengagihan saksama dan kecekapan operasi. Semua permohonan dan kelulusan adalah berdasarkan kepada pendapatan isi rumah, pangkalan data e-kasih dan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). PTPTN akan menguruskan perkhidmatan pembiayaan pendidikan bagi agensi lain untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kos operasi.

# Kesimpulan

Pembangunan modal insan berkemahiran tinggi adalah perlu bagi membantu Malaysia beranjak ke arah aktiviti bernilai tinggi dan berintensifkan pengetahuan yang merupakan tonggak kepada negara maju. Pelaburan dalam modal insan juga penting bagi meningkatkan kemajuan diri memandangkan banyak faedah yang boleh memperbaiki status sosioekonomi dan kesejahteraan diri. Bagi mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan akan menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, memastikan TVET yang diterajui industri memenuhi permintaan pasaran, meluaskan pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran berterusan dan meningkatkan kualiti sistem pendidikan untuk mencapai outcome pelajar yang lebih baik. Malaysia menyasarkan satu sistem yang membolehkan setiap rakyat mendapat akses pendidikan berkualiti sama ada menerusi laluan TVET atau akademik yang akan mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran, etika dan akhlak yang diperlukan bagi mengharungi cabaran dan merebut peluang dalam ekonomi global. Pewujudan pasaran buruh yang lebih cekap akan menyumbang kepada pepadanan permintaan dengan penawaran yang lebih baik dan membolehkan setiap rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara. Peluang yang berterusan bagi peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan membolehkan rakyat Malaysia kekal relevan dalam bidang yang dipilih atau menempa laluan kerjaya baharu. Rakyat Malaysia akan bersama-sama membentuk asas kepada modal insan yang berupaya membantu Malaysia menjadi sebuah negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020.



# Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan



## **Gambaran keseluruhan**

### **Sorotan**

**Rancangan Malaysia  
Kesepuluh, 2011-2015:  
Pencapaian**

**Mengimbas pencapaian  
Rancangan Malaysia  
Kesepuluh, 2011-2015:  
Kemajuan**

Mitigasi perubahan iklim:  
pengurangan jejak karbon  
Malaysia

Adaptasi perubahan iklim:  
melindungi negara daripada  
impak perubahan iklim

Mempertingkat  
pemuliharaan aset ekologi  
negara

**Ringkasan bidang fokus  
Rancangan Malaysia  
Kesebelas, 2016-2020**

**Hala tuju  
Rancangan Malaysia  
Kesebelas, 2016-2020**

Bidang fokus A:  
Memperkuh persekitaran  
yang menyokong  
pertumbuhan hijau

Bidang fokus B: Mengguna  
pakai konsep penggunaan  
dan pengeluaran mampan

Bidang fokus C: Memulihara  
sumber asli untuk generasi  
masa kini dan masa  
hadapan

Bidang fokus D:  
Memperkuh daya tahan  
terhadap perubahan iklim  
dan bencana alam

**Kesimpulan**



## Gambaran keseluruhan

Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 melalui pembangunan rendah karbon, berdaya tahan dan inklusif serta penggunaan sumber yang cekap. Pembangunan sosioekonomi akan beralih daripada trajektori pembangunan konvensional "*grow first, clean-up later*" yang berkos tinggi kepada trajektori Pertumbuhan Hijau yang akan memastikan pembangunan sosioekonomi dilaksanakan secara mampan bermula pada peringkat perancangan dan seterusnya pada peringkat pelaksanaan dan penilaian. Sumber asli yang terhad sekiranya tidak digunakan dengan cekap akan mendatangkan risiko kepada pembangunan sosioekonomi negara selain merosakkan alam sekitar. Pertumbuhan hijau adalah peneraju perubahan kerana ia bukan hanya merupakan teras strategik tersendiri tetapi ia adalah trajektori pembangunan yang merangkumi tiga tonggak pembangunan mampan - ekonomi, sosial dan alam sekitar, dan membolehkan negara menghadapi cabaran masa hadapan dengan lebih baik. Kejayaan pelaksanaan pertumbuhan hijau akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi, mengubah pemikiran dan tingkah laku masyarakat serta mempengaruhi penggubalan dasar Kerajaan, strategi pengeluaran dalam industri dan corak penggunaan individu. Ini akan memperbetulkan persepsi terhadap pertumbuhan hijau daripada yang meningkatkan kos kepada pelaburan jangka masa panjang.

**Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)**, telah mengiktiraf kepentingan kemampanan alam sekitar sebagai sebahagian daripada pelan pembangunan sosioekonomi yang komprehensif. Dalam hal ini, RMKe-10 telah memberikan tumpuan kepada langkah untuk menangani isu perubahan iklim, degradasi alam sekitar dan penggunaan mampan khazanah alam semula jadi. Pada tahun 2009, Malaysia secara sukarela telah menyasarkan pengurangan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHGs) daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sehingga 40% berbanding paras pada tahun 2005 menjelang tahun 2020. Pada penghujung tahun 2013, Malaysia telah mencapai 33% daripada sasaran tersebut. Sektor tenaga sebagai penyumbang utama GHGs negara telah mengambil langkah meningkatkan

penggunaan sumber tenaga yang bersih dan mesra alam. Akta Tenaga Boleh Baharu, 2011 telah memperuntukkan pelaksanaan mekanisme Tarif Galakan (FiT) untuk memacu pertumbuhan tenaga boleh baharu (TBB) di Malaysia. Sejak itu, kapasiti terpasang TBB telah meningkat daripada 53 megawatt (MW) pada tahun 2009 kepada 243 MW pada tahun 2014. Dalam mengadaptasi impak perubahan iklim, hampir satu juta penduduk telah dilindungi daripada kejadian banjir melalui pelaksanaan 194 projek tebatan banjir. Dalam tempoh RMKe-10, seluas 23,264 hektar kawasan hutan telah diisytiharkan sebagai Hutan Simpan Kekal di bawah inisiatif *Central Forest Spine* bagi mengekalkan khazanah alam semula jadi negara.

**Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020,** pertumbuhan hijau akan menjadi anjakan penting dalam mencorak pembangunan sosioekonomi negara serta melindungi hasil pembangunan dan biodiversiti. Dalam hal ini, perancangan strategi pembangunan sosioekonomi yang dapat meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam adalah kritikal. Persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau akan diperkukuh terutamanya dari segi rangka kerja dasar dan kawal selia, pembangunan modal insan, pelaburan teknologi hijau dan instrumen kewangan. Usaha ini akan menyokong anjakan ekonomi negara terutama oleh pihak swasta ke arah corak penggunaan dan pengeluaran mampan. Transformasi ini akan memastikan kemampanan sumber asli negara, mengurangkan pencemaran dan memperkukuh jaminan air, makanan dan tenaga. Melalui pemuliharaan biodiversiti, peranannya sebagai penampan semula jadi terhadap impak perubahan iklim dan bencana alam akan terus ditingkatkan. Langkah ini akan diperkukuh lagi dengan pendekatan berstruktur seperti tebatan banjir pelbagai fungsi dan infrastruktur hijau serta pendekatan tidak berstruktur seperti pemetaan kawasan berbahaya dan sistem amaran awal. Usaha ini akan meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

# Sorotan

## Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian

33%

Pengurangan intensiti pelepasan gas rumah kaca daripada KDNK berbanding paras tahun 2005, sehingga tahun 2013

15%

Kadar kitar semula daripada isi rumah dicapai pada tahun 2015, berbanding dengan 5% pada tahun 2010



Standard bahan api EURO 4M diwartakan pada tahun 2013



Akta Tenaga Boleh Baharu, 2011 dikuatkuasa dan mekanisme Tarif Galakan dilaksanakan

1 juta

Rakyat dilindungi daripada banjir melalui pelaksanaan 194 projek tebatan banjir

**Mitigasi perubahan iklim:  
pengurangan jejak karbon Malaysia**

34

Peta kawasan  
berbahaya  
banjir  
dibangunkan



Varieti padi  
aerob MR1A1  
dilancarkan  
pada tahun  
2013

61%

Litupan hutan  
pada tahun  
2014, meningkat  
daripada 56.4%  
pada tahun 2010

23,264

Hektar hutan  
diwartakan  
sebagai Hutan  
Simpan Kekal  
di bawah  
inisiatif *Central  
Forest Spine*



Taman Banjaran  
Crocker di Sabah  
disenaraikan  
sebagai *Man  
and Biosphere  
Reserves* oleh  
UNESCO

**Adaptasi perubahan iklim:  
melindungi negara daripada  
impak perubahan iklim**

**Mempertingkatkan pemuliharaan  
aset ekologi negara**

# Mengimbias pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan

Usaha pemuliharaan khazanah semula jadi negara untuk memulihkan semula aset semula jadi adalah kritikal kerana aset semula jadi ini terutama hutan adalah penting bagi memastikan kemampanan pertumbuhan negara dan sebagai pertahanan terhadap bencana alam.

RMKe-10 memberikan tumpuan kepada penambahbaikan kualiti alam sekitar melalui pelaksanaan usaha mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim serta meningkatkan pemuliharaan aset ekologi.


## Mitigasi perubahan iklim: Pengurangan jejak karbon Malaysia

Pelbagai langkah mitigasi telah dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10 bagi mencapai sasaran sukarela pengurangan intensiti pelepasan GHGs sehingga 40% daripada KDNK pada tahun 2020 berbanding dengan paras pada tahun 2005. Perbandingan intensiti pelepasan GHGs berbanding KDNK dan per kapita pada tahun 2011 seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 6-1.

Akta Tenaga Boleh Baharu telah dikuatkuasakan pada tahun 2011 untuk memacu sumbangan tenaga hijau seperti solar fotovoltaik (PV), biojisim, biogas dan hidro mini dalam campuran penjanaan elektrik di Malaysia. Pelaksanaan FiT melalui Akta ini telah meningkatkan kapasiti terpasang TBB sebanyak lima kali kepada 243 MW dalam tempoh 2009 sehingga 2014. Sehingga tahun 2013, inisiatif ini telah mengurangkan pelepasan GHGs sebanyak 432,000 tan karbon dioksida setara (tCO<sub>2</sub>eq). Pada masa yang sama, pengurusan permintaan tenaga melalui Standard Prestasi Tenaga Minimum (MEPS) untuk peralatan domestik telah diwartakan pada tahun 2013. Pelaksanaan program *Sustainability Achieved via Energy Efficiency* (SAVE) dalam tempoh 2011-2013 telah mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 306.9 gigawatt jam (GWh) seperti yang

Paparan 6-1

### Perbandingan intensiti pelepasan berdasarkan KDNK dan per kapita 2011



<sup>1</sup> Tidak termasuk perubahan guna tanah dan perhutanan

Sumber: World Resources Institute – Climate Analysis Indicator Tools (WRI CAIT), World Bank

ditunjukkan dalam Paparan 6-2. Jumlah tenaga yang dikurangkan berjaya mengelakkan pelepasan GHGs sebanyak 208,705 tCO<sub>2</sub>eq. Aktiviti retrofit empat bangunan sedia ada Kerajaan telah mengurangkan penggunaan elektrik antara 4% hingga 19% bersamaan penjimatan antara RM7,000 hingga RM130,000 sebulan.

Dalam sektor pengangkutan, inisiatif telah diambil untuk mengawal pelepasan asap daripada kenderaan bermotor, serta meningkatkan penggunaan kenderaan cekap tenaga dan biobahan api. Kerajaan telah mewartakan standard bahan api EURO 4M pada tahun 2013 dan menguatkuasakan penggunaannya dalam RON97 pada tahun 2015. Sebanyak 35 depoh berserta kemudahan pengadunan telah dibina dalam negara bagi menyokong pelaksanaan program B5 biodiesel (campuran 5% biodiesel dalam bahan api automotif). Pelaksanaan program B5 telah mengurangkan pelepasan GHGs sebanyak 1.4 juta tCO<sub>2</sub>eq pada tahun 2013. Pada akhir tahun 2014, Malaysia juga telah memperkenalkan program B7 biodiesel (campuran 7% biodiesel) di seluruh negara.

Inisiatif berkaitan pengurusan sisa juga telah membantu mengelakkan dan mengurangkan pelepasan GHGs. Sehingga tahun 2013, penukaran tandan kosong kelapa sawit kepada tenaga telah berjaya mengelakkan pelepasan GHGs sebanyak 33.1 juta tCO<sub>2</sub>eq manakala aktiviti kitar semula kertas telah mengurangkan pelepasan GHGs sebanyak empat juta tCO<sub>2</sub>eq. Dalam tempoh RMKe-10, Program *Reuse, Reduce and Recycle* (3R) telah dipergiat dan kadar kitar semula daripada isi rumah telah meningkat daripada 5% pada tahun 2010 kepada 10.5% pada tahun 2012. Bagi menyokong inisiatif *waste-to-wealth*, Strategi Biojisim Kebangsaan 2020 telah dilancarkan pada tahun 2013 bertujuan membangunkan industri baharu menggunakan sisa biojisim pertanian bagi penghasilan produk bernilai tinggi, termasuk untuk dieksport. Sebagai contoh, penggunaan pelet biojisim kelapa sawit bagi penjanaan elektrik dan kegunaan lain seperti papan gentian berketumpatan sederhana.

Pewartaan kawasan Hutan Simpan Kekal di negeri Pahang, Perak dan Selangor telah berjaya mengelakkan pelepasan GHGs sebanyak

### Paparan 6-2

#### Penjimatan tenaga daripada program SAVE, 2011 - 2013

##### Program Sustainability Achieved via Energy Efficiency (SAVE)

Program SAVE adalah satu inisiatif yang diterajui oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dari tahun 2011-2013

Diperkenalkan oleh Kerajaan dengan kerjasama syarikat utiliti dan pengeluar produk

Rebat ditawarkan kepada pelanggan yang layak untuk

- Pembelian peralatan dengan penarafan lima bintang, RM200 untuk peti sejuk dan RM100 untuk pendingin hawa
- Penggantian alat penyejuk lama (>10 tahun) kepada alat penyejuk cekap tenaga, RM200 bagi setiap RT<sup>1</sup>

Menggalakkan tambahan produk baharu yang cekap tenaga – 27 jenama pendingin hawa dan peti sejuk yang baharu



Peti sejuk



Pendingin hawa




Alat penyejuk

##### Program SAVE

Unit dijual, '000

Penjimatan Tenaga, GWh



Jumlah Penjimatan Tenaga

306.9 GWh

<sup>1</sup> Refrigeration Tonnes

Sumber: Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

11.8 juta tCO<sub>2</sub>eq. Pelaksanaan projek di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) telah mengurangkan pelepasan GHGs kepada hampir 93,000 tCO<sub>2</sub>eq. Dalam memenuhi komitmen Protokol Montreal, Malaysia telah mencapai sasaran pra-2010 yang ditetapkan untuk bahan yang mengurangkan lapisan ozon dan berada pada landasan untuk mematuhi peruntukan Protokol pasca-2010 pada akhir tahun 2015 dengan menghentikan penggunaan bahan yang mengandungi hidroklorofluorokarbon (HCFC) secara berperingkat.

Bagi menyokong pembangunan produk hijau tempatan, 73 lesen ekolabel telah diberikan kepada syarikat yang menghasilkan produk sedemikian termasuk peralatan elektrik, produk pembersihan untuk isi rumah dan penjagaan diri serta produk yang digunakan dalam industri pembinaan dan keluli. Program *MyCarbon Reporting* yang dilancarkan pada bulan Disember 2013 bertujuan menggalakkan dan memudahkan syarikat swasta mengukur dan melaporkan pelepasan GHGs serta mengenal pasti tindakan untuk mengurangkannya. Sehingga bulan Januari 2015, 26 syarikat telah menawarkan diri untuk menyertai program ini.

## Adaptasi perubahan iklim: Melindungi negara daripada impak perubahan iklim

Dalam mengadaptasi impak perubahan iklim, sumber air dan sektor pertanian telah menjadi fokus utama. Hampir satu juta penduduk telah dilindungi daripada kejadian banjir melalui pelaksanaan 194 projek tebatan banjir. Di samping itu, 34 peta kawasan berbahaya telah dibangunkan bagi membantu perancangan pembangunan di kawasan berisiko tinggi dan pencegahan bencana. Usaha pencegahan hakisan pantai telah dilaksanakan untuk melindungi dan memulihkan kawasan pantai daripada terus terhakis. Dalam hal ini, sepanjang 24.4 kilometer kawasan pesisir pantai di Johor, Kelantan, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu telah dipulihkan. Dasar Sumber Air Negara telah dilancarkan pada tahun 2012 untuk menyediakan hala tuju dan strategi dalam pengurusan sumber air termasuk meningkatkan tadbir urus dalam memastikan jaminan dan kemampuan sumber air.

Selain daripada membina daya tahan negara terhadap banjir atau

### Paparan 6-3

#### Kualiti air marin estuari terpilih di Malaysia

Unit = Indeks<sup>1</sup> kualiti air marin

	2011, indeks	2013, indeks	Perubahan, %
Kuala Batang Rejang, Sarawak	70.8	86.8	15.9
Kuala Kedah, Kedah	65.4	84.2	18.8
Kuala Sungai Lukut, N. Sembilan	67.9	66.8	-1.2
Kuala Sungai Segget, Johor	67.5	61.5	-6.0
Kuala Sungai Setiu, Terengganu	49.8	61.1	11.3
Muara Sungai Inanam, Sabah	58.8	59.2	0.4
Kuala Sungai Kelantan, Kelantan	45.1	53.9	8.8
Kuala Sungai Langat (Jugra), Selangor	53.0	53.6	0.6
Kuala Sungai Gula, Perak	22.9	50.9	28.0
Kuala Sungai Juru, Pulau Pinang	49.6	49.7	0.1
Kuala Sungai Perlis, Perlis	54.7	48.8	-5.9
Kuala Sungai Kesang, Melaka	67.1	45.3	-21.8

Jaminan bekalan tenaga adalah amat penting memandangkan tenaga merupakan pemacu utama pertumbuhan negara. Tenaga bukan sahaja mempengaruhi kualiti hidup rakyat Malaysia, malah memastikan kelangsungan pertumbuhan ekonomi. Malaysia komited untuk memastikan jaminan bekalan tenaga negara di samping menambah baik infrastruktur dan penyampaian perkhidmatan bagi subsektor minyak dan gas serta subsektor elektrik. Bagi menyokong usaha ini, dasar untuk merasionalisasikan subsidi tenaga dan langkah ke arah penetapan harga tenaga berasaskan pasaran akan diteruskan bagi memastikan sumber tenaga digunakan secara optimum. Matlamat ini akan dicapai melalui lima strategi berikut:

- **Strategi E1: Memperkukuh penyelarasan dan kerjasama pihak berkepentingan dalam sektor tenaga** melalui kerjasama institusi yang lebih kukuh dalam perancangan tenaga dan libat urus pengguna akhir dalam penggunaan tenaga yang efisien;
- **Strategi E2: Memastikan jaminan dan keandalan bekalan subsektor minyak dan gas melalui pendekatan berasaskan pasaran** dan mengurangkan herotan pasaran;
- **Strategi E3: Menggalakkan pertumbuhan subsektor minyak dan gas** dalam aktiviti penapisan minyak dan gas hiliran, memperkenalkan peraturan kawal selia akses pihak ketiga bagi membenarkan penyertaan pemain industri baharu dalam perniagaan gas serta melaksanakan penggunaan bahan api bersih dalam sektor pengangkutan;
- **Strategi E4: Menguruskan kepelbagaian sumber bekalan bagi jaminan subsektor elektrik** melalui pengurusan sumber yang lebih baik, menggalakkan sumber tenaga alternatif dan meningkatkan bekalan elektrik luar bandar; dan

- **Strategi E5: Menambah baik kemampanan, kecekapan dan keandalan subsektor elektrik** melalui rangka kerja tarif yang mampan serta inisiatif untuk meningkatkan kecekapan dan keandalan bekalan elektrik.

### Strategi E1

## Memperkukuh penyelarasan dan kerjasama pihak berkepentingan dalam sektor tenaga

### Memupuk kerjasama institusi yang lebih kukuh dalam perancangan tenaga

Tadbir urus yang komprehensif akan diinstitusikan bagi membolehkan kerjasama yang lebih berstruktur antara agensi dari segi perancangan dan pengurusan sektor tenaga. Sebuah jawatankuasa peringkat tertinggi Kerajaan akan diwujudkan untuk memantau dan menyelaraskan semua keputusan dan pelaksanaan dasar berkaitan tenaga. Dalam hal ini, Majlis Penasihat Petroleum Negara akan memantau perancangan dan pengurusan sektor tenaga secara komprehensif serta menyelaraskan kepentingan semua pihak.

### Melibat urus pengguna akhir dalam penggunaan tenaga yang efisien

Pelan komunikasi yang komprehensif dan berkesan berkaitan penggunaan sumber tenaga yang mampan diperlukan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman awam serta mengurus persepsi mereka terhadap program rasionalisasi subsidi. Pelan ini termasuk program komunikasi dan kesedaran awam untuk meyakinkan penerimaan masyarakat terhadap pembinaan loji janakuasa arang batu dan nuklear untuk jaminan bekalan tenaga. Pelan ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna untuk menggunakan tenaga secara cekap di rumah, sekolah dan tempat kerja. Satu

pasukan petugas yang terdiri daripada wakil Kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan ditubuhkan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan komunikasi tersebut.

## Strategi E2

### Memastikan jaminan dan keandalan bekalan subsektor minyak dan gas melalui pendekatan berasaskan pasaran

#### Memastikan jaminan bekalan gas

Jaminan bekalan gas akan dipastikan menerusi pembinaan saluran paip untuk membolehkan pembekalan gas secara terus dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand ke Kerteh, Terengganu, pembinaan RGT-2 di Pengerang, Johor dan pengoperasian dua buah unit LNG terapung di pesisir pantai Sabah dan Sarawak dengan jumlah kapasiti 2.7 mtpa. Selain itu, bagi memastikan bekalan gas asli tidak terganggu semasa kecemasan, satu *swing field* di pesisir pantai timur Semenanjung Malaysia akan menyediakan isipadu tambahan gas asli antara 100-200 mmscfd. Isipadu tambahan ini berserta isipadu penimbun sebanyak 15% daripada kapasiti penyimpanan RGT-1 di Sungai Udang, Melaka akan memenuhi permintaan gas di Semenanjung Malaysia.

Keandalan bekalan gas asli di Sabah akan dipertingkatkan dengan pembinaan saluran paip tambahan yang menghubungkan lapangan gas dari luar pesisir ke pusat tumpuan penggunaan gas di WP Labuan serta Kota Kinabalu dan Komanis di Sabah. Pelantar minyak akan dihubungkan dengan laluan saluran paip berganda sebagai opsi laluan alternatif untuk membekalkan gas asli kepada pengguna sekiranya terdapat pelantar yang berhenti beroperasi. Ketersambungan saluran paip untuk WP Labuan akan dipertingkatkan menerusi pembinaan sambungan saluran paip di antara *Sabah-Sarawak Gas Pipeline* dengan WP Labuan. Di samping itu, teknologi terkini akan diguna pakai di lapangan yang matang dan bersaiz kecil untuk memperoleh pulangan kewangan daripada gas yang terperangkap.

Pengedaran gas asli ke kawasan yang berselerak dan tidak ekonomik untuk dihubungkan dengan saluran paip di Semenanjung Malaysia

dan Sabah akan dilaksanakan melalui sistem *virtual pipeline*, iaitu pengedaran gas asli daripada tempat penerimaan dan pengedaran gas asli (pintu kota) kepada pengguna dengan menggunakan trak. Langkah ini akan mengurangkan kos pengeluaran bagi industri. Kajian mengenai kaedah alternatif pengagihan gas asli yang lebih selamat dan ekonomik juga akan dilaksanakan.

#### Mengurangkan herotan pasaran

Usaha berterusan untuk melaksanakan harga sumber tenaga berasaskan pasaran akan dijalankan untuk mengurangkan jumlah subsidi tenaga. Dalam tempoh RMKe-11, inisiatif untuk mengkaji semula struktur harga akan diteruskan untuk menyelaraskan harga gas berpaip semasa secara beransur-ansur ke arah harga pasaran. Di samping itu, Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) gas asli akan diperkenalkan untuk memastikan pengagihan dan penggunaan sumber yang cekap serta prestasi kewangan yang mampan. Harga petrol RON 95, RON 97 dan diesel akan terus dikawal selia menggunakan sistem apungan terurus bagi membanteras ketirisan. Harga gas asli termampat (CNG) juga akan dikaji bagi menghapuskan subsidi secara berperingkat dan menggalakkan penyediaan lebih banyak infrastruktur peruncitan CNG.

## Strategi E3

### Menggalakkan pertumbuhan subsektor minyak dan gas

#### Menyokong pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang

Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di PIPC merupakan pembangunan utama yang akan menambah kapasiti penapisan minyak sebanyak 300,000 tsh di Malaysia dalam tempoh RMKe-11. Kemudahan ini akan mampu menghasilkan minyak petrol dengan standard EURO 4M dan diesel dengan standard EURO 5, serta penambahan sebanyak 7.7 mtpa produk khusus pelbagai gred seperti getah sintetik dan polimer gred tinggi menjelang tahun 2020. Kompleks PIPC juga akan menempatkan sebuah loji *co-generation* berkapasiti sebanyak 1,220 MW. Daripada kapasiti tersebut, sebanyak 620 MW akan digunakan oleh RAPID dan lebih 600 MW akan disalurkan

kepada grid. Kerajaan akan menyediakan sokongan untuk membina infrastruktur penting seperti jalan raya, saliran dan kemudahan awam untuk pembangunan PIPC. Dalam tempoh RMKe-11, Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor akan menarik pelaburan lain untuk melengkapkan pelaburan sedia ada oleh DIALOG-Vopak dan PETRONAS.

### Memperkenalkan akses pihak ketiga bagi membenarkan pemain industri baharu dalam perniagaan gas

Pemain industri gas asli pihak ketiga akan memperoleh akses kepada infrastruktur pembekalan gas melalui penguatkuasaan pindaan Akta Bekalan Gas 1993 (Akta 501) pada tahun 2016. Ini akan mewujudkan peluang yang saksama kepada pemain industri baharu dalam pembekalan gas asli domestik dan menjadi pelengkap kepada pemain industri tunggal iaitu PETRONAS. Persaingan sihat akan digalakkan dan pasaran bekalan gas cergas akan diwujudkan. Selain itu,


kebergantungan industri tempatan terhadap subsidi harga gas akan dikurangkan secara berperingkat. Pertumbuhan industri gas pada masa hadapan dianggarkan bernilai RM2.86 bilion.

### Pelaksanaan penggunaan bahan api bersih di sektor pengangkutan

Dalam tempoh RMKe-11, penggunaan bahan api mesra alam petrol RON 95 yang mematuhi standard EURO 4M serta diesel dengan standard EURO 5 akan diperkenalkan selaras dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) (Pindaan) 2013. Di samping itu, program B7 sedia ada akan terus dipertingkatkan kepada program B15 (campuran 15% *methyl ester* berasaskan sawit dengan 85% diesel petroleum) dalam semua sektor menjelang tahun 2020. Program biodiesel ini yang dilaksanakan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan menawarkan sektor tenaga dengan sumber tenaga yang lebih mampan, boleh baharu dan mesra alam serta mengurangkan kebergantungan kepada minyak diesel yang diimport.

Paparan 7-16

### Campuran penjanaan elektrik di Malaysia



<sup>a</sup> anggaran  
 Sumber: Suruhanjaya Tenaga



## Strategi E4

# Menguruskan kepelbagaian sumber bekalan bagi jaminan subsektor elektrik

## Memastikan jaminan bekalan elektrik melalui pengurusan sumber yang cekap

Faktor ekonomi, sosial dan alam sekitar akan terus diambil kira dalam pembangunan subsektor elektrik dengan mengekalkan campuran bahan api penjana yang optimum. *Hirschmann Herfindahl-Index* atau HHI<sup>5</sup> digunakan sebagai indeks untuk mengukur kepelbagaian bahan api bagi memastikan pengurusan sumber yang cekap. Dalam tempoh RMKe-11, campuran bahan api yang optimum dan penerokaan bahan api alternatif akan diberikan keutamaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil bagi penjana elektrik. Jangkaan campuran penjana elektrik seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 7-16.

Kerajaan akan memastikan pembinaan loji janakuasa elektrik pada masa hadapan menggabungkan teknologi kawalan pelepasan yang lebih ketat bagi mengurangkan jejak karbon secara progresif dalam industri tenaga. Penggunaan sumber tenaga yang bersih dan hijau bagi penjana elektrik akan diberikan keutamaan dan dijangka meningkat dengan ketara dalam campuran penjana elektrik. Malaysia perlu mengimbangi dan mengambil kira semua aspek ekonomi, alam sekitar, penggunaan teknologi dan sosial sebelum menambah kapasiti baharu.

## Menggalakkan sumber tenaga alternatif

Kerajaan akan melaksanakan kajian mengenai potensi baharu sumber TBB ke arah meningkatkan campuran penjana elektrik. Dalam tempoh RMKe-11, biojisim dan biogas yang mempunyai potensi yang besar akan terus diteroka. Di samping itu, sumber TBB baharu seperti angin, geoterma dan tenaga lautan serta kemudahan TBB luar grid akan diterokai dan digalakkan. Bekalan elektrik luar grid menggunakan sumber TBB di kawasan yang berkaitan akan disediakan dengan cara yang berkesan kos seperti yang telah berjaya dilaksanakan di negara lain. Penjana elektrik melalui sumber TBB termasuk biojisim, biogas, solar PV dan hidro mini disasarkan untuk mencapai 2,080 MW<sup>6</sup> atau

7.8% daripada jumlah kapasiti terpasang di Semenanjung Malaysia dan Sabah menjelang tahun 2020.

Penggunaan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga alternatif akan terus diterokai. Dalam hal ini, sebuah suruhanjaya kawal selia tenaga atom yang bebas akan ditubuhkan berdasarkan undang-undang nuklear yang komprehensif bagi penjana elektrik.

Pelaksanaan pemeteran tenaga bersih (NEM) terutamanya penjana elektrik melalui solar akan menjimatkan bil elektrik pelanggan. NEM membolehkan penjana TBB menggunakan tenaga elektrik yang dijana terlebih dahulu dan lebihan elektrik akan disalurkan ke grid. Ini akan membolehkan pengguna menggunakan kemudahan penjana sendiri bagi mengimbangi penggunaan elektrik dalam tempoh pengebilan.

## Meningkatkan bekalan elektrik luar bandar

Program bekalan elektrik di luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak akan dipertingkatkan bagi menambah baik liputan elektrik kepada 99% menjelang tahun 2020 seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 7-17. Pembekalan elektrik luar bandar di kawasan yang terlalu jauh dari sistem grid akan diteruskan dengan penjana luar grid. Pembangunan sistem penjana alternatif seperti hibrid solar, hidro mini dan hidro piko akan disokong oleh rangkaian luar grid untuk memastikan liputan elektrik yang lebih meluas. Hidro piko adalah sistem berskala kecil dengan kapasiti antara 0.1 kW hingga 1 kW yang menggunakan pengaliran air untuk memutar turbin penjana elektrik. Sistem ini sesuai untuk kawasan luar bandar dan tidak memerlukan pembinaan empangan serta tidak menjejaskan alam sekitar.

Penglibatan komuniti akan digalakkan dalam menyediakan bekalan elektrik luar bandar. Kerajaan akan meninjau kerjasama dengan komuniti yang terlibat bagi memastikan kemampunan sistem bekalan elektrik di kawasan tersebut. Kerjasama dengan NGO akan dijalin untuk menyediakan bekalan elektrik kepada komuniti luar bandar menggunakan sistem hibrid mikro dan sumber TBB. Penglibatan komuniti pada peringkat awal adalah penting bagi mengurangkan kos pembangunan dan penyelenggaraan sistem bekalan elektrik.


<sup>5</sup> Nilai HHI disasarkan di bawah 0.5 pada tahun 2020. HHI 0.5 menunjukkan tiada kebergantungan kepada mana-mana bahan api manakala HHI melebihi 0.5 pula menunjukkan kebergantungan yang tinggi kepada bahan api tertentu. Nilai HHI sebanyak 0.45 pada tahun 2014 menunjukkan indeks yang sihat.

<sup>6</sup> Tidak termasuk projek hidro yang besar

## Paparan 7-17

**Bekalan elektrik luar bandar di Malaysia**

Isi rumah yang menerima bekalan elektrik (%)




<sup>a</sup> anggaran  
Sumber: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

## Paparan 7-18

**Keandalan bekalan elektrik di Malaysia**

Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem, minit per pelanggan



<sup>P</sup> Pencapaian  
<sup>S</sup> Sasaran  
Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Suruhanjaya Tenaga dan Sarawak Energy Berhad

**Strategi E5****Menambah baik kemampuan, kecekapan dan keandalan subsektor elektrik****Mewujudkan rangka kerja tarif yang mampan**

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk menghapuskan subsidi tenaga secara berperingkat, rasionalisasi subsidi tarif elektrik akan terus dilaksanakan. Kos bahan api merupakan input terbesar dalam tarif elektrik. Oleh itu, campuran bahan api penjana perlu diseimbangkan untuk mengoptimumkan kos bekalan dan memastikan tarif elektrik adalah dalam kemampuan pengguna. Tarif Industri Khas akan dihapuskan menjelang tahun 2020. Di samping itu, kenaikan tarif pada masa hadapan akan mengambil kira ketersediaan jaringan keselamatan bagi isi rumah berpendapatan rendah.

Pelaksanaan IBR akan diteruskan supaya syarikat utiliti menyediakan tahap perkhidmatan yang cekap. Rangka kerja IBR direka untuk menggalakkan syarikat utiliti mengurangkan kos dan menambah baik tahap perkhidmatan. Pengasingan tarif penjana, penghantaran dan pembahagian dengan pelarasan automatik harga bahan api akan meningkatkan ketelusan dan kecekapan pembekalan elektrik seperti yang dijelaskan dalam Kotak 7-3. Pembangunan loji janakuasa baharu dan pelanjutan operasi loji janakuasa sedia ada akan terus dilaksanakan mengikut amalan bidaan kompetitif untuk meningkatkan ketelusan dalam sektor tenaga. Persaingan sihat di kalangan pemain industri akan memastikan tarif yang berdaya saing dan seterusnya memberi manfaat kepada pengguna.

**Meningkatkan kecekapan dan keandalan bekalan elektrik**

Kecekapan dan keandalan bekalan elektrik akan terus dipertingkatkan melalui pelaburan berterusan dalam projek penjana, penghantaran dan pembahagian oleh penyedia utiliti. Pelaburan baharu dalam kapasiti penjana dan pengukuhan rangkaian penghantaran dan pembahagian akan diteruskan dalam tempoh RMKe-11. Pembinaan loji janakuasa elektrik yang baharu untuk menjana 7,626 MW akan dilaksanakan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dan menggantikan loji janakuasa yang tamat tempoh. Beberapa projek penghantaran 500 kV dan 275 kV akan siap bagi memperkukuh sistem grid untuk meningkatkan pembekalan elektrik yang terjamin ke pusat permintaan beban utama. Tambahan kapasiti penjana beserta peluasan rangkaian penghantaran dan pembahagian akan menambah baik SAIDI bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 7-18.

## Kotak 7-3

## Kawal Selia Berasaskan Insentif bagi subsektor elektrik


### Apakah Kawal Selia Berasaskan Insentif?

Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) merupakan aspek penting dalam usaha penstrukturan semula Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESI) yang bermula pada tahun 2009. Tempoh pertama IBR bermula pada Januari 2014.

IBR menandakan peralihan struktur yang ketara daripada model asal kepada tahap ketelusan yang tinggi kerana setiap unit

bisnes bagi Penjanaan, Penghantaran, Pembahagian, Pembeli Tunggal dan Operator Sistem diasingkan dari segi perakaunan. Di bawah model baru ini, Suruhanjaya Tenaga meluluskan tarif elektrik berdasarkan kepada pengoperasian selama 3 tahun dan pelan pelaburan yang dikemukakan oleh syarikat utiliti. Model IBR memberi insentif kepada syarikat utiliti bagi pencapaian kecekapan dan manfaat daripada kecekapan tersebut akan disalurkan kepada pengguna.

### Konsep Kawal Selia Berasaskan Insentif



### Kelebihan IBR

- Cepak.** Menggabungkan mekanisme bagi menggalakkan kecekapan kos ke atas setiap tempoh kawal selia dan membolehkan keuntungan kecekapan disalurkan kepada pengguna akhir;
- Telus.** Membolehkan ketelusan yang lebih tinggi bagi pengawalseliaan ke atas prestasi operasi dan kewangan setiap unit bisnes bagi Penjanaan, Penghantaran, Pembahagian, Pembeli Tunggal dan Operator Sistem;
- Kemampuan Kewangan.** Membolehkan pelepasan kos bahan api sebenar dan kos penjanaan yang lain secara berkala melalui mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* yang memberikan pulangan sewajarnya kepada syarikat utiliti; dan
- Memangkin Pertumbuhan.** Membolehkan pulangan diperoleh bagi pelaburan masa hadapan, dengan syarat ia dilakukan dengan cara yang berkesan kos, dan seterusnya memastikan jaminan bekalan elektrik kepada negara.

# Kesimpulan

Infrastruktur yang baik adalah pemboleh yang penting untuk pengembangan ekonomi, penyertaan sosial dan pertumbuhan. Dalam tempoh RMKe-10, pengembangan rangkaian infrastruktur seperti jalan raya, kereta api, air, gas dan elektrik serta infrastruktur digital telah dilaksanakan untuk meningkatkan akses dan taraf hidup. Dalam tempoh RMKe-11, pelaburan untuk jalan raya, kereta api, pelabuhan dan perkhidmatan udara akan diimbangi dengan usaha untuk meningkatkan tahap produktiviti, kecekapan dan perkhidmatan bagi infrastruktur tersebut. Perkhidmatan logistik akan ditambah baik dan mekanisme fasilitasi perdagangan akan diperkukuh untuk meningkatkan daya saing negara dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Kapasiti dan liputan infrastruktur digital dan perkhidmatan air akan dipertingkatkan dengan memberikan tumpuan yang lebih besar kepada kecekapan perkhidmatan air dan kemampuan langganan infrastruktur digital. Jaminan dan keandalan bekalan tenaga akan diperkukuh melalui langkah menangani isu penawaran dan permintaan. Kejayaan pelaksanaan strategi yang digariskan akan membolehkan Malaysia mencapai matlamat untuk menjadi negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020.



# Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

## **Gambaran keseluruhan**

### **Sorotan Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian**

### **Mengimbas pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan**

Sektor perkhidmatan

Sektor pembuatan

Sektor pertanian

Sektor pembinaan

Perusahaan kecil dan sederhana

Liberalisasi dan pematapan kawal selia

Inovasi

Pembangunan koridor ekonomi wilayah

### **Ringkasan bidang fokus Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020**

#### **Hala tuju Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020**

Bidang fokus A: Mentransformasikan sektor perkhidmatan

Bidang fokus B: Memperkukuh sektor pembuatan

Bidang fokus C: Memodenkan sektor pertanian


Bidang fokus D: Mentransformasikan sektor pembinaan

Bidang fokus E: Membangunkan PKS yang dinamik

Bidang fokus F: Menjana kekayaan melalui inovasi

Bidang fokus G: Meningkatkan daya saing bandar dan pembangunan koridor ekonomi wilayah

#### **Kesimpulan**



## Gambaran keseluruhan

Malaysia terus mencapai pertumbuhan ekonomi yang stabil dan bersedia untuk mencapai aspirasi menjadi sebuah negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020. Dalam usaha mencapai matlamat ini, tumpuan akan diberikan kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan berintensif pengetahuan. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan terus diperkukuh bagi meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan eksport. Di samping itu, usaha untuk menggalakkan inovasi akan diambil di peringkat perusahaan dan masyarakat. Koridor ekonomi wilayah akan terus dibangunkan untuk memastikan pembangunan seimbang dicapai. Pelaburan ke atas bandar-bandar terpilih akan ditingkatkan untuk meninggikan daya saing global serta memperoleh manfaat daripada aglomerasi ekonomi.

**Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10),** 2011-2015, semua sektor ekonomi yang diterajui oleh sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan positif. Pembaharuan kawal selia dan peningkatan liberalisasi telah memudahkan urusan perniagaan serta langkah untuk mengukuhkan modal insan menyediakan asas kepada outcome pembangunan sektor yang lebih kukuh. PKS terus memacu ekonomi. Strategi yang dilaksanakan telah menghasilkan pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan. Pencapaian ini ditunjukkan oleh peningkatan pendapatan isi rumah, kadar pengangguran yang rendah, inflasi yang


sederhana dan sistem kewangan yang stabil. Malaysia masih berhadapan dengan pelbagai cabaran. Sungguhpun asas ekonomi Malaysia adalah kukuh, namun sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, negara masih terdedah kepada risiko dan kejutan luar. Bagi mengukuhkan daya tahan ekonomi, Malaysia perlu memberi tumpuan untuk meningkatkan produktiviti dan inovasi serta memaksimumkan potensi eksportnya.

**Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020,** strategi akan dirangka untuk memesatkan pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan peralihan kepada ekonomi yang dipacu oleh aktiviti bernilai tambah tinggi dan berintensif pengetahuan. Tumpuan akan diberikan kepada pertumbuhan berkualiti, pemantapan tadbir urus sektoral dan peningkatan pengantarabangsaan produk dan perkhidmatan. Pendekatan yang lebih bersepadu dan komprehensif untuk meningkatkan produktiviti akan dilaksanakan pada peringkat nasional, industri dan firma. Ekosistem yang menggalakkan pelaburan swasta, inovasi dan eksport juga akan terus diperkukuh. Pelaksanaan strategi dalam RMKe-11 akan memacu perubahan bagi memesatkan pertumbuhan ekonomi, termasuk menggiatkan aktiviti inovasi serta membangunkan bandar dan koridor ekonomi wilayah yang berdaya saing.




# Sorotan

## Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian



**Peralihan kepada aktiviti ekonomi bernilai tambah tinggi**



Menambah baik ekosistem untuk menggalakkan pertumbuhan

Merangsang pertumbuhan wilayah

# Mengimbias pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Kemajuan

---

Semua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan positif. Strategi yang dilaksanakan telah menghasilkan pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan. Pencapaian ini ditunjukkan oleh peningkatan pendapatan isi rumah, kadar pengangguran yang rendah, inflasi yang sederhana dan sistem kewangan yang kukuh.

---

Dalam tempoh RMKe-10, walaupun berhadapan dengan persekitaran luaran yang mencabar, pertumbuhan ekonomi negara dianggarkan berkembang pada kadar purata 5.3% setahun. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh permintaan domestik yang tinggi dan disokong oleh asas ekonomi yang kukuh. Kerajaan telah melaksanakan Program Transformasi Ekonomi termasuk meliberalisasi sektor perkhidmatan dan memudahkan urusan perniagaan bagi meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan. Semua sektor ekonomi mencapai pertumbuhan mampan. Di samping itu, beberapa kejayaan penting telah dicapai dalam kalangan pemboleh ekonomi seperti memantapkan PKS, meliberalisasi peraturan bagi memudahkan urusan perniagaan, dan menambah baik ekosistem inovasi.

## Outcome Sektor

### Sektor perkhidmatan

Dalam tempoh RMKe-10, sektor perkhidmatan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Sektor ini berkembang pada kadar 6.3% setahun dan menyumbang 53% kepada KDNK, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 8-1. Subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan dan insurans serta komunikasi merupakan penyumbang utama pertumbuhan sektor perkhidmatan. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan meningkat pada kadar 9.5% setahun kepada RM125.3 bilion pada tahun 2013 didorong oleh peningkatan pelaburan domestik. Produktiviti buruh dalam sektor perkhidmatan dijangka meningkat pada kadar purata 2.8% setahun. Subsektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), hartanah dan perniagaan, kewangan dan insurans serta pengangkutan dan penyimpanan merupakan penyumbang utama kepada peningkatan produktiviti ini. Sektor perkhidmatan juga kekal sebagai penjana utama pekerjaan. Tenaga kerja dalam sektor ini dianggarkan berjumlah 8.4 juta atau 60.9% daripada jumlah guna tenaga. Pada tahun 2015, eksport perkhidmatan pula dijangka meningkat pada kadar 5.6% setahun dan menyumbang 18% kepada jumlah eksport. Pada tahun 2013, Malaysia berada dalam kalangan 30 negara pengeksport perkhidmatan terbesar dunia.

## Paparan 8-1

## Petunjuk utama sektor perkhidmatan, 2010-2015

Item	RM juta pada harga 2010		Sumbangan, %		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %
	2010	2015	2010	2015	RMKe-10
<b>Nilai ditambah sektor perkhidmatan</b>	<b>420,382</b>	<b>571,835</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>6.3</b>
Elektrik, gas & air	22,173	27,094	5.3	4.7	4.1
Perdagangan borong & runcit, penginapan & restoran	134,635	185,410	32.0	32.4	6.6
Pengangkutan, penyimpanan & telekomunikasi	68,511	97,363	16.3	17.0	7.3
Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan	93,939	121,328	22.3	21.2	5.3
Perkhidmatan Kerajaan	64,359	94,152	15.3	16.5	7.9
Perkhidmatan lain	36,766	46,487	8.7	8.1	4.8
<b>Produktiviti Buruh (RM)</b>	<b>59,278</b>	<b>68,111</b>			<b>2.8</b>
<b>Eksport Perkhidmatan (RM juta pada harga semasa)</b>	<b>111,466</b>	<b>146,387</b>			<b>5.6</b>
<b>Guna Tenaga ('000)</b>	<b>7,092</b>	<b>8,396</b>	<b>59.3</b>	<b>60.9</b>	<b>3.4</b>
<b>Sumbangan Sektor Perkhidmatan kepada KDNK (%)</b>			<b>51.2</b>	<b>53.8</b>	<b>53.0</b>

Nota: Data 2015 adalah anggaran  
Sumber: Unit Perancang Ekonomi; Perbadanan Produktiviti Malaysia; Jabatan Perangkaan Malaysia

## Kotak 8-1

## Sorotan penting - Sektor perkhidmatan

Malaysia terus menjadi satu daripada destinasi pelancongan terkemuka dunia. Ketibaan pelancong ke Malaysia meningkat daripada 24.6 juta pada tahun 2010 kepada 27.4 juta pada tahun 2014. Industri pelancongan kekal sebagai sumber penting perolehan tukaran asing. Pada tahun 2014, industri ini menjana perolehan tukaran asing sebanyak RM72 bilion berbanding dengan RM56.5 bilion pada tahun 2010, iaitu peningkatan sebanyak 27.4%. Industri ini juga menggaji seramai 2.2 juta pekerja atau 16.8% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2013. Di samping itu, segmen pelancongan kesihatan mencatat pertambahan hasil daripada RM379 juta pada tahun 2010 kepada RM690 juta pada tahun 2013, iaitu peningkatan sebanyak 82%. Dalam tempoh yang sama, jumlah pesakit luar negara meningkat daripada 393,000 kepada 770,000.

Industri ICT termasuk e-dagang dianggarkan menyumbang 16.8% kepada KDNK pada tahun 2015. Sumbangan subsektor perkhidmatan ICT dianggarkan meningkat daripada 5.2% pada tahun 2010 kepada 5.5% pada tahun 2015. Dalam tempoh yang sama, sumbangan subsektor pembuatan ICT kepada KDNK pula dianggarkan menurun daripada 4.6% kepada 3.9%. Peratus sumbangan ini menunjukkan peralihan sektor ICT daripada industri berasaskan pembuatan kepada industri berasaskan perkhidmatan bernilai tambah tinggi. Berdasarkan Akaun Satelit ICT, guna tenaga dalam sektor ini meningkat daripada 762,800 pekerja pada tahun 2010 kepada 779,500 pekerja pada tahun 2013, iaitu pada kadar 2.2% setahun. Pertambahan ini adalah hasil daripada pewujudan pekerjaan baharu dalam perdagangan dan perkhidmatan ICT. Eksport bersih industri ICT merosot daripada RM54.3 bilion pada tahun 2010 kepada RM45 bilion pada tahun 2013. Kemerosotan ini disebabkan oleh penurunan eksport barangan ICT daripada 29.4% pada tahun 2010 kepada 25.4% pada tahun 2013.

## Sektor pembuatan

Sektor pembuatan dianggarkan berkembang pada kadar 4.8% setahun dalam tempoh RMKe-10 dan menyumbang 23% kepada KDNK pada tahun 2015, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 8-2. Eksport produk pembuatan kekal sebagai penyumbang utama eksport. Sumbangan eksport produk pembuatan ini adalah sebanyak RM636.7 bilion atau 81.8% daripada jumlah eksport pada tahun 2015. Pertumbuhan sektor ini telah disumbangkan sebahagian besar oleh subsektor elektrik dan elektronik (E&E) dan subsektor kimia. Nilai ditambah subsektor E&E meningkat daripada RM44.2 bilion pada tahun 2011 kepada RM53.8 bilion pada tahun 2015. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh penggunaan aplikasi baharu untuk produk semikonduktor dalam pendigitalan, mobiliti, ketersambungan, kecekapan tenaga dan peminiaturan. Subsektor kimia mencatat pertumbuhan sebanyak 3.4% setahun dengan peningkatan nilai ditambah daripada RM24.8 bilion pada tahun 2011 kepada RM27.8 bilion pada tahun 2015. Pertumbuhan ini disebabkan peningkatan permintaan produk kimia yang merupakan input penting kepada industri yang berkembang pesat seperti automotif, E&E, farmaseutikal dan pembinaan. Pertumbuhan sektor pembuatan ini juga didorong oleh permintaan yang kukuh daripada negara anggota Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan rakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

Pelaburan dalam sektor pembuatan berjumlah RM159.1 bilion, iaitu 20.4% daripada jumlah pelaburan diluluskan dalam tempoh 2011-2014. Daripada jumlah tersebut, 42.8% adalah pelaburan langsung domestik (DDI) dan 57.2% pelaburan langsung asing (FDI). Pelaburan ini menjana 348,000 peluang pekerjaan dan daripada jumlah tersebut, 75% adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan, dan pekerja mahir. Pada tahun 2015, pekerja dalam sektor ini dianggarkan berjumlah 2.4 juta orang, iaitu 18% daripada jumlah guna tenaga.

### Paparan 8-2

#### Petunjuk utama sektor pembuatan, 2010-2020

Item	2010	2015	2020	RMKe-10	RMKe-11
				Pencapaian	Sasaran
<b>Sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK (RM bilion pada harga 2010)</b>	192.5	243.9	312.5	1,110.9	1,417.3
<b>Kadar pertumbuhan tahunan (%)</b>	12.1	4.7	4.4	4.8	5.1
<b>Sumbangan kepada KDNK (%)</b>	23.4	23.0	22.1	23.1	22.5
<b>Eksport produk pembuatan (RM bilion pada harga 2010)</b>	489.6	636.7	812.8	2,801.3	3,677.9
<b>Sumbangan kepada jumlah eksport (%)</b>	76.6	81.8	83.4	76.4	82.8
				<b>Kadar pertumbuhan tahunan purata (%)</b>	
<b>Sumbangan kepada jumlah guna tenaga (%)</b>	17.0	18.0	18.2	3.9	2.5

Nota: Data 2015 adalah anggaran; data 2020 adalah sasaran  
Sumber: Unit Perancang Ekonomi; Jabatan Perangkaan Malaysia

### Kotak 8-2

#### Sorotan penting - Sektor pembuatan

Industri peranti perubatan di Malaysia terdiri lebih daripada 190 syarikat yang kebanyakannya PKS dan lebih 20 syarikat multinasional (MNC). Malaysia kekal sebagai pengeluar dan pengeksport utama bagi kateter dan sarung tangan getah perubatan, iaitu membekalkan 80% kateter dan 60% sarung tangan getah perubatan kepada pasaran dunia. Pada tahun 2013, industri peranti perubatan menyumbang sebanyak RM11.9 bilion kepada jumlah eksport. Industri ini telah dikenal pasti sebagai satu daripada bidang pertumbuhan baharu. Industri ini dalam proses peralihan secara berperingkat kepada pengeluaran produk peranti perubatan bernilai tinggi seperti produk ortopedik, peralatan pembedahan dan radiografik diagnostik.

Industri aeroangkasa yang merangkumi aktiviti berkaitan pengurusan penerbangan dan angkasa; penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO); reka bentuk, pembangunan, pemasangan dan pengendalian pesawat ringan; serta perkhidmatan sokongan adalah industri bernilai tambah tinggi yang berkembang pesat. Pada tahun 2014, terdapat sebanyak 159 syarikat dengan 19,500 pekerja yang menjana pendapatan sebanyak RM11.8 bilion. Pada tahun 2013, jumlah eksport bagi industri ini adalah sebanyak RM2.4 bilion. Blueprint Industri Aeroangkasa Malaysia 2030, yang dilancarkan pada 17 Mac 2015 akan mempercepat pertumbuhan industri ini dan memacu negara menjadi peneraju industri aeroangkasa menjelang tahun 2030.

## Sektor pertanian

Pembangunan sektor pertanian adalah berpandukan kepada Dasar Agromakanan Negara, 2011-2020 dan Dasar Komoditi Negara, 2011-2020, yang bermatlamat meningkatkan pengeluaran makanan dan eksport komoditi industri. Dalam tempoh RMKe-10, sektor pertanian dianggarkan mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 2.4%, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 8-3. Pada tahun 2015, subsektor agromakanan dianggarkan menyumbang sebanyak 38.8% kepada jumlah nilai ditambah sektor pertanian manakala subsektor komoditi industri menyumbang 60.5%. Minyak sawit terus menjadi penyumbang utama, diikuti oleh perikanan dan ternakan. Pada tahun 2015, tahap sara diri dianggarkan lebih tinggi untuk beberapa komoditi makanan seperti daging ayam-itik pada tahap 104.6%, ikan makanan 92.6% dan beras 71.4%.

Secara keseluruhan, produktiviti buruh dalam sektor pertanian meningkat sebanyak 2.2%, terutamanya disebabkan oleh amalan pertanian yang lebih baik, input berkualiti, penggunaan teknologi pertanian moden, penambahbaikan infrastruktur dan pelaksanaan program latihan kemahiran secara berterusan. Dalam tempoh RMKe-10, pendapatan eksport pertanian dianggarkan berkurangan pada kadar purata 2.8% setahun berikutan penurunan harga komoditi dan permintaan pasaran luar negara yang rendah. Walau bagaimanapun, sektor pertanian kekal sebagai pembekal bahan mentah penting kepada industri berasaskan sumber dan menyumbang sebanyak 19.6% kepada jumlah nilai ditambah sektor pembuatan pada tahun 2015.

### Paparan 8-3

#### Petunjuk utama pertanian dan industri berasaskan agro, 2010-2020

Sektor	RM juta dalam harga 2010			% kepada KDNK			Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	2010	2015	2020	2010	2015	2020	RMKe-10 Pencapaian	RMKe-11 Sasaran
<b>Nilai ditambah sektor pertanian (RM juta)</b>	82,881	93,184	110,707	100	100	100	2.4	3.5
<b>Komoditi industri (RM juta)</b>	55,646	56,407	63,096	67.1	60.5	57.0	0.3	2.3
<b>Agromakanan (RM juta)</b>	26,595	36,200	46,979	32.1	38.8	42.4	6.4	5.4
<b>Sumbangan pertanian kepada KDNK (%)</b>				10.1	8.8	7.8		
<b>Produktiviti buruh (RM)</b>	51,672	57,691	68,763				2.2	3.6
<b>Eksport pertanian (RM juta)</b>	71,351	61,751	69,140	11.2	7.9	7.1	-2.8	2.3
<b>Industri berasaskan agro (RM juta)</b>	39,042	47,688	57,047				4.1	3.7
<b>Jumlah pertanian dan industri berasaskan agro (RM juta)</b>	121,923	140,872	167,754	14.8	13.3	11.9	2.9	3.6
<b>Sumbangan industri berasaskan agro kepada nilai ditambah pembuatan (%)</b>				20.3	19.6	18.3		

Nota: Data 2015 adalah anggaran; data 2020 adalah sasaran  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Unit Perancang Ekonomi

### Kotak 8-3

#### Sorotan penting - Sektor pertanian

Sektor pertanian terus mencapai kemajuan dalam meningkatkan produktiviti dan beralih kepada aktiviti hiliran yang bernilai tinggi seperti contoh di bawah:

- Dalam subsektor agromakanan, penubuhan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang melibatkan kawasan seluas 6,105 hektar telah memberikan manfaat kepada seramai 453 petani. Daripada jumlah ini, seramai 171 petani telah memperoleh pendapatan melebihi RM3,000 sebulan; dan
- Industri pemprosesan minyak sawit meliputi pelbagai jenis produk bernilai tinggi daripada derivatif oleo seperti biopoliol dan biopelincir kepada fitonutrien seperti tokotrienol dan karotena telah menarik pelaburan swasta yang tinggi melebihi RM3 bilion.

## Sektor pembinaan

Dalam tempoh RMKe-10, sektor pembinaan mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 11.1%. Pertumbuhan ini disokong oleh kejuruteraan awam yang berkembang pada kadar 9.3% setahun, diikuti subsektor kediaman dan bukan kediaman pada kadar purata 16.5% dan 9.1% masing-masing. Seramai 1.2 juta orang bekerja dalam sektor ini, iaitu 8.9% daripada jumlah guna tenaga. Dalam tempoh 2011-2014, sebanyak 29,435 projek pembinaan bernilai RM470 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, RM387 bilion atau 82% merupakan projek sektor swasta dan RM83 bilion adalah projek sektor awam.

Antara projek berskala besar yang dilaksanakan ialah projek Klang Valley Mass Rapid Transit (KVMRT) Laluan 1 dari Sungai Buloh ke Kajang, landasan keretapi elektrik berkembar dari Ipoh ke Padang Besar, penyambungan laluan transit aliran ringan (LRT) dari Kelana Jaya dan Sri Petaling ke Putra Heights, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), projek Central Spine Road, jajaran dari Kuala Lipis ke Bentong dan terminal regasifikasi gas asli cecair di Melaka. Pelaksanaan projek ini menggambarkan peningkatan penggunaan teknologi dan amalan moden dalam sektor pembinaan bermula dari fasa reka bentuk hingga fasa pelaksanaan dan penyelenggaraan.

## Perusahaan kecil dan sederhana

Berdasarkan Banci Ekonomi 2011, terdapat sejumlah 645,136 PKS, iaitu 97.3% daripada jumlah pertumbuhan perniagaan. Definisi baharu PKS telah diterima pakai pada 1 Januari 2014 bagi menggambarkan persekitaran perniagaan semasa, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 8-4. Had maksimum nilai jualan dinaikkan daripada RM25 juta kepada RM50 juta dan bilangan pekerja daripada 150 orang kepada 200 orang. Perubahan definisi ini telah meningkatkan peratusan PKS kepada jumlah pertumbuhan perniagaan di Malaysia daripada 97.3% kepada 98.5%.

Daripada jumlah PKS tersebut, 90.1% terlibat dalam sektor perkhidmatan, 5.9% sektor pembuatan, 3% sektor pembinaan dan selebihnya dalam sektor pertanian serta sektor perlombongan dan kuari. Pada tahun 2015, PKS dianggarkan menyumbang sebanyak 35% kepada KDNK, 59% kepada guna tenaga dan 19% kepada jumlah eksport, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 8-5.

Dalam tempoh 2011-2013, purata produktiviti buruh bagi PKS adalah sebanyak RM50,818 setiap pekerja, iaitu lebih rendah berbanding tahap produktiviti nasional berjumlah RM59,131 bagi tempoh yang sama (berdasarkan pada harga 2005). Walau bagaimanapun, tahap produktiviti buruh bagi PKS dalam sektor perkhidmatan adalah



### Kotak 8-4

#### Sorotan penting - Sektor pembinaan

Penggunaan teknologi dan kaedah pembinaan moden seperti pemodelan maklumat bangunan (BIM) dan sistem bangunan berindustri (IBS) adalah penting dalam menambah baik kecekapan pelaksanaan projek pembinaan. Projek pertama Kerajaan yang menggunakan BIM ialah projek Institut Kanser Negara di Putrajaya. Selain itu, BIM digunakan dalam pembinaan bangunan pentadbiran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di Shah Alam.

### Paparan 8-4

#### Definisi baharu PKS mulai 1 Januari 2014

	Mikro	Kecil	Sederhana
 Pembuatan	Nilai jualan tahunan Kurang daripada RM300,000 <b>ATAU</b>	RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta <b>ATAU</b>	RM15 juta hingga kurang daripada RM50 juta <b>ATAU</b>
	Bilangan pekerja Kurang daripada 5	5 hingga kurang daripada 75	75 hingga kurang daripada 200
 Perkhidmatan dan Sektor lain	Nilai jualan tahunan Kurang daripada RM300,000 <b>ATAU</b>	RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta <b>ATAU</b>	RM3 juta hingga kurang daripada RM20 juta <b>ATAU</b>
	Bilangan pekerja Kurang daripada 5	5 hingga kurang daripada 30	30 hingga kurang daripada 75

## Paparan 8-5


## Petunjuk utama PKS, 2010-2020

Item	2010	2015	2020	RMKe-10	RMKe-11
				Pencapaian	Sasaran
Sumbangan PKS kepada KDNK (RM bilion pada harga 2010)	262.9	371.9	578.6	1,605.8	2,420.8
Kadar pertumbuhan tahunan purata (%)	8.3	9.3	9.3	7.5	9.3
Sumbangan kepada KDNK (%)	32.0	35.0	41.0	33.4	38.4
Eksport produk PKS (RM bilion pada harga 2010)	100.3	147.8	243.7	634.0	995.0
Sumbangan kepada jumlah eksport (%)	15.7	19.0	25.0	17.3	22.4
Sumbangan kepada jumlah guna tenaga (%)	57.1	59.0	62.0	57.8	60.7

Nota: Data 2015 adalah anggaran; data 2020 adalah sasaran  
Sumber: Unit Perancang Ekonomi; Jabatan Perangkaan Malaysia; Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia

## Paparan 8-6

## Tahap produktiviti PKS mengikut sektor, 2011-2013



Nota: Berdasarkan harga 2005  
Sumber: Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia

sebanyak RM47,699, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 8-6. Produktiviti yang rendah ini antaranya disebabkan oleh PKS dalam sektor perkhidmatan sebahagian besarnya merupakan perusahaan mikro yang menjalankan perniagaan asas dan nilai ditambah rendah seperti perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran.

Dalam tempoh RMKe-10, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi memacu pertumbuhan PKS termasuk pembangunan Pelan Induk PKS 2012-2020. Peranan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.) telah diperkukuh dan mekanisme penyelarasan juga diperkemas bagi memastikan Pelan Induk PKS dilaksanakan dengan lebih efektif.

## Liberalisasi dan pemantapan kawal selia

Dalam tempoh RMKe-10, Kerajaan meliberalisasikan sektor perkhidmatan secara autonomi dan mempergiat usaha memudahkan urusan perniagaan untuk meningkatkan keyakinan pelabur dan daya saing. Pada tahun 2012, 18 subsektor perkhidmatan diliberalisasikan bagi membenarkan pemilikan ekuiti asing sehingga 100% dalam subsektor seperti perdagangan borong dan runcit, penjagaan kesihatan, perkhidmatan profesional, perkhidmatan alam sekitar, telekomunikasi, kurier dan pendidikan. Pada peringkat serantau, Malaysia melaksanakan 80% daripada 505 langkah di bawah Pelan Pembangunan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Pelaksanaan ini membuktikan komitmen Kerajaan ke arah merealisasikan wawasan AEC untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai pusat pengeluaran dan pasaran tunggal yang membolehkan aliran bebas bagi barangan, perkhidmatan dan pelaburan. Di samping itu, langkah pemantapan kawal selia dan penambahbaikan proses perniagaan telah dilaksanakan bagi melengkapkan inisiatif liberalisasi. Pelaksanaan inisiatif ini telah meletakkan Malaysia pada kedudukan yang tinggi, iaitu 18 daripada 189 negara dalam laporan *Doing Business 2015* oleh World Bank.



Kerajaan juga menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 pada 1 Januari 2012. Akta ini menyediakan rangka kerja kawal selia terhadap amalan anti persaingan seperti penubuhan kartel dan perjanjian mendatar dan menegak. Pada tahun 2013, Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah membuat dua keputusan penting mengenai perjanjian perkongsian pasaran penerbangan, dan mengeksploitasi kedudukan sebagai pengeluar keluli utama. Keputusan ini menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih adil dan berdaya saing.

## Inovasi

Usaha untuk memperkukuh ekosistem inovasi telah dilaksanakan di bawah empat bidang utama, iaitu mewujudkan ekosistem sokongan inovasi, menyediakan peluang inovasi, menyediakan pemboleh inovasi dan membiayai inovasi. Inisiatif ini termasuk menubuhkan agensi khusus untuk memacu program inovasi seperti Agensi Inovasi Malaysia (AIM), Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan (MSPK) dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM). Program kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) telah dilaksanakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi untuk memupuk budaya berfikir secara kreatif dalam kalangan generasi masa hadapan. Khazanah Harta Intelek Malaysia telah diwujudkan sebagai sebuah repositori berpusat bagi harta intelek (IP) yang dihasilkan daripada program penyelidikan Kerajaan untuk menjadi pemangkin kepada pengkomersialan. Perantara seperti PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd. (PlaTCOM) dan Steinbeis Malaysia Foundation (Steinbeis) telah ditubuhkan untuk meningkatkan kerjasama dan memberi khidmat nasihat kepada penyelidik dan syarikat, di samping menghubungkan ilmuan dengan pihak yang memerlukan pengetahuan. Program dalam talian seperti UReka dan GIGIH telah dilaksanakan untuk menyediakan platform inovasi terbuka bagi memberi peluang kepada rakyat untuk berkongsi idea, mendapatkan kepakaran, membentuk jaringan kerjasama, menarik minat pembiaya dan pelanggan, dan menjana pendapatan tambahan melalui model perniagaan yang terbukti berinovatif dan mampan.

Terdapat banyak kejayaan yang dicapai dalam bidang inovasi di Malaysia. Ini termasuk penghasilan aplikasi mesra pengguna yang telah meningkatkan penyampaian perkhidmatan teksi seperti MyTeksi dan Sunlight Taxi. Di samping itu, penambahbaikan proses pengeluaran bagi memastikan kualiti yang konsisten dalam industri

makanan dan minuman seperti Secret Recipe, Nelson's dan Old Town Kopitiam telah membolehkan rangkaian makanan tempatan berkembang ke peringkat serantau.

Keberkesanan inisiatif ini diukur berdasarkan petunjuk inovasi pada peringkat kebangsaan dan penarafan oleh organisasi antarabangsa. Perbelanjaan kasar penyelidikan dan pembangunan (GERD) kepada KDNK meningkat daripada 1.07% pada tahun 2010 kepada 1.13% pada tahun 2012, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 8-7. Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh perusahaan perniagaan adalah sebanyak 64.4% daripada GERD pada tahun 2012. Sebahagian besar daripada perbelanjaan R&D tersebut dibiayai oleh syarikat besar tempatan dan MNC. Pada tahun 2014, Malaysia berada pada kedudukan ke-33 daripada 143 negara dalam *Global Innovation Index (GII)* dan kedudukan ke-20 daripada 144 negara dalam *Global Competitiveness Index (GCI)*. Dalam kedua-dua indeks tersebut, Malaysia berada pada kedudukan kedua tertinggi dalam kalangan negara ASEAN.

## Pembangunan Koridor Ekonomi Wilayah

Koridor ekonomi wilayah terus memberikan sumbangan kepada pertumbuhan sektor dan pembangunan ekonomi negara. Dalam tempoh 2011-2014, kesemua lima koridor ekonomi wilayah telah menarik pelaburan direalisasikan berjumlah RM174.5 bilion dalam sektor yang diberikan keutamaan seperti pembangunan kreatif dan kandungan, pelancongan, E&E dan pemprosesan petrokimia hiliran. Sebanyak 427,100 pekerjaan telah diwujudkan hasil daripada pelaburan tersebut.

\* \* \*

Ekonomi Malaysia terus berkembang walaupun wujud kejutan luaran dan cabaran dalam negara. Dalam melangkah ke hadapan, ekonomi masih terdedah kepada cabaran dari luar, termasuk kejutan ekonomi global, risiko geopolitik dan perubahan iklim. Pada peringkat domestik, negara perlu terus mentransformasikan dan memodenkan pelbagai sektor ekonomi. Dalam tempoh RMKe-11, beberapa cabaran yang perlu ditangani termasuk isu berkaitan modal insan, produktiviti, inovasi, kawal selia dan cabaran institusi serta akses kepada pembiayaan.

## Paparan 8-7

## Petunjuk utama bagi R&amp;D, 2010-2012

	2010		2012	
	RM bilion	%	RM bilion	%
<b>Perbelanjaan R&amp;D mengikut Sektor</b>				
<b>Jumlah GRI dan IPT</b>	<b>2.98</b>	<b>35.0</b>	<b>3.77</b>	<b>35.6</b>
Institut penyelidikan kerajaan (GRI)	0.52	6.0	0.73	6.9
Institusi pengajian tinggi (IPT)	2.46	29.0	3.04	28.7
<b>Perusahaan perniagaan (BE)</b>	<b>5.53</b>	<b>65.0</b>	<b>6.84</b>	<b>64.4</b>
<b>Jumlah</b>	<b>8.51</b>	<b>100</b>	<b>10.61</b>	<b>100</b>
<b>GERD/KDNK (%)</b>	<b>1.07</b>		<b>1.13</b>	
<b>Sumber manusia dalam R&amp;D</b>				
<b>Jumlah personel R&amp;D</b>	<b>88,314</b>		<b>103,986</b>	
<b>Jumlah personel R&amp;D sepenuh masa setara (FTE)</b>	<b>50,484</b>		<b>62,807</b>	
Penyelidik bagi setiap 10,000 tenaga buruh	53.08		57.45	
<b>Jenis penyelidikan (Perbelanjaan)</b>	<b>RM bilion</b>	<b>%</b>	<b>RM bilion</b>	<b>%</b>
Penyelidikan asas	1.52	17.9	3.66	34.5
Penyelidikan gunaan	5.8	68.2	5.36	50.5
Penyelidikan eksperimen	1.19	13.9	1.59	15
<b>Jumlah</b>	<b>8.51</b>	<b>100</b>	<b>10.61</b>	<b>100</b>

Sumber: Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia

# Ringkasan bidang fokus Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020



## Meningkatkan daya saing bandar dan pembangunan koridor ekonomi wilayah

- Membangunkan pelan induk daya saing khusus bagi empat bandar terpilih
- Memperkuh koridor bagi merencanakan pembangunan wilayah



## Mentransformasikan sektor perkhidmatan

- Mewujudkan persekitaran yang dinamik untuk perkhidmatan berintensif pengetahuan
- Memantapkan tadbir urus secara komprehensif dan bersepadu
- Mempergiat pengantarabangsaan dengan membantu syarikat untuk mengeksport perkhidmatan
- Memperkuh pengurusan insentif pelaburan
- Mempertingkatkan pertumbuhan subsektor perkhidmatan moden



## Memperkuh sektor pembuatan

- Mengeluarkan produk yang lebih kompleks dan pelbagai
- Meningkatkan produktiviti melalui automasi
- Menggalakkan pertumbuhan berasaskan inovasi
- Memperkuh pemboleh pertumbuhan
- Melonjakkan pengantarabangsaan



## Memodenkan sektor pertanian

- Meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil
- Meningkatkan latihan dan pembangunan agropreneur muda
- Memperkuh sokongan institusi dan khidmat pengembangan
- Memperkasa keupayaan koperasi dan pertubuhan pertanian di sepanjang rantai bekalan
- Menambah baik akses pasaran dan sokongan logistik
- Memperluas akses pembiayaan pertanian
- Mempergiat program insentif berasaskan prestasi dan pensijilan



## Mentransformasikan sektor pembinaan

- Meningkatkan kandungan pengetahuan
- Memacu produktiviti
- Memupuk amalan lestari
- Meningkatkan pengantarabangsaan



## Membangunkan PKS yang dinamik

- Meningkatkan produktiviti melalui automasi dan inovasi
- Memperkuh pembangunan modal insan dalam kalangan PKS
- Memperudahkan urusan perniagaan PKS

- Meningkatkan permintaan untuk produk dan perkhidmatan PKS
- Mewujudkan jaguh PKS kelahiran tempatan
- Membangunkan PKS di Sabah dan Sarawak



## Menjana kekayaan melalui inovasi


### Inovasi perusahaan

- Memperkuh mekanisme tadbir urus
- Meningkatkan penyelidikan berasaskan permintaan pasaran
- Memperkuh kerjasama antara industri dengan akademik melalui perantara
- Menggalakkan pihak swasta membiayai penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi

### Inovasi sosial

- Menguatkan kerjasama melalui pendekatan keseluruhan masyarakat
- Membangunkan model pembiayaan sosial
- Menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi untuk membangunkan masyarakat yang dinamik

# OUTCOME TERPILIH



# Hala tuju

## Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Mempercepat momentum pertumbuhan ekonomi melalui peluasan aktiviti ekonomi yang berintensif pengetahuan dan pengeluaran produk yang kompleks. Meningkatkan produktiviti dan inovasi serta melabur dalam bandar dan koridor ekonomi wilayah.

Dalam tempoh RMKe-11, tumpuan akan diberikan untuk mempercepat momentum pertumbuhan bagi memastikan ekonomi negara berada di landasan yang kukuh yang dapat memastikan pembangunan yang mampan dan bersedia menghadapi kejutan ekonomi. Usaha ini bagi memastikan pencapaian sasaran status negara berpendapatan tinggi dengan pendapatan per kapita sebanyak AS\$15,000 menjelang tahun 2020. Tumpuan akan menjurus kepada strategi memperluas asas ekonomi; menceburi aktiviti yang berintensif pengetahuan dan aktiviti ekonomi yang kompleks untuk menjana pekerjaan bergaji tinggi; meningkatkan kecekapan dan kapasiti melalui peningkatan produktiviti dan inovasi; dan memperkukuh sumber pertumbuhan baharu.

Strategi merekayasa pertumbuhan ekonomi adalah berteraskan kepada tiga dimensi dan bidang fokus seperti yang berikut:

*Melonjakkan peralihan kepada aktiviti ekonomi bernilai tambah tinggi dan berintensif pengetahuan*

- Bidang fokus A: Mentransformasikan sektor perkhidmatan
- Bidang fokus B: Memperkukuh sektor pembuatan
- Bidang fokus C: Memodenkan sektor pertanian
- Bidang fokus D: Mentransformasikan sektor pembinaan

*Memantapkan ekosistem bagi pertumbuhan mampan*

- Bidang fokus E: Membangunkan PKS yang dinamik
- Bidang fokus F: Menjana kekayaan melalui inovasi

*Mempercepat pertumbuhan melalui pembangunan koridor ekonomi wilayah dan bandar berdaya saing*

- Bidang fokus G: Meningkatkan daya saing bandar dan pembangunan koridor ekonomi wilayah

Dua daripada tujuh bidang fokus yang telah dikenal pasti merupakan pemacu perubahan dalam tempoh RMKe-11, iaitu inovasi dan bandar berdaya saing. Pemacu perubahan ini dijangka dapat mempercepat pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan masyarakat yang inklusif dengan agihan kekayaan dan pertumbuhan wilayah yang lebih seimbang. Inovasi yang diguna pakai secara efektif akan meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Peningkatan ini akan dicapai melalui kerjasama antara agensi penyelidikan dengan entiti perniagaan serta pengukuhan peranan komuniti dalam penyampaian perkhidmatan sosial secara inovatif. Pada masa ini, persaingan untuk menarik pelaburan dan bakat adalah antara bandar-bandar utama dunia. Sehubungan itu, Malaysia akan membangunkan beberapa buah bandar tahap pertama sebagai pemangkin pertumbuhan dan berdaya saing di peringkat global.



## Bidang fokus A

# Mentransformasikan sektor perkhidmatan

Dalam tempoh RMKe-11, pembangunan sektor perkhidmatan akan berpandukan kepada Blueprint Sektor Perkhidmatan yang bermatlamat meningkatkan potensi dan mentransformasikan sektor ini kepada sektor berintensif pengetahuan dan inovasi. Sektor ini dijangka berkembang pada kadar 6.9% setahun. Pada tahun 2020, sektor ini akan menyumbang 56.5% kepada KDNK dan menggaji 9.6 juta pekerja seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 8-8. Bagi mencapai sasaran ini, lima strategi yang berikut akan dilaksanakan:

- **Strategi A1: Mewujudkan persekitaran yang dinamik untuk perkhidmatan berintensif pengetahuan** dengan memperkasa pembangunan modal insan serta meningkatkan penggunaan teknologi dan R&D;

*Paparan 8-8*

### Petunjuk utama sektor perkhidmatan, 2015-2020

Sektor	RM juta pada harga 2010		Sumbangan, %		Kadar pertumbuhan tahunan purata,%
	2015	2020	2015	2020	RMKe-11 Sasaran
<b>Nilai ditambah sektor perkhidmatan</b>	<b>571,835</b>	<b>796,722</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>6.9</b>
Elektrik, gas & air	27,094	32,830	4.7	4.1	3.9
Perdagangan borong & runcit, penginapan & restoran	185,410	246,499	32.4	30.9	5.9
Pengangkutan, penyimpanan & telekomunikasi	97,363	148,539	17.0	18.6	8.8
Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan	121,328	168,270	21.2	21.1	6.8
Perkhidmatan Kerajaan	94,152	127,684	16.5	16.0	6.3
Perkhidmatan lain	46,487	72,900	8.1	9.1	9.4
<b>Produktiviti buruh (RM)</b>	<b>68,111</b>	<b>83,411</b>			<b>4.1</b>
<b>Eksport Perkhidmatan (RM juta pada harga semasa)</b>	<b>146,387</b>	<b>195,890</b>			<b>6.0</b>
<b>Guna Tenaga ('000)</b>	<b>8,396</b>	<b>9,552</b>	<b>60.9</b>	<b>62.5</b>	<b>2.6</b>
<b>Sumbangan Sektor Perkhidmatan kepada KDNK (%)</b>			<b>53.8</b>	<b>56.5</b>	<b>55.3</b>

Nota: Data 2015 adalah anggaran; data 2020 adalah sasaran  
Sumber: Unit Perancang Ekonomi; Perbadanan Produktiviti Malaysia; Jabatan Perangkaan Malaysia

## Strategi A1

### Mewujudkan persekitaran yang dinamik untuk perkhidmatan berintensif pengetahuan

#### Memperkasa pembangunan modal insan

Cabaran utama dalam pembangunan modal insan akan ditangani dan *soft skills* yang diperlukan oleh sektor perkhidmatan akan diperkukuh. Inisiatif akan ditumpukan kepada membekalkan kemahiran khusus yang diperlukan oleh industri dengan memanfaatkan program kebolehpasaran siswazah sedia ada dan menggalakkan lebih banyak kerjasama antara industri dengan institusi pengajian tinggi, termasuk menyediakan program latihan industri yang lebih berstruktur. Program biasiswa yang dibiayai bersama oleh Kerajaan dan PKS akan dibangunkan bagi membolehkan PKS mendapatkan modal insan yang berkualiti tinggi.

Dalam industri ICT, penubuhan sebuah badan untuk mentadbir urus kompetensi dan etika profesional yang terlibat dalam industri ini bagi memastikan kualiti profesional ICT tempatan mencapai standard antarabangsa akan dikaji. Badan profesional ini akan bertanggungjawab untuk meningkatkan status dan standard profesion ICT, mengkaji semula kelayakan, memastikan jaminan kualiti serta berfungsi sebagai pusat repositori maklumat berkaitan profesional dalam bidang ICT. Penubuhan badan ini akan membolehkan Malaysia menjadi penandatanganan kepada Seoul Accord yang merupakan perjanjian pelbagai hala dalam kalangan badan yang bertanggungjawab terhadap akreditasi kelayakan pada peringkat tertiar dalam bidang berkaitan pengkomputeran dan teknologi maklumat untuk memastikan kelayakan ICT di Malaysia diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Subjek ICT akan ditawarkan sebagai mata pelajaran wajib pada peringkat menengah rendah dan mata pelajaran elektif pada peringkat menengah atas. Pendekatan ini dapat memastikan pelajar sekolah mempunyai asas yang kukuh dalam bidang ICT sebelum mereka melanjutkan pelajaran pada peringkat pengajian tinggi. Elemen bahasa pengaturcaraan, reka bentuk perkakasan dan perisian, pangkalan data, capaian maklumat dan *computational thinking* akan disepadukan dalam modul pembelajaran bagi memperkukuh subjek ICT.

## Meningkatkan akses teknologi dan R&D

Penggunaan teknologi, khususnya ICT, akan dipertingkatkan dalam kalangan syarikat perkhidmatan melalui program penerapan ICT untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Di samping itu, mekanisme semasa pembiayaan R&D dan pengkomersialan (R&D&C) berasaskan penawaran akan diganti dengan mekanisme berasaskan keperluan industri dan diterajui oleh sektor swasta.

Skim Insentif Penyelidikan untuk Syarikat (RISE) akan diperluas bagi meningkatkan penyerapan teknologi dan membolehkan syarikat menggaji penyelidik R&D yang berpengalaman dengan membiayai sebahagian daripada gaji bulanan penyelidik tersebut untuk tempoh yang ditentukan. Insentif ini akan menarik peneraju utama teknologi untuk membuka pusat R&D atau pusat kecemerlangan (CoE) dalam bidang teknologi utama yang dikenal pasti seperti analisis data raya, pengkomputeran awan dan *Internet of Things* (IoT). Di samping itu, akses kepada infrastruktur digital, terutamanya di Sabah dan Sarawak akan terus dipertingkatkan bagi menggalakkan pertumbuhan perkhidmatan berintensif pengetahuan.

## Strategi A2

### Memantapkan tadbir urus secara komprehensif dan bersepadu

Dalam tempoh RMKe-11, penyelarasan dan kerjasama antara kementerian dan agensi awam dengan pihak berkepentingan akan diperkukuh bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan mereka. Jawatankuasa Khas Sektor Perkhidmatan akan menyelia dan memantau pelaksanaan strategi dan pelan tindakan pembangunan sektor perkhidmatan, khususnya Blueprint Sektor Perkhidmatan, Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan (LTFMP) dan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP). Jawatankuasa ini juga akan memastikan kesepaduan antara dasar merentasi sektor dengan matlamat pembangunan negara. Pasukan Petugas Logistik akan ditubuhkan untuk menerajui pelaksanaan LTFMP.

Pemantapan tadbir urus secara komprehensif dan bersepadu akan memastikan persekitaran yang kondusif dan berdaya saing bagi sektor perkhidmatan. Dasar Kebangsaan Mengenai Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR) untuk memodenkan kaedah

kawal selia akan dilaksanakan sepenuhnya dengan penyertaan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Keupayaan pegawai penyelarasan peraturan di kementerian dan agensi akan diperkukuh bagi memastikan pematuhan kepada NPDIR. Pemantapan kawal selia juga akan diselaraskan dengan komitmen Malaysia dalam perjanjian perdagangan bebas sedia ada dan inisiatif liberalisasi unilateral. Portal berkaitan kawal selia akan dibangunkan untuk meningkatkan ketelusan dan akses kepada peraturan.

### Strategi A3

## Mempergiat pengantarabangsaan dengan membantu syarikat untuk mengeksport perkhidmatan

Pembinaan keupayaan dan peningkatan kesediaan syarikat untuk mengeksport adalah penting untuk menambah bilangan pengeksport perkhidmatan. Antara inisiatif bagi mengukuhkan keupayaan firma perkhidmatan untuk mengeksport adalah menyediakan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan, menambah baik Dana Eksport Perkhidmatan (SEF) bagi menyediakan bantuan kepada penyedia perkhidmatan untuk menembusi pasaran luar negara dan program latihan pengeksport. Di samping itu, program pembangunan eksport francais akan ditambah baik dan usaha akan diambil untuk mengharmonikan pasaran.

### Strategi A4

## Memperkukuh pengurusan insentif pelaburan

Program insentif pelaburan semasa akan digantikan dengan program insentif yang lebih berkesan, telus dan berasaskan prestasi untuk menarik pelaburan berkualiti dan meningkatkan produktiviti. Pejabat Penyelarasan dan Kerjasama Insentif (ICCO) akan ditubuhkan di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang bertindak sebagai penyelarasan untuk semua insentif pelaburan. ICCO akan meningkatkan keupayaan pengurusan insentif pelaburan dan penilaian keberkesanan insentif dalam kalangan agensi penyedia insentif melalui perkongsian maklumat secara berstruktur. Di samping itu, ICCO juga akan membantu memantau insentif daripada perspektif permintaan.

### Strategi A5

## Mempertingkatkan pertumbuhan subsektor perkhidmatan moden

RMKe-11 akan memberi tumpuan kepada pembangunan subsektor dan industri perkhidmatan moden yang boleh diperdagangkan, mempunyai intensiti pengetahuan yang tinggi, berpotensi untuk menjana pekerjaan berpendapatan tinggi dan mempunyai rantaian yang kukuh dengan sektor ekonomi lain. Antara industri yang diberikan galakan adalah kewangan Islam, ICT, perkhidmatan minyak dan gas, penjagaan kesihatan swasta, pendidikan tinggi swasta, ekopelancongan, industri halal dan perkhidmatan profesional.

### Industri halal

Dalam tempoh RMKe-11, pembangunan industri halal akan menggunakan pendekatan strategik, iaitu sumber kelebihan daya saing dan pemangkin pertumbuhan, menggalakkan inovasi dan kreativiti berasaskan prinsip dan nilai Islam serta melaksanakan strategi pembangunan secara pragmatik. Pemantapan institusi dan kawal selia akan dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan agensi pengawal selia industri halal. Ekosistem yang mesra perniagaan dan kerjasama antara agensi yang berkaitan dengan pensijilan dan pengauditan proses halal akan dipertingkatkan. Di samping itu, sebagai langkah untuk menyokong pertumbuhan industri halal, produk dan perkhidmatan yang mendapat pensijilan halal akan diberikan keutamaan dalam perolehan sektor awam.

Standard halal Malaysia akan diselaraskan dengan standard antarabangsa bagi meningkatkan penerimaan global terhadap produk dan pensijilan halal. Peserta industri tempatan akan diberikan insentif untuk mendapatkan pensijilan halal bagi meningkatkan penawaran produk halal di pasaran domestik dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hab halal antarabangsa. Di samping itu, industri perkhidmatan halal akan terus dipergiat melalui pembangunan pusat pengedaran serantau yang dilengkapi dengan platform e-dagang untuk menghubungkan pembekal halal tempatan dengan rantaian bekalan global. Aktiviti inovasi dan R&D akan menjadi pemangkin pertumbuhan industri halal. Dengan memanfaatkan kekuatan Malaysia dalam derivatif minyak sawit, industri ramuan alternatif berasaskan sawit akan terus dibangunkan untuk menghasilkan lebih banyak ramuan halal. Langkah ini akan meletakkan Malaysia pada kedudukan yang kukuh dalam perdagangan ramuan halal global.



## Kewangan Islam

Kedudukan Malaysia yang teguh sebagai sebuah pasaran kewangan Islam global akan terus diperkukuh. Usaha ini akan melibatkan pengenalan kepada produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang inovatif untuk memenuhi permintaan global bagi pelbagai penyelesaian kewangan yang patuh Syariah. Usaha akan terus diberikan bagi meningkatkan kepelbagaian peserta industri, merancakkan pasaran kewangan Islam dan mempromosikan Malaysia sebagai pusat rujukan urus niaga kewangan Islam.

## Produk dan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi



Bidang teknologi terpilih dan keupayaan eksport industri ICT akan terus diperkukuh bagi meningkatkan peluang eksport bagi produk dan perkhidmatan ICT tempatan. Bidang teknologi yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan adalah kandungan digital, IoT, pusat data

dan pengkomputeran awan, keselamatan siber, pembangunan dan pengujian perisian dan analitis data raya. Bagi menyokong usaha ini, ekosistem ICT akan ditambah baik, termasuk kapasiti syarikat baru mula, modal insan, infrastruktur, R&D&C dan tadbir urus.

Kualiti kandungan digital tempatan akan dipertingkatkan bagi menambah potensi eksport. Bilangan IP dalam kandungan digital akan dipertingkatkan bagi membolehkannya dieksploitasi sebagai cagar dalam syarat bantuan pembiayaan, pengembangan produk, pelesenan dan pembarangan. Tumpuan akan diberikan kepada industri animasi, permainan interaktif, simulasi dan realiti maya dalam bidang seperti pendidikan, hiburan dan penjagaan kesihatan. Tiga inisiatif utama yang akan dilaksanakan adalah menarik pelaburan syarikat utama sebagai pemacu industri, membangunkan kapasiti dan keupayaan syarikat tempatan serta meningkatkan akses kepada pasaran global. Inisiatif ini akan disokong melalui peningkatan kefahaman berkaitan trend teknologi global dalam pengedaran digital dan model perniagaan baharu.

Paparan 8-9

## Perkhidmatan moden

Subsektor	Huraian
 <b>Industri halal</b>	Membangunkan industri halal melalui pematuhan standard halal Malaysia dengan standard antarabangsa dan menggalakkan industri ramuan alternatif
 <b>Kewangan Islam</b>	Memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global melalui penawaran produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang inovatif
 <b>Teknologi maklumat dan komunikasi</b>	Mempertingkatkan eksport produk dan perkhidmatan ICT melalui pembangunan teknologi terpilih, galakan penggunaan ICT oleh sektor lain dan pengukuhan ekosistem sokongan
 <b>Perkhidmatan minyak dan gas</b>	Membangunkan Malaysia sebagai hab minyak dan gas di rantau Asia Pasifik melalui pengukuhan perkhidmatan kejuruteraan hulu dan peningkatan kerjasama antara industri dengan institusi pengajian tinggi
 <b>Perkhidmatan kesihatan swasta</b>	Meningkatkan pelancongan kesihatan melalui pengiktirafan antarabangsa, peningkatan perlindungan insurans serta memanfaatkan pusat rujukan serantau
 <b>Pendidikan tinggi swasta</b>	Membangunkan institusi pendidikan tinggi swasta yang bereputasi tinggi dan berkualiti melalui penyertaan dalam sistem penarafan dan penilaian kualiti.
 <b>Ekopelancongan</b>	Membangunkan ekopelancongan sebagai segmen utama pelancongan dengan memanfaatkan aset biodiversiti serta meningkatkan penjenamaan dan promosi yang meluas
 <b>Perkhidmatan profesional</b>	Mempromosikan Malaysia sebagai pusat penyumberan luar perkhidmatan profesional bagi meningkatkan eksport melalui pembangunan kapasiti

### Perkhidmatan minyak dan gas

Dalam usaha untuk mencapai aspirasi sebagai hab industri minyak dan gas di rantau Asia Pasifik, pembangunan industri perkhidmatan minyak dan gas (OGSI) akan terus dipertingkatkan. Pembangunan OGSI akan memberikan tumpuan kepada tiga kelompok teknologi, iaitu kejuruteraan proses, sistem marin dan subpermukaan. Usaha akan ditumpukan bagi memperkukuh keupayaan syarikat tempatan dalam menawarkan rangkaian perkhidmatan huluan kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pemasangan dan pentauliahan secara menyeluruh. Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) akan ditubuhkan bagi mengukuhkan kerjasama antara industri dengan institusi pengajian tinggi untuk mengenal pasti keperluan teknologi, meningkatkan pembangunan tenaga kerja dan mempromosikan teknologi tempatan ke luar negara. Pada peringkat awal, penubuhan ICoE akan melibatkan Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Malaya.

### Penjagaan kesihatan swasta

Industri perkhidmatan pelancongan kesihatan akan diberikan tumpuan bagi menarik pelancong kesihatan untuk mendapatkan rawatan dalam bidang onkologi, kardiologi, ortopedik dan pergigian serta perkhidmatan teknik reproduktif berbantu. Selaras dengan permintaan global yang semakin meningkat bagi penjagaan kesihatan semula jadi, industri perubatan tradisional dan komplementari akan terus dibangunkan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab dan pusat rujukan serantau. Malaysia akan memanfaatkan sepenuhnya pengiktirafan antarabangsa, peningkatan perlindungan dan kemudahan insurans serta status sebagai pusat rujukan serantau untuk menarik lebih ramai pesakit luar negara untuk mendapatkan rawatan sebagai pesakit dalam, bagi pelbagai jenis penyakit, dan meningkatkan hasil bagi setiap pesakit.

### Pendidikan tinggi swasta

Tumpuan akan terus diberikan untuk membangunkan institusi pendidikan tinggi swasta yang bereputasi tinggi dan berkualiti. Usaha pembangunan ini termasuk peningkatan penyertaan dalam sistem penarafan dan penilaian kualiti. Institusi pendidikan tinggi swasta yang mempunyai rekod pencapaian yang baik akan dibenarkan untuk mengawal selia sendiri. Kakitangan akademik akan diberikan akses kepada biasiswa dan pinjaman untuk meningkatkan kelayakan akademik. Mekanisme pembiayaan bersasar akan dibangunkan untuk


memastikan pelajar yang layak menerima pinjaman yang mencukupi. Bagi menggalakkan eksport perkhidmatan pendidikan, langkah yang sesuai akan diperkenalkan untuk menarik pelajar dari negara yang disasarkan seperti Republik Rakyat China dan Asia Tengah.

### Ekopelancongan

Ekopelancongan akan dijadikan segmen utama industri pelancongan dengan memanfaatkan aset biodiversiti melalui pemeliharaan dan pemuliharaan yang meluas, disokong oleh aktiviti penjenamaan dan promosi bersasar. Produk ekopelancongan akan dibangunkan sepanjang rangkaian nilai pelancongan yang mempunyai pulangan tinggi. Bagi tujuan ini, usaha akan diambil untuk menarik pelabur terkemuka yang kompeten dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi dan hidupan liar. Elemen yang boleh meningkatkan pengalaman dan kepuasan pelancong seperti kemudahan pelancongan, pusat penerangan yang interaktif, keselamatan dan komunikasi akan diperkukuh. Pembangunan ekopelancongan juga akan menawarkan peluang lebih besar kepada penduduk tempatan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pelancongan yang menjadi sumber pendapatan untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

### Perkhidmatan profesional

Malaysia akan terus dipromosikan sebagai pusat penyumberan luar perkhidmatan profesional bagi meningkatkan eksport perkhidmatan profesional dalam aktiviti berintensif pengetahuan seperti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat (MRO), minyak dan gas dan pembinaan. Syarikat perkhidmatan profesional juga akan digalakkan untuk meningkatkan keupayaan dan membesarkan skala dalam bidang terpilih melalui penggabungan industri, kerjasama dengan syarikat yang lebih besar atau membentuk konsortium dalam pelbagai bidang kepakaran. Langkah ini akan meningkatkan keupayaan syarikat untuk membida projek sama ada pada peringkat domestik atau antarabangsa. Peningkatan keupayaan ini akan membolehkan syarikat perkhidmatan profesional berkongsi pengetahuan teknikal, mendapat kepercayaan dan memanfaatkan rangkaian dan sinergi apabila menerokai pasaran luar negara. Syarikat perkhidmatan profesional yang berkaitan akan digalakkan untuk menggunakan FTA dan perjanjian pengiktirafan bersama (MRA) bagi meningkatkan pengantarabangsaan. Halangan bukan tarif dalam pasaran yang disasarkan akan dapat dikurangkan melalui rundingan antara kerajaan dengan kerajaan secara proaktif.



## Bidang fokus B Memperkukuh sektor pembuatan

Dalam tempoh RMKe-11, sektor pembuatan akan beralih kepada pengeluaran produk bernilai tinggi, lebih kompleks dan pelbagai. Proses peralihan ini dipacu oleh tiga subsektor pemangkin, iaitu kimia, E&E dan mesin dan peralatan (M&E) serta industri yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti peranti perubatan dan aeroangkasa. Subsektor ini mempunyai kesalinghubungan yang kuat dengan subsektor pembuatan yang lain serta berkeupayaan dan berpotensi mengeluarkan produk yang lebih kompleks dan bernilai tambah tinggi. Sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar 5.1% setahun. Pada tahun 2020, sektor ini dijangka menyumbang sebanyak 22.1% kepada KDNK serta 18.2% kepada jumlah guna tenaga.

Proses peralihan ini akan disokong melalui pengukuhan aktiviti R&D, amalan pembuatan mampan, pematuhan kepada standard global dan peningkatan kerjasama antara pihak berkepentingan. Lima strategi berikut telah dikenal pasti untuk memacu pertumbuhan dan memperkukuh sektor pembuatan, seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 8-10:

- **Strategi B1: Mengeluarkan produk yang lebih kompleks** dan pelbagai dengan memperkukuh asas pengeluaran dan meningkatkan eksport produk *frontier*;
- **Strategi B2: Meningkatkan produktiviti melalui automasi** yang disokong oleh bantuan bukan kewangan dan bantuan kewangan yang berasaskan prestasi serta kerjasama dengan industri;
- **Strategi B3: Menggalakkan pertumbuhan berasaskan inovasi** dengan melibatkan perantara untuk meningkatkan aktiviti R&D dan inovasi bagi melaksanakan amalan penggunaan dan pengeluaran mampan;

Paparan 8-10

### Rangka kerja strategik sektor pembuatan



- **Strategi B4: Memperkukuh pemboleh pertumbuhan melalui peningkatan akses** kepada pembiayaan, pemberian insentif berasaskan prestasi serta peningkatan daya saing rangkaian bekalan logistik dan kawasan perindustrian; dan
- **Strategi B5: Melonjakkan pengantarabangsaaan** dengan menyediakan sokongan bersasar kepada pengeksport, memanfaatkan AEC dan FTA serta menggalakkan perkongsian pintar antara PKS dengan MNC.

## Strategi B1 Mengeluarkan produk yang lebih kompleks dan pelbagai

Kepelbagaian strategik sektor pembuatan akan digalakkan untuk memperkukuh asas pengeluaran dan meningkatkan eksport. *The Complexity Analysis Study of Malaysia's Manufacturing Industries 2014* telah mengenal pasti 238 produk *frontier* yang dikategorikan sebagai kompleks, boleh dihasilkan dengan menggunakan teknologi sedia ada serta mempunyai nilai strategik untuk dipelbagaikan. Antara produk tersebut adalah laser elektrik, sinar foton, peralatan sinar-X, produk kosmetik, produk pelincir dan peralatan kuasa serta pencetus elektrik.

Insentif akan disediakan kepada pengilang yang mempelbagaikan produk dengan menyenaraikan produk *frontier* dalam senarai produk galakan MIDA. Skop dana sedia ada di bawah seliaan pelbagai agensi akan diperluas bagi menggalakkan PKS, khususnya syarikat baru mula menceburi industri *frontier*. Perkongsian antara PKS dengan firma besar termasuk MNC akan digalakkan bagi membangunkan keupayaan PKS dalam menghasilkan produk *frontier* dan mendapat akses kepada pasaran eksport. Pasukan petugas akan ditubuhkan bagi menggalakkan kerjasama penyelidikan dalam subsektor kimia dan M&E dengan mengguna pakai model Pusat Collaborative Research in Engineering, Science & Technology (CREST) dalam subsektor E&E. Selain itu, jurang kemahiran pekerja dengan keperluan industri yang akan menghasilkan produk *frontier* akan dirapatkan melalui kerjasama antara industri dengan institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

## Strategi B2 Meningkatkan produktiviti melalui automasi

Usaha untuk meningkatkan produktiviti akan dilaksanakan melalui peningkatan automasi dan pembangunan kemahiran. Peningkatan automasi dan penggunaan teknologi akan digalakkan melalui bantuan bukan kewangan dan bantuan kewangan berasaskan prestasi untuk mengurangkan kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing tidak mahir. Sistem levi sedia ada akan diperkemas dan penetapan jumlah pengambilan pekerja asing tidak mahir akan diperkenalkan. Pembangunan kemahiran akan diperkukuh dengan meningkatkan latihan yang dipacu oleh industri melalui kerjasama yang lebih meluas antara pakar industri dengan institut latihan bagi memastikan ketersediaan tenaga kerja mahir.

## Strategi B3 Menggalakkan pertumbuhan berasaskan inovasi

Pengilang akan digalakkan untuk menjalankan aktiviti R&D dan inovasi untuk menambah baik produk dan proses dengan memanfaatkan institusi penyelidikan sedia ada melalui perantara. Kerjasama strategik dengan negara maju akan dipertingkatkan terutamanya dalam bidang teknologi, inovasi dan R&D untuk mengukuhkan keupayaan dalam menghasilkan produk yang bernilai tinggi. Perantara yang telah ditubuhkan termasuk Steinbeis, SIRIM-Fraunhofer dan PlaTCOM. Perantara tersebut akan mendapatkan khidmat pakar untuk menyelesaikan masalah pengeluaran dan mengukuhkan kerjasama antara pengeluar dengan institusi penyelidikan. Kerjasama ini juga boleh mengurangkan kos melaksanakan R&D, meningkatkan pengetahuan teknikal serta menambah baik proses kerja pengilang. Di samping itu, perkongsian dan perlindungan hak IP akan digalakkan melalui penetapan garis panduan yang jelas dan telus dalam memastikan pulangan yang saksama kepada pengeluar dan penyelidik. Persatuan industri dan dewan perniagaan juga akan dijadikan sebagai platform untuk menggalakkan aktiviti R&D dan penggunaan teknologi.

Amalan penggunaan dan pengeluaran mampan akan dilaksanakan dalam proses pembuatan, terutamanya melalui penggunaan penilaian kitaran hayat untuk mengoptimumkan penggunaan bahan mentah. Pembangunan sektor pembuatan juga akan diselaraskan dengan komitmen pelbagai hala berkaitan alam sekitar bagi memastikan produk mematuhi standard antarabangsa dan mengatasi halangan perdagangan bukan tarif.

## Strategi B4 Memperkuh pemboleh pertumbuhan

Pembiayaan, insentif, perkhidmatan logistik dan kawasan perindustrian merupakan pemboleh utama pertumbuhan bagi sektor pembuatan. Penambahbaikan akan dilaksanakan melalui pengukuhan pemboleh pertumbuhan bagi memudahkan akses kepada pembiayaan termasuk menggalakkan institusi kewangan meningkatkan kefahaman mengenai proses dan risiko inovasi melalui penglibatan panel pakar dalam membuat penilaian projek perniagaan dan inovasi dalam bidang baharu. Insentif khusus dan insentif berasaskan prestasi yang mempunyai petunjuk prestasi utama dan dasar pemisah yang jelas untuk meningkatkan produktiviti dan menggalakkan inovasi akan diperkenalkan. Kecekapan rantai bekalan logistik yang bersepadu akan ditambah baik bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan kelebihan daya saing. Pendekatan kos kitaran hayat yang lengkap akan diguna pakai untuk memastikan kawasan perindustrian yang lebih berdaya maju dan mampan, disokong oleh model pengurusan kawasan perindustrian mandiri untuk meningkatkan tadbir urus kawasan perindustrian dan daya saing. MIDA akan menggunakan pangkalan data berpusat bagi menyelaraskan maklumat kawasan perindustrian untuk memudahkan promosi pelaburan.

## Strategi B5 Melonjakkan pengantarabangsaan

Keupayaan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan agensi berkaitan akan diperkukuh untuk membantu syarikat tempatan yang bersedia mengeksport menembusi pasaran eksport yang lebih luas dan mempunyai kawalan yang lebih baik dalam pengedaran produk. Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan akan terus dipergiat untuk mempercepat pertumbuhan eksport bagi syarikat pertengahan (syarikat berpendapatan tahunan purata antara RM20 juta hingga RM500 juta) dengan menyediakan risikan pasaran bersasar, meningkatkan keupayaan eksport dan memadankan syarikat pertengahan dengan rakan perniagaan yang sesuai di luar negara. Di samping itu, Majlis Eksport Negara yang baru ditubuhkan akan mengenal pasti jurang dan cabaran dalam rantaian bekalan eksport.

AEC dan FTA akan dimanfaatkan bagi mempertingkatkan eksport dan kemasukan pelaburan. MATRADE akan menggalakkan hubungan industri dalam kalangan negara anggota ASEAN untuk mengukuhkan rantai bekalan dan jaringan pengeluaran. Langkah ini akan dapat memaksimumkan peluang pasaran di rantau Asia Tenggara dan pasaran lain. Pihak industri digalakkan untuk memanfaatkan FTA bagi melindungi pelaburan dan memudahkan akses kepada pasaran luar. Peranan persatuan industri juga akan terus diperkukuh melalui perkongsian pintar dengan persatuan industri di negara lain bagi menghadapi persaingan global. Di samping itu, kerjasama yang lebih erat antara MNC dengan PKS akan dipergiat melalui Program Pembangunan Vendor, konsep operasi kilang-dalam-kilang dan menggalakkan MNC menggunakan input tempatan terutamanya daripada PKS.



## Bidang fokus C

# Memodenkan sektor pertanian

Dalam tempoh RMKe-11, sektor pertanian yang terdiri daripada subsektor agromakanan dan komoditi industri akan ditransformasi dan dimodenkan supaya menjadi sektor berpendapatan tinggi dan mampan. Sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar 3.5% setahun dan menyumbang sebanyak 7.8% kepada KDNK pada tahun 2020. Komoditi industri akan menyumbang sebanyak 57% kepada nilai ditambah pertanian sementara agromakanan sebanyak 42.4% pada tahun 2020. Usaha akan ditumpukan untuk menjamin bekalan makanan, meningkatkan produktiviti, mempertingkatkan kemahiran petani, nelayan dan pekebun kecil, menambah baik khidmat sokongan dan penyampaian, memperkukuh rantaian bekalan dan memastikan pematuhan terhadap keperluan pasaran antarabangsa. Pembangunan sektor ini juga akan mengambil kira impak perubahan iklim ke atas kemampuan amalan pertanian. Tumpuan khusus juga akan diberikan kepada pekebun kecil komoditi industri untuk meningkatkan lagi produktiviti melalui penerapan teknologi moden bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja dan menangani kesan harga komoditi yang rendah melalui langkah penstabilan pendapatan pekebun kecil. Tujuh strategi telah dikenal pasti bagi merencanakan pertumbuhan sektor pertanian:

- **Strategi C1: Meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil** melalui peluasan penggunaan ICT dan teknologi pertanian, pengekalan dan penggunaan tanah pertanian secara optimum dan penggiatan R&D&C dalam bidang keutamaan;
- **Strategi C2: Meningkatkan latihan dan pembangunan agropreneur muda** melalui kerjasama antara agensi dengan pihak swasta untuk memodenkan teknik pertanian dan memupuk lebih banyak syarikat baru mula;
- **Strategi C3: Memperkukuh sokongan institusi dan khidmat pengembangan** dengan menyelaraskan khidmat pengembangan dan menggalakkan khidmat nasihat daripada industri dan akademia;
- **Strategi C4: Memperkasa keupayaan koperasi dan pertubuhan pertanian di sepanjang rantaian bekalan** dengan mengintegrasikan secara menegak rantaian bekalan bagi tanaman terpilih, meningkatkan kemahiran pengurusan dan menggembelng sumber untuk promosi dan eksport;
- **Strategi C5: Menambah baik akses pasaran dan logistik** dengan memperkukuh sokongan logistik dan meningkatkan akses kepada pasaran domestik dan antarabangsa;
- **Strategi C6: Memperluas akses pembiayaan pertanian** melalui penstrukturan semula mekanisme pembayaran balik pinjaman dan meningkatkan kemampuan mekanisme pembiayaan bagi program tanam semula; dan
- **Strategi C7: Mempergiat program insentif berasaskan prestasi dan pensijilan** dengan menggalakkan petani mendapatkan pensijilan ladang dan memberikan keutamaan kepada ladang yang mendapat pensijilan bagi insentif dan sokongan.

## Strategi C1

### Meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil

#### Memperluas penggunaan ICT dan teknologi pertanian

Penggunaan teknologi pertanian pintar dan ICT dalam aktiviti ladang, kebun, ternakan dan perikanan akan dipergiat untuk menambah baik kecekapan pengeluaran dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja. Aplikasi berasaskan ICT, seperti pengurusan ladang, pertanian tepat, pemantauan dan pengawasan akan diperluas bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran. Aplikasi telefon mudah alih dan portal akan digunakan untuk menyebarkan maklumat secara masa sebenar mengenai permintaan pasaran dan harga, pengesanan awal dan isyarat amaran wabak penyakit serta menyediakan platform interaktif untuk nasihat teknikal.

#### Mengekalkan dan menggunakan tanah pertanian secara optimum

Kerajaan negeri akan digalakkan untuk mengekalkan tanah pertanian terutamanya kawasan jelapang padi dan taman kekal pengeluaran makanan melalui pewartaan tanah pertanian. Bagi tujuan ini, insentif dalam bentuk infrastruktur termasuk jalan ladang dan geran akan disediakan kepada kerajaan negeri sebagai pampasan kehilangan hasil. Pertanian bersepadu dan tanaman sulaman di ladang dan kebun akan dipergiat untuk mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian serta meningkatkan pendapatan petani. Pangkalan data tanah terbiar akan diwujudkan melalui kerjasama antara kementerian dengan pejabat tanah negeri. Tanah tersebut seterusnya akan dipajak kepada petani dan syarikat korporat untuk aktiviti pertanian.

## Mempergiat penyelidikan & pembangunan dan pengkomersialan dalam bidang keutamaan

Tumpuan akan diberikan kepada R&D&C khususnya dalam pembangunan biji benih, baka, benih ikan, dan makanan haiwan berkualiti, pengurusan bersepadu makhluk perosak dan penyakit serta penambahbaikan dan pembangunan produk hijau. Selain itu, penyelidikan akan ditumpukan untuk menangani isu perubahan iklim bagi memastikan tanaman, ternakan dan perikanan yang berdaya tahan iklim. Kerjasama dalam penyelidikan pertanian akan diterajui oleh agensi pengurusan penyelidikan (RMA) dengan sokongan daripada agensi penyelidikan pertanian seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), universiti dan pusat penyelidikan swasta. Kerjasama ini akan dapat memastikan penglibatan petani dan industri dalam penyelidikan. Di samping itu, penyelidikan yang akan dilaksanakan adalah berasaskan pasaran yang dapat menggalakkan penggunaan hasil kajian dalam kalangan industri dan petani.

## Strategi C2

### Meningkatkan latihan dan pembangunan agropreneur muda

Fokus akan diberikan untuk menambah baik kemahiran bertani dan keusahawanan dalam kalangan petani bagi memodenkan sektor pertanian. Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) dan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) akan bekerjasama dengan institut pengajian tinggi dan industri secara berterusan untuk mengkaji semula kurikulum latihan supaya selaras dengan keperluan industri. Kemahiran petani, nelayan dan pekebun kecil akan dinilai dan program peningkatan kemahiran akan dilaksanakan bagi membantu mereka mengguna pakai teknologi moden dan amalan pertanian baik.

Program pembangunan keusahawanan akan diperkenalkan dengan kerjasama antara NATC, IMPAC, Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MaGIC) dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) untuk membantu dan memupuk lebih banyak syarikat baru mula, terutamanya kendalian usahawan tani muda, membina perniagaan tani yang berjaya dan mampan. Bagi memudahkan pelaksanaan latihan keusahawanan, kemudahan sedia ada di institut latihan pertanian akan dioptimumkan. Di samping itu, program agropreneur muda, iaitu usaha sama antara Agrobank dengan universiti dan institut latihan pertanian akan terus digalakkan untuk menarik minat penuntut institusi tersebut menceburi perniagaan tani. Peserta program ini akan diberikan keutamaan untuk mendapatkan geran dan pinjaman mudah bagi memulakan perniagaan.

### Strategi C3

## Memperkuh sokongan institusi dan khidmat pengembangan

Khidmat pengembangan yang disediakan oleh pelbagai agensi akan dikaji semula berdasarkan lokasi, aktiviti pertanian dan keperluan perkhidmatan. Pegawai pengembangan akan digembleng untuk memberi khidmat nasihat kepada petani, nelayan dan pekebun kecil melalui pusat sehati yang akan ditubuhkan di agensi sedia ada. Pegawai pengembangan berkenaan akan dilatih dalam bidang seperti penternakan, akuakultur, penanaman sawit dan getah, penggunaan teknologi moden, kaedah pertanian mampan dan pengurusan impak perubahan iklim. Penggunaan teknologi moden seperti alat penderiaan jauh dan dron akan digalakkan untuk aktiviti perancangan dan pemantauan. Selain itu, sektor swasta, universiti dan pertubuhan peladang akan digalakkan untuk memberikan khidmat nasihat dan teknikal dalam bidang pengkhususan masing-masing.

### Strategi C4

## Memperkasa keupayaan koperasi dan pertubuhan pertanian di sepanjang rantai bekalan

Pendekatan berasaskan kluster yang akan mengintegrasikan secara menegak pengeluaran, kawalan mutu, pemprosesan dan pemasaran akan digalakkan untuk menarik penyertaan koperasi dan pertubuhan pertanian dalam agromakanan dan komoditi industri di sepanjang rantai bekalan. Pendekatan ini akan memastikan petani dan pekebun kecil memperoleh pendapatan yang tinggi secara berterusan melalui jaminan kontrak pembelian, harga pada peringkat ladang yang lebih baik dan perkongsian keuntungan daripada aktiviti pemprosesan. Kelompok khusus akan dibangunkan untuk komoditi getah, koko, buah-buahan dan sayur-sayuran. Kelompok tersebut akan diuruskan oleh golongan profesional yang dilantik oleh koperasi atau pertubuhan peladang kawasan bagi memastikan kejayaan pendekatan berasaskan kluster. Di samping itu, keupayaan koperasi dan pertubuhan termasuk persatuan nelayan dalam bidang pengurusan, kewangan, pelaburan dan pemasaran akan diperkuh bagi membolehkan entiti tersebut menceburi bidang perniagaan baharu di sepanjang rantai bekalan. Persatuan nelayan akan diberikan insentif bagi membantu ahli membeli kapal laut dalam yang dilengkapi dengan peralatan moden melalui skim khas. Bantuan akan diberikan kepada pekebun kecil dalam komoditi industri bagi menubuhkan koperasi baharu.

Profesionalisme dalam pengurusan koperasi akan dipertingkatkan melalui penempatan peserta program agropreneur muda yang akan menyemarakkan kedinamikan dan budaya keusahawanan. Di samping itu, koperasi dan pertubuhan akan digalakkan untuk menggembeng sumber sedia ada dan menyertai pelbagai aktiviti pameran dan promosi pada peringkat dalam dan luar negara untuk memperoleh kontrak bagi produk mereka. Bantuan dari segi geran sepadan dan pinjaman mudah akan disediakan bagi aktiviti pengujian, pembungkusan dan promosi produk pada peringkat koperasi atau persatuan.



## Strategi C5

### Menambah baik akses pasaran dan sokongan logistik

Pemasaran produk pertanian akan ditambah baik dengan menghubungkan pengeluar kepada outlet komersial, mewujudkan lebih banyak outlet pemasaran dan meningkatkan produk yang mematuhi standard pasaran. Pemasaran dalam talian, promosi dan penjenamaan juga akan membantu meningkatkan hasil jualan. Penglibatan langsung Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam memasarkan keluaran pertanian melalui urusan perladangan kontrak akan dikaji semula. Di samping itu, MATRADE akan mempergiat promosi produk pertanian pada peringkat antarabangsa melalui pameran perdagangan dan makanan dengan kerjasama atase pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Promosi komoditi industri termasuk minyak sawit, getah, kayu dan produk berasaskan kayu pula akan dipergiat melalui pejabat luar negara MPOB, Majlis Minyak Sawit Malaysia, Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia dan Majlis Kayu Kayan Malaysia di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Sokongan logistik untuk pengumpulan, pengagihan dan pemasaran hasil pertanian serta produk perikanan akan ditambah baik bagi menjamin kualiti, meminimumkan kadar kerugian lepas tuai dan mengurangkan kos pemasaran. Pusat pengumpulan dan pengagihan akan dibina di kawasan pengeluaran baharu dan sedia ada, manakala kemudahan pengendalian dan bilik sejuk yang baharu akan dibina dan sedia ada dinaik taraf berdasarkan keperluan di kompleks perikanan, pelabuhan dan lapangan terbang bagi mempermudah eksport khususnya produk mudah rosak. Penggunaan logistik halal dan hijau akan diberikan penekanan untuk meningkatkan kebolehpasaran eksport produk pertanian.

## Strategi C6

### Memperluas akses pembiayaan pertanian

Pembiayaan Kerajaan melalui Agrobank akan distruktur semula daripada pembiayaan berjangka tetap kepada bayaran fleksibel berdasarkan pusingan tuaian komoditi agromakanan. Kaedah bayaran balik pinjaman berdasarkan pusingan tuaian yang diguna pakai untuk padi akan diperluas kepada komoditi agromakanan lain seperti akuakultur dan sayur-sayuran. Di samping itu, kaedah pembiayaan ini lebih fleksibel dengan insurans kredit akan dibenarkan sebagai ganti cagaran pinjaman.

Kesesuaian mekanisme pembiayaan sedia ada bagi penanaman semula getah melalui kutipan ses akan dikaji untuk diperluas kepada tanaman semula kelapa sawit, koko dan lada. Ini untuk memastikan ketersediaan dana yang berkekalan bagi membiayai aktiviti penanaman semula komoditi berkenaan. Perbezaan antara kos sebenar penanaman semula dan jumlah kutipan ses akan dibiayai melalui skim pinjaman mudah. Skim pinjaman ini akan diurus oleh koperasi pekebun kecil atau Agrobank bagi pekebun kecil persendirian. Pinjaman bagi pekebun kecil tersusun pula akan diurus oleh agensi yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Industri Getah Sabah dan Lembaga Koko Malaysia.

## Strategi C7

### Mempergiat program insentif berasaskan prestasi dan pensijilan

Subsidi berasaskan input akan diganti secara berperingkat dengan pemberian insentif berasaskan prestasi bagi memastikan bantuan yang diberikan adalah berdasarkan produktiviti. Insentif juga akan disediakan bagi menggalakkan petani dan pekebun kecil mendapat pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) dan pensijilan ladang yang lain seperti Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) yang seterusnya dapat memastikan hasil ladang mematuhi amalan pertanian baik, keperluan keselamatan makanan dan memperoleh harga premium.

Ladang yang diakreditasi akan diberikan keutamaan dalam pemberian geran dan pinjaman mudah. Di samping itu, pensijilan MyGAP akan diperkemas dan diselaraskan dengan keperluan Global GAP bagi meningkatkan akses kepada pasaran, khususnya pasaran Kesatuan Eropah. Produk yang mendapat pensijilan MyGAP mempunyai kelebihan dan ciri-ciri tersebut akan dipromosikan kepada pengguna melalui kempen dan program kesedaran. Pada masa yang sama, pensijilan kualiti bagi produk komoditi industri seperti minyak sawit, koko dan lada, dan pensijilan pengurusan perhutanan mampan bagi ladang hutan akan digalakkan. MSPO iaitu skim pensijilan minyak sawit mampan akan dipromosikan kepada sektor perladangan dan pekebun kecil bagi memastikan minyak sawit Malaysia mematuhi amalan pertanian mampan dan membolehkan akses kepada pasaran yang lebih luas. Di samping itu, Skim Pensijilan Kayu Malaysia iaitu skim pensijilan kayu yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa juga akan digalakkan.



## Bidang fokus D

# Mentransformasikan sektor pembinaan

Sektor pembinaan menjadi semakin penting berikutan peningkatan permintaan terhadap infrastruktur yang moden dan cekap selari dengan matlamat negara maju. Dalam tempoh RMKe-11, sektor pembinaan dijangka berkembang pada kadar 10.3% setahun dan menyumbang RM327 bilion atau 5.5% kepada KDNK menjelang tahun 2020. Kerajaan akan memperkenalkan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP), 2016-2020 untuk memesatkan pembangunan industri bagi memenuhi permintaan pasaran. Dalam tempoh RMKe-11, usaha mentransformasi sektor pembinaan akan berdasarkan empat strategi, iaitu:

- **Strategi D1: Meningkatkan kandungan pengetahuan** melalui peningkatan kualiti modal insan, pengukuhan pembangunan kapasiti dan keupayaan PKS dan kontraktor Bumiputera, serta pengurangan ketidakpadanan antara permintaan dan penawaran tenaga kerja;
- **Strategi D2: Memacu produktiviti** melalui peningkatan penggunaan teknologi dan pemodenan kaedah pembinaan;
- **Strategi D3: Memupuk amalan lestari** dalam rantaian nilai pembinaan dan menggubal undang-undang yang menyokong aktiviti pembinaan lestari; dan
- **Strategi D4: Meningkatkan pengantarabangsaan** melalui pembangunan kapasiti dan skala firma pembinaan, menangani isu menerusi rundingan antara kerajaan, dan memanfaatkan SEF.

### Strategi D1

## Meningkatkan kandungan pengetahuan

Strategi untuk meningkatkan kandungan pengetahuan dalam industri pembinaan termasuk meningkatkan kualiti modal insan, mempercepat pembangunan kapasiti dan keupayaan PKS dan kontraktor Bumiputera, dan mengurangkan ketidakpadanan antara permintaan dengan penawaran tenaga kerja. Inisiatif utama termasuk memperkukuh kerjasama antara Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), lembaga profesional dan institusi latihan untuk membangunkan modul latihan yang memenuhi keperluan industri. Program perantisan pekerja ketukangan yang berstruktur bagi kursus terpilih seperti penyelia keselamatan, pengendali kren dan pengendali gerudi rotary akan diperkenalkan untuk mewujudkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Keupayaan PKS terutamanya syarikat milik Bumiputera akan ditingkatkan dengan sokongan daripada rakan kongsi utama serta penubuhan pusat kecemerlangan produktiviti untuk perkongsian amalan terbaik. Perancangan tenaga kerja secara berkala untuk mengurangkan ketidakpadanan antara permintaan dengan penawaran juga akan dilaksanakan. Peratusan pekerja asing yang berkemahiran tinggi akan ditingkatkan dengan memantapkan syarat kemasukan pekerja asing dan memperkenalkan sistem levi yang baharu.

## Strategi D2

### Memacu produktiviti

Strategi untuk meningkatkan produktiviti sektor pembinaan akan tertumpu kepada usaha untuk meningkatkan penggunaan teknologi dan pemodenan kaedah pembinaan serta mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja kurang mahir. Produktiviti buruh bagi sektor pembinaan disasarkan meningkat sebanyak 1.6 kali, iaitu daripada RM39,116 bagi setiap pekerja pada tahun 2015 kepada RM61,939 pada tahun 2020. Antara inisiatif bagi memacu produktiviti adalah meningkatkan penggunaan IBS melalui semakan dasar perolehan awam dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Peraturan sedia ada untuk memudahkan proses pengendalian perniagaan akan ditambah baik. Usaha penambahbaikan proses perolehan permit pembinaan yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan diperluas kepada pihak berkuasa tempatan lain. Selain itu, penggunaan ICT akan dipertingkatkan dengan menyediakan platform bagi membolehkan BIM diguna pakai melalui kaedah bayaran berasaskan penggunaan.

## Strategi D3

### Memupuk amalan lestari

Selaras dengan peningkatan keperluan amalan pembinaan hijau, strategi akan menjurus kepada kelestarian infrastruktur binaan. Strategi ini termasuk memupuk amalan hijau dalam rantai nilai pembinaan dan menggubal undang-undang yang menyokong aktiviti pembinaan yang lestari. Tiga inisiatif bagi menggalakkan kelestarian alam sekitar adalah mewajibkan syarikat kontraktor mematuhi amalan pengurusan sisa yang lestari dengan mendapatkan pensijilan EMS ISO 14001;

menambah baik sistem penarafan bangunan dan membangunkan standard baharu untuk pembangunan infrastruktur; dan meningkatkan kesedaran dan akauntabiliti mengenai kesihatan, keselamatan dan persekitaran (HSE), serta mewajibkan amalan baik HSE. Tahap kualiti minimum kemudahan yang disediakan kepada pekerja akan dipertingkatkan dalam kod amalan pembinaan dan dijadikan sebagai terma wajib dalam kontrak.

## Strategi D4

### Meningkatkan pengantarabangsaan

Strategi untuk meningkatkan pengantarabangsaan syarikat akan memberikan tumpuan kepada meningkatkan keupayaan dan skala firma. PKS yang berprestasi tinggi akan digalakkan menjalinkan kerjasama dengan syarikat yang lebih besar atau membentuk konsortium pelbagai bidang kepakaran bagi membida projek antarabangsa. Dasar perolehan awam akan dikaji semula bagi memudahkan pembentukan konsortium. Di samping itu, firma akan digalakkan untuk memanfaatkan FTA dan MRA, dan memberikan maklum balas kepada Kerajaan mengenai cabaran yang dihadapi apabila meneroka pasaran luar negara untuk membolehkan isu-isu yang dibangkitkan ditangani pada peringkat antara kerajaan dengan kerajaan. Pembiayaan SEF merangkumi aktiviti seperti pembidaan, perundingan, pelaksanaan kajian kemungkinan projek antarabangsa dan aktiviti promosi eksport akan membantu syarikat pembinaan untuk mendapatkan projek di luar negara.



## Bidang fokus E

# Membangunkan PKS yang dinamik

Dalam tempoh RMKe-11, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan PKS yang berdaya tahan dan mampan untuk mencapai pertumbuhan seimbang dan inklusif. Sumbangan PKS kepada KDNK dijangka meningkat kepada 41% pada tahun 2020.

Pembangunan PKS adalah berdasarkan kepada Pelan Induk PKS 2012-2020 yang merangkumi enam strategi seperti yang berikut:

- **Strategi E1: Meningkatkan produktiviti melalui automasi dan inovasi** dengan menggalakkan penggunaan ICT dan meneruskan program Platform Pengkomersialan Teknologi (TCP) dan program Inovasi Inklusif;
- **Strategi E2: Memperkasa pembangunan modal insan dalam kalangan PKS** melalui latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja dengan kerjasama industri;
- **Strategi E3: Memudahkan urusan perniagaan PKS** dengan mempermudah proses memulakan dan melesenkan perniagaan serta meningkatkan akses kepada pembiayaan;
- **Strategi E4: Meningkatkan permintaan bagi produk dan perkhidmatan PKS** dengan mengkaji semula dasar berkaitan perolehan daripada PKS dan menggalakkan PKS untuk mematuhi standard dan pensijilan antarabangsa untuk meningkatkan eksport;
- **Strategi E5: Mewujudkan jaguh PKS kelahiran tempatan** melalui Program Pemangkin untuk membangunkan PKS berprestasi tinggi yang dapat bersaing di pasaran serantau dan antarabangsa; dan
- **Strategi E6: Membangunkan PKS di Sabah dan Sarawak** dengan memperkukuh infrastruktur, menggalakkan peluasan pasaran melalui e-dagang, mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan akses kepada bantuan kerajaan.

### Strategi E1

## Meningkatkan produktiviti melalui automasi dan inovasi

PKS akan digalakkan untuk mempertingkatkan penggunaan automasi dalam proses pengeluaran dan perkhidmatan perniagaan. Penggunaan ICT yang lebih menyeluruh akan dipergiat, terutamanya dalam operasi perniagaan, pengurusan rantai bekalan dan sistem penyampaian. Dua program berimpak tinggi sedia ada, iaitu TCP dan Inovasi Inklusif akan diteruskan. TCP menghubungkan inisiatif inovasi di bawah satu platform yang bertujuan mengurangkan halangan pasaran dan pembiayaan kepada inovasi. Fasilitas menyeluruh ini membolehkan PKS menggunakan teknologi, memperoleh IP dan mendapat pembiayaan peringkat awal. PlaTCOM yang ditubuhkan pada tahun 2014 akan meneruskan pelaksanaan TCP untuk membantu PKS berinovasi dan mengkomersialkan produk dan perkhidmatan. Program Inovasi Inklusif pula bertujuan memperkasa perusahaan mikro di luar bandar dan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah untuk memanfaatkan inovasi. Program ini akan menyediakan sokongan teknikal, kewangan dan pengurusan kepada kumpulan sasar bagi menggalakkan inovasi pada peringkat akar umbi.

### Strategi E2

## Memperkukuh pembangunan modal insan dalam kalangan PKS

Kurikulum TVET akan diperkukuh dengan mengambil kira input yang lebih besar daripada pihak industri untuk menyediakan pekerja PKS yang berkemahiran. Selain itu, program latihan peningkatan kemahiran dan latihan semula pekerja akan dipergiat bagi membolehkan mereka bekerja

dalam pekerjaan bergaji tinggi. Langkah pengukuhan pembangunan sumber manusia akan memastikan lepasan institusi pendidikan dan latihan dapat memenuhi keperluan industri dan mewujudkan budaya keusahawanan dalam masyarakat.

### Strategi E3

#### Mempermudah urusan perniagaan PKS

Pengintegrasian Nombor Identiti Korporat Malaysia (MyCoID) dan Sistem Sokongan Elektronik Lesen Perniagaan (BLESS) akan memudahkan proses memulakan perniagaan, dan menggalakkan penubuhan dan pelesenan perniagaan. PKS digalakkan untuk melibatkan pakar industri dalam penyediaan kertas cadangan terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti teknologi dan inovasi untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan. Di samping itu, Program Rakan Pelaburan PKS (SIP) akan memperkenalkan kaedah pembiayaan baharu bagi syarikat tunas dengan menggabungkan ekuiti dan pinjaman serta menyediakan pembiayaan sehingga 100%. Pembiayaan SIP akan melengkapkan landskap modal teroka, ekuiti swasta dan pembiayaan budiman sedia ada. PKS akan digalakkan untuk menggableng sumber, memanfaatkan perkongsian perkhidmatan dan membuat perolehan input dan bahan mentah secara pukal bagi mengurangkan kos perniagaan.

### Strategi E4

#### Meningkatkan permintaan untuk produk dan perkhidmatan PKS

Dasar Kerajaan berkaitan perolehan daripada PKS yang berdaya saing akan dikaji semula bagi meningkatkan permintaan untuk produk dan perkhidmatan tempatan yang berkualiti. Syarikat berkaitan kerajaan dan MNC juga akan digalakkan untuk membeli produk dan perkhidmatan daripada PKS serta melabur dalam program pembangunan pembekal. PKS akan memanfaatkan pendekatan konsortium untuk meningkatkan kuantiti tempahan terhadap produk dan perkhidmatan PKS. PKS juga

akan digalakkan untuk mematuhi standard pasaran dan pensijilan seperti Amalan Pembuatan yang Baik (GMP), pelabelan eko dan Analisis Bahaya & Titik Kawalan Kritikal (HACCP). Program Going Export (GoEx) akan dikembangkan bagi membantu PKS menerokai pasaran eksport baharu.

### Strategi E5

#### Mewujudkan jaguh PKS kelahiran tempatan

Program Pemangkin akan menghapuskan halangan dan membantu PKS kelahiran tempatan yang berpotensi menjadi jaguh untuk bersaing di pasaran serantau dan antarabangsa. Pemilihan PKS adalah berdasarkan kepada kriteria yang jelas dan telus untuk mengenal pasti PKS yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan paling layak untuk menyertai program ini. PKS yang dipilih akan diberikan bantuan dalam bentuk pembiayaan, akses kepada pasaran dan pembangunan modal insan.

### Strategi E6

#### Membangunkan PKS di Sabah dan Sarawak

Pembangunan infrastruktur di Sabah dan Sarawak akan diberikan keutamaan bagi membolehkan PKS mengembangkan perniagaan. Usaha ini termasuk meningkatkan liputan dan kualiti rangkaian telekomunikasi, bekalan elektrik dan air serta ketersambungan pengangkutan. Di samping itu, PKS akan digalakkan untuk mentransformasikan perniagaan mereka dengan menerima pakai e-dagang, pengkomputeran awan dan *crowdsourcing*. Peraturan akan dikaji semula bagi mengurangkan kos mengendalikan perniagaan dan meningkatkan akses kepada bantuan kerajaan. Ini bagi membolehkan PKS di Sabah dan Sarawak mengoptimumkan potensi dan terus berkembang maju.



## Bidang fokus F Menjana kekayaan melalui inovasi

Inovasi adalah satu daripada pemacu perubahan dalam RMKe-11 yang akan mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Tumpuan akan diberikan untuk memperkukuh modal hubungan (*relational capital*), bagi menggalakkan kerjasama dan kepercayaan dalam kalangan pihak berkepentingan. Pengukuhan modal hubungan ini akan membolehkan penyelarasan aktiviti inovasi yang lebih baik serta perkongsian dan pengujian idea dalam mewujudkan nilai baharu. Usaha untuk menggalakkan inovasi akan dipertingkatkan pada peringkat perusahaan dan masyarakat.

### Inovasi perusahaan

Usaha untuk meningkatkan inovasi pada peringkat perusahaan adalah berdasarkan kepada empat strategi seperti yang berikut:

- **Strategi F1: Memperkukuh mekanisme tadbir urus** dengan mewujudkan RMA dan memantapkan Portal 1Dana;
- **Strategi F2: Meningkatkan penyelidikan berasaskan permintaan pasaran** dengan memperkemas pembiayaan sektor awam untuk penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I);
- **Strategi F3: Memperkukuh kerjasama antara industri dengan akademia melalui perantara** dengan menggalakkan kerjasama tempatan dan antarabangsa bagi pemindahan teknologi, termasuk kerjasama strategik antara MNC dengan PKS; dan

- **Strategi F4: Menggalakkan pihak swasta membiayai penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi** dengan meningkatkan akses kepada sumber pembiayaan swasta, dan membangunkan rangka kerja bagi mengurangkan risiko dan pengurusan aktiviti pengumpulan dana masyarakat berasaskan ekuiti.

Pelaksanaan strategi ini akan dapat memastikan pencapaian sasaran seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 8-11:

*Paparan 8-11*

### Pencapaian dan sasaran bagi inovasi perusahaan

Item	2010	2012/2013	2020
Nisbah Perbelanjaan Sektor Perniagaan kepada Perbelanjaan Kerajaan ke atas R&D	65:35	64:36	70:30
GERD/KDNK (%)	1.07	1.13	2.0
Nisbah penyelidik /10,000 tenaga buruh	53.1	57.5	70.0
<b>Kadar Pengkomersialan Output R&amp;D oleh:</b>			
• Institusi pengajian tinggi (IPT) (%)	3.4	2.1 <sup>1</sup>	5.0
• Dana R&D MOSTI (%)	5.5	3.1 <sup>1</sup>	10.0

Nota: <sup>1</sup>Berdasarkan data tahun 2013

Sumber: Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia; Kementerian Pendidikan Malaysia

## Strategi F1

### Memperkuh mekanisme tadbir urus

Sebuah agensi sedia ada akan distruktur semula menjadi RMA bagi mengukuhkan mekanisme pengurusan inisiatif R&D&C&I awam untuk meningkatkan pulangan pelaburan. RMA akan melaksanakan perancangan, penyelarasan dan pemantauan ke atas projek R&D&C&I yang dibiayai melalui dana awam, melaksanakan kajian mengenai *technology foresight*, menetapkan bidang keutamaan nasional, dan menggalakkan penyelidikan antara bidang dan penglibatan pelbagai agensi. Selain itu, RMA akan melaksanakan penilaian semula program sedia ada bagi menghapuskan program yang bertindih dan berasaskan penawaran serta mengurangkan program yang berimpak rendah.

Portal 1Dana yang ditubuhkan pada 2014 akan diperluas untuk berfungsi sebagai pusat pendaftaran bagi maklumat berkaitan R&D&C&I untuk menggalakkan perkongsian sumber. Maklumat ini merangkumi peralatan dan kemudahan R&D, kepakaran dalam pelbagai bidang, output penyelidikan dan IP. Melalui portal ini, pemilik aset R&D akan dapat memaksimumkan penggunaan peralatan dan kemudahan mereka dan seterusnya meningkatkan pendapatan melalui kaedah bayaran berasaskan penggunaan. Tambahan pula, syarikat berpeluang menggunakan peralatan dan kemudahan ini bagi menambah baik, menguji dan memperakukan produk yang dihasilkan menepati standard antarabangsa tanpa melibatkan perbelanjaan yang besar. Maklumat yang terkandung dalam portal berkaitan seperti krste.my, pangkalan data TECHMart dan myren.net.my akan diintegrasikan kepada portal 1Dana.

## Strategi F2

### Meningkatkan penyelidikan berasaskan permintaan pasaran

Dana sektor awam bagi R&D&C&I akan diselaraskan bagi memastikan pulangan pelaburan yang lebih baik. RMA akan bertindak sebagai pusat penyelarasan cadangan projek penyelidikan untuk mengurangkan pertindihan projek serta meningkatkan kerjasama dalam pelaksanaan penyelidikan. Dana akan disalurkan untuk membiayai penyelidikan asas bagi tujuan eksperimen dan penjaan pengetahuan; penyelidikan gunaan bagi menyelesaikan isu nasional dan membangunkan industri baharu; dan penyelidikan berasaskan permintaan pasaran bagi menyelesaikan masalah, menambah baik proses dan menghasilkan nilai baharu kepada industri. Dalam hubungan ini, keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan gunaan dan penyelidikan berasaskan permintaan pasaran untuk menggalakkan kerjasama strategik antara syarikat dengan penyelidik bagi menjana pulangan pelaburan yang lebih tinggi.

## Strategi F3

### Memperkuh kerjasama antara industri dengan akademia melalui perantara

Kerjasama antara Kerajaan, industri dan akademia pada peringkat tempatan dan antarabangsa akan terus digalakkan melalui platform seperti Jaringan Penyelidikan Awam Swasta (PPRN), Steinbeis, SIRIM-Fraunhofer dan PlaTCOM. Platform ini akan bertindak sebagai perantara kepada industri dan entiti penyelidikan yang relevan bagi menyediakan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh syarikat secara spesifik serta menyokong penggunaan teknologi. Kerjasama ini termasuk kerjasama strategik antara MNC dengan PKS akan meningkatkan pengkomersialan hasil penyelidikan serta perkongsian pengetahuan dan idea inovatif.



## Strategi F4

### Menggalakkan pihak swasta membiayai penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi

Akses kepada pembiayaan dan sokongan akan diperluas melalui libat urus institusi kewangan swasta, pemodal teroka dan pelabur budiman secara berterusan untuk mempelbagaikan pilihan sumber pembiayaan, mengurangkan kebergantungan kepada sumber Kerajaan serta meningkatkan sumber pembiayaan bagi projek R&D&C&I. Usaha ini akan dilaksanakan antaranya melalui pengembangan inisiatif Technology Park Malaysia Angel Chapter dan pembiayaan peringkat awal PKS melalui program SIP.

Di samping itu, dana masyarakat berasaskan ekuiti merupakan satu bidang yang akan diteroka bagi memperluas capaian kepada rangkaian pengumpulan dana dan produk pelaburan serta meningkatkan akses pasaran kepada spektrum penerbit dan pelabur yang lebih luas. Dana ini bermatlamat memberikan peluang pembiayaan kepada PKS, syarikat baru mula dan syarikat berinovatif yang memerlukan kecairan tunai secara lebih cekap dan telus. Persekitaran menggalakkan inovasi juga akan diperkukuh melalui penyediaan rangka kerja yang lebih jelas dalam mitigasi dan pengurusan risiko.

## Inovasi sosial

Usaha untuk meningkatkan inovasi pada peringkat masyarakat adalah berdasarkan kepada tiga strategi seperti yang berikut:

- **Strategi F5: Mengukuhkan kerjasama melalui pendekatan keseluruhan masyarakat** dengan menggalakkan penyertaan Kerajaan, penduduk, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pemimpin organisasi dan komuniti yang lebih meluas dalam penyampaian perkhidmatan sosial;
- **Strategi F6: Membangunkan model pembiayaan sosial** untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta, yayasan dan individu dalam menyampaikan perkhidmatan sosial; dan
- **Strategi F7: Menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi untuk membangunkan masyarakat yang dinamik** dengan memperluas program sedia ada seperti i-Think dan Genovasi, mengutamakan sains dan matematik dalam pendidikan dan meningkatkan peluang kerjaya dalam bidang sains dan teknologi.

### Strategi F5

## Mengukuhkan kerjasama melalui pendekatan keseluruhan masyarakat

Bagi meningkatkan impak inovasi kepada masyarakat, penyediaan perkhidmatan sosial yang lebih bergantung kepada Kerajaan akan beralih kepada pendekatan keseluruhan masyarakat. Pendekatan ini akan mengukuhkan modal hubungan dalam penyampaian perkhidmatan sosial dengan menggalakkan penduduk, NGO, pemimpin organisasi dan komuniti setempat bekerjasama dengan Kerajaan dalam menilai keperluan masyarakat setempat. Satu pasukan petugas yang terdiri daripada wakil kementerian, sektor swasta, NGO dan organisasi berasaskan komuniti (CBO) akan ditubuhkan untuk menyelaraskan penyampaian perkhidmatan sosial. Melalui pasukan petugas ini, program berasaskan komuniti yang berjaya akan diperluas ke kawasan lain dan pada masa yang sama Kerajaan dapat membantu dalam meningkatkan profesionalisme serta keupayaan NGO dan CBO.

### Strategi F6

## Membangunkan model pembiayaan sosial

Selaras dengan pendekatan keseluruhan masyarakat, model pembiayaan sosial bagi program kerjasama awam swasta akan diperkenalkan untuk menggalakkan pelaburan daripada sektor swasta, pertubuhan dan individu dalam menyampaikan perkhidmatan sosial. Melalui model ini, kaedah 'pembayaran berdasarkan hasil' akan diperkenalkan. Pelabur impak sosial swasta menyediakan pembiayaan kepada NGO dan CBO untuk melaksanakan program khidmat sosial dan Kerajaan akan membayar balik apabila outcome yang telah dipersetujui bersama dicapai. Model ini akan mengurangkan beban dan risiko pelaksanaan program melalui perkongsian sumber, dan memanfaatkan kemahiran, minat dan kapasiti inovasi masyarakat. Dalam model ini, Kerajaan berperanan sebagai pemudah cara. Di samping itu, penglibatan NGO dan CBO akan membantu meningkatkan fleksibiliti dalam pelaksanaan program.

### Strategi F7

## Menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi untuk membangunkan masyarakat yang dinamik

Program KBAT sedia ada, termasuk i-Think dan Genovasi akan diperluas bagi meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis, komunikasi dan kepimpinan kepada tenaga kerja. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, sains dan matematik akan diberikan penekanan kerana mata pelajaran ini dapat merangsang daya kreativiti dan inovasi. Penekanan yang diberikan kepada industri berintensif pengetahuan dan nilai ditambah tinggi akan memperluas peluang kerjaya dalam bidang sains dan teknologi.

## Pemacu perubahan

# Menjana kekayaan melalui inovasi

### Mengapa inovasi penting kepada Malaysia?

Inovasi adalah pemacu utama bagi pertumbuhan ekonomi kerana penambahbaikan atau pembaharuan proses, teknologi dan model perniagaan akan meningkatkan produktiviti. Di samping itu, inovasi boleh mencipta sumber pendapatan tambahan melalui penghasilan produk dan perkhidmatan terbeza bagi memenuhi keperluan pelanggan yang tidak tertunai sebelum ini. Selaras dengan peralihan sektor ekonomi terutamanya sektor perkhidmatan dan pembuatan kepada aktiviti bernilai tinggi dan berasaskan pengetahuan, inovasi adalah penting bagi meningkatkan kecekapan dan output secara keseluruhan setiap sektor.

### Apakah kejayaan yang boleh dicapai?

Ekosistem inovasi yang mantap akan mewujudkan kerjasama dan integrasi yang lebih kukuh antara industri, akademia dan masyarakat. Penyelidikan yang dilaksanakan adalah selaras dengan permintaan industri. Di samping itu, sektor swasta menjadi rakan kongsi yang aktif dengan menyediakan dana, kepakaran dan sumber lain dalam penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I). Masyarakat juga akan terlibat secara aktif menangani isu sosial dalam penyediaan perkhidmatan sosial melalui pendekatan keseluruhan masyarakat. Seterusnya, ini akan menghasilkan pulangan yang lebih tinggi kepada pelaburan.

### Bagaimana kejayaan ini boleh dicapai?

RMKe-11 akan memberi fokus kepada pengukuhan modal hubungan dengan meningkatkan kerjasama dalam kalangan semua pihak berkepentingan. Inovasi akan disasarkan pada peringkat perusahaan dan masyarakat berbanding usaha sebelum ini yang lebih memberi tumpuan kepada inisiatif pada peringkat nasional. Pada peringkat perusahaan, inisiatif seperti meningkatkan penyelidikan berasaskan permintaan pasaran, meningkatkan kerjasama antara penyelidik dengan industri dan menggalakkan pelaburan swasta dalam R&D&C&I akan dilaksanakan. Pada peringkat masyarakat pula, masyarakat akan digalakkan untuk memberi input kepada mekanisme penyampaian perkhidmatan, sementara model pembiayaan sosial akan dibangunkan bagi membantu masyarakat untuk membiayai inisiatif yang dikenal pasti. Secara kolektif, strategi ini akan menghasilkan satu perubahan besar seperti yang dinyatakan dalam paparan berikut:

**Daripada**

**Kepada**

**Inovasi perusahaan**

Kerjasama antara pihak industri dengan institusi penyelidikan yang terhad menyebabkan hasil R&D tidak selaras dengan permintaan industri

Pelaburan dalam R&D yang menghasilkan pulangan yang rendah atau tidak memacu produktiviti dan daya saing industri

Perkongsian yang lebih baik antara industri dan penyelidik dengan industri membantu untuk merangka penyelidikan yang bersesuaian dengan perniagaan, di samping menyumbang idea, infrastruktur, peralatan dan kepakaran

Inisiatif R&D&C&I yang bersepadu akan menjana pulangan pelaburan yang tinggi dalam jangka masa panjang dan merangsang peningkatan produktiviti

**Inovasi sosial**

Pelaburan dalam perkhidmatan sosial yang tinggi tetapi penyampaian kurang berkesan


Masyarakat masih bergantung kepada Kerajaan

Fokus dalam penyelarasan sistem penyampaian perkhidmatan sosial dengan menggabungkan maklum balas daripada masyarakat sejajar dengan “pendekatan keseluruhan masyarakat”


Penyampaian yang disokong oleh model pembiayaan sosial dan pembiayaan berasaskan outcome bagi menyediakan peluang kepada masyarakat untuk melabur dalam inisiatif berinovatif.

Kanvas strategi di bawah menunjukkan bidang yang perlu dihapuskan, dikurangkan, ditingkatkan atau diwujudkan untuk pemacu perubahan ini.

**Kanvas strategi: Inovasi perusahaan**



**Kanvas strategi: Inovasi sosial**





## Bidang fokus G

# Meningkatkan daya saing bandar dan pembangunan koridor ekonomi wilayah

Malaysia akan melabur dalam pembangunan bandar dan koridor ekonomi wilayah sebagai pemangkin pertumbuhan bagi memaksimumkan faedah kepada komuniti setempat dan merangsang pembangunan negara. Bagi mencapai matlamat ini, dua strategi berikut akan dilaksanakan:

- **Strategi G1: Merangka pelan induk daya saing bagi empat bandar utama** iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu<sup>1</sup>. Pelan induk ini akan dibangunkan berdasarkan prinsip mewujudkan kepadatan, memperluas pembangunan berorientasikan transit (TOD), mengukuhkan kluster berasaskan pengetahuan, meningkatkan daya huni, menggalakkan pembangunan dan amalan hijau dan memastikan inklusiviti; dan
- **Strategi G2: Memperkukuh koridor bagi merencanakan pembangunan wilayah** melalui kajian strategik pelan induk bagi pembangunan koridor serta mempergiat pelaburan di koridor ekonomi wilayah termasuk menambah baik infrastruktur dan membangunkan bakat dan kemahiran.

<sup>3</sup> Pada tahun 2015, World Bank telah melengkapkan kajian bagi mengenal pasti dan menilai potensi ekonomi bandar-bandar di Malaysia yang merangkumi semua konurbasi utama. Berdasarkan penemuan kajian ini, pelan induk daya saing bandar akan dirangka bagi bandar-bandar terpilih dalam RMKe-11. Bandar ini dipilih berdasarkan kriteria berikut, iaitu saiz penduduk, sumbangan KDNK, infrastruktur sedia ada, pemusatan institusi pengajian tinggi, kelebihan geografi dan juga prinsip inklusiviti serta agihan saksama.

## Pemacu perubahan

# Melabur dalam bandar berdaya saing

### Mengapa bandar berdaya saing penting kepada Malaysia?

Bandar memainkan peranan penting dalam pertumbuhan negara dengan menyediakan peluang pelaburan dan perdagangan serta meningkatkan keterhubungan dengan kawasan pinggir dan luar bandar. Persaingan global bagi pelaburan dan bakat pada masa kini adalah antara bandar-bandar utama. Keadaan ini memerlukan tumpuan diberi kepada pelaburan dalam bandar bagi menarik dan mengekalkan bakat serta pelaburan dalam bandar-bandar tersebut. Bandar terbesar di Malaysia iaitu Kuala Lumpur dijangka menyumbang 14.8% kepada KDNK pada tahun 2015. Selaras dengan matlamat Malaysia untuk merekayasa dan merangsang pertumbuhan ekonomi, pembangunan dan pembaharuan bandar adalah sangat penting dalam mewujudkan nadi aglomerasi ekonomi yang kukuh.

### Apakah kejayaan yang boleh dicapai?

Pada tahun 2020, empat bandar utama di Malaysia dijangka akan mengalami perubahan dari sudut pertumbuhan ekonomi, kepentingan sebagai hab bakat dan peningkatan daya huni. Penduduk bandar akan mampu memiliki rumah, menikmati sistem pengangkutan awam, kawasan hijau dan lapang yang mencukupi, serta memiliki akses peluang ekonomi yang membolehkan penduduk bandar menyediakan masa depan yang lebih baik kepada anak-anak mereka. Bandar ini dipilih berdasarkan asas kukuh yang dimiliki dan diharap akan menjadi bandar contoh bagi bandar lain di Malaysia dan Asia. Transformasi bandar ini akan diperluas ke bandar lain pada masa hadapan.

### Bagaimana kejayaan ini boleh dicapai?

Sebagai permulaan, pelan induk daya saing bandar akan dirangka bagi empat bandar utama berdasarkan prinsip meningkatkan daya huni dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Prinsip ini termasuk mewujudkan kepadatan bagi meningkatkan kecekapan, memperluaskan pembangunan berorientasikan transit bagi

meningkatkan mobiliti dan memperkukuh kluster berasaskan pengetahuan bagi meningkatkan inovasi dan aglomerasi. Pelan induk ini akan mengambil kira kelebihan setiap bandar tersebut serta dirangka oleh pihak berkuasa tempatan yang berkaitan dengan rundingan bersama sektor swasta dan masyarakat sivil. Pemacu perubahan ini akan menghasilkan transformasi seperti yang ditunjukkan dalam paparan berikut.

	Kepadatan ekonomi	Bentuk bandar	Penggunaan sumber	Perumahan	Berfokuskan industri	Pihak berkuasa tempatan
Daripada	Kepadatan ekonomi di bandar tidak dirancang dan berkembang secara organik mengakibatkan produktiviti yang rendah	Rebakan bandar tidak terkawal dan tertumpu pada kenderaan	Ketidakecekapan mengakibatkan penggunaan sumber semula jadi yang tinggi	Pembangunan baharu adalah mahal dan eksklusif dengan pilihan mengikut kemampuan yang terhad	Industri berintensifkan ruang dan buruh	Pihak berkuasa tempatan yang memberikan tumpuan kepada pelesenan, penguatkuasaan dan penyediaan perkhidmatan asas
Kepada	Peningkatan kepadatan ekonomi bagi meningkatkan produktiviti	Pembangunan berorientasikan transit bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian	Pengurusan sisa yang cekap menerusi garis panduan penggunaan sumber dan penguatkuasaan yang berkesan	Rumah berkualiti dan mampu dimiliki oleh kumpulan sasar dalam masyarakat	Pertumbuhan industri berintensifkan pengetahuan dengan penggunaan ruang yang cekap	Pihak berkuasa tempatan sebagai pemacu strategik bagi pembangunan sosioekonomi setempat

## Strategi G1

### Merangka pelan induk daya saing empat bandar utama

Bandar memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara iaitu sebagai hab kewangan dan logistik serta daya penarik bakat untuk menerokai peluang baharu. Menjelang tahun 2025, bandar di seluruh dunia dijangka menjana 60% daripada KDNK global berbanding dengan 35% pada tahun 2011. Bandar utama dunia juga terus menjadi nadi budaya dan politik yang mempunyai persekitaran sosial dan aset kebudayaan serta intelektual yang menarik. Pada tahun 2014, lebih daripada separuh penduduk dunia menetap di bandar dan jumlah ini dijangka meningkat kepada 66% pada tahun 2050.

Pada peringkat permulaan, Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada empat bandar iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu yang dipilih berdasarkan potensi dari segi saiz penduduk, sumbangan KDNK, ketersediaan infrastruktur utama, pemusatan institusi pengajian tinggi dan kelebihan geografi.

Pelan induk daya saing bandar akan dirangka bagi setiap bandar tersebut dengan mengambil kira kelebihan daya saing bandar berkenaan. Pelan ini akan dirangka oleh pihak berkuasa tempatan bandar tersebut melalui perundingan dengan sektor swasta, masyarakat sivil dan pihak berkepentingan lain.

Dalam tempoh RMKe-11, pembangunan bandar-bandar tersebut akan mengambil kira enam prinsip untuk memastikan ia bukan sahaja maju dari segi ekonomi tetapi akan menjadi tempat yang selesa untuk dihuni oleh penduduk bandar daripada pelbagai peringkat sosioekonomi. Prinsip ini akan menjadi asas kepada pihak berkuasa tempatan dalam merangka pelan daya saing bandar masing-masing.

#### Prinsip 1: Meningkatkan kepadatan ekonomi

Kepadatan ekonomi yang tinggi adalah elemen penting untuk inovasi. Kepadatan bandar merapatkan hubungan dalam kalangan masyarakat dan entiti perniagaan, membantu perkongsian maklumat dan pengetahuan serta penciptaan teknologi dan mewujudkan perniagaan baharu. Selain itu, kepadatan meningkatkan kecekapan dan mengoptimumkan penggunaan sumber. Garis panduan perancangan sedia ada perlu dikaji semula secara berterusan untuk mengoptimumkan penggunaan persekitaran alam bina, meningkatkan ketersambungan dan mengintegrasikan pembangunan infrastruktur.

#### Prinsip 2: Memperluas pembangunan berorientasikan transit (TOD)

TOD merujuk kepada konsep pembangunan yang menggabungkan pembangunan kediaman dan komersial yang mesra pejalan kaki dan direka bentuk dengan akses maksimum kepada pengangkutan awam. Pihak berkuasa tempatan di bandar yang telah dipilih akan melaksanakan TOD sebagai salah satu asas penting dalam pelan induk daya saing bandar masing-masing. TOD juga menyediakan pilihan mod mobiliti, menambahkan kerancakan pembangunan, mengurangkan pencemaran dan penggunaan tenaga serta berperanan menghidupkan semula kawasan *brownfield* di bandar. TOD akan memberikan keutamaan kepada penggunaan tanah secara cekap termasuk di sepanjang laluan utama pengangkutan awam.

#### Prinsip 3: Memperkukuh pembangunan kluster berasaskan pengetahuan

Kluster berasaskan pengetahuan di bandar yang telah dipilih akan dibangunkan bagi menarik pelaburan dan bakat. Kluster berasaskan pengetahuan adalah hab fizikal yang menggolongkan industri dan bakat dalam bidang tertentu terutamanya industri kandungan kreatif, ICT dan perkhidmatan profesional. Pelaburan berintensif pengetahuan akan diberikan keutamaan di bandar yang telah dipilih. Institusi pengajian tinggi dan penyelidikan di bandar tersebut akan menjadi pemangkin kepada pewujudan kluster berasaskan pengetahuan.

#### **Prinsip 4: Meningkatkan daya huni**

Bandar perlu menjadi tempat yang selesa dan seronok untuk didiami, belajar, bekerja dan beriadah. Bagi meningkatkan daya huni, mekanisme perancangan bandar yang lebih baik akan dibangunkan. Pengezanan guna tanah yang menggalakkan pembangunan kediaman, komersial dan kemudahan sosial di lokasi yang berdekatan bagi mengurangkan masa pergerakan komuniti akan diberikan keutamaan. Di samping itu, kemudahan sukan, kesenian dan kebudayaan akan dibangunkan menerusi kerjasama antara persatuan, badan korporat dan NGO. Penekanan juga akan diberikan untuk meningkatkan kualiti, kapasiti dan daya harap pengangkutan awam, kemudahan sosial dan rangkaian perhubungan telekomunikasi. Kemudahan kesihatan dan persekolahan yang berkualiti tinggi akan dirancang dan dibangunkan berdasarkan keperluan masyarakat setempat. Tumpuan bagi mewujudkan persekitaran kebudayaan yang menarik serta ruang makanan dan minuman (F&B) dan peruncitan akan juga dibangunkan bagi menarik bakat global.

#### **Prinsip 5: Menggalakkan pembangunan dan amalan hijau**

Empat bandar yang dipilih akan memberikan keutamaan kepada pertumbuhan mampan dengan mempertingkatkan pembangunan hijau dan mengoptimumkan penggunaan sumber rendah karbon. Amalan mesra alam seperti bangunan hijau, gaya hidup hijau serta pengeluaran dan penggunaan lestari akan dijadikan elemen penting dalam pelan induk daya saing bandar tersebut.

#### **Prinsip 6: Memastikan inklusiviti**

Inklusiviti adalah tonggak utama kepada kejayaan dan keupayaan bersaing sesebuah bandar. Keempat-empat bandar tersebut akan menjadikan inklusiviti, iaitu setiap anggota masyarakat mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti sosial, politik dan ekonomi, sebagai satu daripada teras utama pembangunan. Inklusiviti akan dicapai melalui interaksi dan pergaulan sosial yang lebih aktif secara meluas serta menyediakan peluang perkongsian kekayaan yang seterusnya meningkatkan kesejahteraan penduduk. Tumpuan juga akan diberikan untuk menangani isu berkaitan gelandangan dan kemiskinan bandar melalui kerjasama dalam kalangan agensi, badan korporat, NGO dan pihak berkuasa tempatan. Di samping itu, ketersambungan yang baik merupakan faktor penting yang membolehkan kawasan pinggir bandar dan pedalaman mendapat kesan limpahan daripada pembangunan ekonomi keempat-empat bandar tersebut.



## Strategi G2

### Memperkukuh koridor bagi merencanakan pembangunan wilayah

Dalam tempoh RMKe-11, koridor ekonomi wilayah akan terus menjadi pemboleh utama dalam memastikan pembangunan yang seimbang di seluruh negara. Pada akhir tempoh RMKe-11, pelaburan yang direalisasi di semua koridor dijangka bernilai RM236 bilion dan menyediakan 470,000 peluang pekerjaan.

Pembangunan koridor ekonomi wilayah akan ditingkatkan melalui kajian strategik bagi pelan induk pembangunan koridor, menggalakkan pelaburan, menambah baik infrastruktur serta membangunkan bakat dan kemahiran. Langkah ini bertujuan memastikan komuniti setempat terus mendapat manfaat daripada pelaburan dan hasil pertumbuhan ekonomi.

Paparan 8-12

#### Inisiatif utama koridor ekonomi wilayah, 2016-2020

##### Wilayah Ekonomi Pantai Timur

- Minyak, gas dan petro kimia, pembuatan, pelancongan
- Keusahawanan dan latihan kemahiran
- Central Spine Road dan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai

##### Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak

- Lebuhraya Pan Borneo
- Industri berintensif tenaga termasuk aluminium, besi dan kaca
- Nod pertumbuhan di Baram dan Tunoh bagi industri berasaskan sumber dan pelancongan

##### Koridor Pembangunan Sabah


- Bidang tumpuan utama termasuk pelancongan dan pemprosesan hiliran kelapa sawit
- Membangunkan infrastruktur logistik
- Program kandungan kreatif

##### Wilayah Ekonomi Koridor Utara

- Pertanian, pembuatan, pelancongan, logistik dan pendidikan
- Membangunkan industri nutraseutikal
- Memperkukuh industri automotif dan aeronautik

##### Iskandar Malaysia

- Kluster kreatif dan pendidikan
- Pelancongan dan hab logistik
- Pembuatan dengan tumpuan kepada E&E, makanan dan oleokimia



# Kesimpulan

Dalam tempoh RMKe-10, semua sektor ekonomi mengekalkan pertumbuhan positif walaupun berhadapan dengan persekitaran luaran yang mencabar. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang tinggi dan asas ekonomi yang kukuh. Selain itu, untuk meningkatkan daya saing negara, peralihan dasar telah dilaksanakan dengan meliberalisasi sektor perkhidmatan, memudahkan urusan perniagaan, meningkatkan ekosistem inovasi dan memantapkan PKS.

RMKe-11 memberikan penekanan kepada merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi. Tumpuan berterusan terhadap sektor berintensif pengetahuan dan aktiviti bernilai tambah tinggi akan meningkatkan peluang pertumbuhan dan menarik pelaburan yang berkualiti. Pertumbuhan ekonomi akan didorong oleh peningkatan pelaburan dan produktiviti, rangka kerja kawal selia yang berkualiti dan ketersediaan pekerja berkemahiran tinggi. Pembangunan PKS dan inovasi akan merencanakan pembangunan dan meningkatkan inklusiviti setiap lapisan masyarakat. Selain itu, bandar berdaya saing dan koridor ekonomi wilayah akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan, mewujudkan hab pelaburan yang aktif serta membangunkan bakat dan pengetahuan. Kejayaan pelaksanaan strategi yang digariskan akan memastikan Malaysia berada sebaris dengan negara maju yang lain.



# Mentransformasi perkhidmatan awam untuk produktiviti



## **Gambaran keseluruhan**

**Sorotan  
Rancangan Malaysia  
Kesepuluh, 2011-2015:  
Pencapaian**

**Mengimbas pencapaian  
Rancangan Malaysia  
Kesepuluh, 2011 – 2015:  
Kemajuan**

**Ringkasan bidang fokus  
Rancangan Malaysia  
Kesebelas, 2016-2020**

**Hala tuju  
Rancangan Malaysia  
Kesebelas, 2016-2020**

Bidang fokus A:  
Mempertingkatkan  
penyampaian perkhidmatan  
dengan mengutamakan rakyat

Bidang fokus B:  
Merasionalisasikan  
institusi sektor awam untuk  
meningkatkan produktiviti dan  
prestasi

Bidang fokus C: Memperkukuh  
pengurusan bakat untuk  
perkhidmatan awam masa  
hadapan

Bidang fokus D:  
Mempertingkatkan pengurusan  
projek untuk menghasilkan  
outcome yang lebih baik dan  
cepat

Bidang fokus E: Memanfaatkan  
pihak berkuasa tempatan bagi  
menyediakan perkhidmatan  
berkualiti pada peringkat  
tempatan

**Kesimpulan**

## Gambaran Keseluruhan

Cabaran yang dihadapi oleh kerajaan di seluruh dunia menjadi semakin kompleks berikutan perubahan teknologi, budaya dan demografi serta pengaliran wang dan barangan yang cepat serta pergerakan manusia yang semakin pantas. Di samping itu, kerajaan ini juga menghadapi kekangan fiskal yang lebih besar, ketidaktentuan ekonomi, keberkesanan prosedur dan amalan standard yang semakin menurun, kesukaran menarik dan mengekal bakat terbaik. Peningkatan taraf hidup dan pendedahan kepada perkhidmatan global telah menyebabkan permintaan rakyat menjadi lebih sofistikated yang memberikan cabaran kepada penyampaian perkhidmatan awam. Bagi menangani cabaran ini, Kerajaan perlu menggunakan pakai model baharu penyampaian perkhidmatan yang sepadan dengan teknologi terkini, norma dan kehendak rakyat. Model penyampaian dan perkhidmatan baharu ini membolehkan Kerajaan melaksanakan pembaharuan dan pengukuhan supaya operasi menjadi lebih kos efektif. Di samping itu, Kerajaan juga akan lebih bersedia untuk memenuhi permintaan dan ekspektasi rakyat menjelang tahun 2020 dan seterusnya. Pembaharuan dan pengukuhan ini juga memerlukan perkhidmatan awam yang lebih kejut, mudah cara, cekap dan produktif, berkemahiran, terbuka, inovatif dan kurang birokratik dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan negara.


**Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011 - 2015,** Kerajaan memulakan usaha ke arah menerapkan pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole-of-government*) dalam menyampaikan perkhidmatannya. Usaha merentasi sempadan organisasi antara dan dalam institusi sektor awam ke arah mencapai matlamat bersama telah dilaksanakan. Penyelesaian bersepadu dibangunkan bagi memenuhi keperluan pelanggan termasuk rakyat dan komuniti perniagaan. Penambahbaikan perkhidmatan awam juga dilaksanakan secara menyeluruh seperti

memperkemas proses kawal selia, mengurangkan keperluan bagi melesenkan perniagaan, menghapuskan prosedur yang tidak diperlukan serta meluaskan perkhidmatan dalam talian dan digital kepada rakyat. Di samping itu, penyusunan semula struktur organisasi, pelaksanaan skim perkhidmatan bagi kemajuan kerjaya dan inisiatif pengurusan nilai yang diperkenalkan dalam institusi sektor awam telah menghasilkan penjimatan kos yang ketara.

**Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016 - 2020,** Kerajaan akan lebih berpaksikan rakyat serta menumpukan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam. Penyampaian perkhidmatan akan terus ditingkat dan dilaksanakan dengan cepat dan tepat menerusi pendekatan kreatif dan inovatif di samping memantapkan integriti. Bab ini mengenal pasti cabaran semasa dan menggariskan strategi untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dengan menambah baik proses penyampaian, memanfaatkan data, memperluas jangkauan perkhidmatan serta meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan. Usaha merasionalisasikan institusi sektor awam, mewajarkan saiz perkhidmatan awam dan memperkenalkan dasar pemisah bagi personel berprestasi rendah serta menambah baik pengurusan bakat dan pembangunan kompetensi akan juga dilaksanakan. Penekanan juga diberikan untuk meningkatkan pengurusan dan pelaksanaan projek oleh institusi sektor awam serta memanfaatkan institusi kerajaan tempatan melalui langkah pemerksaan, penglibatan pihak berkepentingan serta usaha sama erat dengan komuniti perniagaan dan masyarakat setempat. Aspirasi Kerajaan adalah untuk meningkatkan perkhidmatan awam berfokuskan rakyat yang disokong dengan bakat yang lebih berkemahiran, kurang lapisan hirarki dan birokratik, kurang pemusatan kerja serta perkhidmatan yang lebih mudah dicapai, cekap dan berkesan untuk rakyat.

# Sorotan

## Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Pencapaian



**Merangka perkhidmatan awam berorientasikan rakyat dan perniagaan**

**Mempercepat penyampaian melalui pengurusan outcome utama yang telus dan bertanggungjawab**

60%

Pengurangan bilangan prosedur bagi kelulusan permit pembinaan (daripada 37 kepada 15 prosedur)

**Memperkukuh peranan kerajaan sebagai pemudah cara efektif bagi pertumbuhan yang dipacu sektor swasta**

38%

Pengurangan bilangan jenis lesen perniagaan pada peringkat **Persekutuan** (daripada 717 kepada 448 lesen)

69%

Pengurangan bilangan jenis lesen perniagaan pada peringkat **tempatan** (daripada 1,455 kepada 449 lesen)

RM9.34  
bilion

Penjimatan daripada pelaksanaan pengurusan nilai ke atas 214 projek

**Memacu produktiviti bagi memastikan penggunaan kewangan awam yang berhemat**

613,743

Penjawat awam mendapat manfaat daripada penambahbaikan kemajuan kerjaya melibatkan 81 skim perkhidmatan

**Merasionalisasi dan membangunkan kapasiti kerajaan**



# Mengimbias pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011 – 2015: Kemajuan

Dalam tempoh RMKe-10, Kerajaan memulakan usaha ke arah menerapkan pendekatan keseluruhan kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatannya.

Beberapa inisiatif telah diambil bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Antara usaha penambahbaikan berterusan yang diambil adalah mengukur dan memantau kedudukan Malaysia dalam indeks global seperti dalam *World Competitiveness Yearbook (WCY)* oleh *International Institute for Management Development (IMD)*, *E-Government Development Index (EGDI)* oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Indeks Persepsi Rasuah oleh *Transparency International (TI)*.

Malaysia berada pada kedudukan ke-15 daripada 60 negara pada tahun 2014 berbanding dengan kedudukan ke-13 daripada 59 negara pada tahun 2012 di bawah subindeks kecekapan kerajaan dalam WCY. Kecekapan kerajaan meliputi kewangan awam, dasar fiskal, perundangan perniagaan, rangka kerja kemasyarakatan dan rangka kerja institusi. Kedudukan Malaysia telah bertambah baik, iaitu dalam kewangan awam daripada kedudukan ke-21 kepada ke-20, dasar fiskal daripada kedudukan ke-12 kepada ke-11 dan perundangan perniagaan daripada kedudukan ke-21 kepada ke-19. Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia dalam aspek rangka kerja kemasyarakatan menurun daripada kedudukan ke-25 kepada ke-32 dan kekal pada kedudukan ke-13 dalam rangka kerja institusi.

Kedudukan Malaysia dalam EGDI menurun daripada tempat ke-20 pada tahun 2012 kepada tempat ke-31 pada tahun 2014 daripada 193 negara di bawah indeks ketersediaan perkhidmatan dalam talian<sup>1</sup>. Penurunan ini antara

lain, disebabkan kurangnya perkhidmatan mesra rakyat seperti e-penyertaan, data terbuka kerajaan dan kebolehcapaian kepada perkhidmatan dalam talian.

Malaysia berada pada kedudukan ke-50 daripada 175 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah pada tahun 2014 berbanding dengan kedudukan ke-53 daripada 177 negara pada tahun 2013. Indeks ini mengukur persepsi rasuah sektor awam berdasarkan data sekunder daripada institusi bebas. Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan:


- Penubuhan 14 Mahkamah Sesyen Khas Rasuah pada tahun 2011 yang telah menyelesaikan kes tertunggak, membolehkan kes rasuah diselesaikan dalam tempoh setahun laporan dibuat, dan meningkatkan kadar sabitan daripada 34% kepada 80%;
- Pemeteraian Ikrar Integriti Korporat oleh 512 institusi dan syarikat dalam tempoh 2011-2014;
- Penubuhan 746 unit integriti di kementerian, jabatan dan agensi dalam tempoh 2013-2014; dan
- Penyiasatan ke atas 24 penemuan audit susulan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2012 dan 2013 kepada Parlimen.

Komitmen Malaysia dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan awam telah menghasilkan beberapa pencapaian ketara seperti yang ditunjukkan dalam Paparan 9-1.

<sup>1</sup> Indeks ketersediaan perkhidmatan dalam talian mengukur tahap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) oleh Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan awam pada peringkat nasional. Indeks ini adalah berdasarkan kepada kaji selidik penyediaan perkhidmatan dalam talian yang menilai ciri teknikal laman sesawang nasional serta pelaksanaan dasar dan strategi e-kerajaan

## Paparan 9-1

## Pencapaian penyampaian perkhidmatan awam dalam tempoh RMKe-10



## Kotak 9-1

### Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC)

Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC) telah dilancarkan pada tahun 2012 sebagai pusat panggilan setempat untuk menjawab sebarang pertanyaan, aduan, cadangan dan maklum balas awam. Ciri dan pencapaian utama 1MOCC termasuk:

- +603 80008000 sebagai nombor tunggal yang unik untuk menghubungi semua agensi Kerajaan;
- Pelbagai saluran perhubungan disediakan seperti telefon, sistem pesanan ringkas (SMS), emel atau media sosial;
- Beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu (24/7) termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum;
- Dasar '*no wrong door*' dan pusat perkhidmatan sehenti;
Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan menjalankan kaji selidik bebas bagi mengenal pasti ekspektasi komuniti yang akan diterjemahkan sebagai KPI PBT. KPI tersebut akan dihebahkan melalui pelbagai saluran komunikasi bagi meningkatkan kesedaran dan penyertaan aktif komuniti.

#### Memperkasa pihak berkuasa tempatan berdasarkan tahap kesediaan

Prestasi PBT akan diberikan penarafan berdasarkan keupayaan dan kapasiti dalam penyampaian perkhidmatan. Langkah ini membolehkan penilaian kesediaan PBT untuk melaksanakan fungsi tertentu di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan negeri dibuat secara objektif.

## Strategi E2

### Memperkuh penyampaian perkhidmatan oleh pihak berkuasa tempatan

#### Memastikan projek pembangunan negara sejajar dengan keperluan setempat

Kerjasama antara PBT, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta sektor swasta akan diperkuh bagi memastikan projek pembangunan memenuhi keperluan komuniti dan kepentingan negara. Projek pembangunan perlu memberikan tumpuan kepada pewujudan persekitaran kehidupan menarik dan mampan, pengangkutan awam yang efisien, perumahan berkualiti dan mampu dimiliki serta utiliti awam yang efisien.

#### Meningkatkan akses kepada perkhidmatan dan kepantasan bertindak pihak berkuasa tempatan

Usaha berterusan akan diambil untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan PBT melalui penambahbaikan sistem dan proses kerja. Peraturan yang kompleks dan kurang efektif akan dipermudah dan diperkemas serta prosedur yang tidak relevan dimansuhkan. Inisiatif ini akan menambah baik kecekapan perkhidmatan PBT dengan mengurangkan masa tindak balas serta meningkatkan tahap kepuasan rakyat. Kebolehcapaian kepada perkhidmatan PBT akan diperluas melalui saluran digital termasuk laman web dan aplikasi mudah alih.

## Strategi E3

### Memperkuh kerjasama untuk merangsang pembangunan ekonomi tempatan

#### Memudah cara penyertaan sektor swasta dan pelaburan dalam ekonomi tempatan

Kerjasama antara PBT dengan sektor swasta akan diperluas dalam membangunkan aktiviti ekonomi yang berpotensi. Sehubungan itu, PBT akan meneruskan usaha menaik taraf infrastruktur, kemudahan awam dan perkhidmatan sokongan yang lain. Inisiatif ini akan menggalakkan pelaburan serta meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan kawasan setempat.

#### Membangunkan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan setempat

PBT akan membangunkan ekonomi tempatan, antara lain dengan menyediakan persekitaran yang kondusif melalui penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan perniagaan. PBT juga akan menempatkan dan menyusun semula industri dan perniagaan tidak formal<sup>5</sup> ke kawasan khusus yang mudah dikunjungi, mesra pelanggan dan mempunyai persekitaran yang bersih. Di samping itu, keperluan dan keupayaan kewangan pemilik perniagaan akan diambil kira bagi mendapatkan sokongan dan penerimaan terhadap pelaksanaan program penempatan semula ini.

<sup>5</sup> Takrif industri dan perniagaan tidak formal berdasarkan Dasar Perbandaran Negara: Perniagaan kecil yang dilaksanakan dalam bentuk gerai kaki lima atau pasar malam. Takrifan ini juga merujuk kepada sektor pembuatan atau pengeluaran berskala kecil yang tidak menggunakan bangunan tetap

## **Strategi E4**

### **Mempergiat penglibatan masyarakat setempat dan perkongsian data oleh pihak berkuasa tempatan**

#### **Memperluas penglibatan komuniti dan badan bukan kerajaan**

Kerjasama komuniti dan NGO akan diperluas bagi mendapatkan maklum balas berkaitan perkhidmatan sedia ada dan cadangan perkhidmatan baharu oleh PBT. Platform konvensional dan digital akan dimanfaatkan bagi memantapkan dan memperluas penglibatan komuniti. Hasil daripada pelaksanaan kaedah ini, perkhidmatan ditawarkan oleh PBT dapat direka bentuk berdasarkan keperluan yang memenuhi keutamaan rakyat. Di samping itu, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) akan membantu PBT menangani isu berkaitan kesejahteraan rakyat.

### **Meningkatkan kepatuhan kepada Penilaian Impak Alam Sekitar dan Penilaian Impak Sosial**

PBT akan memastikan projek pembangunan mematuhi sepenuhnya syarat Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA). Pelaksanaan SIA akan memberikan penekanan kepada penglibatan bersama NGO berkaitan dan orang ramai. Di samping itu, PBT akan menyebarkan maklumat mengenai syarat EIA dan SIA berkaitan pembangunan bagi meningkatkan kesedaran penduduk. Penguatkuasaan akan dilaksanakan untuk memastikan syarat EIA dan SIA dipatuhi semasa projek dilaksanakan.

### **Menambah baik pengumpulan dan perkongsian data oleh pihak berkuasa tempatan**

JKT akan memperkenalkan kaedah yang membolehkan PBT mengumpul data berkaitan jalan, longkang, kemudahan awam, kemudahan pendidikan dan kesihatan, perumahan serta premis perniagaan. Di samping itu, data sosioekonomi seperti demografi, profil kesihatan dan aktiviti ekonomi setempat juga akan dikumpulkan. Data ini boleh digunakan bagi tujuan perancangan dan proses membuat keputusan serta boleh diakses oleh orang awam tertakluk kepada perundangan semasa.

# Kesimpulan

Kerajaan perlu menyediakan perkhidmatan selaras dengan peningkatan ekspektasi rakyat, kedinamikan penduduk dan trend teknologi. Dalam tempoh RMKe-11, Kerajaan akan memberikan tumpuan untuk menjadi sebuah kerajaan yang berpaksikan rakyat dan memfokuskan peningkatan produktiviti dalam perkhidmatan awam menerusi pendekatan keseluruhan kerajaan. Pendekatan ini akan disokong oleh struktur perkhidmatan awam yang kejut dan dinamik, bakat yang kompeten, penyampaian projek yang berkesan serta penyampaian perkhidmatan PBT yang cekap. Penekanan akan diberikan kepada usaha meningkatkan peranan Kerajaan sebagai pemudah cara dan pemangkin pembangunan. Kementerian dan agensi akan mengadaptasi model baharu penyampaian perkhidmatan yang bersesuaian dengan teknologi semasa, norma dan ekspektasi rakyat. Di samping mengukuhkan nilai tradisi seperti integriti, kesaksamaan dan kebolehpercayaan, perkhidmatan awam juga akan meningkatkan fleksibiliti dan inovasi dalam perkhidmatan serta keupayaan membuat banyak perubahan dengan lebih pantas. Perkhidmatan awam akan melalui transformasi secara komprehensif dengan memperbaiki struktur yang tegar dan memansuhkan pertindanan proses, menggalakkan inovasi dan keterbukaan serta mempercepat kepantasan bertindak dan penyampaian perkhidmatan. Dalam tempoh RMKe-11, usaha akan diambil untuk memastikan perkhidmatan awam adalah sesuai dengan matlamat, sesuai dengan rakyat dan sesuai dengan masa hadapan. Usaha ini akan mempercepat transformasi perkhidmatan awam bagi menyokong peralihan kepada sebuah negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020.





# Malaysia pasca 2020

**Gambaran keseluruhan**

**Profil Malaysia pasca  
2020**

**Aspirasi Malaysia pasca  
2020**

Rakyat

Ekonomi

Alam Sekitar

**Kesimpulan**

# 10

## Gambaran keseluruhan

Wawasan pasca 2020 bagi Malaysia adalah penting untuk meneruskan momentum pertumbuhan dan memastikan hala tuju pembangunan negara tidak tersasar. Dalam merencana fasa baharu pembangunan ini, Malaysia perlu kekal progresif dan inklusif selaras dengan aspirasi rakyat. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, menjadi asas dan landasan perancangan Malaysia ke peringkat seterusnya.

Era baru pasca 2020 akan membawa peluang dan cabaran kepada Malaysia. Demografi global sedang berubah. Di negara maju, jangka hayat penduduk meningkat dan kadar fertiliti menurun di bawah kadar gantian. Kepesatan perbandaran dan perindustrian, khususnya di ekonomi baru muncul berlaku pada skala dan kadar yang tidak pernah dicatatkan sebelum ini. Kekurangan sumber seperti air, tenaga dan tanah akan menjadi lebih kritikal, yang akan mewujudkan cabaran getir dalam pembangunan. Kemajuan sains, teknologi dan inovasi berlaku pada kadar dan magnitud yang semakin pantas. Keadaan ini akan mewujudkan lebih banyak pekerjaan baharu yang memerlukan kombinasi pengetahuan teknikal, analitis dan kemahiran berinteraksi. Pada masa yang sama, tugas rutin dan kasar akan diambil alih oleh mesin pintar. Dunia semakin

terjalin dalam jaringan perhubungan yang tidak pernah dibayangkan sedekad yang lalu. Pelanggan dan pembekal baharu akan datang dari pasaran bukan tradisi seluruh dunia. Pesaing baharu akan wujud hasil dari kemajuan teknologi yang menghapuskan halangan perdagangan. Peralihan kuasa ekonomi ke Asia akan mendorong negara-negara Asia untuk memainkan peranan lebih penting dalam ekonomi dunia.

Bab ini menggariskan aspirasi negara pasca 2020, mengandungi suara rakyat yang diperoleh daripada temu bual, perbincangan dan soal selidik melibatkan pelbagai kumpulan dan lapisan masyarakat terutamanya golongan muda. Suara rakyat menjurus kepada satu mesej yang jelas, iaitu Malaysia menjadi sebuah negara yang maju dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Aspirasi ini mengambil kira trend domestik dan antarabangsa berkaitan pembangunan ekonomi dan sosial.

# Profil Malaysia pasca 2020



Jumlah penduduk negara dianggarkan mencecah 32.4 juta pada tahun 2020 dan 36 juta menjelang tahun 2030. Dari segi struktur umur, pada tahun 2030, kurang daripada 23% penduduk berumur 14 tahun dan ke bawah, 68% berumur antara 15 hingga 64 tahun dan lebih kurang 9% berumur 65 tahun dan ke atas.

Kadar urbanisasi akan mencecah 75% pada tahun 2020 dan dijangka meningkat kepada 80% menjelang tahun 2030. Konurbasi utama bandar iaitu Lembah Kelang, Georgetown, Johor Bahru, Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu akan terus menjadi pusat utama aktiviti ekonomi dan sosial serta pusat tumpuan bakat dan syarikat terkemuka antarabangsa. Kewujudan golongan menengah yang besar dalam kawasan konurbasi ini akan menyediakan pasaran lebih luas bagi produk dan perkhidmatan keluaran tempatan dan antarabangsa. Permintaan bagi infrastruktur bersepadu dan moden, perkhidmatan bandaran yang efisien dan kawasan hijau di bandar juga akan meningkat.

Setiap lapisan masyarakat akan menikmati kehidupan yang selesa dengan kemudahan penjagaan kesihatan berkualiti, persekitaran hijau, selamat, perumahan yang dilengkapi kemudahan asas moden serta kemudahan rekreasi dan riadah yang selesa. Jurang pendapatan masyarakat dalam kategori 20% tertinggi, 40% pertengahan dan 40% terendah akan dikurangkan, manakala agihan pendapatan akan lebih saksama dengan pekali Gini yang rendah.

## Jumlah penduduk

2020

**32.4**  
juta

2030

**36**  
juta

## Kadar urbanisasi

**75%**

**80%**

## Pekali Gini

**0.385**





Dari aspek ekonomi, saiz Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dijangka meningkat daripada RM1.4 trilion pada tahun 2020 kepada RM2.6 trilion pada tahun 2030. KDNK per kapita diunjurkan meningkat lebih sekali ganda, iaitu daripada RM54,890 pada tahun 2020 kepada RM117,260 pada tahun 2030. Ekonomi negara akan didominasi aktiviti berintensif pengetahuan dan nilai ditambah tinggi yang seterusnya mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi. Pada tahun 2030, lebih 40% daripada jumlah guna tenaga terdiri daripada pekerja mahir berbanding dengan 35% pada tahun 2020.

Pasca 2020, Malaysia akan kekal sebagai sebuah ekonomi terbuka dan lebih berintegrasi dengan ekonomi serantau dan global. Pertumbuhan ekonomi global akan dipacu oleh ekonomi baru muncul di Asia, dan pusat perdagangan dijangka beralih ke timur. Republik Rakyat China dan India berpotensi menjadi pasaran utama barangan dan perkhidmatan keluaran Malaysia, sejajar dengan kemakmuran dan pertambahan golongan menengah di negara tersebut. Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dijangka akan menjadi tonggak ketiga Asia dan batu loncatan bagi perniagaan Malaysia menembusi pasaran antarabangsa. Penambahbaikan sistem perhubungan dengan negara anggota ASEAN akan meningkatkan pelaburan, perdagangan, pelancongan serta pergerakan bakat merentasi sempadan. Di samping itu, pertumbuhan rancak ekonomi ASEAN terutamanya di Kemboja, Indonesia dan Vietnam serta negara-negara di utara dan selatan Afrika akan meningkatkan permintaan bagi infrastruktur seperti loji janakuasa, empangan, pelabuhan, lapangan terbang dan jalan raya serta membuka peluang baharu kepada perniagaan Malaysia untuk mengambil bahagian secara aktif dalam projek infrastruktur dan pembangunan bandar baharu.

### KDNK

RM1.4  
trilion

**RM2.6**  
trilion

### KDNK per kapita

RM54,890

**RM117,260**

### Eksport dunia<sup>1</sup>

AS\$25  
trilion

**AS\$44**  
trilion

<sup>1</sup> Unjuran perdagangan dunia daripada IHS Economics Quarterly (dikemaskini Mei 2015).  
Perdagangan dunia dijangka meningkat daripada AS\$50 trilion pada tahun 2020 kepada AS\$89 trilion pada tahun 2030.

# Aspirasi Malaysia pasca 2020

---

Kita berdiri,  
kita berfikir,  
dan bertindak  
sebagai rakyat  
Malaysia.

---

Pandangan rakyat daripada pelbagai kumpulan dan segmen masyarakat yang berbeza terutamanya golongan muda telah dikumpul melalui temu bual, perbincangan kumpulan fokus dan soal selidik dalam talian. Mereka telah diminta untuk berkongsi ekspektasi dan aspirasi bagi negara pasca 2020. Pandangan mereka telah dirumuskan dalam Paparan 10-1.

## Suara rakyat

Aspirasi pasca 2020 yang digariskan adalah mencerminkan harapan dan impian rakyat Malaysia yang dikelompokkan dalam tiga dimensi - **rakyat, ekonomi** dan **alam sekitar**. Ketiga-tiga dimensi ini juga menggambarkan enam teras RMKe-11 yang berpaksi kepada rakyat melalui pembangunan modal insan, inklusiviti dan kesejahteraan; ekonomi melalui merekayasa pertumbuhan; dan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau dan pembangunan mampan.

## Satu negara, satu bangsa dan satu impian

Kita terdiri daripada pelbagai latar belakang dan etnik yang bertutur dalam pelbagai bahasa. Namun, kita menzahirkan satu impian iaitu mahukan masa hadapan yang lebih baik untuk generasi akan datang. Impian ini adalah harapan yang disuarakan daripada lubuk hati rakyat.





# Rakyat

Masa hadapan Malaysia bergantung kepada perpaduan rakyat yang utuh dalam kepelbagaian dan berkongsi nilai serta aspirasi yang sama. Rakyat Malaysia perlu memiliki kepelbagaian kemahiran yang relevan. Ciri-ciri ini akan memastikan negara kita berjaya melonjak lebih jauh sebagai sebuah negara maju dari sudut ekonomi, sosial dan alam sekitar.

## SISTEM NILAI

### Identiti kebangsaan yang utuh

Wujudnya penghayatan yang tinggi dalam kalangan rakyat sebagai warga Malaysia yang sejati. Kita berkeyakinan dan cecal dalam menghadapi cabaran. Kita berdiri teguh, bersatu hati dan seia sekata sebagai rakyat Malaysia. Kita mengamalkan kesederhanaan, keseimbangan dan keadilan dalam bermasyarakat sejajar dengan konsep *wasatiyyah*.

### Warga emas sebagai sumber inspirasi

Warga emas terlibat secara aktif dalam membentuk generasi muda dan memastikan kesinambungan sejarah kekayaan khazanah negara terus terpelihara. Warga emas akan dihargai, dihormati dan dilindungi. Persekitaran yang kondusif bagi warga emas tersedia untuk mereka menjalani hidup berdikari, produktif dan mengecapi kehidupan yang sempurna.

### Penerapan nilai moral yang tinggi

Kepelbagaian agama dan nilai kerohanian akan terus dihormati dan diterima sebagai sebahagian teras masyarakat penyayang. Masyarakat diterap dengan nilai moral yang kukuh, etika tinggi yang berpaksikan sifat jujur, integriti dan ihsan.

### Budaya penyayang

Status Malaysia sebagai sebuah negara maju dicerminkan juga oleh cara masyarakatnya menyediakan peluang dan bersikap prihatin terhadap golongan miskin, mudah terjejas dan kurang upaya serta mereka yang memerlukan penjagaan khusus.

### Sistem sokongan bertunjangkan keluarga

Kekukuhan ikatan unit kekeluargaan yang meluas dalam masyarakat akan menjadi asas sokongan semula jadi dalam membentuk masyarakat prihatin, menerapkan nilai moral, mencegah gejala sosial dan menyumbang ke arah pembentukan negara yang lebih utuh.

#### Kotak 10-1

#### ***Wasatiyyah***

*Wasatiyyah* dalam konteks pembangunan negara, kesepaduan sosial dan perpaduan nasional memberi penekanan terhadap kesederhanaan, keseimbangan, keadilan dan kecemerlangan dalam semua sudut kehidupan individu dan masyarakat dengan matlamat untuk membangunkan masyarakat yang harmoni.

Sumber: Institut Wasatiyyah Malaysia, 2015

## BERDAYA HUNI

### Peningkatan kesejahteraan hidup

Rakyat menikmati tahap kesejahteraan hidup yang tinggi. Kita amat berpuas hati dengan kehidupan dan yakin dengan keupayaan diri untuk membentuk masa hadapan yang cemerlang. Tahap kesejahteraan yang tinggi ini dicapai hasil kombinasi beberapa faktor termasuk pendapatan tinggi, kepuasan bekerja, menghormati hak individu, persekitaran yang aman dan selamat, jaringan keluarga dan komuniti yang kukuh serta kesihatan fizikal dan mental.

### Penjagaan kesihatan sejagat dan hidup sihat

Rakyat memiliki akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti yang dilengkapi dengan peralatan diagnostik canggih dan terkini. Di samping itu, penjagaan kesihatan peribadi melalui pemantauan secara maya dan rekod digital akan menjadi kebiasaan. Rakyat menghasilkan makanan dan mengamalkan pemakanan sihat serta menitikberatkan kesihatan dengan memastikan keadaan fizikal, mental dan emosi sentiasa berada pada tahap terbaik.

### Menyayangi dan melindungi kanak-kanak

Kanak-kanak disediakan peluang terbaik untuk memulakan kehidupan dengan kemudahan penjagaan kesihatan, kemudahan asuhan dan penjagaan yang berkualiti serta lain-lain sistem sokongan sosial tanpa mengira asal usul mereka. Perlindungan kanak-kanak akan menjadi keutamaan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan mereka sentiasa terjamin.

### Bandar bertaraf dunia untuk semua

Bandar kita adalah moden, pesat membangun, berdaya huni tinggi dan kaya dengan kebudayaan dan masyarakatnya mempunyai semangat kekitaan yang utuh. Setiap individu mempunyai peluang untuk merealisasikan potensi diri dan hidup bermaruah. Semua orang mampu memiliki atau menyewa rumah serta mempunyai akses dan ketersambungan kepada infrastruktur digital yang menyeluruh, di rumah dan tempat kerja. Bandar di Malaysia akan menjadi antara bandar berdaya huni yang bertaraf dunia.

### Luar bandar menjadi pilihan kehidupan

Kehidupan di luar bandar menjadi pilihan gaya hidup yang menarik bagi rakyat Malaysia terutamanya kepada mereka yang menghargai persekitaran serta mahu bekerja dalam suasana aman dan damai. Kawasan luar bandar boleh dihubungi dengan baik, mempunyai ekonomi yang rancak dan memiliki kemudahan serta perkhidmatan yang setara dengan kawasan bandar. Masyarakat luar bandar hidup selesa, produktif dan menikmati peluang yang saksama seperti masyarakat di bandar.

### Pemeliharaan dan inovasi artistik

Rakyat mencipta, menghargai dan menggalakkan kecemerlangan artistik serta meraikan kepelbagaian warisan. Tapak warisan, seni dan budaya tempatan dipelihara sebaiknya, dihargai sepenuhnya dan terkenal di seluruh dunia.

# Rakyat

## BAKAT

### Bakat seimbang dan holistik

Rakyat mendapat akses kepada pendidikan berkualiti yang memberi tumpuan kepada pembangunan ilmu yang merangkumi pengetahuan dan kemahiran serta akhlak, iaitu etika dan moral. Sistem pendidikan menekankan keseimbangan akademik dan aktiviti ko-kurikulum seperti kesenian, kebudayaan, kesukanan dan kesukarelawanan yang mengasah keterampilan golongan muda Malaysia untuk menjadi personaliti unggul yang mempunyai disiplin, dedikasi dan semangat juang yang tinggi.

### Insan berpengetahuan dan berinovatif

Rakyat berpengetahuan tinggi, berinovatif dan menghargai kepelbagaian pandangan serta mampu berfikir secara kritis. Kita dahagakan ilmu. Kita adalah insan yang belajar sepanjang hayat. Kita cemerlang dalam ilmu kesenian, sains dan kemanusiaan. Kita menerajui penyelidikan dan inovasi terutamanya dalam bidang perubatan, pertanian dan alam sekitar. Kita menyumbang ke arah kemajuan negara dan kesejahteraan masyarakat sejagat.

---

### Personaliti yang memberi inspirasi

Rakyat berkeyakinan tinggi, mempunyai kecerdasan emosi dan rohani serta mampu berkomunikasi dengan berkesan dan memiliki daya kepimpinan yang boleh memberi inspirasi kepada masyarakat dalam dan luar negara untuk mencapai kecemerlangan. Kita memiliki pemimpin berpemikiran tinggi yang menyumbang kepada kesejahteraan sejagat. Kita mempunyai personaliti unggul yang dikenali pada peringkat antarabangsa berdasarkan kepakaran, pengalaman, kepimpinan, kesukanan dan kedermawanan mereka.

### Tokoh keusahawanan

Usahawan Malaysia berinovatif serta menjadi peneraju dan inovator dalam bidang masing-masing yang mampu menghasilkan nilai kepada pengguna. Anak-anak kita dilatih untuk berfikir, menyesuaikan diri, meneraju dan mencipta peluang pekerjaan baharu. Kita cekal, berdisiplin dan menjadikan kegagalan sebagai pendorong kepada kejayaan pada masa hadapan.

## TADBIR URUS

### Melindungi rakyat

Institusi eksekutif, perundangan dan kehakiman yang bebas dan dipercayai, dan memastikan hak rakyat dilindungi sepenuhnya. Institusi kita terkenal kerana mempunyai komitmen, integriti dan pengetahuan relevan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

### Pemimpin yang amanah

Rakyat menghargai ketelusan dan pemimpin yang bertanggungjawab. Pemimpin kita berani dan berpegang kepada konsep amanah dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

### Pengurusan sumber secara berhemat dan cangguh

Kita hidup mengikut kemampuan. Individu dan organisasi berbelanja secara berhemat. Sumber awam diurus dengan cermat dan mampan dalam keadaan telus manakala dasar dilaksanakan berdasarkan fakta, dianalisis secara objektif serta mengambil kira kesejahteraan rakyat.

### Kematangan politik

Rakyat menyokong amalan politik yang matang dan perdebatan intelektual secara terbuka. Rakyat mempunyai kebebasan untuk mengakses maklumat dan mengambil bahagian secara produktif dalam menegakkan proses demokrasi.

### Penyampaian perkhidmatan kerajaan yang berkesan

Rakyat mengkehendaki dan menuntut penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih cekap dan responsif pada semua peringkat. Kecemerlangan kepimpinan kerajaan tempatan diperlihatkan melalui libat urus bersama rakyat dalam proses membuat keputusan bagi mencapai outcome yang terbaik. Masyarakat sivil diperkasa sebagai penggerak sosial dan peranan serta kebolehan mereka diperluas untuk mengambil bahagian secara aktif dalam cipta sama dan penyampaian perkhidmatan awam.

### Suara di persada antarabangsa

Malaysia berdiri teguh sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Kita memainkan peranan penting dalam organisasi antarabangsa dan seterusnya memimpin rundingan mengenai isu-isu penting pada peringkat serantau dan global. Khidmat nasihat Malaysia sering diminta bagi isu berkaitan keamanan sejagat, keselamatan dan ekonomi. Malaysia akan terus menjadi penghubung antara barat dan timur, dunia Islam serta komuniti utama Asia dengan negara-negara lain di dunia.

# Ekonomi

---

Malaysia adalah sebuah negara maju, progresif dan inklusif dari segi ekonomi yang memberikan impak kepada ekonomi dunia. Pembangunan negara tidak hanya tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi dan kepenggunaan, malah mengutamakan kesejahteraan rakyat, kualiti hidup, kesaksamaan sosial, kemampanan, struktur ekonomi serta daya tahan dan kualiti tenaga kerja.

---

## Pertumbuhan ekonomi yang inklusif

Ekonomi negara adalah kukuh, stabil dan berkembang pesat serta mewujudkan peluang pekerjaan yang mencukupi kepada semua yang berada dalam pasaran buruh. Kemakmuran yang terhasil digunakan bagi mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan rakyat yang menjadi asas pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh pada masa hadapan.

## Ekonomi kalis cabaran

Malaysia memiliki modal tidak ketara yang besar seperti institusi yang berkualiti, modal insan berkemahiran tinggi dan modal hubungan. Ekonomi negara berdaya tahan dengan peningkatan kapasiti dan fleksibiliti untuk bertindak balas terhadap perubahan landskap ekonomi global.

## Ekonomi luar bandar yang produktif

Malaysia mempunyai ekonomi luar bandar yang berkembang pesat dengan peluang yang menarik, disokong oleh jaringan perhubungan terbaik serta kemudahan dan perkhidmatan sosial yang setara dengan kawasan bandar.

---

## Penglibatan penuh sektor swasta

Sektor swasta sebagai penggerak utama pembangunan negara, mengamalkan budaya korporat cemerlang, berintegriti tinggi serta memiliki semangat patriotisme ekonomi di samping memastikan aktiviti perniagaan menyokong usaha pengukuhan fabrik sosial masyarakat dan perlindungan alam sekitar. Sektor swasta juga mengamalkan tanggungjawab korporat yang tinggi dan adil, terutamanya dalam memastikan kebajikan pekerja terjamin.

## Juara global

Malaysia sinonim dengan beberapa jenama global dan menjadi peneraju pasaran untuk produk *frontier* dan perkhidmatan yang dikaitkan dengan integriti, kualiti dan nilai yang tinggi.

# Alam sekitar

---

Rakyat mampu menyesuaikan diri dan menghadapi cabaran alam sekitar dan perubahan iklim dunia. Rakyat sememangnya mencintai tanah air dan komited untuk memelihara dan memulihara alam sekitar demi kesejahteraan generasi akan datang. Rakyat akan mengambil peluang daripada struktur ekonomi baharu berasaskan alam sekitar dan membudayakan amalan hijau dalam kehidupan harian.

---

## Menjiwai alam sekitar

Rakyat tetap melindungi dan memelihara alam sekitar walaupun mengecapi pertumbuhan sosioekonomi yang pesat. Alam sekitar tidak dilihat sebagai galang ganti kepada ekonomi yang kukuh tetapi sebagai prasyarat untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan. Negara akan mengambil kira aset semula jadi seperti hutan, sumber mineral dan air yang bersih dalam pengiraan akaun nasional. Langkah ini akan membantu pengurusan aset semula jadi yang lebih baik dan membolehkan pengagihan akauntabiliti kepada agensi berkaitan.

## Bangga dan menghargai warisan semula jadi

Masyarakat setempat dikelilingi oleh landskap dan taman yang menjadi habitat biodiversiti. Ciri semula jadi seperti sungai, tasik dan paya bakau dilindungi sebaiknya dan digunakan terutamanya untuk tujuan rekreasi dan pendidikan. Rakyat komited untuk memelihara kepelbagaian flora dan fauna di Malaysia yang menjadi kebanggaan dan identiti negara.

## Masa hadapan yang rendah karbon

Negara memberi penekanan untuk menjadi ekonomi rendah karbon yang meminimumkan penghasilan sisa. Amalan mesra alam seperti 6R, iaitu guna semula, kurangkan, reka semula, kilang semula, pulih semula dan kitar semula diamalkan secara meluas. Rakyat mencipta peluang ekonomi berdasarkan inovasi terkini dalam pembangunan lestari.

## Revolusi bangunan hijau

Rumah dan tempat kerja mesra alam menjadi ciri umum di kawasan kediaman dan pejabat. Kedua-duanya bukan sahaja efisien dari segi penggunaan air dan tenaga malah berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

## Tenaga boleh baharu tersedia secara meluas

Rakyat mempunyai minat mendalam untuk melaksanakan amalan pengeluaran dan penggunaan mampan dalam kehidupan harian. Kediaman, pejabat dan pengangkutan menggunakan sumber tenaga boleh baharu pada harga berpatutan.

## Membangun semula dengan lebih baik

Malaysia bersedia menghadapi sebarang bencana alam dengan sokongan sistem respons kecemasan, sistem pemulihan dan pembinaan semula yang canggih dan maju. Selepas setiap bencana, kita akan bangkit kembali untuk membina semula komuniti yang lebih kuat dan selamat.

# Kesimpulan

Rakyat Malaysia sentiasa beraspirasi tinggi. Mencapai status negara maju merupakan detik paling penting bagi Malaysia dan kemuncak kepada perjalanan selama 30 tahun ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Cabaran seterusnya pasca 2020 adalah untuk menjadi sebuah negara yang benar-benar maju dalam aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Rakyat akan mempunyai identiti kebangsaan yang teguh dan nilai moral yang tinggi. Seluruh masyarakat akan menikmati peningkatan tahap kesejahteraan hidup. Malaysia akan melahirkan tokoh dan personaliti unggul yang menjadi inspirasi rakyat. Mereka adalah hasil daripada acuan sistem pendidikan yang holistik dan didorong oleh sikap sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan. Malaysia akan ditadbir oleh institusi eksekutif, perundangan dan kehakiman yang berkecuali dan boleh dipercayai. Institusi ini akan melindungi semua rakyat secara saksama. Malaysia akan mempunyai sebuah kerajaan yang dapat menyampaikan perkhidmatan berkesan dan dipimpin oleh pemimpin yang berintegriti, berpendirian teguh dan amanah. Malaysia akan cemerlang di arena antarabangsa sebagai sebuah negara merdeka yang teguh dan juga melalui personaliti yang menonjol dalam pelbagai bidang. Ekonomi negara adalah progresif,

inklusif, mampan dan kalis cabaran. Malaysia juga akan mempunyai bandar bertaraf dunia yang produktif di samping kawasan luar bandar yang berkembang maju. Rakyat akan menjiwai dan menghargai alam sekitar dan tidak lagi menjadikan alam sekitar sebagai galang ganti kepada pencapaian ekonomi yang kukuh. Ini menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang benar-benar indah dan kondusif untuk didiami. Bagi mencapai aspirasi ini, cabaran yang menanti adalah yang terbesar dalam hidup kita dan tidak boleh diambil mudah. Akan wujud cabaran baharu yang perlu diharungi, peluang baharu untuk ditakluki dan ufuk baharu untuk dijelajahi. Kita akan bersama-sama mengharungi perjalanan menuju ke tahun 2020 dan tahun-tahun seterusnya. Masa hadapan negara adalah dalam genggaman kita.





# Lampiran

Keluaran dalam negeri kasar mengikut kategori perbelanjaan, 2010-2020

Keluaran dalam negeri kasar mengikut aktiviti ekonomi, 2010-2020

Kedudukan kewangan kerajaan persekutuan, 2010-2020

Barangan dagangan, 2010-2020

Imbangan pembayaran, 2010-2020

Keluaran dalam negeri kasar mengikut negeri dan aktiviti ekonomi, 2010-2020

Penduduk mengikut umur, etnik dan strata, 2010-2020

Guna tenaga mengikut sektor, 2010 - 2020

Guna tenaga mengikut kumpulan pekerjaan utama, 2010 - 2020

Guna tenaga mengikut kategori kemahiran, 2010 - 2020

Pencapaian utama pengurusan alam sekitar dan sumber asli, 2011-2015

**Glosari**

**Bab dan kertas strategi**

**Keterangan bagi ikon pada muka hadapan**

**Indeks**

## Lampiran A2-1

## Keluaran dalam negeri kasar mengikut kategori perbelanjaan, 2010-2020 (pada harga 2010)

Perkara	RM juta, pada harga 2010							Kadar pertumbuhan purata tahunan, %	
	Sebenar					Anggaran	Sasaran	Anggaran RMKe-10	Sasaran RMKe-11
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2020	2011-2015	2016-2020
<b>Perbelanjaan Swasta</b>	<b>496,536</b>	<b>533,239</b>	<b>592,169</b>	<b>642,548</b>	<b>693,490</b>	<b>740,071</b>	<b>1,048,457</b>	<b>8.3</b>	<b>7.2</b>
▪ Penggunaan	395,245	422,376	457,625	490,798	524,979	556,478	760,365	7.1	6.4
▪ Pelaburan	101,291	110,863	134,544	151,750	168,511	183,593	288,092	12.6	9.4
<b>Perbelanjaan Awam</b>	<b>186,347</b>	<b>203,116</b>	<b>223,049</b>	<b>232,241</b>	<b>233,276</b>	<b>235,692</b>	<b>277,094</b>	<b>4.8</b>	<b>3.3</b>
▪ Penggunaan	103,346	117,983	124,390	131,719	137,511	134,840	161,771	5.5	3.7
▪ Pelaburan	83,001	85,133	98,659	100,522	95,765	100,852	115,323	4.0	2.7
<b>Eksport Barangan dan Perkhidmatan</b>	<b>714,075</b>	<b>743,919</b>	<b>730,961</b>	<b>732,856</b>	<b>770,503</b>	<b>790,450</b>	<b>874,981</b>	<b>2.1</b>	<b>2.1</b>
<b>Import Barangan dan Perkhidmatan</b>	<b>583,337</b>	<b>620,147</b>	<b>638,206</b>	<b>649,208</b>	<b>676,165</b>	<b>701,316</b>	<b>784,235</b>	<b>3.8</b>	<b>2.3</b>
<b>Keluaran Dalam Negeri Kasar</b>	<b>821,434</b>	<b>864,920</b>	<b>912,261</b>	<b>955,260</b>	<b>1,012,506</b>	<b>1,062,715</b>	<b>1,411,305</b>	<b>5.3</b>	<b>5-6</b>

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010  
Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

## Lampiran A2-2

Keluaran dalam negeri kasar mengikut kategori perbelanjaan, 2010-2020  
(pada harga semasa)

Perkara	RM juta, pada harga semasa							Kadar pertumbuhan purata tahunan, %	
	Sebenar					Anggaran	Sasaran	Anggaran RMKe-10	Sasaran RMKe-11
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2020	2011-2015	2016-2020
<b>Perbelanjaan Swasta</b>	<b>496,536</b>	<b>552,099</b>	<b>624,545</b>	<b>690,564</b>	<b>763,810</b>	<b>833,266</b>	<b>1,353,737</b>	<b>10.9</b>	<b>10.2</b>
▪ Penggunaan	395,245	437,340	482,238	527,749	579,908	628,997	989,079	9.7	9.5
▪ Pelaburan	101,291	114,759	142,307	162,815	183,902	204,269	364,658	15.1	12.3
<b>Perbelanjaan Awam</b>	<b>186,347</b>	<b>208,485</b>	<b>238,479</b>	<b>246,821</b>	<b>251,241</b>	<b>259,041</b>	<b>340,304</b>	<b>6.8</b>	<b>5.6</b>
▪ Penggunaan	103,346	120,993	134,442	139,822	147,646	146,081	194,607	7.2	5.9
▪ Pelaburan	83,001	87,492	104,037	106,999	103,595	112,960	145,697	6.4	5.2
<b>Eksport Barangan dan Perkhidmatan</b>	<b>714,075</b>	<b>777,302</b>	<b>770,202</b>	<b>770,368</b>	<b>817,176</b>	<b>825,757</b>	<b>1,018,372</b>	<b>2.9</b>	<b>4.3</b>
<b>Import Barangan dan Perkhidmatan</b>	<b>583,337</b>	<b>635,316</b>	<b>665,714</b>	<b>683,408</b>	<b>714,950</b>	<b>747,050</b>	<b>926,935</b>	<b>5.1</b>	<b>4.4</b>
<b>Keluaran Dalam Negeri Kasar</b>	<b>821,434</b>	<b>911,733</b>	<b>971,252</b>	<b>1,018,821</b>	<b>1,106,580</b>	<b>1,169,041</b>	<b>1,780,737</b>	<b>7.3</b>	<b>8.8</b>
<b>Pendapatan Negara Kasar</b>	<b>795,303</b>	<b>890,133</b>	<b>935,411</b>	<b>984,846</b>	<b>1,069,258</b>	<b>1,131,201</b>	<b>1,754,975</b>	<b>7.3</b>	<b>9.2</b>

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010  
Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penganapan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

## Lampiran A2-3

## Keluaran dalam negeri kasar mengikut aktiviti ekonomi, 2010-2020

Sektor	RM juta, pada harga 2010							Kadar pertumbuhan purata tahunan, %	
	Sebenar					Anggaran	Sasaran	Anggaran RMKe-10	Sasaran RMKe-11
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2020	2011-2015	2016-2020
<b>Pertanian</b>	82,882	88,555	89,406	91,097	92,979	93,184	110,707	2.4	3.5
<b>Perlombongan dan Kuari</b>	89,793	85,373	86,751	87,789	90,645	93,673	100,024	0.9	1.3
<b>Pembuatan</b>	192,493	202,960	211,921	219,216	232,868	243,895	312,479	4.8	5.1
<b>Pembinaan</b>	28,213	29,524	34,880	38,646	43,190	47,704	78,022	11.1	10.3
<b>Perkhidmatan</b>	420,382	449,854	479,300	507,935	541,185	571,835	796,722	6.3	6.9
▪ Elektrik, Gas dan Air	22,173	23,048	24,169	25,226	26,178	27,094	32,830	4.1	3.9
▪ Perdagangan Borong dan Runcit, Penginapan dan Restoran	134,635	143,620	150,407	159,735	173,320	185,410	246,499	6.6	5.9
▪ Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	68,511	73,052	78,274	83,957	90,602	97,363	148,539	7.3	8.8
▪ Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	93,939	100,031	107,716	112,105	116,968	121,328	168,270	5.3	6.8
▪ Perkhidmatan Kerajaan	64,359	71,503	78,397	84,318	89,498	94,152	127,684	7.9	6.3
▪ Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	36,766	38,600	40,337	42,595	44,619	46,487	72,900	4.8	9.4
<b>Campur: Duti Import</b>	7,672	8,654	10,004	10,577	11,639	12,425	13,351	10.1	1.4
<b>Keluaran Dalam Negeri Kasar</b>	<b>821,434</b>	<b>864,920</b>	<b>912,261</b>	<b>955,260</b>	<b>1,012,506</b>	<b>1,062,715</b>	<b>1,411,305</b>	<b>5.3</b>	<b>5-6</b>

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010  
Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

## Lampiran A2-4

## Kedudukan kewangan kerajaan persekutuan, 2010-2020

Perkara	RM bilion							Kadar pertumbuhan purata tahunan, %	
	Sebenar					Anggaran	Sasaran	Anggaran RMKe-10	Sasaran RMKe-11
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2020	2011-2015	2016-2020
<b>Hasil</b>	<b>159.7</b>	<b>185.4</b>	<b>207.9</b>	<b>213.4</b>	<b>220.6</b>	<b>222.9</b>	<b>326.4</b>	<b>6.9</b>	<b>7.9</b>
▪ Cukai Langsung	79.0	102.2	116.9	120.5	126.7	123.2	205.2	9.3	10.7
▪ Cukai Tak Langsung	30.5	32.6	34.7	35.4	37.5	48.1	65.6	9.6	6.4
▪ Hasil Bukan Cukai	48.9	49.4	54.9	54.5	53.9	49.0	49.9	0.1	0.4
▪ Terimaan Bukan Cukai	1.3	1.1	1.4	3.0	2.5	2.5	5.7	14.2	18.4
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>	<b>151.6</b>	<b>182.6</b>	<b>205.5</b>	<b>211.3</b>	<b>219.6</b>	<b>212.4</b>	<b>289.8</b>	<b>7.0</b>	<b>6.4</b>
▪ Emolumen	46.7	50.1	60.0	61.0	66.9	68.0	94.1	7.8	6.7
▪ Bekalan dan Perkhidmatan	23.8	28.9	32.0	33.9	34.3	36.1	52.5	8.7	7.8
▪ Pencen dan Ganjaran	11.5	13.6	14.1	14.8	18.2	17.7	25.6	8.9	7.7
▪ Bayaran Khidmat Hutang	15.6	17.7	19.5	20.8	22.6	24.4	31.9	9.3	5.5
▪ Pemberian dan Serahan <sup>1</sup>	17.1	19.3	21.7	20.8	22.9	22.2	30.3	5.3	6.4
▪ Subsidi	23.1	36.3	44.1	43.3	39.7	26.8	29.0	3.0	1.6
▪ Perbelanjaan Lain <sup>2</sup>	13.8	16.7	14.2	16.6	15.0	17.4	26.4	4.8	8.7
<b>Imbangan Akaun Semasa</b>	<b>8.0</b>	<b>2.8</b>	<b>2.4</b>	<b>2.1</b>	<b>1.0</b>	<b>10.4</b>	<b>36.7</b>	<b>5.4</b>	<b>28.5</b>
▪ % kepada KDNK	1.0	0.3	0.2	0.2	0.1	0.9	2.1	...	...
<b>Perbelanjaan Pembangunan Kasar</b>	<b>52.8</b>	<b>46.4</b>	<b>46.9</b>	<b>42.2</b>	<b>39.5</b>	<b>48.5</b>	<b>47.6</b>	<b>-1.7</b>	<b>-0.4</b>
<b>Imbangan Keseluruhan</b>	<b>-43.3</b>	<b>-42.5</b>	<b>-42.0</b>	<b>-38.6</b>	<b>-37.4</b>	<b>-37.0</b>	<b>-9.9</b>	<b>-3.1</b>	<b>-23.2</b>
▪ % kepada KDNK	-5.3	-4.7	-4.3	-3.8	-3.4	-3.2	-0.6	...	...
<b>Jumlah Hutang</b>	<b>407.1</b>	<b>456.1</b>	<b>501.6</b>	<b>539.9</b>	<b>582.8</b>	<b>622.7</b>	<b>774.0</b>	...	...
▪ % kepada KDNK	49.6	50.0	51.6	53.0	52.7	53.3	43.5	...	...
▪ Dalam Negeri	390.4	438.0	484.8	523.1	566.1	606.1	757.6	...	...
▪ Luar Negeri	16.7	18.1	16.8	16.8	16.8	16.6	16.4	...	...

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010

Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

<sup>1</sup> Termasuk pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri dan pemberian kepada badan berkanun

<sup>2</sup> Termasuk biasiswa dan bantuan pendidikan, geran operasi kepada sekolah rendah dan menengah, pembelian harta, bayaran balik dan hapus kira, dan perbelanjaan lain yang tidak disenaraikan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan

## Lampiran A2-5

## Barangan dagangan, 2010-2020

Perkara	RM juta							Kadar pertumbuhan purata tahunan, %	
	Sebenar					Anggaran	Sasaran	Anggaran RMKe-10	Sasaran RMKe-11
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2020	2011-2015	2016-2020
<b>Eksport Kasar</b>									
▪ Pertanian	71,351	94,594	80,413	68,799	69,200	61,751	69,140	-2.8	2.3
▪ Perlombongan	73,830	91,382	94,414	97,937	104,595	72,882	85,390	-0.3	3.2
▪ Pembuatan	489,611	507,417	521,740	548,146	587,252	636,742	812,779	5.4	5.0
▪ Lain-lain	4,030	4,470	6,074	5,110	5,081	6,582	7,295	10.3	2.1
<b>Jumlah</b>	<b>638,822</b>	<b>697,862</b>	<b>702,641</b>	<b>719,992</b>	<b>766,129</b>	<b>777,957</b>	<b>974,603</b>	<b>4.0</b>	<b>4.6</b>
<b>Import Kasar</b>									
▪ Barangan Modal	73,769	80,171	96,098	98,202	96,177	107,561	146,438	7.8	6.4
▪ Barangan Pengantara	365,681	385,739	363,714	379,455	408,383	426,620	502,448	3.1	3.3
▪ Barangan Penggunaan	34,477	41,024	43,746	47,584	50,316	52,150	78,360	8.6	8.5
▪ Lain-lain <sup>1</sup>	19,242	21,140	37,398	31,453	29,025	30,059	36,862	9.3	4.2
<b>Import Tertangguh</b>	<b>493,170</b>	<b>528,074</b>	<b>540,956</b>	<b>556,693</b>	<b>583,901</b>	<b>616,390</b>	<b>764,107</b>	<b>4.6</b>	<b>4.4</b>
▪ Import untuk Eksport Semula	35,658	45,551	65,721	92,002	99,115	107,923	153,188	24.8	7.3
<b>Jumlah</b>	<b>528,828</b>	<b>573,625</b>	<b>606,677</b>	<b>648,695</b>	<b>683,016</b>	<b>724,313</b>	<b>917,296</b>	<b>6.5</b>	<b>4.8</b>

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010

Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

<sup>1</sup> Barangan dua guna, barangan tidak disebut di tempat lain dan transaksi di bawah RM5,000

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

## Lampiran A2-6

## Imbangan pembayaran, 2010-2020

Perkara	RM juta						
	Sebenar					Anggaran	Sasaran
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2020
<b>Barangan dan Perkhidmatan (bersih)</b>	<b>130,738</b>	<b>141,985</b>	<b>104,488</b>	<b>86,959</b>	<b>102,226</b>	<b>78,707</b>	<b>91,437</b>
<b>Barangan (bersih)</b>	<b>124,182</b>	<b>140,529</b>	<b>113,030</b>	<b>96,552</b>	<b>113,414</b>	<b>86,692</b>	<b>95,871</b>
▪ Ekspor	602,609	658,421	644,864	637,683	679,913	679,369	822,482
▪ Import	478,427	517,893	531,835	541,131	566,500	592,677	726,611
<b>Perkhidmatan (bersih)</b>	<b>6,556</b>	<b>1,457</b>	<b>-8,542</b>	<b>-9,592</b>	<b>-11,188</b>	<b>-7,985</b>	<b>-4,433</b>
▪ Pengangkutan	-17,168	-19,445	-22,040	-23,909	-26,108	-26,008	-36,957
▪ Perjalanan	31,617	28,959	24,821	29,167	33,472	36,295	54,406
▪ Perkhidmatan Lain	-7,392	-7,534	-10,908	-14,632	-18,216	-18,137	-21,653
▪ Urus Niaga Kerajaan t.d.t.l. <sup>1</sup>	-502	-524	-415	-218	-337	-136	-230
<b>Pendapatan Primer (bersih)</b>	<b>-26,131</b>	<b>-21,600</b>	<b>-35,841</b>	<b>-33,975</b>	<b>-37,322</b>	<b>-37,839</b>	<b>-25,762</b>
▪ Pampasan Pekerja	-2,082	-2,331	-3,082	-4,007	-5,000	-4,485	-4,266
▪ Pendapatan Pelaburan	-24,049	-19,269	-32,760	-29,969	-32,322	-33,354	-21,496
<b>Pendapatan Sekunder (bersih)</b>	<b>-21,790</b>	<b>-21,061</b>	<b>-18,469</b>	<b>-17,498</b>	<b>-17,586</b>	<b>-18,457</b>	<b>-19,173</b>
<b>Imbangan Akaun Semasa</b>	<b>82,816</b>	<b>99,324</b>	<b>50,177</b>	<b>35,485</b>	<b>47,317</b>	<b>22,410</b>	<b>46,502</b>
▪ % kepada PNK	10.4	11.2	5.4	3.6	4.4	2.0	2.6
<b>Akaun Modal (bersih)</b>	<b>-111</b>	<b>-133</b>	<b>241</b>	<b>-15</b>	<b>272</b>	...	...
▪ Pindahan Modal	-16	-14	-93	-22	-9	...	...
▪ Aset Bukan Kewangan Bukan Pengeluaran	-95	-119	334	7	281	...	...
<b>Akaun Kewangan (bersih)</b>	<b>-19,945</b>	<b>23,265</b>	<b>-23,014</b>	<b>-20,216</b>	<b>-81,597</b>	...	...
▪ Pelaburan Langsung	-13,976	-9,337	-24,415	-6,276	-18,480	...	...
— Di Luar Negeri	-43,160	-46,662	-52,952	-44,450	-53,824	...	...
— Di Malaysia	29,183	37,325	28,537	38,175	35,344	...	...
▪ Pelaburan Portfolio	48,467	26,139	63,859	-3,012	-38,536	...	...
▪ Derivatif Kewangan	-698	-76	972	-253	-975	...	...

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010; data menggambarkan aplikasi barangan untuk diproses berdasarkan kepada Manual Imbangan Pembayaran 6 (BPM6)

Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

<sup>1</sup> t.d.t.l. - tidak dicatat di tempat lain

[bersambung]

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia



## Lampiran A2-6

## Imbangan pembayaran, 2010-2020

Perkara	RM juta						Anggaran 2015	Sasaran 2020
	Sebenar					2014		
	2010	2011	2012	2013	2014			
▪ Pelaburan Lain	-53,738	6,539	-63,431	-10,675	-23,606	...	...	
– Sektor Awam	119	-1,337	-1,674	-3,965	-2,030	...	...	
– Sektor Swasta	-53,856	7,876	-61,756	-6,710	-21,576	...	...	
▪ Imbangan Akaun Modal dan Kewangan	-20,056	23,132	-22,773	-20,231	-81,325	...	...	
▪ Kesilapan dan Ketinggalan	-65,387	-27,774	-23,531	-605	-2,500	...	...	
<b>Imbangan Keseluruhan</b>	<b>-2,628</b>	<b>94,682</b>	<b>3,873</b>	<b>14,649</b>	<b>-36,507</b>	...	...	
Rizab Antarabangsa BNM, Bersih	328,649	423,331	427,204	441,853	405,515	...	...	
▪ Bilangan Bulan Import Tertangguh	8.6	9.6	9.5	9.5	8.3	...	...	

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010; data menggambarkan aplikasi barangan untuk diproses berdasarkan kepada Manual Imbangan Pembayaran 6 (BPM6)

Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

<sup>1</sup> t.d.t.l. - tidak dicatat di tempat lain

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

## Lampiran A2-7

## Keluaran dalam negeri kasar mengikut negeri dan aktiviti ekonomi, 2010-2020

Negeri/Sektor	RM juta, pada harga 2010							Kadar pertumbuhan purata tahunan, %	
	Sebenar					Anggaran	Sasaran	Anggaran RMKe-10	Sasaran RMKe-11
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2020	2011-15	2016-20
<b>JOHOR</b>									
▪ Pertanian	12,716	13,559	14,016	14,371	14,645	14,581	16,696	2.8	2.7
▪ Perlombongan dan Kuari	93	96	115	133	133	134	124	7.6	-1.6
▪ Pembuatan	23,538	24,780	26,110	27,425	29,157	30,584	40,314	5.4	5.7
▪ Pembinaan	2,689	2,667	3,138	3,388	3,785	4,187	6,648	9.3	9.7
▪ Perkhidmatan	34,357	37,158	39,800	41,430	44,066	46,462	64,102	6.2	6.6
▪ <b>KDNK</b>	<b>74,088</b>	<b>78,980</b>	<b>83,980</b>	<b>88,021</b>	<b>93,189</b>	<b>97,445</b>	<b>129,490</b>	<b>5.6</b>	<b>5.9</b>
▪ KDNK per kapita (RM pada harga semasa)	22,031	24,306	25,316	26,070	28,105	29,268	42,355		
<b>KEDAH</b>									
▪ Pertanian	4,466	4,892	4,912	4,995	5,080	5,047	6,162	2.5	4.1
▪ Perlombongan dan Kuari	26	27	33	38	38	38	35	7.9	-1.9
▪ Pembuatan	7,300	8,090	8,587	8,842	9,324	9,700	11,856	5.9	4.1
▪ Pembinaan	711	716	797	711	752	786	947	2.0	3.8
▪ Perkhidmatan	14,141	15,156	16,123	17,199	18,377	19,465	27,452	6.6	7.1
▪ <b>KDNK</b>	<b>26,774</b>	<b>29,010</b>	<b>30,614</b>	<b>31,956</b>	<b>33,759</b>	<b>35,239</b>	<b>46,675</b>	<b>5.6</b>	<b>5.8</b>
▪ KDNK per kapita (RM pada harga semasa)	13,735	15,339	15,678	16,197	17,395	18,053	25,708		
<b>KELANTAN</b>									
▪ Pertanian	4,556	4,899	4,895	4,915	4,960	4,889	5,834	1.4	3.6
▪ Perlombongan dan Kuari	22	24	29	33	33	33	31	8.7	-1.5
▪ Pembuatan	806	853	871	866	908	938	1,112	3.1	3.5
▪ Pembinaan	273	270	300	241	255	266	320	-0.5	3.7
▪ Perkhidmatan	9,614	10,288	11,086	11,706	12,313	13,038	16,940	6.3	5.4
▪ <b>KDNK</b>	<b>15,292</b>	<b>16,357</b>	<b>17,205</b>	<b>17,788</b>	<b>18,499</b>	<b>19,198</b>	<b>24,273</b>	<b>4.7</b>	<b>4.8</b>
▪ KDNK per kapita (RM pada harga semasa)	9,619	10,703	10,909	11,006	11,658	11,993	16,055		

[bersambung]

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010  
Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

## Lampiran A2-7

## Keluaran dalam negeri kasar mengikut negeri dan aktiviti ekonomi, 2010-2020

Negeri/Sektor	RM juta, pada harga 2010							Kadar pertumbuhan purata tahunan, %	
	Sebenar					Anggaran	Sasaran	Anggaran RMKe-10	Sasaran RMKe-11
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2020	2011-15	2016-20
<b>MELAKA</b>									
▪ Pertanian	2,627	2,787	2,897	3,115	3,204	3,219	3,857	4.2	3.7
▪ Perlombongan dan Kuari	11	12	14	16	16	16	15	7.5	-0.7
▪ Pembuatan	9,936	10,267	10,886	10,765	11,309	11,719	14,050	3.4	3.7
▪ Pembinaan	749	760	1,186	906	959	1,005	1,217	6.0	3.9
▪ Perkhidmatan	10,472	11,149	11,805	12,517	13,405	14,232	20,307	6.3	7.4
▪ <b>KDNK</b>	<b>23,803</b>	<b>24,983</b>	<b>26,803</b>	<b>27,339</b>	<b>28,914</b>	<b>30,215</b>	<b>39,472</b>	<b>4.9</b>	<b>5.5</b>
▪ KDNK per kapita (RM pada harga semasa)	28,900	32,000	34,632	34,752	37,200	38,666	54,420		
<b>NEGERI SEMBILAN</b>									
▪ Pertanian	3,518	3,705	3,802	3,757	3,944	4,047	4,902	2.8	3.9
▪ Perlombongan dan Kuari	28	29	34	39	39	39	37	7.0	-1.2
▪ Pembuatan	13,896	14,752	15,393	15,492	16,338	17,000	21,540	4.1	4.8
▪ Pembinaan	767	804	907	930	984	1,030	1,242	6.1	3.8
▪ Perkhidmatan	11,949	12,581	13,401	13,935	14,601	15,163	20,302	4.9	6.0
▪ <b>KDNK</b>	<b>30,387</b>	<b>32,044</b>	<b>33,730</b>	<b>34,745</b>	<b>36,556</b>	<b>37,973</b>	<b>48,770</b>	<b>4.6</b>	<b>5.1</b>
